



# PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT YANG PERTAMA  
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KEDUA BELAS**

Pada

PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011

*bersamaan*

5, 6, 7 DAN 8 JAMADILAKHIR 1432

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT YANG PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011

*bersamaan*

5, 6, 7 DAN 8 JAMADILAKHIR 1432

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG PERTAMA  
PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

**KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-------------	----------------	-------------------

<b>ISNIN, 9 MEI 2011</b>
--------------------------

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | Nama Ahli-ahli.  | 1 |
| 2. | Doa.   | 5 |
| 3. | Ucapan Yang Teramat Mulia<br>Tengku Sri Bendahara Raja<br>Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja | 5 |

<b>SELASA, 10 MEI 2011</b>
----------------------------

- |    |   |    |
|----|---|----|
| 1. | Nama Ahli-ahli.                               | 21 |
| 2. | Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua<br>Dewan. | 25 |

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	27
	(ii) Soalan-soalan Lisan	28
5.	Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) <i>Usul Ucapan Penghargaan Dan Terima Kasih.</i>	58

*[ Perbahasan Usul ]*

<b>RABU, 11 MEI 2011</b>
--------------------------

1.	Nama Ahli-ahli	126
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-Soalan Lisan	131
3.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	<i>(Sambungan Perbahasan dan Penggulangan Usul Ucapan Terima Kasih)</i>	152

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-------------	----------------	-------------------

<b>KHAMIS, 12 MEI 2011</b>
----------------------------

1.	Nama Ahli-ahli.	226
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan.	230
4.	RANG UNDANG-UNDANG:	
	i) Enakmen Perbadanan Perpustakaan (Pindaan) 2011.	255
5.	TANGGUHAN	264
6.	LAMPIRAN [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	265

---

PERSIDANGAN  
PADA HARI ISNIN, 9 MEI 2011

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT.,PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.  
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG



Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

**TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT.,AMZ.,PJC.,PJK.

## **DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI MEMBERSILAKAN YANG TERAMAT MULIA TENGGU  
SRI BENDAHARA RAJA, AHLI MAJLIS PERWAKILAN PEMANGKU RAJA  
KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

## **UCAPAN YANG TERAMAT MULIA TENGGU SRI BENDAHARA RAJA AHLI MAJLIS PERWAKILAN PEMANGKU RAJA**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Wabihi Nastain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri. Yang Amat Berhormat, Menteri Besar dan Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita hadir ke Majlis Perasmian Penggal Persidangan Yang Keempat bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari ini. Kita juga bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana keharmonian antara rakyat dan kestabilan politik telah membolehkan Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada usaha membangunkan negeri. Hasilnya nanti akan dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat di negeri ini dan akan merangsangkan lagi aktiviti ekonomi dan sosial yang menjurus kepada peningkatan pendapatan negeri.

Sebagai sebuah negeri yang meletakkan sasaran Negeri Maju menjelang 2020, Negeri Terengganu sedang merangka langkah-langkah ke arah melonjakkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri (KDNK) pada tahun 2011 diunjurkan pada RM16.2 billion dan KDNK Per Kapita RM15,091. Pendapatan Purata Isi Rumah pula diunjurkan pada RM3,270. Namun begitu, Kadar Pertumbuhan Penduduk 2000-2010 bagi Negeri Terengganu telah menurun kepada 1.43% berbanding 1.54% bagi tempoh 1991-2000. Penurunan kadar pertumbuhan penduduk adalah sejajar dengan kadar pertumbuhan penduduk di negara maju lain disebabkan beberapa faktor termasuk tumpuan kepada kerjaya.

Perancangan agenda pembangunan lima tahun masa depan Negeri Terengganu adalah berdasarkan Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT). Dalam tempoh tersebut, Kerajaan Negeri telah memfokuskan kepada empat (4) teras

utama yang akan bertindak sebagai pemacu perkembangan ekonomi negeri selepas kebergantungan kepada industri minyak dan gas dikurangkan. Teras pertama ialah pendidikan dan pembangunan sumber manusia yang merupakan fokus gagasan Kerajaan Negeri menjadikan negeri ini sebagai 'Negeri Anjung Ilmu' menjadi realiti. Dari segi pembangunan sumber manusia pula, pelbagai program yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta berdaya saing sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Teras kedua pula menjurus kepada sektor pelancongan yang bertindak sebagai nafas baru dalam menjana ekonomi negeri. Kita harus bersyukur dengan keindahan, keunikan dan kecantikan alam semulajadi yang ada di negeri ini. Pertanian juga turut menyumbang ke arah peningkatan pendapatan rakyat negeri ini dengan kaedah perlaksanaannya ditukar daripada sara diri kepada komersial untuk eksport dan import. Perdagangan dan perindustrian serta ICT adalah teras yang terakhir dalam menggerakkan HPNT. Pembukaan kawasan perindustrian baru dan menarik lebih ramai pelabur sama ada luar dan dalam negara akan terus dirancarkan lagi melalui promosi dan juga insentif-insentif yang bersesuaian dengannya. Bidang ICT juga turut tidak ketinggalan dalam memberi sumbang bakti bagi menggalakkan perkembangan sains dan teknologi, seiring dengan arus perdana tanpa mengira peringkat umur dan tempat. Peningkatan aktiviti sektor-sektor utama negeri seperti minyak dan gas, pertanian, pelancongan dan IKS telah menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri secara komprehensif. Keadaan ini sekaligus telah mempercepatkan pembangunan industri keseluruhannya di Terengganu. Pada tahun 2010, sektor perkilangan/pembuatan telah menyumbang sebanyak RM4.5 billion atau 29.6% daripada KDNK negeri.

Sebagai sebuah negeri dalam rangkaian Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Negeri Terengganu mengorak langkah untuk menjadi sebuah negeri yang berdaya saing di rantau ini. Kita dimaklumkan perancangan dan program pembangunan di bawah ECER diberi tumpuan kepada Gerbang Pelancongan, Hub Industri Minyak, Gas dan Petrokimia, Pusat Kecemerlangan Akademik serta Industri Asas Tani. Sebanyak 29 projek Negeri Terengganu dan projek/program merentasi sempadan ECER yang diluluskan dalam RMK-9 telah mula dilaksanakan. bagi tempoh berakhir 15 Februari 2011, sebanyak 8 projek sedang dalam pelaksanaan fizikal iaitu Taman Industri Polimer Kertih, Pembangunan Ladang Pengganda dan Ladang Komersial Kambing, Pusat Pembiakan & Inovasi Kambing Kuala Berang, Agropolitan Besut Terengganu, Pembinaan Jambatan Bukit Kuang Kemaman, Pusat Pembangunan Modal Insan yang terdiri daripada Program Latihan Kemahiran, Penempatan Graduan (GPO) dan Program Penempatan Pekerjaan (EPP), Suri @ Home dan Pusat Kecemerlangan. Selain itu, daripada 9 buah projek yang diluluskan di bawah RMK-10, sebanyak 8 buah projek akan dimulakan

sebelum pertengahan tahun 2011 iaitu Taman Herba dan Bioteknologi Pasir Raja, Dungun, Taman Industri Pembinaan & Pembaikan Bot, Kemaman (Fasa II), Taman Industri Berat Kemaman (Fasa II), Pembangunan Pelabuhan Kemaman (Fasa II), Agropolitan Besut-Setiu (Fasa II), Pembangunan Kuala Terengganu City Centre (Fasa II), Zon Ekonomi Khas ECER – Lingkaran Tengah (Central Link) dan Program Latihan Modal Insan. Malah kajian mengadakan perkhidmatan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Kelantan melalui Negeri Terengganu juga sedang dilaksanakan oleh pihak ECERDC.

Terengganu Negeri Anjung Ilmu adalah cetusan idea ke arah membentuk modal insan yang cemerlang melalui pembangunan fizikal dan rohani yang mantap. Sasaran Kerajaan Negeri adalah menjadikan Terengganu sebagai hub pendidikan Malaysia yang terunggul, mengatasi dan mendahului dalam semua aspek baik kecemerlangan, inovasi dan kreativiti mahupun dalam pembangunan modal insan. Pada tahun 2010, seramai 6,246 orang pelajar tadika dari Yayasan Islam Terengganu, KEMAS, PERPADUAN, pelajar pra sekolah dan seramai 16,696 orang pelajar Kafa seluruh Terengganu berjaya khatam Al-Quran dalam Program Pintar Al-Quran. Peningkatan yang memberangsangkan dapat dilihat berbanding seramai 937 orang pelajar dari Tadika Yayasan Islam Terengganu yang telah berjaya khatam Al-Quran 30 juzuk pada tahun 2006.

E-book adalah satu program jangka masa panjang dalam membina modal insan yang berkualiti, celik IT dan berpengetahuan dalam bidang komputer. Kini bidang ini bukan lagi satu kehendak, tetapi adalah satu keperluan. Usaha ini tidak dapat dilihat kesannya dalam tempoh masa yang singkat kerana inilah cabaran membangunkan modal insan. Kita dimaklumkan bermula tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM75 juta untuk bekalan e-Book kepada 70,086 orang pelajar Terengganu. Seramai 23,453 orang pelajar tahun lima telah menerima e-Book pada tahun 2009 manakala tahun 2010 seramai 23,513 orang pelajar tahun lima (5) dan 23,120 orang pelajar tahun empat (4) telah dibekalkan e-Book. Tujuan pemberian e-Book adalah untuk merapatkan jurang digital di kalangan pelajar yang kurang berkemampuan dan mendedahkan mereka dengan perkembangan ICT. Hasil kajian yang telah dijalankan oleh beberapa pihak antaranya Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Intel International telah memperakukan bahawa perisian e-Book berkesan dalam membantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk melihat penggunaan e-Book bukan hanya sebagai alat bantuan mengajar di sekolah, tetapi sebagai medium di peringkat komuniti dan masyarakat setempat untuk membentuk satu masyarakat yang berilmu dan elit.

Mulai tahun 2011 ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program 'Virtual Classroom' di tiga (3) buah sekolah perintis iaitu di Sek. Keb. Paya Bunga, Sek.

Keb. Teluk Kalong dan Sek. Keb. Kompleks Seberang Takir. Pelaksanaan 'Virtual Classroom' adalah satu kaedah pengaplikasian ICT secara maksimum dan penyelesaian masalah menyeluruh dalam penggunaan e-Book. Tiada lagi alasan tidak menggunakan e-Book dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Adalah dijangkakan menjelang akhir tahun ini sekurang-kurangnya 32 buah sekolah akan mempunyai Kelas Maya.

Program Sekolah Elit, Premier dan Imtiaz akan terus diperkasakan dengan perancangan penaiktarafan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) atau Sekolah Agama Kerajaan Negeri sebagai sekolah Elit dan Premier. Usaha ini bagi memastikan SABK di bawah Kerajaan Negeri mendapat perhatian dan tumpuan yang sama dengan sekolah Elit dan Premier yang lain. Kerajaan Negeri juga telah memutuskan untuk membina Sekolah Imtiaz di setiap daerah Negeri Terengganu. Keupayaan sekolah Elit, Premier dan Imtiaz terbukti apabila pada tahun 2011, sebanyak 3 buah sekolah di Terengganu diumumkan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) iaitu Sekolah Imtiaz Besut, Sekolah Elit Lembah Bidong dan Sekolah Rendah Sultan Ismail, Kemaman. Ini menunjukkan sekolah-sekolah ini mendapat tempat dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan, bukan hanya gah di tempat sendiri.

Taman Ilmu adalah projek mega pendidikan Kerajaan Negeri bermatlamat memartabatkan bidang pendidikan ke peringkat antarabangsa. Pengisian projek ini yang melibatkan beberapa universiti tempatan dan antarabangsa, dilihat dapat menjadikan Terengganu sebagai hub pendidikan terbaru negara selain memberi impak besar kepada rakyat sekeliling dengan pembangunan bandar baru dan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat. Dijangkakan pada tahun 2013 sebanyak tiga (3) buah universiti terkenal di peringkat antarabangsa akan mula beroperasi di sini.

Tahniah! Negeri Terengganu telah melakarkan sejarah untuk tahun ke sepuluh berturut-turut dalam mengungguli kecemerlangan UPSR. Bagi tahun 2010, sekali lagi Negeri Terengganu adalah negeri yang paling tinggi peratusan bilangan pelajar yang memperolehi semua A dalam UPSR iaitu 15.4% berbanding 15.3% tahun 2009. Bilangan pelajar yang memperolehi semua A dalam UPSR adalah seramai 3,560 daripada 23,147 orang calon. Daerah Besut pula adalah daerah terbaik dalam Malaysia dari segi peratusan pelajar mendapat semua A iaitu sebanyak 21%, melebihi sasaran negeri iaitu 20%. Indikator impak Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT) telah dibuktikan dengan kejayaan cemerlang anak-anak Terengganu di dalam peperiksaan utama negara. Program kecemerlangan peperiksaan awam UPSR, PMR, SPM dan STPM akan diteruskan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM12 juta bagi tahun 2011 bagi tujuan kecemerlangan peperiksaan awam.

Kita berbangga apabila Terengganu diiktiraf sebagai antara tiga destinasi pelancongan utama di Malaysia pada tahun 2010. Malahan bilangan pelancong yang berkunjung ke Tasik Kenyir meningkat dari 189,388 orang pada 2009 kepada 225,570 orang pada tahun 2010. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai projek pembangunan khususnya dalam sektor pelancongan di Tasik Kenyir bagi menjadikan Tasik Kenyir pusat pelancongan Akua-Eco dan destinasi pelancongan keluarga yang bertaraf antarabangsa. Dua projek yang bakal menjadi pemangkin kepada projek pembangunan sektor pelancongan di Tasik Kenyir ini adalah Projek Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir dan Projek Kenyir Island Hopping (KIH).

Melalui Projek Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir, Tasik Kenyir yang dahulunya lebih terkenal sebagai destinasi eko-pelancongan akan turut memainkan peranan sebagai antara 'syurga membeli-belah' di negara ini. Pembangunan fizikal yang bakal melibatkan pembinaan kompleks membeli-belah yang akan dikenali sebagai Kenyir Trade Centre (KTC) akan menjadi mercu tanda pembangunan di Pulau Bayas di samping pembinaan komponen pembangunan sokongan lain seperti jeti penumpang, lot-lot perniagaan, *factory outlet* untuk barang-barang berjenama dan sebagainya. Gabungan komponen-komponen ini akan mentransformasikan Tasik Kenyir kepada sebuah destinasi membeli-belah yang kompetitif dan kondusif pada tahun 2013. Sesungguhnya Tasik Kenyir telahpun mempunyai produk-produk pelancongan seperti Gua Bewah, Air Terjun Sungai Lasir dan Sungai Tembat, Santuari Kelah dan kawasan Taman Negara. Produk-produk pelancongan yang istimewa ini akan terus dinaiktaraf terutamanya dari segi penyediaan infrastruktur bagi meningkatkan lagi keselesaan pelancong bagi mengunjungi destinasi-destinasi ini.

Projek Kenyir Island Hopping (KIH) yang melibatkan pembangunan 10 buah pulau kecil merupakan antara langkah Kerajaan Negeri dalam mengenalpasti produk-produk pelancongan baru di Tasik Kenyir. Melalui pelaksanaan projek ini, setiap pulau tersebut akan dibangunkan dengan tema tertentu seperti Taman Burung, Taman Rama-rama, Taman Tropika, Taman Orkid dan sebagainya. Kerajaan Negeri optimis melalui pelaksanaan projek ini, keunikan semulajadi di Tasik Kenyir akan dapat dipertontonkan dalam suasana eko-pelancongan yang lebih sistematik dan selesa.

Kita difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan perancangan untuk membina satu rangkaian pengangkutan awam melibatkan bas, teksi dan feri bagi pengangkutan darat dan air untuk memudahkan pergerakan pelancong di Tasik Kenyir. Begitu juga dengan pembinaan lebih banyak tempat penginapan bermula dengan penginapan berkonsep asrama untuk golongan '*backpackers*' hingga ke



penginapan bertaraf hotel. Selain itu, kemudahan penginapan sedia ada seperti chalet di Sungai Petang serta Rumah Persekutuan di Pulau Sah turut diperluaskan bagi memenuhi peningkatan keperluan pada masa hadapan. Infrastruktur lain juga akan dinaiktaraf atau disediakan termasuklah kemudahan komunikasi, bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

Menyedari kepentingan pertanian kepada rakyat, kita percaya bahawa sektor ini perlu dijana sebagai antara teras ekonomi utama yang perlu diberi penekanan. Sektor ini bukan sahaja meningkatkan jaminan sumber makanan kepada rakyat tetapi juga menjadi sumber ekonomi kepada negeri dan rakyat. Strategi pembangunan sektor ini perlu dilaksanakan secara bersepadu dengan inisiatif daripada kerajaan dan pembabitan swasta. Kita difahamkan beberapa aktiviti tertentu yang dikenalpasti telah difokuskan secara serius oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Industri tanaman padi di Kg. Jelapang dan Mak Jintan, Setiu seluas 750 hektar telah diwujudkan sebagai Jelapang Padi baru yang bakal menambahkan pengeluaran padi Negeri Terengganu. Projek yang menelan belanja sebanyak RM46.6 juta ini menampilkan reka bentuk termoden dengan sistem saliran yang lengkap. Dijangkakan dengan siapnya projek ini, ia akan dapat menyumbang keperluan padi negeri sebanyak 7,500 tan metrik setahun. Pembinaan projek ini telah memasuki fasa tahun ketiga dengan tahap pembinaannya sudah melebihi 50%. Apabila siapnya projek ini, ia akan membuka peluang kepada 180 orang peserta yang terdiri daripada golongan miskin untuk mengusahakan sawah tersebut. Adalah dijangka setiap peserta akan mampu untuk memperolehi pendapatan lebih RM2,000.00 sebulan. Tidak cukup dengan itu, satu projek pengairan tanaman padi mega sedang dilaksanakan di Daerah Besut iaitu Pembinaan Empangan Paya Peda dengan kos RM333 juta yang dijangka dapat memberi manfaat untuk pengairan keseluruhan kawasan padi di Daerah Besut dan sebahagian Daerah Setiu.

Selain daripada usaha tersebut, beberapa kawasan sawah yang terbiar atau yang kurang infrastruktur telah dinaiktarafkan. Hasilnya, pengeluaran padi di Negeri Terengganu telah mengalami peningkatan sebanyak 10% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Manakala, purata hasil telah dapat ditingkatkan daripada 3.8 tan metrik kepada 4.1 tan metrik sehektar. Melalui pendekatan ini, adalah diharapkan sasaran Kerajaan Negeri bagi mencapai 85% tahap keperluan beras dalam negeri pada tahun 2013 dapat direalisasikan.

Mulai tahun 2009, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah untuk membangunkan industri tanaman jagung hibrid secara komersil dengan menjadikan Daerah Hulu Terengganu sebagai hub utama. Pembukaan kawasan baru di Kg. Kuala Ping dan Kg. Nibung, Hulu Terengganu seluas lebih kurang 180 hektar di samping kawasan yang sedia ada seluas 370 hektar telah membuka banyak peluang ekonomi kepada

penduduk tempatan. Peluang pekerjaan ini bukan sahaja setakat aktiviti di ladang tetapi juga berjaya diwujudkan melalui aktiviti pemprosesan jagung sepertimana yang berjalan di Kg. Telaga Papan, Setiu. Melaluinya juga, usahawan belia dapat dilahirkan dengan memberi peluang kepada golongan ini untuk mengusahakan perniagaan produk jagung melalui sistem 'kiosk' atau lebih dikenali sebagai 'Jagung Rakyat'. Tahun 2010 telah menyaksikan 1,002 orang petani yang terlibat dalam aktiviti ini memperolehi pendapatan lebih kurang RM1,600.00 sebulan.

Program Pembangunan Ternakan pula memberi tumpuan kepada ternakan kambing selaras dengan menjadikan Terengganu pengeluar kambing terbesar negara. Hal ini bukanlah suatu angan-angan kerana perancangan dan tindakan secara bersepadu telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama oleh pihak ECERDC. Projek Ladang Kambing Boer komersil di Kg. Telaga Papan, Setiu telah beroperasi dengan baik di mana jumlah kapasiti kambing ialah sebanyak 2,100 ekor. Ianya diperhebatkan lagi dengan Projek Agropolitan di Kg. Panchur Bederu, Setiu yang baru sahaja bermula pelaksanaannya di peringkat penyediaan tapak. Projek ini akan menjadikan ternakan kambing sebagai aktiviti ekonomi utama para peserta yang menjanjikan pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan. Di samping itu, Ladang Kambing Pegganda di Kg. Tersat Hulu Terengganu telah diwujudkan bagi penghasilan baka-baka yang bermutu tinggi. Untuk melengkapkan pakej ini, Pusat Bioteknologi yang bernilai RM6.1 juta bagi pembangunan R & D ternakan kambing telah siap dibina di Kg. Jenang, Marang dan dijangka dapat beroperasi dalam bulan April 2011. Melalui pendekatan ini, kita amat berkeyakinan industri penternakan kambing ini akan sentiasa berkembang seterusnya memberikan impak yang besar kepada para penternak tempatan terutama dalam aspek pemasaran demi melahirkan usahawan berpendapatan tinggi sejajar dengan hasrat kerajaan.

Aktiviti akuakultur adalah suatu alternatif yang diusahakan kerajaan bagi menggalakkan kemasukan pelabur. Kerajaan Negeri telah meluluskan satu kawasan seluas 1,000 hektar di Kg. Penarik, Setiu untuk diusahakan dengan penternakan udang. Tapak projek dimiliki oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri dan dipajakkan kepada Syarikat Blue Archipelago Berhad iaitu anak Syarikat Khazanah Holdings dengan pelaburan yang bernilai RM260 juta dalam melaksanakan projek tersebut. Operasinya dijangka akan bermula pada bulan September 2011. Projek ini apabila beroperasi sepenuhnya dijangka akan menyediakan lebih 1,500 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Projek Berimpak Tinggi seperti Projek Akuakultur di Sg. Como, Tasik Kenyir pula yang dikendalikan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn. Bhd (TADC Sdn. Bhd.) telah berjaya mengeluarkan hasil sebanyak 100 tan metrik dengan nilai RM700,000.00 pada tahun 2010.

Sehingga 2010, sebanyak 20 buah kawasan industri telah dimajukan di seluruh Terengganu. Dua (2) buah lagi kawasan tambahan telah dikenalpasti untuk dimajukan iaitu Kawasan Perindustrian Mak Lagam Tambahan dan Kawasan Perindustrian Gong Badak Tambahan. Luas keseluruhan kawasan perindustrian di Terengganu adalah 2382.77 hektar. Jumlah pelaburan tempatan bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM2.1 billion, manakala jumlah pelaburan asing adalah sebanyak RM216 juta dengan tawaran peluang pekerjaan kepada 688 orang. Bagi tahun 2011 sehingga akhir Januari sebanyak dua (2) projek telah diluluskan MIDA di Negeri Terengganu dengan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM213.1 juta dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 84 orang. Kertih Polimer Park yang mempunyai keluasan kira-kira 90 hektar dilihat sebagai bakal penyumbang kepada ekonomi negeri. Tujuan projek ini dibangunkan adalah untuk menarik pelaburan polimer yang dianggarkan RM2 billion. Kerajaan Negeri sentiasa menggandakan usaha untuk membangunkan kawasan perindustrian di negeri ini dengan menyediakan tapak-tapak perusahaan pada harga yang kompetitif kepada pelabur-pelabur domestik atau luar negara.

Pembangunan Bandaraya Kuala Terengganu telah dirancang dengan komprehensif bagi mengubah wajah bandar sedia ada. Kita difahamkan Pelan Induk Bersepadu Pusat Bandar Kuala Terengganu atau Kuala Terengganu City Centre (KTCC) telah disiapkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC ECER). Pelan ini dijangka dapat mengukuhkan imej Kuala Terengganu sebagai "Bandaraya Warisan Pesisir Air" dan Gerbang Pelancongan ke Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Lima (5) kawasan telah dikenalpasti sebagai Komponen Pembangunan Utama KTCC iaitu:

- i. Muara Utara – Merangkumi tanah tambakan berkeluasan 140 ekar di utara Sungai Terengganu;
- ii. Muara Selatan – Merangkumi tanah tambakan berkeluasan 40 ekar di selatan Sungai Terengganu;
- iii. Kampung Ladang / Tanjung – Merangkumi kampung tradisi sedia ada di kawasan bandar dan bersempadan dengan Muara Selatan;
- iv. Pulau Warisan – Merangkumi tanah tambakan berkeluasan 19 ekar berhampiran Kampung Cina; dan
- v. Corniche Waterfront Corridor – Merangkumi tanah tambakan selebar 60 meter dari pantai sejauh 5 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud ke Muara Utara.

Muara Utara dan Muara Selatan telah dikenalpasti untuk pembangunan segera kerana kedudukan strategiknya di Muara Sungai Terengganu dan bersempadanan dengan pusat bandar sedia ada. Sebuah 'drawbridge' sepanjang 0.3 km juga dicadangkan untuk dibina bagi menghubungkan Muara Utara dan Selatan yang bakal menjadi struktur mercutanda dan gerbang baru ke Bandaraya Kuala Terengganu. Pihak ECER dan Kerajaan Negeri sedang giat berusaha mendapatkan pelaburan bagi memajukan kawasan ini.

Penyusunan kawasan bandar melibatkan Ladang Tok Pelam, Ladang Sahak dan Kampung Tiong adalah bertujuan untuk memastikan kawasan perumahan penduduk dan komersial teratur. Dalam membangunkan projek ini, penduduk tidak dikeluarkan dari kawasan asal mereka supaya aktiviti ekonomi tradisi boleh diteruskan dan dikekalkan. Manakala Bandar Baru Kijal, Kemaman pula adalah merupakan pembangunan perbandaran bersepadu yang membabitkan pelbagai komponen. Komponen pembangunan terlibat adalah zon komersial yang terdiri daripada cadangan pembinaan bangunan perkedai, hotel, hypermarket dan Kompleks Pembangunan Usahawan. Fasa pertama pembangunan Bandar Baru Kijal akan menempatkan perkedai seperti pusat setempat jualan tekstil. Sebuah Pelabuhan Darat (*Dry Port*) Kijal akan dibina bagi menyokong pertumbuhan Bandar Baru Kijal sebagai hub tekstil di Pantai Timur.

Kita amat gembira apabila kerajaan begitu prihatin dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang mampu memenuhi keperluan rakyat. Di dalam mempertingkatkan lagi tahap pengangkutan awam di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri telah mendapat suntikan bantuan kewangan sebanyak RM112.05 juta daripada Kerajaan Persekutuan melalui Pembiayaan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam atau KWAPA, untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam melibatkan pembinaan Terminal Bersepadu di Kuala Terengganu, terminal baru di Dungun, Besut, Kemaman dan Marang, naik taraf terminal di Setiu serta Pembinaan Terminal Park & Ride, Transit Point di Hulu Terengganu. Pembinaan jalan KT-Bypass akan diteruskan pelaksanaan sebagaimana perancangan sebelum ini. Ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan Bandar Baru Bukit Besar bagi memastikan satu sistem rangkaian jalan yang sistematik dan teratur untuk berhubung ke Jambatan Baru Pulau Sekati dan Jalan Jeram Tok Kong ke Bukit Guntong. Pembinaan beberapa sistem rangkaian jalan ini dijadikan alternatif penguraian trafik untuk pengguna jalan raya di samping dapat menyumbang kepada aktiviti pembangunan ekonomi setempat.

Kita juga merasa sukacita dengan tindakan Kerajaan Negeri mengadakan sistem saliran yang sempurna dan terancang bagi mengatasi masalah banjir. Rangkaian sistem perparitan untuk mengalirkan air tadahan hujan juga sedang dipertingkatkan. Tumpuan utama akan diberikan kepada kawasan-kawasan yang

sering dilimpahi banjir. Projek perintis tebatan banjir yang dilaksanakan di Taman Perumahan Desa Pusu Tiga, Gong Badak telah memberikan impak yang positif dalam mencegah banjir. Projek yang pertama kali diperkenalkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah dapat menyelesaikan masalah banjir di kawasan ini. Projek serupa akan dibina di Balai Besar, Dungun pada tahun ini.

Dari segi bekalan air bersih, kita difahamkan Kerajaan akan memberi tumpuan utama di dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak terakuan (NRW) dengan mensasarkan tahap NRW di Terengganu dapat dikurangkan kepada 32% pada tahun 2011. Dengan terlaksananya projek ini, kadar kebocoran pada paip perhubungan dapat dikurangkan dan bekalan air yang berterusan dapat dinikmati oleh pengguna di samping dapat meningkatkan kutipan hasil air negeri.

Mengimbangi duniawi dan ukhrawi serta meningkatkan syiar Islam adalah sangat dituntut dalam agama Islam. Kerajaan Negeri meneruskan agenda pembinaan masjid di mana sebanyak 26 projek akan diteruskan dalam tahun 2011 ini. Sebanyak 14 buah masjid baru disasarkan dalam Fasa 1 dan 19 buah masjid lagi akan dibina dalam Fasa II, Projek Satu DUN Satu Masjid.

Salah satu dimensi untuk meningkatkan kesejahteraan serta kualiti hidup rakyat ialah melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan terutamanya program peningkatan pendapatan untuk kumpulan sasar berpendapatan rendah. Dalam hal ini, kita bangga dengan usaha Kerajaan Negeri yang telah memberi fokus yang khusus kepada keluarga miskin dan miskin tegar, memandangkan kemiskinan adalah antara agenda dan cabaran utama yang perlu ditangani. Hasil usaha keras Kerajaan itu, kadar kemiskinan negeri ini telah berjaya dikurangkan dengan begitu drastik jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Umpamanya, sebelum tahun 90an kadar kemiskinan negeri mencecah melebihi 20%, namun ianya berjaya dikurangkan kepada 10.6% pada tahun 2002, 6.5% pada tahun 2009 melalui pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan. Alhamdulillah pada tahun 2010, kadar kemiskinan tegar telah mencapai sifar dan miskin telah menurun kepada 2.8% berdasarkan data e-Kasih yang telah di 'lock-up' pada tahun 2009. Bagi seluruh negara, Negeri Terengganu telah menduduki tempat kelima dalam senarai kemiskinan, satu tahap lebih baik dari tahun 2009. Dalam Belanjawan 2011, sebanyak RM126 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan. Antaranya ialah Program Bantuan Rumah, Program Peningkatan Pendapatan dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya. Dalam menjayakan Program Bantuan Rumah, sebanyak 320 unit rumah dibina untuk golongan miskin setiap tahun, manakala lebih 2000 unit rumah yang uzur dan daif akan dibaikpulih. Objektif program ini di antara lain bertujuan untuk memastikan golongan miskin di negeri ini mampu memiliki kediaman sendiri yang

lebih selesa dan selamat. Kita akan pastikan program ini akan dijalankan berterusan sehingga semua rakyat di negeri ini memiliki kediaman sendiri. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan membina sebanyak 40 buah rumah untuk orang asli di Sungai Berua bagi memastikan nasib penduduk orang asli di Terengganu tidak dipinggirkan.

Program Peningkatan Pendapatan dilihat antara program penting yang perlu dititikberatkan dalam usaha menjana pendapatan kepada golongan miskin. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengubah '*mindset*' golongan ini ke arah kehidupan yang lebih baik, oleh itu Program Pembangunan Minda Insan diwujudkan. Menerusi program seumpama ini, diharap tahap pemikiran dan cara mereka meneruskan kelangsungan hidup akan berubah dan menjadi lebih baik berbanding sebelumnya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut memberi fokus kepada usaha-usaha membangunkan modal insan kepada ahli isi rumah keluarga miskin itu sendiri. Dalam hubungan ini, Kerajaan memandag berat terhadap keutuhan institusi keluarga dalam usaha mengeluarkan peserta dari belunggu kemiskinan.

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya telah disediakan dengan kerjasama agensi yang ada di negeri ini seperti UiTM, TESDEC, Akademi Binaan Malaysia dan lain-lain agensi. Bagi sesi 2008/2009, Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan seramai 263 orang untuk mengikuti kursus ini. Daripada jumlah ini, seramai 76% daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan dan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan isi rumah. Melihat kepada impak yang positif ini, Kerajaan telah meneruskan usaha ini pada tahun 2009/2010 dengan pengambilan peserta seramai 409 orang. Berkat usaha ini, Kerajaan Negeri telah berjaya membantu seramai 300 orang golongan miskin untuk mendapatkan pekerjaan dan sekaligus mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan.

Kita difahamkan Sektor Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi sedang giat menjalankan program dan projek untuk membantu usahawan Terengganu mengembangkan potensi perniagaan mereka. Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) adalah merupakan satu perancangan program pembangunan ekonomi di pusat pertumbuhan seluruh Negeri Terengganu. Ia dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan sebagai pusat pertumbuhan di peringkat kampung. Projek ini memberi peluang kepada masyarakat desa untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan melalui penyediaan premis perniagaan dan juga kemudahan lain untuk kegunaan masyarakat setempat. Keutamaan program ialah untuk menumpukan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial (*centralised activity*) supaya sesuatu kawasan yang telah dikenalpasti akan menjadi lebih cepat membangun. Setiap daerah di Negeri Terengganu akan dimajukan dengan dua (2) projek rumah kedai 8 unit

2 tingkat di lokasi-lokasi PPD yang dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan dari segi ekonominya.

Pembinaan Kompleks Usahawan Terengganu (KUT) di Kampung Kubang Jela, Mukim Manir, Kuala Terengganu merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang dijangka dapat memberikan menafaat secara total kepada masyarakat usahawan yang bercirikan komersial. Kompleks Usahawan Terengganu dibina bertujuan untuk menyediakan kemudahan ruang perniagaan dan pejabat serta kilang untuk industri ringan dalam satu kawasan atau perkampungan usahawan (*e-Village*). Program Inkubator akan diteruskan untuk mewujudkan usahawan-usahawan baru. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPUT), PMINT, SME Bank, SME Corp, TEKUN dan MARA dalam mewujudkan program inkubator yang sistematik dan efisien. Melalui peranan dan fungsi YPUT sebagai *one stop center* dalam keusahawanan Negeri Terengganu, projek atau program penjenamaan T'Brand terus dipergiatkan melalui T'Shoppe, T'Kafe, T'Crafts, T'Lodge, T'Hotel dan T'Mall agar para usahawan tempatan akan terus dimantapkan dan diperkasakan dari segi pencapaian mereka. Di samping itu juga, Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (T'P3) akan dibangunkan di setiap daerah yang dilengkapi dengan mesin-mesin dan kemudahan terkini bagi memastikan semua usahawan dapat membungkus produk berasaskan pertanian mereka menerusi khidmat nasihat daripada FAMA, SIRIM, MARDI dan YPUT. Usaha ini secara langsung akan memberikan nilai tambah kepada produk mereka dan memberikan peluang pasaran yang lebih baik. Program ini akan turut diintegrasikan dengan khidmat nasihat tatacara pembungkusan yang betul daripada YPU agar produk yang dihasilkan dapat dipasarkan di hypermarket di seluruh negara. Dalam pada itu bidang peruncitan akan terus diberi penekanan khususnya menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Terengganu.

Pelaksanaan Program T'Fund di bawah RMK10 masih kekal dengan objektif untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada lebih ramai usahawan tempatan. Dalam masa yang sama program ini juga mempunyai objektif dalam melonjakkan prestasi perniagaan serta menyediakan peluang kerjaya dan perniagaan yang lebih meluas kepada komuniti setempat. Program ini dijangka akan dapat dimenafaatkan oleh sekurang-kurangnya 10,000 orang usahawan sepanjang RMK10. Impak kepada pelaksanaan program ini ialah memberi peluang dari segi suntikan modal sama ada untuk tujuan permulaan perniagaan dan pengembangan perniagaan kepada usahawan IKS di Negeri Terengganu.

Melalui Program Satu Kampung Satu Koperasi pula, Kerajaan Negeri menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), mensasarkan sebanyak 200 koperasi yang sah berdaftar di bawah SKM diwujudkan dalam tempoh tahun 2009 hingga 2013.

Dengan sasaran meningkatkan bilangan ahli dan keanggotaan dalam koperasi akan dapat menjadi kepelbagaian aktiviti ekonomi serta meningkatkan jalinan kerjasama yang aktif di kalangan rakyat terutamanya komuniti desa. Dengan program perdana ini juga, bilangan koperasi dalam negeri, yang bermodal pusingan RM800,000 ke atas, turut akan ditingkatkan daripada 44 buah koperasi kepada 100 buah koperasi menjelang tahun 2013.

Kita gembira apabila Kerajaan Negeri terus memberikan komitmen dalam pembinaan rumah-rumah kediaman yang selesa, teratur dan tersusun untuk dimiliki khususnya oleh golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Pada asasnya Kerajaan Negeri akan memastikan supaya setiap keluarga mempunyai tempat tinggal sendiri dan pada masa yang sama menyelesaikan masalah setinggan. Di samping itu, tindakan akan juga diambil untuk menyusun semula perkampungan dan penempatan sedia ada agar lebih tersusun dan mesra alam sekitar. Kemudahan asas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kejiranan yang harmonis akan dilengkapkan, selain daripada memperbanyakkan pembinaan perumahan kos rendah atau mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri juga akan membangunkan pusat-pusat pertumbuhan termasuk pekan-pekan dan bandar-bandar baru supaya penempatan penduduk akan berada dalam keadaan tersusun dan terancang. Pada tahun 2010, terdapat 6 projek perumahan telah dimajukan merangkumi 1,575 unit rumah manakala untuk tahun 2011 - 2013, terdapat 17 projek telah dirancang merangkumi 5,746 unit rumah. Permintaan terhadap Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Mampu Milik (RMM) dijangka terus meningkat kepada 10,000 unit sehingga tahun 2013. Ini selari dengan hasrat Kerajaan Negeri merealisasikan hasrat 1 unit rumah 1 keluarga menjelang tahun 2020.

Bidang sukan kian mendapat tempat di hati rakyat Terengganu. Bidang ini menjanjikan pulangan yang lumayan bagi atlet yang berjaya dalam sukan masing-masing. Hasrat menjadikan sukan sebagai industri penjana pendapatan dan bukan semata-mata aktiviti rekreasi dan penjagaan kesihatan bakal direalisasikan. Penubuhan pasukan berbasikal benua yang dikenali sebagai nama Terengganu Pro Asia Cycling Team (TSG) merupakan satu pengiktirafan serta penghargaan Kerajaan Negeri kepada atlet berbasikal tempatan yang telah banyak mengharumkan nama negeri di persada antarabangsa. Penglibatan anak tempatan dalam pasukan ini bakal menaikkan nama Negeri Terengganu di mata dunia.

Penyakit jantung adalah pembunuh utama di Malaysia. Kita menggesa supaya pusat rawatan jantung perlu disediakan di bandar-bandar utama terutamanya di Negeri Terengganu ini supaya pesakit jantung dapat mendapatkan rawatan



yang lengkap dengan segera. Dengan wujudnya pusat rawatan jantung ini, rakyat Negeri Terengganu tidak perlu lagi ke IJN atau HUSM untuk mendapat rawatan lanjut. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan kos yang berkaitan dengan urusan mendapatkan rawatan di luar Terengganu. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk di Terengganu dan negeri-negeri Pantai Timur secara amnya.

Jelas peranan yang dapat dimainkan oleh penjawat awam adalah amat besar waktu kini apabila kerajaan memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (PTK) dan Program Transformasi Ekonomi (PTE). Dalam hal ini, penjawat awam adalah barisan hadapan yang perlu menerapkan agenda Kerajaan Negeri iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Agenda ini bertujuan untuk memastikan kesejahteraan rakyat tidak diabaikan dalam arus pembangunan dan pentadbiran negeri. Lapan nilai yang digarap dalam agenda ini; Budaya Ilmu, Cemerlang, Cakna, Amanah, Setia, Muafakat, Bersyukur dan Istiqamah mestilah sentiasa didokong teguh oleh penjawat awam. Seorang penjawat awam, apapun kedudukannya hendaklah sentiasa taat dan memberikan sumpah setianya kepada aspirasi baik yang dibawa kerajaan dan bukan sebaliknya. Tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka hendaklah dilaksana secara ikhlas, berhemah serta penuh tawaduk. Penjawat awam adalah cerminan sifat kerajaan. Justeru anggotanya mestilah bertanggungjawab, berdisiplin, berintegriti, serta mempunyai iltizam yang tinggi di mata masyarakat.

Penjawat awam juga menjadi penyampai maklumat dan ilmu serta perubahan kepada masyarakat supaya mereka dapat memahami dasar kerajaan secara mendalam. Ini semua jika dibawa dengan berhemah akan menimbulkan rasa syukur, rasa berterima kasih yang natijahnya akan melahirkan keharmonian dalam satu perpaduan masyarakat yang sukar dimasuki oleh apa-apa anasir yang merosakkan. Penjawat awam mesti berfikir kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman. Peranan pantas bertindak dan membuat keputusan itu pula amat penting kerana tindakan sedemikian akan meningkatkan kitaran wang dalam sistem ekonomi negeri. Ia juga dapat mengelakkan pembaziran dalam usaha memastikan setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mendapat pulangan nilai paling maksimum kepada kerajaan dan rakyat. Matlamat nilai untuk wang perlu dicapai dan kaedah pengurusan nilai perlu diterapkan di semua peringkat perancangan dan pengurusan. Justeru itu, pemikiran yang mengaplikasikan kreativiti dan inovatif dalam setiap penyelesaian perlu diutamakan. Berfikir secara konvensional hendaklah dielakkan dalam melakukan tugas. Laksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh dan tidak sambil lewa. Ia sekaligus menghapuskan sinonim 'budaya cincai' yang mengambil sikap endah tak endah dengan tugas yang dilaksanakan. Pembelajaran sepanjang hayat

adalah perlu bagi penjawat awam memperbaiki mutu perkhidmatan awam dan meningkatkan perkhidmatan berkualiti.

Cabaran menjadi Negeri Maju menjelang tahun 2020 bukanlah suatu yang mudah dan dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang singkat. Ia mestilah dilaksanakan setiap waktu secara konsisten dan bersungguh-sungguh. Hala tuju Pembangunan Negeri Terengganu untuk tempoh lima tahun adalah sebuah misi yang jelas dan dapat dicapai jika semua peringkat mempunyai iltizam yang tinggi ke arah merealisasikan cabaran tersebut. Seiring dengan gagasan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', kita berharap Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri terus menabur bakti setia dengan sepenuh hati terutama kepada kalangan rakyat yang betul-betul memerlukan pembelaan. Sifat prihatin atau cakna dalam membela nasib rakyat dengan jujur dan dedikasi terutamanya golongan miskin pastinya dapat mengurangkan bilangan golongan ini di negeri kita tahun demi tahun. Yang pastinya, komitmen dan kerjasama daripada semua pihak adalah tunjang merealisasikan Terengganu Maju menjelang tahun 2020, InsyaAllah.

Akhir kata, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. supaya perjalanan hidup kita penuh keberkatan dan kejayaan. Dengan lafaz 'Bismillahir Rahmanir Rahim', kita merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang kedua Belas.

Selamat Bersidang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG TERAMAT MULIA TENGKU SRI BENDAHARA RAJA, AHLI MAJLIS PERWAKILAN PEMANGKU RAJA DAN DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, kita telahpun selesai Majlis Perasmian Dewan Undangan Negeri pada kali ini dan bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja untuk dibuat perbahasan pada sidang besok hari maka saya dengan ini menangguhkan Persidangan ini sehingga pagi esok, Selasa, 10 Mei 2011, jam 9.30 pagi.

Sebelum kita bersurai marilah sama-sama kita membaca dengan ikhlas Surah Al-'Asr. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.25 PAGI.

---

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 10 MEI 2011

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT.,PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.  
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

### **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT.,AMZ.,PJC.,PJK.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan kita pada pagi ini, marilah kita dengan penuh kussyu' dan ikhlas sama-sama membaca Surah Ummul Kitab mudah-mudahan mesyuarat kita ini diberkati oleh Allah S.W.T. dan diberi rahmat serta insyaAllah apa yang dimaksudkan dan kita bincangkan ini dimakbulkan, insyaAllah. Al-Fatihah.

### **UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta Pemerhati yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya pada pagi ini kita dapat sekali lagi berkumpul dengan bersidang dalam persidangan dalam Dewan Negeri bagi Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas, insyaAllah, untuk hari yang kedua dan seterusnya untuk dua hari lagi, esok dan lusa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telahpun selesai Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan DUN kita ini yang berlangsung pada hari semalam selamat disempurnakan dan dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja. Segala urusan teks ucapan telahpun diedar kepada semua Ahli Yang Berhormat dan kita mengalukan perbahasan daripada Yang Berhormat untuk sidang pada kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin mengambil kesempatan pada hari ini pertama-tamanya untuk mengucapkan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah meluluskan sedikit peruntukan untuk pengubahsuaian di Dewan Undangan Negeri kita ini demi untuk keselesaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersidang serta Ketua-ketua Jabatan dan juga Pemerhati dalam kita hendak mengendalikan serta menjadikan sidang kita ini yang terbaik bagi keutamaan rakyat jelata Negeri Terengganu. Ucapan penghargaan terima kasih juga kita ucapkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri yang mengendalikan serta menguruskan peruntukan Yang Amat Berhormat ini, alhamdulillah, sehingga sempurnanya kerja-kerja pengubahsuaian ini setelah lebih 25 tahun. Dan saya berharap dengan keadaan yang kita miliki ini insyaAllah, Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian akan dapat menggunakan kemudahan ini sebaik-baik mungkin bagi menyempurnakan tugas dan amanah kita kepada rakyat Negeri Terengganu.

Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan menggunakan kesempatan ini untuk menjadikan sidang sepertimana yang lepas, ingatan sayanya ialah untuk menggunakan kebijaksanaan dengan bijak-bijaknya dan kita mengelakkan emosi yang keterlaluan hingga menyebabkan persidangan kita ini tidak bermanfaat. Maka saya juga berharap insyaAllah, hasil daripada persidangan kita ini akan gembelinkan bersama-sama bagi tugas yang sebenarnya untuk memacu Negeri Terengganu Darul Iman menjadi sebuah negeri yang makmur dan yang berjaya di masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah sedikit pesanan saya dan pesanan yang lain-lain sebagaimana peraturan mesyuarat, insyaAllah, janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tinggalkan terutama sekali dalam perbahasan kita elakkan menyebut soal peribadi dan membangkitkan kemarahan di kalangan ahli-ahli kita, mudah-mudahan masa yang kita peruntukkan tidak membazir dan insyaAllah, akan kita gunakan dengan sepenuhnya.

Jadi sekali lagi saya ucapkan 'Selamat Bersidang' kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, insyaAllah kita diberkati oleh Allah S.W.T. hendaknya. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

## **SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **SOALAN-SOALAN BERTULIS**

[ LAMPIRAN ]

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini dan soalan-soalan berkenaan adalah diarpada:-

1. Y.B. Haji Alias bin Abdullah  
(Wakil Alor Limbat)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad  
(Wakil Hulu Besut)
4. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Ramlan bin Ali  
(Wakil Jabi)
6. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
7. Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh  
(Wakil Tepoh)
8. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
9. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail  
(Wakil Kuala Berang)
10. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli  
(Wakil Sura)
11. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
(Wakil Kota Putera)
12. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggai)
13. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita pergi kepada Soalan-soalan Lisan sukacita bagi pihak Dewan Undangan Negeri saya mengalu-alukan ramai Pemerhati terutama daripada anak-anak kita pada pagi ini. Pertamanya, daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam. Kedua, daripada Persatuan Belia Komuniti Intelektual Hulu Terengganu. Dan yang ketiga, daripada Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Baiklah, untuk memulakan Soalan Lisan pada pagi ini saya dengan sukacitanya menjemput Wakil daripada Alur Limbat. Saya persilakan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Nyatakan jumlah tangkapan kes jenayah syariah di bawah Enakmen Syariah Negeri Terengganu 2002 seluruh Negeri Terengganu bagi Jan - akhir Mac 2011?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya tuan-tuan, puan-puan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Soalan pertama daripada Wakil Alur Limbat berkenaan dengan tangkapan kes jenayah di bawah Enakmen Syariah Negeri Terengganu. Soalan ini adalah sama atau hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Jabi untuk soalan kedua pada hari keempat nanti. Jadi saya akan menjawab kedua-dua soalan ini secara serentak.

Suka dimaklumkan bahawa jumlah tangkapan Jenayah Syariah Di Bawah Enakmen Pesalah Jenayah Syariah Negeri Terengganu daripada bulan Januari hingga bulan Mac mengikut kategori adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara Jenayah Syariah	Jumlah Kes Tangkapan
(i)	Minum minuman yang memabukkan (Seksyen 23)	Tidak ada tangkapan pada bulan Januari & Februari, 1 tangkapan pada bulan Mac di Daerah Marang.
(ii)	Persediaan melakukan persetubuhan di luar nikah.	Januari ada 5 kes di seluruh daerah di Negeri Terengganu. Februari ada 3 kes dan Mac ada 3 kes.
(iii)	Kesalahan Berkhalwat (Seksyen 31)	Januari ada 35 kes. Februari ada 34 kes dan Mac ada 46 kes.

Jadi itulah bilangan keseluruhan kes-kes tangkapan berkhalwat termasuk ada 1 kes pada bulan Januari perbuatan tidak sopan di Daerah Dungun. Kemudian pada bulan Februari di bawah Seksyen 34 juga ada 1 dan tidak ada tangkapan pada bulan Mac. Bagi kes mendedahkan tubuh atau aurat di khalayak ramai pada bulan Januari tidak ada 1 kes, Februari ada 1 kes dan Mac tidak ada satu kespun, Dato' Yang Dipertua. Jadi tambahan pada soalan daripada ADUN Jabi pada bulan April bagi keseluruhan daerah ada 24 kes. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Mulia Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan mengenai perbezaan yang disebut oleh Wakil Kerajaan tadi, persediaan persetubuhan dengan khalwat?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, bezanya adalah berdasarkan kepada pendakwaanlah. Bagi kes-kes apabila ada pasangan yang berdua-duaan dalam keadaan yang meragukan dalam keadaan biasa ini adalah tangkapan di bawah Seksyen 31 khalwat kerana dia meragukan dan boleh menimbulkan syak bahawa berlaku perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama. Adapun persediaan untuk melakukan persetubuhan haram Seksyen 29, ini apabila keadaannya dilihat ataupun sewaktu tangkapan itu jelas menunjukkan bahawa ada mukadimah untuk melakukan zina seperti pakaian dah banyak tercabut dan sebagainya. Ini saya ingat kalau nak *detail* kena tanya pihak pendakwaanlah, mereka lebih arif tentang bagaimana nak mengklasifikasikan kes-kes ini dalam pendakwaannya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Terengganu bagi jenayah khalwat, berapakah denda yang tertinggi setakat ini yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah dan sila nyatakan kes mana dan di mana ianya berlaku serta gambaran fakta kes lebih kurang?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, berdasarkan kepada kes-kes yang telah lalu, biasanya apabila kes ini kes pertama hukumannya adalah rendah dan jarang dijatuhkan hukuman maksimum. Walau bagaimanapun, apabila ada rayuan ia akan dipertimbangkan mengikut kepada keadaan. Saya dimaklumkan di antara kes-kes yang tertinggi yang pernah dikenakan denda ialah walaupun maksimumnya RM5,000 atau RM3,000 tetapi hanya lebih kurang RM1,800 saja yang dikenakan. Saya perlu notislah untuk dapatkan *detail* perkara ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga mohon penjelasan. Ada kes-kes yang berlaku di atas tangkapan khalwat yang didapati pasangannya sudah mengandungi lebih daripada 3 bulan. Maka apabila berlaku rundingan pasangan ini dikahwinkan. Mengapakah jabatan yang berkaitan terutamanya apabila berlaku selepas kelahiran, anak ini ada setengahnya dibunuh bin dan ada setengahnya tidak dibunuh bin, apa bezanya?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semua anak-anak yang dilahirkan hari ini ada dibin atau dibintikan, cuma bagi kes-kes kelahiran yang melibatkan kepada kelahiran tidak sampai 6 bulan maka kes ini tidak dibin kepada bapa ataupun kepada orang tertentu biasanya hanya dibin kepada Abdullah, Abdul Rahman dan sebagainya kerana apabila kelahiran itu berlaku kurang daripada 6 bulan ini bermakna bayi itu dikandung oleh ibunya sebelum daripada kahwin kerana mengikut kajian atau mengikut nasnya paling pendek tempoh mengandungi ialah 6 bulan sahaja. Jadi kalau kelahiran itu setelah 6 bulan maksudnya dia telah mengandungi sebelum daripada perkahwinan itu berlaku maka kerana itu tidak dibenarkan atau tidak boleh dibin kepada sibapa itu atau sisuami. Tetapi jika kelahiran itu berlaku lepas daripada 6 bulan atau dibin atau dibintikan kepada sisuami atau siayah itu kerana selepas 6 bulan maka tidak syak lagi bahawa itu adalah yang dikandung oleh isteri atau siibu tadi adalah selepas daripada berlakunya perkahwinan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit saja. Pasal berhubung

dengan kes sekarang ini boleh dikatakan hampir setiap sekolah di Negeri Terengganu ada anak yang dilahirkan tanpa bin atau binti. Maknanya serius ni, anak luar nikah, anak tidak sah taraf ni. Jadi kalau Exco jawab menyatakan bahawa ada yang dibinkan, ada yang dibintikan, ada yang bin Abdullah, itu tak betul tu. Sebenarnya kalau *check* dengan Pejabat Pendaftaran Negara, di hospital ke apa ke .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya faham, Dato' Yang Dipertua. Jadi yang dilahirkan sekarang sebab dalam tahun 2003 kalau tak silap saya memang ada saya bangkitkan isu ini apabila ada anak-anak yang dilahirkan anak luar nikah tidak dibinkan dikosongkan saja tempat bapa. Perkara ini telah saya bangkitkan, dah bincangkan dengan Pendaftaran, dah bincang dengan Mahkamah Tinggi Syariah dan sebagainya, mereka bersetuju kerana mereka ini akan menimbulkan impak dan kesan yang tidak baik kepada anak-anak tersebut apabila suatu masa nanti tidak ada tanda atau kenyataan tentang bapa mereka. Setengah-setengah itu dibinkan dan diletak nama ibunya, ini pernah berlaku suatu masa dulu seperti yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam, mungkin hak ada di sekolah itu mungkin hak berlaku dalam tahun 2003, 2004 dulu aje tapi perkara ini telah dibincangkan dan kita telah lihat semula dan memanglah ada sedikit kesilapan pada masa itu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, kita .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah saya ingat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya dengan Y.B. Alias ni boleh bertanya soalan ke tidak, Dato' Yang Dipertua? Pasal kita kongsi jawapan, boleh 6 soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Oh ya! Boleh Yang Berhormat Jabi, boleh satu lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak jabatan untuk mengelakkan berlakunya kes-kes khalwat terutamanya di hotel, di kawasan resort dan sebagainya. Apakah tidak ada satu peraturan untuk tempahan bilik, penginapan dan sebagainya mesti disahkan melalui Daftar Perkahwinan dan sebagainya untuk mengelakkan perkara-perkara tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Bagi kes-kes yang berlaku di resort-resort, di hotel-hotel, kita melihat kepada keadaan dan juga berdasarkan kepada laporan. Adalah tidak wajar jika Jabatan Hal Ehwal Agama melalui Jawatankuasa atau Penguatkuasanya menyerbu setiap bilik. Garis panduan telah diberi kepada pengusaha-pengusaha, walau bagaimanapun, kadang-kadang orang yang masuk hotel ini dia *check-in* atas nama seorang tapi dia balik malam dia bawa orang lain. Jadi ini kita takkanlah nak mintak setiap pengusaha menjaga, beri laporan dan saya rasa pengusaha hotelpun diapun tak wajar jugak dia nak tanya: "Awak sewa bilik ini nak mari berapa orang, bini ke, siapa dia ke?" Tapi walau bagaimanapun, setakat ini kita mendapat kerjasama yang baik apabila ada perlakuan-perlakuan yang tidak baik di bilik-bilik di hotel-hotel tertentu kita dapat laporan dan kita dapat kerjasama untuk mengadakan tangkapan dan serbuan. Walau bagaimanapun, tangkap, serbuan ataupun operasi memang diadakan dari masa ke semasa di tempat-tempat awam dan sebagainya untuk memastikan perbuatan ataupun gejala khalwat ini tidaklah begitu berleluasa di dalam negeri kita Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Yang Berhormat. Kita teruskan soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hulu Besut minat lagi. Jadi saya bagilah. Mintak maaf Batu Rakit. Soalan ini ramai yang minat ni. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya ingin bertanyalah kalau boleh, apakah Kerajaan ada buat berbandingan dengan negeri-negeri di Malaysia ini, contohnya dengan Negeri Kelantan. Contohnya macam kes khalwat, Kelantan ini ada banyak kes ke, sikit ke? Dan yang keduanya jugak saya ingin tahu pasal saya pernah dengar ada Parti PAS ini kata undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan ini tidak Islam, jadi adakah Kerajaan ini dakwa orang UMNO saja ke, dakwa orang PAS dalam kes ni?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, sayapun sebenarnya rasa pelik kali ini sebab biasanya orang sebelah sana yang banyak tanya soalan-soalan hal-hal khalwat, hal tangkapan dan benda-benda yang macam ni. Kali ini mari banyak balik sini pulak ni, sama sendiri tanya ni. Jadi sayapun jadi hairan pulak. Jadi untuk jawab kepada soalan daripada Wakil Hulu Besut, setakat ini kita tidak ada perbandingan secara jelas dengan negeri-negeri yang lain tapi walau bagaimanapun, secara umum negeri-negeri yang lainpun dalam Malaysia ini ada juga terlibat ataupun kes-kes tangkapan khalwat



dan juga kesalahan jenayah seperti kita ini. Dan satu perkara lagi tu mengenai undang-undang kita ini Islam ke tidak Islam. Saya nak beritahu Dato' Yang Dipertua, undang-undang ini adalah Undang-Undang Islam, walaupun orang yang ditangkap ini tidak disebat, walaupun orang yang ditangkap ini tidak direjam dan sebagainya kerana kita tidak mendakwa mereka di atas kesalahan zina, kita hanya mendakwa mereka di atas kesalahan berkhawat. Berkhawat ini ialah kesalahan berdua-duaan di antara orang yang boleh kahwin, sah nikah, bukan mahram yang boleh menimbulkan keraguan bahawa mereka melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Jadi atas dakwaan mereka berdua-duaan di tempat yang tidak baik ini yang dilarang dalam agama kita ini maka kita adakan denda. Maka itulah kesnya jadi denda ini terserahlah kepada budibicara pihak pemerintah. Ini termasuk dalam perkara-perkara Takzir kerana undang-undang dalam agama kita ini kalau yang berkaitan dengan jenayah dia ada tiga; satunya ialah Hudud yang biasa kita sebut yang melibatkan beberapa 6 atau 7 kes. Yang kedua ialah Qisas iaitulah balas balik, bila orang mencederakan orang tanpa hak, dia berhak untuk dicerderakan oleh orang yang dicerderakan tadi ataupun dengan rundingan dan sebagainya. Yang ketiga, yang paling besar ialah yang berkaitan dengan Takzir (denda). Denda ini termasuk juga pukulan dan sebagainya ataupun denda wang dan sebagainya. Jadi jenayah, undang-undang yang kita kenakan kepada kesalahan-kesalahan yang kita sebutkan tadi, kesalahan Jenayah Syariah termasuklah persediaan melakukan persetubuhan haram, termasuklah minum minuman yang memabukkan ataupun termasuklah juga berkhawat dan sebagainya, ini adalah kita letak di bawah tuduhan ataupun kesalahan Takzir. Jadi dia tidak ada percanggahan dengan Undang-undang Islam kita, Dato' Yang Dipertua sebab itulah dia kena kepada semua orang-orang Islam tidak kira dia daripada parti mana-manapun kena belaka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah Yang Berhormat, ramai sangat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sebab Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan saya ni ada satu-dua lagi tetapi telah di *hijack* dengan izin oleh rakan-rakan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, dalam perbahasan karang mungkin bolehlah kalau ada nak .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Perbahasan tu mungkin serius sikit nak cakap tu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi

saya pohon sekiranya dibenarkan satu sahaja soalan tambahan yang terakhir Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silalah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada satu laporan akhbar bertarikh 13 Mac 2011, Sinar Harian, melaporkan seorang pegawai Wakil Rakyat dalam Parlimen Marang ditangkap khalwat sekitar jam 1.30 pagi di Kampung Alur Tuman, Pulau Kerangga, Marang. Lelaki berusia 52 tahun itu bersama pasangannya seorang warga Indonesia berusia 34 tahun ditemui dalam keadaan mencurigakan oleh Polis di tempat berkenaan. Sehari selepas itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, suatu laporan Polis telah dibuat pada jam 3.00 petang di Balai Polis Chendering, Kuala Terengganu kerana menyifatkan laporan berkenaan berunsur fitnah. Jadi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya bagi fakta kes yang saya telah bacakan sebentar tadi, berapakah hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah Daerah Marang dalam kes tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kalau tak silap saya hukumannya ialah RM1,800 yang mana tertuduh telah membayar denda dan pasangannya tidak membayar dan dikenakan hukuman penjara. Dan kes ini sebenarnya adalah di bawah kesalahan khalwat yang telah saya sebutkan tadi di mana pasangan ini berdua-duaan di dalam sebuah kereta dan ditangkap oleh Polis yang kemudiannya menyerahkan kepada Penguatkuasa Syariah kita dan keadaannya memang meragukan kerana tengah malam, satu kemudian pakaianpun katanya tak seberapa lengkap, ada dah terbuka, zip terbentang sedikit begitulah lebih kurangnya. Jadi kalau kita duk tengah berjalan mungkin kita tidak ragu nak pergi hantar orang dan sebagainya, ni keretanya dalam keadaan berhenti di tempat yang sunyi. Itulah yang saya katakan tadi berdua-duaan dalam keadaan yang meragukan, yang menimbulkan syak wasangka. Kalau duduk dalam kereta lari laju, orang dok fikir duk buat kerja ni tapi dalam keadaan tempat yang gelap. Jadi ini kesalahan di bawah khalwat, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah Yang Berhormat, ya. Saya jempot Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

*Apakah status terakhir Pusat Latihan dan Pengeluaran Produk Animasi di Pusat Niaga Paya Keladi, Kuala Terengganu dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri setakat ini?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Berkait dengan soalan yang diutarakan oleh Wakil Batu Burok. Status terakhir Pusat Latihan Paya Keladi adalah dijadikan sebagai Pusat Latihan ICT Negeri Terengganu di mana kursus-kursus komputer anjuran Unit Pengurusan Maklumat Negeri (UPMN) diadakan. Manakala jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri setakat ini adalah sebanyak RM4,458,780.47. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, tambahan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan yang lanjut tentang Program Pembangunan Tenaga Mahir dan e-Farm yang diadakan di Paya Keladi di mana ada Program Spyke Terengganu, Jasper Terengganu, Animasi Terengganu. Yang Berhormat Exco sebut tadi perbelanjaannya hanya RM4 juta. Jadi saya agak ragu dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebab saya difahamkan untuk renovasi sahaja di Paya Keladi itu memakan belanja lebih daripada RM4 juta. Dan saya dimaklumkan program ini telahpun ditamatkan dan pakar-pakar daripada luar negara yang kita bayar beratus-ratus ribu telah kembali ke negara masing-masing. Saya ingin penjelasan lanjut tentang program ini secara spesifik.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Sayapun tidak tahulah daripada mana Wakil Batu Burok tahu tentang perbelanjaan sebagaimana yang diberitahu tadi. Cuma yang telah Kerajaan Negeri belanjakan pertama sekali ialah pengubahsuaian bangunan termasuk penyediaan bilik server dan juga rangkaian internet berjumlah RM3,100,592.21. Peralatan komputer dan perisian berjumlah RM309,950.00. Pengurusan untuk tahun 2007 – 2008 termasuk bayaran bil utiliti, kos pembersihan bangunan dan bayaran kawalan keselamatan pada tahun 2007 adalah berjumlah

RM252,485.92, tahun 2008 RM33,782.34. Bayaran elaun Perantis seramai 203 orang pada tahun 2008 ialah RM363,970.00 dan bayaran kos latihan kepada EPICT selaku syarikat yang menguruskan Program Anim@ter RM398,000.00. Jadi jumlah keseluruhannya ialah RM4,458,780.47.

Pada tahun 2010, memang sebelum ini kita ada melahirkan seramai 1,727 orang Perantis daripada Program Pembangunan ICT ini termasuk ada seramai 283 orang ini yang terakhir yang mana kita buat kursus Anim@ter melalui Program e-Farm seramai 203 orang dan 80 orang melalui EPICT sama dengan Program ECER. Di mana sekarang ini pada peringkat awal memang perancangan Kerajaan untuk Perantis yang dilahirkan ini adalah mempunyai kemahiran dalam bidang animasi yang bertaraf antarabangsa dan mampu berdikari kerana konsep yang kita laksanakan untuk melaksanakan animasi ini adalah untuk memberi latihan selepas itu Perantis-perantis ini akan mendapatkan peluang-peluang pekerjaan melalui mereka berdikari sendiri iaitu melalui membuka perniagaan-perniagaan sendiri ataupun akan terlibat dengan syarikat-syarikat yang berkaitan yang kebanyakan syarikatnya berada di luar daripada Terengganu. Dan kerana setelah daripada kita melaksanakan program ini, Kerajaan Negeri telah menyatukan semua pusat-pusat ICT seperti yang kita buat M2Farm, D3D, Jasper, yang ini kita satukan di bawah Pusat Latihan Paya Keladi di bawah pengurusan UPMN. Jadi sekarang ini kita tidak fokus sangat kepada konsep animasi ini kerana kita telah berjaya dan sekarang ini kita memberi fokus kepada latihan-latihan ICT kerana sekarang ini kita sedia maklum bahawa ICT dari semasa ke semasa memang perubahannya begitu ketara sekali. Jadi oleh kerana itu, hari ini Kerajaan Negeri telah menyatukan semua pusat-pusat ini di bawah UPMN dan kita sekarang ini memberi fokus untuk kita memberi latihan kepada keseluruhan tidak lagi berfokus kepada animasi. Itu saja, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Silakan.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dengan izin Dato' Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut tentang Kerajaan Negeri tidak memberi fokus kepada *animation* ataupun animasi yang sebelum ini telah diberikan suatu perhatian khusus oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lalu yang mana pakar-pakar daripada luar negara telah dibawa daripada Australia, daripada Amerika, daripada United Kingdom, daripada negara-negara Eropah telah dibawa ke sini dan melatih anak-anak Terengganu dalam program ini. Jadi apa rasionalnya kita tutup program ini atau kita matikan program ini sedangkan kita telah berbelanja besar untuk melahirkan anak-anak Terengganu yang mempunyai *skill* dalam animasi ini. Mintak penjelasan lanjut.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Sebab konsep yang Kerajaan laksanakan ialah kita sebenarnya memberi latihan dan tidak selama-lamanya kita akan bergantung kepada tenaga-tenaga daripada luar. Sekarang ini kita sudah merasa bahawa kepakaran yang telah dihasilkan oleh pelajar-pelajar ini sudah mampu untuk mereka melaksanakan sendiri dan kebetulan dalam era sekarang ini kita memberi fokus kepada penggunaan ICT kita melalui Program e-Books. Jadi kerana itu hari ini ada sebahagian daripada perantis-perantis yang kita lahirkan itu sebenarnya sekarang ini sudah bertugas sebagai EIO dan sebahagian besarnya bekerja di Kuala Lumpur dengan syarikat-syarikat yang berkait dengan animasi dan sebagainya. Jadi kerana ini adalah merupakan target Kerajaan kita dari segi objektif pelaksanaannya kerana kita sebenarnya yang mustahak bagi kita nak laksanakan dulu adalah untuk kita nak memastikan bahawa anak-anak Terengganu akan terlibat ataupun akan berkecimpung dalam bidang-bidang ICT terutama dari segi *animation*. Dan sekarang ini Kerajaan tidak ada masalah kerana daripada peserta-peserta yang mengikuti kursus hari ini, kita memang memberi galakan kepada mereka untuk mereka meneruskan sekiranya mereka ini sendiri nak melaksanakan Program Animasi di Negeri Terengganu memang tidak ada masalah tetapi kebetulan kerana kita sedia maklum bahawa yang berkait dengan *animation* ini fokusnya banyak di Kuala Lumpur. Jadi oleh kerana itu kita di Terengganu tidak nampak sangat dari segi keberkesanan ataupun kejayaan dari segi program yang kita buat tapi apabila kita melihat daripada 1,727 orang anak-anak kita yang lahir daripada kursus yang kita buat ini ramai yang sebenarnya yang telah antaranya melanjutkan pelajaran dan ada juga yang telah terlibat secara langsung dan ada yang telah membuka syarikat-syarikat ataupun membuka pusat-pusat animation sendiri atau yang berkait dengan animasi walaupun tidak besar tetapi ianya juga menjadi suatu kebanggaan kepada kita Kerajaan. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Penjelasan tentang status bangunan di Paya Keladi itu sendiri, apakah status bangunan itu?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Seperti yang saya sebut tadi bahawa kita telah merangkumi semua, kita telah gabungkan semua dan sekarang ini kita telah satukan pusat-pusat latihan itu tadi dan duduk di bawah UPMN di mana Pusat Latihan Paya Keladi ini sekarang kita jadikan pusat latihan di bawah UPMN dari segi fokus kita untuk memberi latihan kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan untuk melatih juga kakitangan Kerajaan

Persekutuan dan juga Badan-badan Berkanun selaras dengan hasrat Membudayakan ICT Dalam Pentadbiran. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama -

*Bagaimanakah pencapaian disiplin pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Terengganu sepanjang tahun 2010?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Salam Sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada soalan yang diutarakan oleh Wakil Jabi. Wakil Jabi ingin mendapat penjelasan berkait dengan pencapaian disiplin pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Terengganu sepanjang tahun 2010.

Pencapaian disiplin pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Negeri Terengganu sepanjang tahun 2010 bertambah baik. Ini berdasarkan kepada peratus salah laku disiplin murid yang menurun sebanyak 0.17% daripada 2.83% pada tahun 2009 kepada 2.66% pada tahun 2010. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya merasa gembiralah kerana prestasi dan pencapaian disiplin pelajar keseluruhan menengah dan rendah di Terengganu bertambah baik. Tetapi ada juga perkara-perkara yang perlu diberi perhatian di sekolah-sekolah sekarang ini. Yang pertama, saya juga ingin dapat penjelasan mengenai tahap pencapaian disiplin pelajar khususnya mengenai ponteng sekolah dan juga ketidakhadiran ke sekolah yang saya kira sangat berleluasa sekarang ini.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Memang kita ketahui sekarang ini permasalahan disiplin pelajar adalah merupakan satu permasalahan yang agak ketara. Kerana memandangkan daripada apa yang berlaku pada hari ini termasuk juga masalah-masalah Mat Rempit dan sebagainya. Dan kerana itu hari ini Kerajaan Negeri bersama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu banyak melaksanakan program-program dan juga kita banyak membantu Jabatan Pelajaran Negeri

Terengganu untuk memastikan perkara-perkara seperti yang saya sebut tadi dapat dikurangkan dan mungkin insyaAllah suatu hari nanti kita dapat sifarkan. Jadi di antara program-program yang dilaksanakan secara usahasama Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan juga Kerajaan Negeri ialah melalui, pertamanya, Program Kaunseling Berfokus di mana sekarang ini kita dapati bahawa pihak sekolah hari ini mengambil beberapa tindakan dan memastikan pelajar-pelajar bermasalah ini perlu diberi dulu nasihat, dikenal pasti apakah punca masalah dan sebagainya. Selain daripada itu juga diadakan:

- Program Intevensi Ponteng, Bimbingan Dan Kaunseling,
- Kursus Kesejahteraan Diri Murid Perempuan (berisiko salah laku & sosial)
- Kursus Kesejahteraan Diri Murid Lelaki (berisiko salah laku & sosial)
- Gerakan Pendidikan Keremajaan Murid Perempuan (bagi membendung salah laku seksual dan isu sosial).
- Kempen bergerak menangani gejala sosial anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan semua daerah.

Dan selain daripada itu, kita juga bersama dengan di bawah pihak Yayasan Terengganu baru-baru ini macam tahun lepas kita telah berjaya menganjurkan satu program yang melibatkan 3,000 orang pelajar-pelajar SPM tahun 2010 untuk melaksanakan yang kita panggil sebagai Program Terbilang yang mana pelajar-pelajar yang kita nampak tidak berapa cemerlang ataupun tidak berapa fokus kepada akademik, kita telah membantu mereka ini untuk mengikuti kursus di pusat-pusat latihan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya kita hantar mereka ini ke ILP (Institut Latihan Perindustrian), Akademi Binaan Malaysia, TATIUC, TESDEC, TTITC dan juga beberapa lagi pusat latihan dan sebahagian daripada mereka ini sudah menamatkan program ini selama 3 bulan dan sebahagian lagi masih meneruskan. Dan ini adalah juga sebagai suatu kerjasama yang kita telah laksanakan bagi membendung permasalahan ini. Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya rasa nak mintak penjelasan semulalah mengenai salah laku-salah laku yang sekarang ini serius, yang pertama ialah pelajar-pelajar menengah atas yang terlibat dengan merokok dan juga penyalahgunaan pil kuda. Yang saya kira di setiap buah sekolah boleh dikatakan ada kes seperti ini. Yang kedua, yang disebut oleh Yang Berhormat Exco tadi ialah salah satu program peningkatan remaja perempuan dari segi seksualnya kerana baru-baru ini ada beberapa buah sekolah yang telah dikenal pasti pelajar perempuannya telah menyimpan gambar lucah sebanyak 1,000 keping dalam netbook yang telah diberi oleh Kerajaan Malaysia. Jadi apakah langkah kita nak buat kepada kes-kes seperti ini kerana

kalau kita biarkan sudah tentu kes ini akan merebak semakin banyak, semakin banyak setiap masa hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Seperti yang saya sebut tadilah bahawa kita hari ini memang dari segi Jabatan Pelajaran dan juga Kerajaan Negeri memang melaksanakan beberapa program tetapi pokok pangkalnya kita kena kembalikan semula bahawa fokus sebenarnya terhadap pelajar-pelajar ini adalah terletak kepada ibu bapanya. Jadi kerana itu jugalah di samping program-program yang kita laksanakan berasas kepada pelajar ini, ada juga program-program yang dilaksanakan kepada ibu bapa melalui program-program, ceramah-ceramah Pendidikan Keibubapaan yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga dan sebagainya. Dan kita memang hari ini mengenal pasti perkara-perkara yang disebut oleh Wakil Jabi tadi termasuk juga dari segi kesalahan membawa pil kuda ataupun kesalahan dari segi penyalahgunaan dari segi pil-pil dan sebagainya. Dan kalau perkara-perkara yang sebegini memang kita serahkan kepada undang-undang sebab walaupun perkara-perkara ini perkara yang kita rasa suatu perkara yang perlu ditangani oleh pihak sekolah, walau bagaimana kalau yang melibatkan perundangan, melibatkan kepada kesalahan dari segi melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang, perkara ini pihak sekolah akan ketengahkan kepada pihak Polis dan sebagainya. Dan ada pelajar-pelajar kita yang telah dikenakan tindakan termasuk dihantar ke Pusat Latihan Juvana dan sebagainya. Saya minta maaf sebab saya perlukan notis untuk menyatakan data-data berkaitan dengan perkara yang disebut oleh Wakil Jabi. Seperti yang saya sebut tadilah seperti isu-isu yang diberi oleh Kerajaan hari ini seperti Netbook, e-Book dan sebagainya tetapi kalau tidak ada pengawasan daripada pihak ibu bapa saya tak nampak apa saja yang kita dengan cemerlang sebab itulah apa yang kita perlukan sekarang ini ialah gandingan bukan hanya terletak, bukan hanya terletak kepada Kerajaan tetapi masyarakat dan juga ibu bapa kena main peranan kerana ini adalah merupakan masalah kita bersama. Jadi saya harap perkara ini perlu ditangani sebaik-baiknya bukan hanya di pihak Kerajaan tetapi juga di pihak Pembangkang dan juga masyarakat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Y.B. Wakaf Mempelas, saya tak habis lagi ni. Biar saya habis dulu, sekejap lagi ambillah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek sajalah Jabi, ya. Saya akan bagi selepas ini kepada Wakaf Mempelas. Boleh Jabi, pendek dan ringkas.



YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya akhir kalamnya dalam bab disiplin pelajar, saya nak mohon kepada Kerajaan supaya mencadangkan kepada jabatan dan juga kementerian supaya guru-guru disiplin ini diberi jawatan khusus dan juga diberi tanggungjawab. Sekarang ini ramai di kalangan guru sekolah tidak mahu menjadi Guru Disiplin kerana membebankan kepada guru tersebut. Guru Disiplin hanya setaraf dengan guru-guru biasa sahaja tidak seperti Guru Penolong Kanan (HEM), Guru Pakar dan sebagainya. Apa salahnya untuk membendung masalah ini, Kerajaan mencadangkan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan supaya Guru Disiplin ini diberi pangkat dan juga diberi tanggungjawab yang khusus dengan kenaikan gaji dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Jabi, semua guru adakah Guru Disiplin. Cuma ada beberapa guru yang diletak sebagai atau untuk bertanggungjawab secara langsung. Jadi dari segi masalah untuk menangani masalah disiplin bukan sahaja berfokus kepada guru yang diberi tanggungjawab sebagai jawatan Guru Disiplin kerana istilah Guru Disiplin pada hari ini ialah kepada semua guru, semua guru adalah Guru Disiplin.

Jadi sebenarnya dari segi apa yang disebut oleh Wakil Jabi ini sekarang ini sedang diperhalusi oleh Kerajaan dan kitapun sudah dapat makluman bahawa sebenarnya sekarang ini sedang diperincikan untuk mewujudkan satu jawatan berkait dengan Guru Disiplin di sekolah tetapi yang menjadi persoalan kepada kita hari ini ialah sekarang ini daripada *trend* yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran hari ini adalah menjadikan Guru-guru Disiplin hari ini bukan lagi menjadi Guru Disiplin sepertimana yang dulu menggunakan kekerasan kerana pelajar dalam masa sekarang ini tidak boleh ditangani dengan kekerasan tetapi kita perlu memastikan bahawa tindakan yang dilaksanakan oleh guru-guru ini adalah suatu tindakan yang betul-betul memastikan bahawa pelajar itu sedar, pelajar itu akan insaf dan insyaAllah pelajar ini akan dapat dibentuk menjadi pelajar yang sangat bagus, pelajar yang sangat hebat demi untuk masa depan anak bangsa dan juga negara kita pada masa yang akan datang. Jadi oleh kerana itu, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia sekarang sedang menghalusi supaya istilah Guru Disiplin itu tidak lagi sebagai Guru Disiplin kita yang lalu tetapi Guru Disiplin yang betul-betul memastikan bahawa Guru Disiplin ini adalah guru yang dapat menyelesaikan permasalahan disiplin di sekolah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Jabi, Wakil Parlimen Setiupun ada boleh bawa ke Parlimen hal-hal yang dibangkitkan itu. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ini Ahli Parlimen Kuala Terengganu nak bertanya. Saya bersetuju dengan pandangan rakan saya Jabi dan saya kesal dengan jawapan Exco menuduh ibu bapa, tuduh Pembangkang seolah-olah macam kita punca. Dia benda ini saya harap Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan kena menyelesaikan secara holistik, *root of the problem*, punca akar umbinya apa? Jadi kalau macam dulu kes Aids (HIV) secara nak selesai cara mana dibuat? Beri stoking, edarkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya sekarang ini Yang Berhormat, soal sekolah agama yang kurang sebagai contoh. Kerajaan tak fikir ke nak tambah sekolah agama, sekarang ini orang nak selesai masalah disiplin, mak ayah tak boleh nak buat apa, serah ke sekolah agama. Sekolah agamapun ada kes bergaduh, bergocoh. Baru-baru ini berlaku di Marang, di Durian Guling. Jadi biarlah kalau boleh saya mintak Yang Berhormat kalau boleh berilah jawapan yang lebih bertanggungjawab, jangan duk salah ke ibu bapa, duk salah ke Pembangkang, duk ke salah ke orang itu, ini. Yang ini saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya daripada Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat Seberang Takir saya fikir tak perlu emosi sebenarnya tidak ada tuduhan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sayapun rasa Y.B. Wakaf Mempelam dia tak faham tu. Saya kata kita perlu dapatkan kerjasama daripada semua pihak kerana ini adalah tanggungjawab bersama. Saya tak menyalahkan sebab saya sendiripun Yang Berhormat Wakaf Mempelam hairan jugak sebab merempit-remplit sekarang ini duk berlaku di kawasan-kawasan tertentu sahaja, ada di Wakaf Mempelam, di Batu Burok, Durian Burung, jadi dia tidak berlaku di Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sekejap. Merempit di kawasan Wakaf Mempelam tu sebabnya jalannya sedap .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam! Sila Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi sebenarnya saya rasa saya dah jawab apa yang disebut oleh Yang

Berhormat Wakaf Mempelam. Tadi Yang Berhormat Wakaf Mempelam ada memberitahu Sekolah Agama Marang, jadi saya rasa Yang Berhormat Wakaf Mempelam boleh bantu Sekolah Agama Marang tu kerana kebetulan orang rumah Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk di situ, jadi boleh bantu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya betulkan, Sekolah Agama Durian Guling di Marang bukannya ....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Oh! Tadi saya dengar Sekolah Agama Marang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekolah Agama di Marang tapi di Durian Guling. Sekolah Menengah Agama Durian Guling.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi sebenarnya sukalah saya nak beritahu bahawa masalah disiplin pelajar ini bukan hanya berlaku di sekolah biasa juga berlaku di sekolah agama dan juga berlaku di sekolah asrama penuh. Dan inilah yang saya sebut tadi bahawa gandingan daripada semua termasuk ibu bapa, masyarakat, Kerajaan, Pembangkang juga guru-guru, pihak sekolah perlu berganding bahu untuk menyelesaikan masalah ini. Kita perlu ingat hari ini bahawa apabila berlaku sahaja jenayah pelaku jenayah ini dia tidak kira dah rumah siapa-siapa, baik rumah orang Kerajaan, rumah Pembangkangpun dia tidak kira, dia tak tanyapun dulu. Jadi kerana itu masalah ini adalah masalah bersama. Jadi saya berharap perkara ini kita tidak jadikan isu politik kerana ini sebenarnya isu globalisasi yang sedang berlaku bukan hanya di negara kita tetapi juga berlaku di seluruh dunia. Jadi oleh kerana itulah gandingan daripada semua pihak perlu dilaksanakan dengan sebaiknya demi untuk masa depan anak bangsa kita. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, kita setuju dengan Seberang Takir sebagaimana yang kita dikejutkan di Perlis pada bulan lepas, sekolah agama di Perlis. Untuk soalan seterusnya saya menjemput Rhu Rendang yang diwakilkan kepada Wakaf Mempelam, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana Wakil Rhu Rendang ada urusan penting yang tidak dapat dielakkan terpaksa ke Kuala Lumpur dan oleh kerana jugak soalan saya ditolak belaka dua-dua, jadi saya mengemukakan soalan bagi pihak Rhu Rendang, soalan yang pertama, Terima kasih -

*Sila nyatakan terma-terma yang dipersetujui dalam rundingan antara Kementerian Kewangan, Kerajaan Terengganu dan Petronas untuk mengembalikan semula Royalti Petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan nyatakan jumlah yang telah dibayar pada bulan Mac 2011 yang lepas?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Untuk pengetahuan bahawa tidak terma baru dan tiada perjanjian baru akan dibuat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dan sehingga bulan Mac 2011, Kerajaan Negeri Terengganu menerima wang royalti sebanyak RM670 juta. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan. Tiada terma baru, tiada perjanjian baru dan terima royalti RM670 juta sehingga Mac 2011. Royalti ke Dana Khas ni, biar jelas?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, jumlah yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM938 juta. Pemberian pertama sebanyak RM670 juta, insyaAllah minggu ini akan kita terima lagi RM150 juta dan baki RM118 juta akan diagihkan pada bulan Jun menjadikan semua yang diberikan oleh Petronas kepada Kerajaan Pusat sebanyak RM938 juta akan diterima oleh Kerajaan Negeri menjelang Jun ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya masih tidak berpuas hati. Perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Petronas yang bayar ni cukup angka RM670 juta, RM938 juta ini angka genap. Masa Petronas bayar hari itu sampai senpun dia kira maknanya dia tidak ada kaitan dengan kementerian. Kementerian Kewangan (Kerajaan Pusat) dia sendiri dapat 5% macam Negeri Terengganu dapat jugak. Jadi soalnya sekarang ini bilakah nak selesai isu dulu yang dikatakan ada dipersetujui dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun kata bulan 3 sepatutnya kita dapat jadi dapat dalam keadaan ini tak ada beza dengan tahun-tahun sebelum pada ini bukan dalam bentuk royalti. Yang itu saya nak mintak kalau boleh biar dapat pengesahan bila nak beri dalam bentuk royalti ikut perjanjian asal sepertimana perjanjian yang ditandatangani pada 22hb. Mac 1975.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita diberitahu bahawa Petronas membayar sebanyak RM938 juta dan kita akan

menerima RM938 juta dibayar secara *staggered* oleh Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kewangan. Dan sebagaimana yang saya katakan tadi tidak ada perjanjian baru yang akan ditandatangani, tidak ada terma baru yang akan dipersetujui maka ia kekal begitu cuma dibayar melalui Kerajaan Pusat, jumlahnya sama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut secara spesifik adakah pembayaran ini merupakan royalti 5% menurut perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Petronas dan Kerajaan Persekutuan? Itu yang pertama. Yang keduanya, saya ingin mendapat penjelasan tentang penggunaan duit royalti Terengganu yang Yang Amat Berhormat telah sebut di Dewan Negeri ini digunakan oleh badan-badan dan disalurkan ke negeri-negeri lain dan dibelanjakan dengan wang royalti Terengganu itu, contohnya dari segi Projek Perumahan Negara yang dibelanjakan dengan jumlah ratusan juta dan bagaimana untuk kita dapatkan kembali dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam di mana Yang Amat Berhormat telah berjanji *by March* ataupun menjelang Mac tahun ini selesai royalti minyak Terengganu dengan Federal. Tambahan pulak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jugak menyebut bahawa royalti akan diselesaikan pada tahun lepas lagi. Jadi sekarang ini tidak ada suatu yang jelas tentang ini, mohon penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, RM938 juta adalah royalti yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Pusat yang kemudiannya disalurkan kembali kepada Kerajaan Negeri. Maknanya Kerajaan Pusat tidak akan mengambil satu senpun daripada ini cuma tidak dibayar terus kepada Kerajaan Negeri. Ini apa yang berlaku setakat ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Adakah itu 5%? RM980 juta itu merupakan 5% .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: RM938 juta.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): 5%?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: 5%.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Okey.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini yang diberitahu oleh Petronas semasa rundingan kita terakhir baru-baru ini. Dan yang keduanya, kerana masih ada lagi beberapa perkara lagi yang tidak selesai kerana semasa dulu masa Dana Khas dulu ada peruntukan duit Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Pusat digunakan untuk projek-projek lain dan ada katanya projek yang komited itu masih belum selesai bayarannya sebab itu kita mahu tengok keseluruhannya berapa lagi yang berbaki dan sebagainya. Dan kita dimaklumkan bahawa selepas ini dan setelah selesai saya mintak kita selesaikan sekaligus mana sahaja yang *balance* dan sebagainya maka kita harap tidak ada lagi. Sebab itu semasa rundingan yang terakhir baru-baru ini mereka bersetuju menyerahkan sepenuhnya kepada kita tetapi ada lagi perkara-perkara yang masih belum selesai sebab itu dia beri secara *staggered* yang baki RM670 juta ini kepada dua kali iaitu RM150 juta dan RM118 juta menjadikan RM938 juta.

Yang keduanya Dato' Yang Dipertua, mengenai apa yang saya sebut dulu duit-duit Kerajaan yang digunakan semasa itu yang akhirnya kita telah menyatakan bahawa sebanyak RM2.169 bilion perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri dan setelah rundingan ini selesai tetapi ada sedikit lagi masalah yang belum dapat kata putus iaitu soal pembinaan Lapangan Terbang Sultan Mahmud peringkat kedua yang mana hari itu saya telah mintak supaya sebanyak RM400 juta dikembalikan kepada Kerajaan Negeri dan pada peringkat awal dipersetujui tapi belum dapat pengesahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia bersetuju hari itu cuma RM1.7 lebih tapi kita mendesak supaya RM400 juta dibayar menjadikan jumlah keseluruhannya RM2.169 bilion dengan bayaran RM219 juta setahun pada setiap Januari. Dan ini kita lakukan baru-baru ini pada mesyuarat terakhir 5hb dan hanya menunggu pengesahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kes Lapangan Terbang sahaja lagi yang belum dimuktamadkan. Bila perkara ini dimuktamadkan barulah dia akan bayar sebanyak RM219 juta sebagaimana dituntut oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sangat jelas tu Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah Yang Berhormat sebab setiap bersidang kes ini sentiasa dijawab dan soalnya sama saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Yang Berhormat. Dijemput Wakil Tepoh untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan segera bagi maksud melebar dan menaik taraf jalan raya bermula dari Bulatan Batu Enam hingga ke Kampung Petaling, Tepoh?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan daripada Wakil Tepoh ialah apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan segera bagi maksud melebar dan menaik taraf jalan raya bermula dari Bulatan Batu Enam hingga ke Kampung Petaling, Tepoh?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memang mempunyai perancangan untuk melebar dan menaik taraf jalan raya bermula daripada Bulatan Batu 6 hingga ke Kampung Gemuroh termasuk Kampung Petaling, Tepoh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Bilakah agaknya perancangan itu sebab saya kira lebuh raya LPT Fasa II mungkin boleh digunakan sekitar pertengahan ataupun akhir tahun depan 2011. Saya tengok yang pastinya daripada Bulatan Batu 6 hingga ke Kampung Petaling tempat jalan baru yang dibuat yang melibatkan Jambatan Jeram Tokkong tersebut seperti akan berlakunya dengan izin, *bottle neck* antara Batu 6 ke Petaling atau ke Gemuroh. Nampak tak comel sangat, lebuh raya comel dah siap tapi sampai di situ jadi *tercekkek*, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang cadangan menaik taraf jalan ini kepada jalan utama dengan izin, dua *carriage way*, dua lorong dan dua hala di mana ianya akan menjadi satu rangkaian jalan yang selamat kepada pengguna jalan raya dan dijangka akan dapat mengurangkan kadar risiko kemalangan. Itu

seperti mana bayangan yang diberi oleh Yang Berhormat Tepoh. Dan laluan ini merupakan jalan utama menuju ke *Interchange* Gemuroh di Lebuhraya Pantai Timur Fasa II dan berasaskan kepada keadaan semasa sekarang laluan ini memang amat wajar dinaiktaraf memandangkan laluan ini menjadi laluan utama yang akan digunakan untuk ke Pusat Pengajian Tinggi, Lapangan Terbang serta juga Kompleks Sukan Negeri Terengganu. Jadi oleh itu projek ini telah dipohon di bawah dengan izin, *Second Rolling Plan*, Dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Keseluruhan jalan ini adalah di bawah Jalan Persekutuan. Dan anggaran kos bagi projek ini ialah sebanyak RM150 juta dan peruntukan dipohon bagi tahun 2012 dan 2013 adalah RM34 juta. Jadi setelah peruntukan ini mendapat kelulusan maka selepas pada itulah baru kerja-kerja pembinaan jalan ini mengikut keutamaan yang telah disebut tadi dapat dijalankan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan lagi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Apakah Kerajaan Negeri sedar atau tidak sebab saya difahamkan seolah-olah jalan ini sudahpun ada peruntukannya di peringkat Pusat dan seperti telahpun ada kontraktornya. Apakah Kerajaan Negeri tahu atau sedar tentang perkara tersebut?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut tadi projek ini dipohon di bawah *Second Rolling Plan*, dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan memang tidak ada maklumanlah ada peruntukan dan kontraktornya sekali tu. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang akhirlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Perkara ini lari sikitlah sebab berkait dengan Bulatan Batu 6, daripada *traffic light* Semarak hinggalah ke Bulatan Batu 6 kita dapati pihak JKR telah buang *guardrail* yang ada itu, apakah sebenarnya sebab ataupun alasan yang menasabah *guardrail* tersebut dibuang kerana masyarakat setempat merungut tentang perkara tersebut? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jalan susur Yang Berhormat dibuka.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Soalan Yang Berhormat beritahu itu, soalan ini lari sikit daripada hak itu sebab itu duk fikir dekat mana lari tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau Yang Berhormat nak notis boleh beritahu Yang Berhormat Tepoh.



YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Yang Dipertua, setakat yang saya ada makluman, ada sebahagian laluan telah diambil tindakan semasa untuk memindah *guardrail* untuk memudahkan laluan, kalau laluan itu dulunya dua lorong (kiri dan kanan) dan dengan mengalih sebahagian daripada *guardrail* tersebut akan memberi lebih keselesaan sebagaimana sebelah daripada jalan itu dapat diwujudkan dua laluan dan memberi keselesaan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat Tepoh boleh rujuk khusus berhubung dengan jalan itu kepada pihak Kerajaan selepas pada ini. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Sila nyatakan status terkini pembinaan, pembangunan dan perkembangan pusat penternakan kambing Boer di Padang Ipoh, Tersat, Kuala Berang?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Berang atas pertanyaannya berkenaan dengan status terkini projek penternakan kambing Boer di Tersat, Kuala Berang.

Dato' Yang Dipertua, sebenarnya projek ini dilaksanakan oleh ECER melalui peruntukan Kerajaan Pusat. Projek ini terdapat tiga komponen utama. Yang pertamanya, pembangunan 5 ladang ternakan pengganda di mana kemajuannya sudah mencapai 30%. Yang kedua, pembangunan ladang ternakan nukleus kemajuannya jugak 30%. Yang ketiganya, pembangunan ladang untuk R&D yang ini baru mencapai 15%. Projek ini dijangka akan siap pada 20hb September 2012 dan setakat ini kemajuannya memang mengikut perancangan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin penjelasan yang lanjut berkenaan dengan projek ini kerana nilai yang saya dimaklumkan kosnya agak tinggi dan saya berharap kita tak nak jadi macam yang sebelum ini di ladang ini kita telah

usaha dengan projek lembu dan sampai hari ini lembupun sudah habis semua dah. Saya jugak bagi pihak daerah kerana kita tahu projek ini mempunyai impak yang besar jadi kita berharap supaya Kerajaan dapat memperjelaskan kepada rakyat di mana hari ini saya ingin tahu iaitu apakah sebenarnya hala tuju Kerajaan dengan program ini dan bagaimanakah pencapaiannya dari segi program yang disebutkan oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi yang telah dicapai supaya kita dapat tahu bahawa sebagaimana kata Wakil Kerajaan dari segi pembangunan melalui tiga komponen yang dinyatakan tadi. Saya nak tahu hari ini ialah apakah sebenarnya hala tuju Kerajaan dengan program ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertamanya, projek ini projek Kerajaan Pusat, peruntukannya memang besar asalnya peruntukannya sebanyak RM54 juta yang melibatkan kawasan yang agak besar atas tanah milik Kerajaan Pusat seluas 550 ekar dan dengan hasratnya untuk nak mewujudkan suatu industri ternakan kambing yang besar dan berpusat di Negeri Terengganu. Dijangka keseluruhannya apabila beroperasi besok sebanyak 3,500 ekor kambing yang terlibat. Keseluruhan kambing yang ditenak di ladang ini merupakan kambing baka yang akan diedarkan kepada seluruh penternak-penternak di Malaysia. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, saya ingat sudah jelas dah Yang Berhormat. Ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dapat maklum program ini telahpun bermula sejak tahun 2010 lagi iaitu program kemasukan kambing Boer tapi saya dukacitanya kambing ini sudah tidak ada dah hari ini, jadi apa cerita ni sebab itu saya nak penjelasan tadi, apakah sebenarnya hasratnya, kalau main keluar masuk, keluar masuk, saya rasa rugilah. Jadi kita nak tahu apakah sebenarnya selepas ini sebab kita kurang jelas ni.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, apa yang disebut oleh Wakil Kuala Berang, memang di kawasan ini pernah dimasukkan kambing suatu masa dulu oleh sebuah Syarikat TADC sebanyak 500 ekor dan kambing itu merupakan kambing baka tapi oleh kerana di kawasan ini belum masa itu belum siap keseluruhannya lagi oleh kerana itulah kambing-kambing itu ditenak di kawasan lain. Kawasan ini keseluruhannya baru 30% siap dan dijangka siap keseluruhannya pada 20hb September 2012.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat sudah jelas tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak payah dah Yang Berhormat. Kita dah luang masa panjang di situ, Yang Berhormat tanyapun sudah dijawab dua kali, hala tuju dah jelas, statuspun dah jelas, kalau nak lanjut lagi saya ingat Yang Berhormat buat lawatanlah sebab di kawasan Yang Berhormat Kuala Berang. Yang Berhormat Kerajaan boleh bawa biar lebih jelas lagi dan supaya dapat diperjelaskan kepada rakyat. Saya nampak soalan yang kita ambil masa sedikit untuk soalan asal Yang Berhormat, soalan seterusnya agak penting saya bagi kepada Ladang tapi tidak ada soalan tambahan. Soalan asal Yang Berhormat, sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

*Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah perparitan di seluruh negeri terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Ternyata ketika berlaku hujan lebat pada bulan Mac baru-baru ini air naik di merata tempat di kawasan perumahan di semua kawasan Majlis-Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila pihak Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan bandar serta PBT di seluruh negeri ialah:

1. Mengadakan satu kajian sistem perparitan secara menyeluruh di semua PBT.
2. Membina parit dan longkang yang *over size* berasaskan kepada kajian asal yang dibuat oleh konsultan.
3. Memperkenalkan dasar iaitu tidak meluluskan setengah-setengah kawasan paya menjadi kawasan takungan sebagai kawasan pembangunan.
4. Mengadakan satu dasar di mana pembangunan atau pelupusan tanah kita hadkan kepada maksimum tahap tertentu kerana apa yang berlaku hari ini kita lihat kawasan yang rendah bagi mereka yang buat rumah pertamanya ditambun 3 kaki, rumah yang kedua

puak menambun 4 kaki dan seterusnya semakin tinggi akhirnya kawasan yang telah ditambunpun ditenggelami air.

5. Masalah keadaan semula jadi di Negeri Terengganu ini yang berada berhampiran dengan laut dan tebing sungai kita rendah dan apabila banjir atau hujan lebat dan kadang kala bertembung air pasang menyebabkan kata orang Terengganu '*berdembok*' dan bukan sahaja air daripada hujang turun ke longkang tapi air laut masuk ke dalam longkang inilah perkara yang berlaku.

Dan sebab itulah Kerajaan menyedari hal ini dan Kerajaan dari masa ke semasa telah membuat perancangan iaitu dengan memperkenalkan secara mendalam mengenai *Monsoon Drain* ini. Justeru itu, dua jabatan Kerajaan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini, apabila melibatkan Monsoon Drain ia sudah tentu melibatkan Jabatan Pengairan Dan Saliran dan sumber kewangan kita dari dua sumber iaitu dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Dan satu lagi kerja-kerja perparitan dilakukan oleh pihak PBT sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bahawa hujan yang terlalu lebat baru-baru ini tidak dapat menampu atau ditampung oleh sistem perparitan kita yang sedia ada. Di samping itu, kita juga mempunyai masalah dari segi pembinaan longkang ini kerana terpaksa melalui tanah orang ramai dan terpaksa mengambil balik tanah-tanah tersebut dan sudah tentu ia akan memakan masa yang agak panjang. Di samping itu juga Dato' Yang Dipertua, setakat ini kalau boleh saya bacakan iaitu bermula 2005 hingga 2010, peruntukan yang telah kita salurkan menerusi Jabatan Pengairan Dan Saliran sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM121 juta untuk membina sistem perparitan yang terdapat di seluruh Negeri Terengganu dan kalau diizinkan boleh saya baca sepintas lalu Dato' Yang Dipertua iaitu projek-projek yang telah siap:-

1. Saliran DC4 Seberang Takir RTB Kuala Terengganu sebanyak RM3.07 juta siap pada Februari 2009.
2. Sistem Saliran Bukit Besar RTB Kuala Terengganu RM2.38 juta siap pada Disember 2009.
3. Sistem Saliran Fasa 1 Putrajaya RTB Setiu RM3.25 juta siap pada Januari 2010.
4. Sistem Saliran Utama Taman Rakyat RTB Dungun RM1.58 juta siap pada April 2010.

5. Sistem Utama Pulau Serai Fasa 1 RTB Dungun RM4.24 juta siap pada 2 Julai 2010.
6. Saliran Bandar Cukai, Kemaman RM15.90 juta siap pada November 2009.
7. Saliran Utama Tok Adis, Kuala Terengganu RM3.30 juta siap pada Disember 2008.
8. Saliran Pekan Batu 6, Kuala Terengganu RM0.42 juta siap pada Mac 2008.
9. Saliran Utama Kampung Gong Pauh, Kuala Terengganu RM0.3 juta siap pada Jun 2008.
10. DC4 Kompleks Sukan Gong Badak RM3.5 juta siap pada 2006.
11. Sistem Saliran Utama Kampung Cacar, Paka RM0.2 juta siap pada tahun 2005.
12. Saliran Utama Balai Besar, Dungun RM1 juta siap pada tahun 2005.
13. Saliran Utama Fasa II Pengkalan Pandan RM2.7 juta siap pada tahun 2005.

Bermakna projek-projek yang siap sebanyak RM41.86 juta manakala projek-projek dalam pelaksanaan:-

1. Kerja-kerja tebatan banjir Taman Pusu Tiga, Kuala Terengganu, RM56.5 juta yang menjadi isu utama di mana kawasan ini merupakan kawasan tadahan yang dijadikan kawasan perumahan dan kita terpaksa membuat satu program baru yang dinamakan Sistem Ban dan alhamdulillah nampaknya berjaya dan sistem ini akan diperkenalkan pula di Taman Rakyat Dungun yang sekarang ini kerja-kerja mengeluarkan tender telahpun dilaksanakan. Di mana kos RM56.5 juta bagi Taman Pusu Tiga telahpun siap pada bulan Mei 2011.
2. Menaikkan taraf Sistem Perparitan Sungai Kerak, Marang, RM3.97 juta dijangka siap bulan Disember 2011.

3. Menaikkan taraf Sistem Perparitan Taman Awam Batu Burok, Kuala Terengganu kerja-kerja sedang berjalan sekarang dan dijangka siap pada Disember 2011, RM5.51 juta iaitu bagi mengatasi masalah banjir yang masih berlaku di kawasan Batu Burok dan kawasan resort di sekitar Batu Burok.
4. Sistem Saliran TIP Lembah Bidong, Setiu, RM3.55 juta dijangka siap November 2011.
5. Sistem Saliran Kampung Caluk, Setiu, RM2.57 juta dijangka siap Disember 2011.
6. Sistem Saliran Bandar Baru Kijal Fasa 1, RM21 juta dijangka siap Februari 2012.

Di samping itu, dalam proses tender Dato' Yang Dipertua iaitu:-

1. Sistem Saliran Paka, Dungun RM5 juta.
2. Sistem Saliran Taman Rakyat Fasa 2 dijangka RM9 juta.
3. Sistem Saliran Lapang Sasar Padang Golf Tok Jiring, Kuala Terengganu RM4.5 juta.
4. Sistem Saliran Banggol Air Lilih, Tok Jiring, Kuala Terengganu RM5 juta.
5. Sistem Saliran Padang Leban, Kuala Terengganu RM5 juta.
6. Sistem Saliran Sungai Renting, Marang Fasa 2 RM4 juta.
7. Kolam Takungan Sungai Pertang, Hulu Terengganu RM5 juta.

Berjumlah RM37.5 juta. Di samping itu Dato' Yang Dipertua, tidak termasuk program-program perparitan yang dilaksanakan oleh pihak PBT yang juga menelan belanja puluhan juta. Malahan di Hulu Terengganu sahaja, kerja-kerja perparitan yang dilakukan untuk Hulu Terengganu berjumlah RM39.505 juta, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat Ladang. Dan tiga soalan lagi daripada Ahli Yang Berhormat kita tidak dapat jawab pagi ini, saya ingat akan dijawab secara bertulis oleh Kerajaan. Yang boleh kita belajar terutama kepada agensi teknikal daripada Persekutuan pada pagi ini terutama istilah bahasa Terengganu masalah *cekkek*. Yang kedua kepada JPS, *dembok* yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat

tadi. Jadi masalah ini teknikal Persekutuan kena belajar kena selesaikan dua perkara yang dibangkitkan pada pagi ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan Usul 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 30, Yang Berhormat. Sila

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, saya Dr. Syed Azman bin Ahmad, ADUN Batu Burok mohon mencadangkan bahawa Persidangan Dewan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pembangunan Bandaraya Kuala Terengganu yang melibatkan pengambilan tanah-tanah tradisi dan turun temurun orang-orang Melayu sehingga terhakisnya tanah-tanah orang Melayu apabila ada tanah milik orang Melayu di pusat bandar telah bertukar tangan kepada bangsa lain.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara tertentu kerana telah berlaku pengambilan tanah secara rakus dan boleh menggugat masa depan masyarakat Melayu bandar di Kuala Terengganu. Tindakan pengambilan tanah tanpa mengira implikasi serta masa depan orang-orang Melayu bandar adalah amat dikesali dan menzalimi rakyat Terengganu yang mengharapkan pembelaan Kerajaan Negeri terutamanya golongan berpendapatan rendah yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kenyataan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu, Dato' Ir. Tengku Ismail Tengku Jaafar yang menyarankan agar Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan memainkan peranan bagi menghalang tanah milik orang-orang Melayu di Kuala Terengganu dari jatuh ke tangan bangsa lain wajar diberi perhatian. Beliau telah menyarankan dengan izin: "Perlu ada dasar yang lebih meyakinkan agar perkara ini tidak berlaku memandangkan sudah ada kawasan yang pada mulanya milik orang-orang Melayu kini bertukar tangan setelah dimajukan oleh pihak tertentu". Malahan cadangan beliau agar agensi Kerajaan seperti Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam, Majlis Amanah Rakyat, UDA perlu memainkan peranan mengambil alih tanah-tanah milik orang-orang Melayu di sekitar bandar Kuala Terengganu meskipun bersaiz kecil untuk dimajukan demi kebaikan ekonomi bangsa Melayu adalah amat wajar, bernas dan perlu diteliti kembali oleh Kerajaan Negeri.

Perkara ini melibatkan kepentingan orang ramai kerana tanpa pembelaan yang wajar terhadap tanah-tanah orang Melayu di bandar ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat Terengganu terhadap pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kredibiliti pemimpin negeri. Malahan dengan pengambilan tanah ini maka perkampungan orang-orang Melayu kini telah hilang satu demi satu di bandar Kuala Terengganu seperti Kampung Paya Bunga, Kampung Batas Baru, Paya Keladi, Lorong Haji Jamil dan kini Kampung Tanjung, Kampung Ladang Tok Pelam sehingga ke Cabang Tiga dan Hiliran sedang menunggu giliran untuk diratah dan dimamah oleh pelabur-pelabur yang rakus membeli tanah-tanah orang Melayu di atas nama membangunkan Bandaraya Kuala Terengganu.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ini menyentuh masa depan orang-orang Melayu serta nasib malang yang terpaksa dipikul oleh orang-orang Melayu bandar Kuala Terengganu. Mereka telah menetap dan bertapak di tengah-tengah bandar raya ini sejak ratusan tahun dengan pelbagai warisan sejarah yang begitu penting. Kerakusan pembangunan tanpa memperdulikan implikasi telah menyebabkan satu demi satu tanah serta perkampungan tradisi warisan nenek moyang kita orang-orang Melayu kini hilang dan hanya tinggal pada nama sahaja. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar Usul Di Bawah Fasal 30 daripada Wakil Batu Burok sebentar tadi, saya dengarpun jadi *serung* seolah-olah macam di Lubnan ataupun di Palestin bahasa-bahasa yang dipakai itu. Tapi macam manapun usul telah dibentang, saya mintak Bentara tolong ambilkan (Kertas Usul) dan serahkan kepada saya.

Sebagaimana saya katakan kepada Yang Berhormat untuk menggunakan sidang dengan bijaksana di dalam ucapan saya pada pagi tadi, mudah-mudahan Yang Berhormat menggunakan fakta yang betul, jangan kita nak pancing dari segi politik semata-mata. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan mesyuarat kita pada pagi ini dan kita masuk semula bersidang jam 11.30 pagi.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.**



## PUKUL 11.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita tangguhkan sidang tadi kita telah dapat satu usul daripada Yang Berhormat Batu Burok di bawah Fasal 30 untuk kita bahas di Dewan yang mulia ini. Setelah saya mengkaji di bawah fasal berkenaan yang mana ketiga-tiga keperluan iaitu pertamanya, perkara yang khusus, memang usul berkenaan ialah perkara yang khusus. Yang kedua, atas kepentingan orang ramai, setelah saya meneliti secara keseluruhan terdapat jawapan yang berbelah bagi. Memang ada kepentingan orang ramai bagi pihak tertentu tetapi ianya belum tentu lagi atas keperluan seluruh orang ramai. Maksudnya fakta-fakta yang dibangkitkan dalam usul yang berkenaan banyak yang mengelirukan yang saya percaya dalam erti keseluruhan orang ramai itu sebenarnya mengikut maklumat pihak Kerajaan, ramai pemilik tanah yang bersetuju. Jadi tidaklah boleh kita kategorikan sebagai keperluan seluruh orang ramai. Manakala yang ketiganya, perkara ini perlu disegerakan. Juga setelah meneliti kita dapati proses pengambilan dan pembangunan tanah ini sedang berlaku dan kesan serta faedahnya belum lagi dapat dilihat dan masih di peringkat awal maka tidak boleh kita katakan ianya langsung ataupun sebagaimana yang dikatakan dalam usul yang berkenaan. Seterusnya juga perkara ini saya percaya boleh Yang Berhormat bangkitkan dalam perbahasan yang akan ada sebentar nanti dalam Usul Ucapan Terima Kasih kepada Ucapan Perasmian, insyaAllah. Dan apabila dibangkitkan nanti saya percaya pihak Kerajaan akan mendapat peluang untuk menjawab secara terperinci. Saya juga yang ketiganya atas perkara yang tidak perlu disegerakan ini juga melihat soalan-soalan lisan terdapat soalan yang sama dibangkitkan oleh Wakil Ladang maka pihak Kerajaan boleh menjelaskan dalam isu yang berkenaan. Jadi atas fakta itulah saya melihat Fasal 30 tidak perlu kita pakai bagi perbahasan usul ini. Terima kasih.

## **USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **USUL UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

*“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja kerana menyampaikan ucapan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas.”*

Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Alur Limbat. Yang Amat BERTHORMAT, Ahli-ahli Yang BERTHORMAT sekalian. Usul ini telah mendapat sokongan sebentar tadi dan sekarang saya buka untuk perbahasan. Bagi mengawal dan juga menyelaras perbahasan sukacita saya memberi peluang kepada penyokong usul selama 20 minit dan pembahas usul selama 15 minit dan perbahasan ini kita jangka akan kita selesaikan sebelum rehat makan tengah hari, hari besok kerana pada sebelah petang saya berhajat untuk memberi peluang kepada pihak Kerajaan untuk menggulung. Jadi saya jemput Alur Limbat untuk memulakan sokongan kepada usul ini. Sila Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. (Membaca doa kesyukuran dan puji-pujian ke atas Nabi Muhammad S.A.W.).

Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat BERTHORMAT Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang BERTHORMAT, yang saya hormati Pegawai-pegawai kanan Kerajaan, para Pemerhati, sidang hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Usul Penghargaan Dan Terima Kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja Terengganu di atas ucapan sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kedua Belas semalam.

Sesungguhnya kandungan ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja semalam secara komprehensifnya menggambarkan inisiatif dan kerangka pembangunan yang dirancang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad bin Said bersama-sama jentera parti dan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu bagi merealisasikan cita-cita bersama menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri maju menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja yang antara lain menyentuh mengenai pembukaan kawasan industri baru dan penglibatan pelabur luar dan dalam negara dalam sektor berkenaan. Sebagai salah satu daripada empat teras utama pemacu perkembangan ekonomi negeri berdasarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu. Sebagaimana kita sedia maklum bila menyebut pasal perindustrian maka pemikiran rakyat Terengganu akan tertumpu bahawa secara tradisinya pelabur hanya memusatkan kegiatan pelaburan di Daerah Kemaman sahaja berdasarkan faktor kemudahan infrastruktur sedia ada termasuk Pelabuhan Kemaman atau Pelabuhan Kuantan. Ini menyebabkan pembangunan antara daerah tidak seimbang kerana daerah-daerah lain dalam Negeri Terengganu tidak mempunyai kawasan industri yang berdaya saing. Dalam hal ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan pihak Kerajaan ke Daerah Marang yang jauh ketinggalan dari segi pembangunan dan kegiatan perindustrian berbanding dengan daerah-daerah lain. Marang mempunyai kawasan Pulau Kerengga mengunjur ke muara Sungai Mercang seluas 10,000 ekar pernah dipilih menjadi lokasi industri petrokimia oleh Syarikat Asia Pacific Refinery dan satu *Memorandum of Understanding* dengan izin, pernah ditandatangani oleh pihak Kerajaan Negeri dan APR pada tahun 1993 dan ianya melibatkan kos pelaburan sebanyak RM10 bilion pada ketika itu. Mungkin MoU tersebut masih belum dibatalkan hingga sekarang. Di antara komponen kawasan industri tersebut adalah *Refinery Plants* dengan izin, *Chemical Plants*, Pusat Latihan Industri Kimia dan pembinaan Pelabuhan Pulau Kerengga yang menurut kajian dikatakan pelabuhan paling dalam dan strategik di negara kita. Juga difahamkan bahawa antara aktiviti petrokimia yang dirancang adalah memproses dan menapis minyak mentah atau *crude oil* dengan izin yang diimport daripada

Iran atau Negara Teluk. Dan pada masa yang sama menjual dan mengeksport air Tasik Kenyir ke Arab Saudi. Projek yang bernilai RM10 bilion tersebut pada ketika itu dijangka mampu menyediakan atau mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan dan sudah tentu menjadi pemangkin pembangunan Daerah Marang dan mewujudkan *spill over* dengan izin, ataupun limpahan *benefit* ke Daerah Kuala Terengganu, Daerah Hulu Terengganu dan juga Dungun. Namun sehingga kini perancangan tersebut masih belum menjadi kenyataan. Oleh yang demikian, saya bagi pihak rakyat Marang memohon dan mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya meneruskan projek tersebut dan sekiranya pihak pelabur berkenaan tidak lagi berminat saya mohon kepada pihak Kerajaan mengenal pasti pelabur konglomerat baru dalam bidang petrokimia dan mengadakan usaha sama dalam bidang pelaburan berkenaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, IKS (Industri Kecil dan Sederhana) juga dikenal pasti sebagai industri yang boleh menjana pendapatan dan melonjakkan taraf hidup rakyat bagi memastikan Terengganu menjadi negeri maju menjelang tahun 2020. Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti Bukit Kor, Marang sebagai tapak kegiatan IKS namun pelaksanaannya adalah kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian, saya juga memohon supaya pihak Kerajaan dapat menggiatkan lagi usaha menarik pelabur IKS melabur di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, selain mewujudkan IKS di Bukit Kor, Marang yang berkeluasan 10,000 ekar itu Kerajaan juga pernah memutuskan untuk menjadikan sebahagian daripada lokasi berkenaan sebagai Hub Pendidikan. Setakat ini saya difahamkan bahawa 4 buah universiti tempatan telah bersetuju menempatkan kampus masing-masing, antaranya Universiti Kolej Sedaya International atau UCSI, Universiti Malaysia Terengganu, UKM dan yang terbaru yang menunjukkan minat adalah Universiti Kuala Lumpur atau UniKL ke kawasan berkenaan. Inilah peluang keemasan rakyat Terengganu amnya dan Marang khususnya untuk menyaksikan kewujudan Hub Pendidikan di sebelah Selatan Kuala Terengganu yang mampu menempatkan 25,000 pelajar pada satu-satu masa dan dijangka kawasan berkenaan juga mampu mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan. Manakala kawasan seluas 10,000 ekar tadi mampu menampung untuk menempatkan 100,000 orang penduduk. Namun demikian, setakat hari ini Universiti Sedaya sudahpun memulakan operasi di kawasan berkenaan manakala UMT baru saja memulakan pembersihan kawasan iaitu kerja-kerja tanah. Manakala OUM (Universiti Terbuka Malaysia) masih belum berbuat apa-apa. Dan pada masa yang sama UniKL dan UKM juga berstatus hanya baru menunjukkan minat untuk membuka kampus masing-masing di kawasan berkenaan. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya memohon jasa baik

Kerajaan, agar dapat memastikan penubuhan universiti-universiti berkenaan di kawasan Bukit Kor dan dipohon ianya akan menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan kepentingan pendidikan dan pembangunan sumber manusia serta sains dan teknologi yang ditekankan dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja semalam, saya tertarik untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada status pembinaan Pusat Sains Dan Kreativiti Negeri Terengganu di Kampung Laut, Bukit Payong yang dikatakan terbengkalai pembinaannya sehingga sekarang setelah 70% di peringkat pembinaan. Saya percaya setiap rakyat Terengganu amnya dan rakyat di Marang khususnya ingin mengetahui sejauh manakah komitmen Kerajaan untuk meneruskan pembinaan projek tersebut? Adalah menjadi harapan saya dan seluruh rakyat Marang supaya Kerajaan Negeri dapat memberi komitmen yang tinggi agar projek yang menjadi ikon keutamaan Kerajaan Negeri terhadap perkembangan sains dan teknologi tersebut diteruskan sesuai dan selaras dengan gagasan Kerajaan Negeri menjadikan Terengganu sebagai Negeri Anjung Ilmu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja juga menggesa Kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu memberi penekanan kepada sektor pertanian sebagai teras ekonomi utama dan secara khususnya memfokuskan kepada industri tanaman padi di kawasan jelapang padi baru di Kampung Jelapang dan juga Mat Jintan, Setiu dan juga Sistem Pengairan Mega di Besut yang menelan belanja ratusan juta ringgit. Namun begitu, saya memohon kepada pihak Kerajaan agar tidak melupakan petani ataupun pesawah yang mengusahakan tanaman padi berskala kecil dalam DUN saya sendiri di Alur Limbat. Sebagai contoh Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kawasan Beladau Selat dan juga Belukar Sukai yang berkeluasan 13.376 hektar yang baru-baru ini mengalami kemusnahan akibat dilanda banjir pada Mac 2011 baru-baru ini. Ianya juga disebabkan oleh Rumah Pam JPS yang tidak lagi berfungsi. Anggaran kerugian yang ditanggung oleh petani di kawasan sekitar adalah dalam anggaran di bawah RM10,000 sahaja akibat daripada bencana banjir dan akibat daripada rumah pam yang tidak berfungsi tadi. Atas nama 'Rakyat Didahulukan', atas nama 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', saya merayu kepada pihak Kerajaan bagi pihak petani-petani yang terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini supaya dapat membantu mereka dengan memberikan bantuan kewangan dan juga dapat membaiki segera rumah pam tersebut bagi membolehkan petani menanam semula tanaman padi di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita perlu menerima hakikat bahawa bidang pertanian di negeri ini masih belum mampu menjadikan majoriti masyarakat petani kaya-raya. Rata-rata mereka masih memerlukan tongkat subsidi dan

bantuan Kerajaan bagi meneruskan kesinambungan pendapatan tradisi melalui hasil pertanian. Ketika nelayan menikmati Bantuan Bulanan Sara Diri RM200 sebulan, masyarakat petani dan penternak hanya mampu mendengar dan berputih mata melihat warga nelayan menikmati bantuan tersebut. Oleh yang demikian, saya mencadangkan skim bantuan berikut dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri bagi membolehkan rakyat khususnya masyarakat petani ataupun penternak merasakan kecaknaan Kerajaan terhadap mereka. Antaranya yang pertama, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bantuan Sara Diri RM200 sebulan. Kedua, Bantuan Pemulihan Dusun Buah-buahan dengan memberikan baja 4 beg setiap hektar bagi setiap orang. Ketiga, Bantuan Input Pertanian. Keempat, Bantuan Lembu Pawah. Dan kelima, Bimbingan Nasihat yang intensif daripada Pegawai Pertanian atau Pegawai Veterinar.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, menyentuh berkenaan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan terutamanya Program Peningkatan Pendapatan Untuk Kumpulan Sasar Berpendapatan Rendah, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Industri Kecil Sederhana, penenunan songket tradisi yang biasanya diusahakan oleh suri rumah ataupun ibu tunggal sama ada di bawah rumah atau di beranda atau di dalam rumah. Sebagai contohnya di kawasan saya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terdapat lebih daripada 200 penenun songket tradisional di kawasan Mukim Kepong Serada dan juga Mukim Gelugor dan saya percaya di seluruh Negeri Terengganu terdapat lebih daripada 1,000 orang penenun songket yang rata-rata mereka berpendapatan di bawah garis kemiskinan. Sebagai contoh, upah tenunan songket biasa sekitar RM125 sehelai yang mampu disiapkan dalam tempoh dua minggu, ini bererti dalam sebulan mereka hanya berpendapatan RM250 hasil daripada upah menenun songket tersebut. Manaka bagi songket sutera upahnya antara RM750 hingga RM1,000 mampu disiapkan dalam tempoh sebulan. Adalah sukar untuk menempatkan mereka di bawah suatu pusat tenunan memandangkan mereka menenun secara sambilan sementara mereka terpaksa menyediakan makan-pakai ahli keluarga ataupun secara sambilan sementara anak kecil sedang tidur. Kerajaan perlu ambil iktibar daripada pengalaman lepas apabila Kerajaan cuba menyediakan prasarana serba lengkap dengan hasrat mengumpul pengusaha di bawah satu bumbung dan membantu mereka secara terancang berakhir dengan kegagalan kerana kurang sambutan sebab mereka lebih selesa mengusahakan tenunan di rumah masing-masing. Jadi Kerajaan perlu mengadaptasi program bantuan kepada golongan sasaran setelah mengkaji pe'el dan perangai orang Terengganu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Bagi membantu golongan penenun songket yang telah meletakkan nama Terengganu harum di persada negara dan jugak antarabangsa. Saya mencadangkan bantuan berikut:

1. Peruntukan untuk membina tempat tenunan dengan nilai yang difikirkan sesuai oleh pihak Kerajaan.
2. Peruntukan membeli alatan tenunan ataupun kit yang baru; ataupun
3. Bantuan one-off RM500 bagi setiap penenun songket.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi memastikan pengusaha tenunan songket memperolehi pendapatan tetap dan mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan, Kerajaan perlu mengatur strategi bantuan bimbingan dan bantuan pemasaran terutama melalui Kraftangan yang boleh menjamin kelestarian pendapatan bulanan pengusaha di sekitar ataupun di paras RM1,000 sebulan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, selaras dengan hasrat dan cita-cita murni Kerajaan Negeri untuk merealisasikan hasrat '1 Unit Rumah 1 Keluarga' menjelang tahun 2020. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa hasrat rakyat yang belum mempunyai rumah dan amat memerlukan sama ada Rumah Kos Rendah ataupun Rumah Mampu Milik sejak tahun 2004 masih belum kesampaian hingga sekarang berikutan dengan ketiadaan tanah Kerajaan yang sesuai dan terpaksa dibuat pengambilan balik terutamanya di kawasan DUN saya. Alhamdulillah, proses pengambilan balik tanah untuk tapak Rumah Awam Kos Rendah DUN Alur Limbat sudah selesai. Dan sehubungan dengan itu, saya merayu sebab Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pengalaman mengajar saya sesuatu perkara tidak dapat diselesaikan hasil daripada luahan yang emosi maka pada hari ini saya merayu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, supaya pelaksanaan projek tersebut dapat diberi keutamaan dan dapat disegerakan pelaksanaannya di atas tapak yang berkeluasan 52 ekar di Kampung Alur Limbat. Pada masa yang sama bagi menghubungkan kawasan Rumah Awam Kos Rendah berkenaan ke jalan utama yang bermula dari arah Kampung Rawai melalui kawasan RAKR dan juga kawasan Pertumbuhan Desa Alur Limbat ke simpang masuk IKBN Wakaf Tapai dan juga di Kampung Tapu, Kuala Berang sepanjang lebih kurang 8 kilometer, saya memohon kepada pihak Kerajaan agar dapat membina jalan PLB bagi kemudahan penduduk sekitar sebagaimana janji kepada rakyat sebelum Pilihan Raya Umum 2008 yang lepas.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya juga amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meneruskan agenda pembangunan masjid di setiap DUN sebagai salah satu daripada Program Peningkatan Syiar Islam. Bagi DUN yang mengandungi sebahagian daripada kawasan Daerah Marang dan sebahagian dari kawasan Daerah Kuala Terengganu terpaksa dibuat giliran mengikut daerah. Di mana pada tahun 2010 adalah giliran kampung di kawasan Daerah Kuala Terengganu namun pada tahun ini sebuah lagi kampung dalam Daerah Kuala

Terengganu menuntut supaya masjid baru pada tahun ini dibina di kampung mereka sedangkan pada masa yang sama kampung dalam Daerah Marang sepatutnya menerima giliran mereka yang turut sama mendesak saya supaya mendesak Kerajaan ataupun merayu kepada pihak Kerajaan membina masjid baru atas alasan untuk menampung alurqariah daripada kawasan RAKR yang sedang dirancang pembinaannya. Maka untuk faedah dan keperluan rakyat dalam kawasan saya, saya memohon kepada pihak Kerajaan supaya dapat mempertimbangkan pembinaan dua buah masjid pada tahun ini iaitu:

1. Masjid Kampung Banggol, Katung, kapasiti jemaah di antara 750 – 1,000 jemaah.
2. Masjid Kampung Alur Limbat, kapasiti jemaahnya 1,500 jemaah.

Berserta Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kemudahan CCTV bagi memantau kegiatan jenayah dan juga vandalism di kawasan masjid. Saya juga memerhatikan kebanyakan masjid selalu mengalami kerosakan *PA System* berpunca daripada pegawai masjid yang terlalu kreatif mengendalikan peralatan siaraya. Kerosakan peralatan siaraya masjid ini melibatkan kos yang besar yang biasanya dibebankan kepada Wakil-wakil Rakyat Kawasan, maka pada hari ini adalah dicadangkan pihak MAIDAM ataupun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu merekrut Juruteknik khusus bagi menyelenggara peralatan siaraya dan menempatkan mereka di setiap daerah bagi membolehkan mereka melakukan penyelenggaraan berkala terhadap peralatan siaraya di masjid-masjid di setiap daerah di dalam Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pihak Pembangkang cuba mengambil kesempatan menyemai bibit kebencian di kalangan rakyat yang terlibat dengan penyusunan kawasan bandar di Ladang Tok Pelam, Ladang Sahak dan Kampung Tiong sehingga hasrat murni Kerajaan tenggelam di dalam arus kebencian rakyat. Sama seperti mereka mendakwa BN yang bererti 'Barang Naik', sehingga rakyat melupakan begitu saja usaha Kerajaan menaikkan gaji pegawai dan kakitangan awam di negara ini, rakyat dengan mudah melupakan usaha Kerajaan meningkatkan harga getah sehingga ke paras RM8 sekilogram dan menaikkan harga sawit dengan harga Buah Tandan Segar (BTS) dalam sekitar harga RM800 semetrik tan. Oleh yang demikian, saya amat mengalu-alukan jaminan Kerajaan untuk memastikan penduduk asal akan kekal di kawasan asal masing-masing di kawasan penyusunan semula bandar serta boleh meneruskan aktiviti *economical* di sini masing-masing dan jaminan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, harus diberi penerangan secara berkesan kepada rakyat agar rakyat yang terlibat tidak mudah termakan dakyah dan hasutan parti Pembangkang. Mungkin di atas keyakinan Pembangkang antara lain berjaya meracuni fikiran segelintir rakyat membenci Kerajaan atas faktor-faktor tertentu maka sepanduk 'PAS Ganti UMNO'



terpampang di sana-sini. Sesuatu perlu diganti mesti bersebab menurut rakan saya daripada Kuala Berang dalam perbincangan kami di luar Dewan ini. Sebab apa sesuatu perlu diganti? Adakah kerana lama? Adakah kerana *piston jammed* atau sebab rosak atau sebab dokrok? Atau mungkin kita dapat menyaksikan mana satu di dalam Dewan ini 'gambar (orang) lama'? Nak kata rasa ingin cuba yang barupun, rakyat masih ingat ketika orang sama memerintah Terengganu tahun 2000. Tapi kalau kita perhati apa yang berlaku di negeri-negeri, di Pulau Pinang, Perak dan juga Selangor serta Kedah, kita nampak yang ganti adalah DAP menggantikan PAS. Cuma rakyat Terengganu mungkin belum rasa ataupun dah pernah rasa tapi tak berapa ingat peristiwa tersebut ialah berada di bawah Kerajaan Perpaduan antara Barisan Nasional dan PAS, saya fikir Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, alangkah mulianya kita selaku pemimpin di sisi Allah S.W.T. sekiranya kita dapat melaksanakan suruhan Allah supaya bersatu-padu sesama Islam sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. dalam Surah Ali-Imran, ayat 103 (membaca ayat berkenaan) yang bermaksud: "Berpeganglah kamu dengan tali Allah kesemuanya dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah ke atas kamu sekiranya kamu bermusuhan maka hendaklah kamu damaikan di antara hati-hati kamu dan hendaklah kamu menjadikan di atas nikmat-Nya bersaudara."

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan. Yang pertama, apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Alur Limbat itu, ingatkah kita kepada peristiwa amanat Tuan Guru Haji Hadi, pasal apa dulu jadi lening tak jadi dah?

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, cukup ianya dijadikan suatu iktibar, *think positive* dengan izin. Amanat, the past is past dengan izin, perkara yang lepas kita tinggal sebagai satu lipatan sejarah. Kita lihat kepada perkara baru dan oleh kerana itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua pada hari ini, saya berdiri di sini bukan sahaja selaku Wakil Rakyat Penyokong Kerajaan tetapi sebagai seorang Islam kepada saudara Islamnya yang lain. Saya merayu kepada pihak Pembangkang terutamanya marilah kita bersatu padu. Alangkah mulianya Dato' Seri Tuan Guru Wakil Rhu Rendang sekiranya mendahului menyambut salam perpaduan daripada saudara Islamnya sendiri berbanding menjulang Kafir Harbi. Alangkah gembiranya kalau saya melihat Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Dato' Seri Tuan Guru mengajak kita bersatu padu sehingga menjadikan kita tanpa mengira sama ada Barisan Nasional ataupun PAS adalah bersaudara. Selaku rakyat Negeri Terengganu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ada lagi ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi saya bagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Mulia. Qhada lama tak bercakap ni Yang Berhormat Mulia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila. .... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Padan lain macam *pesen* cakappun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semangat Dewan baru Yang Berhormat. Saya nampak semua bersemangat. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ya, terima kaish. Sezalim mana label yang diberikan kepada pemimpin UMNO, mereka tetap bersaksikan dua kalimah syahadah. Sebaik maka Kafir Harbi mereka tetap tidak meredhai sama sekali Islam bertakhta di hati kita. Jadi dengan itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya yang sentiasa menyokong penuh kepimpinan Dato' Seri Tuan Guru Haji Hadi selaku Presiden PAS dan saya memberitahu di Dewan yang mulia ini .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, mohon penjelasan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Alur Limbat tentang Kafir Harbi. Kita ada Ulama-ulama, pakar-pakar agama, Kafir Harbi ini berat Yang Berhormat, boleh bunuh tahu. Kita boleh bunuh Kafir Harbi. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, kedudukan Y.B. daripada MCA Kafir Harbi ke, kafir apa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ini Kafir Zimmi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Mereka yang Kafir Zimmi yang sentiasa bersama-sama dengan orang-orang Islam dalam setiap apa jua keadaan. Dan mereka tidak pernah mencabar sampai ke peringkat: "Kalau melaksanakan Hukum Islam langkah mayat aku/kami dulu."

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong mintak penjelasan Yang Berhormat. Bukit Payong saya ingat penjelasan yang itu ajelah, jangan .... Pandang saya Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bukit Payong saya beri, sepanjang mana nak mintak penjelasan saya akan bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Payong. Yang Berhormat nanti kalau nak mintak, mintak dengan saya jangan mintak sebelah sana, ya. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya rasa penjelasan bahawa MCA Ahlul Zimmah tidak tepat kerana Presiden MCA pernah menyebut dalam ucapan dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya tak benar menjawab, mintak penjelasan saja.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Nak tanya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kenyataan dia tidak benar, dia menyebut bahawa MCA adalah Ahlul Zimmah yang lain Harbi sedangkan dalam kenyataan yang jelas oleh Presiden MCA menyatakan pewujudan Negara Islam ada sebuah negara yang korup, sebuah negara yang miskin, yang kuno.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAN (Wakil Bukit Payong): Diwaktu yang sama penghinaan yang banyak dilakukan oleh pemimpin .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya tidak mintak penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat mintak penjelasan daripada Alur Limbat. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak jawabpun sudah terang lagi bersuluh sebab apa yang dinyatakan sebentar tadi tidak langsung dalam konteks memerangai orang Islam tidak pernah keluar suatu kalimahpun daripada Presiden MCA berbanding dengan cabaran yang pernah dikeluarkan oleh Karpal Singh: "*Over my dead body*", dengan izin, "Langkah mayat saya dulu" untuk melaksanakan hukum Islam atau undang-undang Islam. Itulah yang dikatakan perbezaan di antara Zimmi dan juga Harbi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sepertimana yang saya katakan sebentar tadi, sebagai orang Marang saya memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dato' Seri Tuan Guru Haji Hadi sebagai Presiden PAS dan saya selaku orang Marang saya tetap akan mempertahankan beliau pada bila-bila masa dan sanggup berhadapan dengan mana-mana calon yang ingin melawan beliau selaku Presiden Parti PAS ..... (tepukan meja tanda sokongan daripada beberapa Ahli Dewan) ....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat habiskan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ini dalam konteks itu aje Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua ...(sambil ketawa) ....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa..... Boleh masuk PAS dah ....(Dewan terus gelak) .....

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dengan harapan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kenapa saya mempertahankan beliau kerana saya nampak ada keikhlasan di dalam diri beliau untuk menyatukan di antara orang-orang daripada Barisan Nasional dan juga PAS, insyaAllah pada suatu hari nanti.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam usaha melaksanakan pembangunan KTCC (Kuala Terengganu City Centre) kita tidak rela melihat orang Melayu berputih mata melihat premis-premis kediaman ataupun premis-premis perniagaan strategik dikuasai oleh bangsa lain dan meminggirkan orang Melayu dari arus pembangunan perdana KTCC. Faktornya, antara lain orang Melayu mengejar keuntungan jangka pendek dengan menjual tanah-tanah milik mereka kepada bangsa asing. Oleh yang demikian, saya berharap institusi-institusi seperti Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, MAIDAM, MARA, UDA, Anak-anak Syarikat GLC melaksanakan Jihad Ekonomi Umat Islam dengan membeli hartanah yang strategik di dalam bandar ataupun memohon pengambilan balik tanah di bawah Seksyen 3(1)(c) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 bagi memastikan penduduk Melayu di bandar tidak terusir di bumi sendiri dan mewujudkan premis perniagaan dan kediaman kepada mereka.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya tertarik dengan seruan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja di perenggan 39 dan 40 yang mana seruan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja kepada penjawat awam supaya berperanan membantu Kerajaan memperkenalkan Program Transformasi dan Program Transformasi Ekonomi kepada rakyat serta membantu Kerajaan Negeri menterjemahkan ke dalam bentuk tindakan slogan 'Merakyatkan

Pentadbiran Dan Pembangunan' dan 'Gagasan Rakyat Didahulukan' yang akhirnya menanam budaya akal budi, tahu bersyukur di minda rakyat. Sehubungan dengan itu, saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khusus kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu dan pegawai serta kakitangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Marang serta juga pegawai dan juga kakitangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu yang sentiasa *hands-on*, membantu Wakil Rakyat menterjemahkan slogan Kerajaan Barisan Nasional Pusat dan juga Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu dalam menabur bakti kepada rakyat. Turut sama saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ialah kepada Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu dan seluruh pegawai dan kakitangan di JPS Negeri Terengganu kerana atas alasan yang sama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 1 minit lagi Yang Berhormat. Sila gulung.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Terengganu kerana dalam Program Turun Padang baru-baru ini telah meluluskan antara lain, Projek Longkang (*Crossing Culvert*) di Taman Tasik berjumlah RM500,000 yang kini di dalam peringkat sebutharga oleh pihak JPS serta Sistem Perparitan Kampung Padang Midin ke Sungai Tok Hakim yang sudahpun siap dilaksanakan. Juga termasuk Sistem Tebatan Banjir di dalam Kem 512 Padang Midin bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Kampung Padang Midin dan kampung-kampung di sekitar. Namun begitu, saya sekali lagi mewakili penduduk di kawasan Tasik, Wakaf Dua, Taman Tasik, Taman Mas dan Padang Leban amat mengharapkan supaya pihak Kerajaan dapat mempercepatkan pengambilan balik tanah dan seterusnya melaksanakan pembinaan *Monsoon Drain* daripada Baruh Muring, Tasik ke Sungai Seluang, Bukit Payong. Pembinaan Sistem Perparitan Kampung Padang Limau Nipis ke Sungai Bukit Damar. Sistem Perparitan dari Kampung Tok Badir ke Sungai Banggol Pak Ali. Sistem Perparitan Kampung Kepong ke Sungai Kepong. Dan Sistem Perparitan Kampung Paka, Rawai ke Tanjung Mengkudu Pak Madah. InsyaAllah, dengan pelaksanaan projek-projek yang memanfaatkan rakyat maka rakyat akan merasai kesan merakyatkan pembangunan dan pentadbiran negeri serta seterusnya. InsyaAllah, saya berkeyakinan bahawa dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 akan datang rakyat tidak teragak-agak untuk memberi mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu Darul Iman. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Alur Limbat. Saya buka lagi kepada ahli. Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabil Alamin. Wabihi Nastain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati sidang Dewan yang dimuliakan sekalian.

Izinkan untuk saya memulakan perbahasan ini dengan membaca satu Firman Allah S.W.T. dalam Suratul Baqarah, ayat 135. Allah berfirman: (membaca Suratul Baqarah ayat 135) yang bermaksud: "Dan mereka yakni Yahudi dan Nasara berkata: Jadilah kamu pemeluk agama Yahudi atau Nasara nescaya kamu akan mendapat petunjuk. Katakanlah wahai Muhammad kami orang Islam tidak akan menurut apa yang kamu katakan itu bahkan kami mengikut agama Nabi Ibrahim yang tetap di atas dasar Tauhid dan bukanlah ia dari orang-orang musyrik."

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas ruang kesempatan diberikan untuk saya turut berucap membahaskan rasa terima kasih di atas Ucapan Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja sempena Perasmian Sidang Dewan pada hari semalam. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, melalui ucapan yang telahpun disebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja semalam saya ingin mengulas atau membahaskan terhadap beberapa perkara atas dasar untuk kebaikan kita bersama dalam erti kata untuk kita melihat pada masa depan kita yang lebih baik dan lebih gemilang. Antaranya yang melibatkan tentang soal Terengganu sebagai Negeri Anjung Ilmu yang menyatakan tentang keperluan untuk terus memperhebatkan pendidikan dan pembinaan modal insan kepada rakyat yang ada. Dan saya dalam soal ini mengesyorkan sepertimana juga yang pernah disebut oleh rakan Pembangkang sebentar tadi dalam soal jawab. Dalam soal untuk nak memperhebatkan modal insan ini, saya melihat pembinaan sekolah-sekolah menengah agama perlu diperhebatkan khususnya di Negeri Terengganu kita ini sebab dalam negeri kita ada dua jenis sekolah agama iaitu sekolah yang dikatakan sekolah agama yang langsung daripada kementerian seperti Sekolah Menengah Agama Tok Jiring, Sheikh Abdul Malik dan sebagainya. Dan kita ada Sekolah Agama Negeri sebelum ini yang telahpun dijadikan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Dan saya sebutkan bila dilihat kepada daerah tertentu sebagai contohnya SMA (Sekolah Menengah Agama), di Kemaman masih belum ada Sekolah Menengah Agama di bawah Kerajaan Pusat, di Hulu Terengganupun tidak ada, di Setiu tidak ada, yang adanya ialah SABK yang asalnya sekolah agama di bawah Kerajaan Negeri. Sebab itu kalaulah begitu sifatnya saya syorkan mungkin Kerajaan Negeri boleh untuk menambahkan Sekolah Menengah Agama Bantuan

Kerajaan bagi membina nilai-nilai yang baik melalui proses pembelajaran agama melalui Al-Quran dan Hadis itu sendiri. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam soal ini juga saya melihat Sekolah Menengah Imtiaz adalah merupakan satu di antara jenama yang terbaik untuk Negeri Terengganu kita. Imtiaz tidak ada di mana-mana negeri lain dalam Malaysia kecuali di Negeri Terengganu kita. Sebab itu kelahiran Imtiaz dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini alhamdulillah, telah menampakkan satu tanda-tanda yang menggambarkan bahawa inilah sebenarnya pendidikan yang mampu untuk melahirkan individu atau anak-anak bangsa yang hebat dalam konteks seperti yang pernah kita sebutkan melahirkan generasi Ulul Albab itu sendiri. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atas prihatin dan perancangan untuk terus membina Sekolah Menengah Imtiaz ini termasuk yang sedang berjalan di Kemaman dan jugak di daerah-daerah yang lain. Cuma saya mengharapkan sangatlah supaya Kompleks di Bukit Keluang, Besut perlu disiapkan dengan segera kerana apa yang berlaku ia telahpun berlanjutan ataupun tertangguh dalam tempoh yang agak lama dan sepatutnya pelajar-pelajar boleh masuk ke Imtiaz tersebut. Apa yang berlaku pada hari ini ibu bapa pelajar di Imtiaz Besut dan jugak guru-guru berada dalam keadaan yang tidak stabil dalam erti kata mempunyai masalah kerana mereka pada hari ini khususnya guru-guru terpaksa berulang-alik mengajar di Pelagat, di sekolah atau Asrama Yayasan dan pada masa yang sama juga perlu mengejar mengajar di Imtiaz Kampung Raja itu sendiri. Dan atas sifat untuk memastikan pengajian mereka berjalan dengan baik kerana keputusan peperiksaan yang lalu khususnya pelajar-pelajar tingkatan 3 yang ada pada hari ini agak merosot maka ibu bapa serta guru-guru pada lewat bulan April yang lalu telahpun mengambil kata putus untuk berpindah ke Pelagat buat sementara waktu. Cuma yang diharapkan oleh mak ayah, yang diharapkan oleh pelajar-pelajar, yang diharapkan oleh guru-guru mereka boleh dibawa masuk ke Kompleks Imtiaz di Bukit Keluang dalam tempoh masa yang dekat dan mudah-mudahan Kompleks Imtiaz yang dibina itu akan ditempatkan pelajar-pelajar Imtiaz itu sendiri dalam erti kata mungkin boleh bersama dengan apa yang Kerajaan rancang kalau nak diwujudkan Sekolah Elit Imtiaz ke, International Imtiaz ke, boleh digabungkan sekali tetapi percepatkanlah proses untuk menyiapkan kompleks tersebut.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam Ucapan Tengku Sri Bendahara Raja juga menyebutkan tentang soal pelancongan di Negeri Terengganu. Dinyatakan bahawa Terengganu antara destinasi negeri yang ketiga yang hebat untuk dikunjungi. Saya nak menyebutkan beginilah, sebab kita rasakan Terengganu ini memang negeri yang cukup baik untuk pelancongan sebenarnya, tak kiralah dalam bentuk apa sahajapun, pelancongan pendidikan ke, pelancongan dalam bentuk perairan pantai, pelancongan dalam bentuk alam semulajadi dan sebagainya. Cuma yang saya lihat peranan yang dimainkan oleh TIC (Tourism

Information Centre) atau Pusat Penerangan Pelancongan yang antaranya yang berada di Bukit Puteri seolah-olah tidak sangat berfungsi dan tidak sangat membawa menafaat kepada pelancong-pelancong luar. Kalau begitu apa salahnya Kerajaan Negeri mungkin mewujudkan konsep Pemandu Pelancong secara swasta yang kita sebutkan sebagai dalam ringkasnya TIPS (Tourism Information Person Services), maknanya orang ini yang sentiasa bergerak yang memakai uniform khusus, ada kenderaan yang khususnya dan sebagainya. Mereka boleh untuk memandu pelancong-pelancong untuk membawa pelancong ke merata-rata tempat termasuklah air terjun di Lata Belatan yang pernah disebutkan oleh rakan saya, Jabi. Sebab kita sebenarnya mempunyai keajaiban-keajaiban, kalau tak silap saya kita mempunyai 12 keajaiban di Terengganu, dengan Pulau Perhentianya, air terjun di Sekayu dan sebagainya. Jadi saya rasakan perlu untuk kita memperhebatkan bidang pelancongan ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sementara itu saya jugak ingin menyebutkan tentang perlunya disegerakan Pusat Rawatan Jantung di negeri kita kerana perkara ini merupakan suatu perkara yang cukup penting kepada rakyat yang rata-rata pada hari ini memang tempat yang dituju ialah di IJN, Kuala Lumpur. Mereka terpaksa pergi bukan setakat pesakit yang terpaksa pergi, kadang-kadang terpaksa waris-warah yang terpaksa mengiringi pesakit, suami, isteri, mereka terpaksa duduk dalam tempoh seminggu, dua minggu, mungkin sebulan dan mungkin lebih lagi. Mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar dan akhirnya kalangan ini terpaksa datang berjumpa Wakil Rakyat sebagai contohnya, kita bantu tetapi ini ialah di antara kalangan yang cukup ramai. Bila sebut pesakit jantung yang nak pergi ke IJN mereka datang berjumpa Wakil Rakyat untuk mintak bantuan nak buat perbelanjaan mungkin pengangkutan, jugak tempat tinggal dan sebagainya. Saya kira kalau Pusat Rawatan Jantung ini dapat kita segerakan, insyaAllah Negeri Terengganu kita akan menjadi sebuah negeri yang pertama sebenarnya mempunyai Pusat Rawatan Jantung dan sekaligus dapat memberikan menafaat yang besar kepada rakyat secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara juga ada menyebutkan tentang soal sukan di negeri kita. Saya nak menyentuh tentang soal Pasukan Bola Sepak. Dan saya ingat saya pernah sentuh perbahasan pada Persidangan Dewan yang lepas. Saya katakan bahawa memang negeri kita mempunyai dua pasukan, Pasukan Terengganu dan Pasukan T-Team. Dan saya katakan wajar Kerajaan perlu melihat balik kedudukan dua pasukan ini sama ada perlu disatukan, digabungkan atau seumpamanya. Dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pun ada menyatakan ketidakpuasan hati terhadap Pasukan T-Team, di mana T-Team adalah di antara pasukan yang duduk di peringkat bawah dalam senarai Liga. Walau bagaimanapun, tahniahlah semalam menang lawan FELDA, 2-0 ke, 2-1, Pasukan



Terengganu pulak yang kalah semalam. Tapi walau bagaimanapun, saya ingat ini perlu diambil langkah segera supaya mutu bola sepak Terengganu dengan pemain-pemain Terengganu di antara pemain yang cukup ramai yang bermain dalam Pasukan Kebangsaan. Jadi kita perlu gabungkan mereka mungkin ataupun buatlah apa saja supaya Pasukan Bola Sepak Terengganu adalah merupakan Pasukan Bola Sepak yang cukup digeruni oleh lawan-lawan mereka yang lain. Di samping tahniahlah di atas kejayaan-kejayaan di dalam pertandingan-pertandingan yang lain.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, di dalam perkara-perkara lain, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya kepada JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) yang telahpun berusaha dan dalam peringkat akhir menyiapkan kawasan Tebatan Banjir di Pusu Tiga dengan menggunakan Sistem Ban. Dan alhamdulillah, saya melihat bahawa dengan adanya benteng tersebut suasana ataupun penduduk di kawasan Perumahan Pusu Tiga sebenarnya insyaAllah, bermula dari saat ini mereka akan tidak lagi berhadapan dengan banjir yang besar sebenarnya. Ataupun mereka tak akan berhadapan dengan banjir lagi kerana air telah dikeluarkan. Cuma Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, yang kita rasa risau sedikit kawasan yang di luar benteng/tebatan tersebut sebab air yang masuk ke kawasan Pusu Tiga dikeluarkan ke kawasan di luar dan akhirnya di luar itu airnya bertambah. Sebelum ini ada jalan yang tak pernah dinaiki air, bila air itu dikeluarkan jalan itu pulak dinaiki air. Ada orang yang nak balik ke rumah mereka tak dapat. Jadi saya ingat mungkin Kerajaan boleh tengok, mungkin mintak peruntukan yang segera daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar boleh diberikan untuk menaik taraf jalan yang ada ini. Saya mintak tidak banyak dalam sekitar RM150,000 aje kot.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya jugak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah dapat mengadakan Umrah kali yang pertama, penerbangan terus daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud pada 18 Mac 2011 hinggalah 30 Mac 2011 baru-baru ini. Alhamdulillah, ini merupakan suatu penerbangan yang ulung dan sulong dan mudah-mudahan akan ada lagi penerbangan Umrah dibuat dengan adanya sedikit sebanyak sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Saya difahamkan bulan puasa ini ada perancangan nak buat, kita buatlah, kita ajaklah orang balik sana tu mari sekali apa salahnya. Diapun ada khabor jugak ke kita kalau naik di sinikan sedap juga, kalau pergi ke Kuala Lumpur tu lambat sikit, ada ramai yang nak jugak.

Dan saya juga ini mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang berlaku kepada negeri kita sepanjang tahun lepas dengan UPSRnya, SPM, STPM kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Dan jugak seluruh jabatan-jabatan yang telah

menaikkan nama Negeri Terengganu sebenarnya di persada nasional dan international.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tahniah juga kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan yang dapat membawa balik pelajar-pelajar kita dari Mesir baru-baru ini khususnya apabila berlakunya pergolakan di Mesir. Kita telahpun mengambil tindakan yang cukup baik membawa balik pelajar-pelajar, cumanya kadang-kadang ada orang yang tidak senang. Bila Kerajaan tak bawa balik dia kata Kerajaan tidak bertanggungjawab jika tidak bawa balik. Bila bawa balik pulak dia kata Kerajaan tak bertanggungjawab kalau tidak hantar semula, ini jenis yang hak tidak betul sokmo, tidak kena sokmo. Jadi walau bagaimanapun, alhamdulillah, Kerajaan Negeri melalui MAIDAM, Yayasan Terengganu dan sebagainya kita bawa balik dan bukan setakat bawa balik dalam konteks macam negeri lain, kita sampai peringkat maknanya berusaha untuk menghantar secara keseluruhannya pelajar-pelajar itu dalam satu penerbangan dan ini merupakan tindakan kita yang saya kira cukup demi untuk memastikan pelajar-pelajar ini dibela dan sekaligus pengajian mereka tidak akan terabai.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, berkaitan dalam Ucapan Yang Teramat Mulia semalam, banyak disebut tentang daerah yang banyak keluaranya Daerah Kemaman, Hulu Terengganu, ada Setiu, ada Besut, hak Kuala Nerus dok bunyi. Cuma saya mintak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kelulusan untuk mewujudkan Daerah Kuala Nerus saya difahamkan telahpun di dalam proses cuma saya nak mendapat maklumat yang sebenarnya apakah Kerajaan Negeri bersedia menerima cadangan kepimpinan Kuala Nerus khususnya kepimpinan rakyat dan UMNO Kuala Nerus yang meminta supaya pusat pentadbiran Daerah Kuala Nerus yang bakal wujud nanti adalah di kawasan yang kita cadangkan di belakang ILP atau di kawasan Gong Badak yang ini saya perlu Yang Amat Berhormat untuk menjelaskan perkara ini kerana ada cerita ura-uranya tidak di tempat itu, di tempat lain dan sebagainya. Ini adalah keputusan kepimpinan Kuala Nerus. Saya ingat dalam sidang Dewan yang lalu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pernah menyebutkan bahawa hak lain sudah itu belaka dah cuma hal yang pusat pentadbiran daerah sahaja lagi orang Kuala Nerus dok khabor nak buat kat mana. Hah, ini orang Kuala Nerus khabor dah jadi kita mintak boleh terimalah maknanya permohonan orang Kuala Nerus tersebut.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sepertimana Wakil Alur Limbat jugak saya memohon supaya pembinaan masjid baru, 1 Masjid 1 DUN dapat diteruskan secara lebih baik sebab dalam tempoh beberapa tahun ini seolah-olahnya tidak melibatkan 1 Masjid 1 DUN. Kalau ikut kepada DUN saya ni, setakat ini baru 2 buah dan sepatutnya sudah ada 4 buah ataupun 5 buah yang disiapkan tapi takdok

baru siap 2 buah. Hak akhir sekali di Gemuruh, masjid hak orang buat tak siap, kita tolong siapkan. Tak tahulah orang mana, orang sebelah sana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jadi saya mohonlah, khususnya saya mohon cadangkan 2 buah masjid, masjid ini ialah Masjid Mengabang Telipot yang tanahnya sudahpun selesai diambil balik dan jugak Masjid Mengabang Telong kerana kedua-dua masjid ini melibatkan kawasan padat penduduk dengan adanya UMT, dengan adanya Institut Perguruan, Maktab Rendah Sains MARA dan sebagainya yang berada di sekitar itu. Masjid Padang Nenas sudah tidak dapat menampung, Masjid Mengabang Telipot yang adapun penuh dan masjid itu ialah masjid yang lama yang perlu untuk dibuat semula begitu jugak Masjid Mengabang Telong. Saya minta pihak Kerajaan dapat menerima cadangan yang diberikan ini atas sifat 1 Masjid 1 DUN.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, berbalik kepada Firman Allah S.W.T. yang telah saya bacakan diawal mukadimah kepada perbahasan ini yang melibatkan tentang soal kedudukan seruan orang-orang Yahudi dan jugak Nasrani supaya orang Islam dan yang lain masuk ke agama mereka. Ini merupakan suatu yang perlu kita renung dan kita mengambil iktibar dengan sebaik-baiknya. Kita orang Islam perlu untuk sama-sama sebenarnya bersatu, apa yang berlaku dalam tempoh kebelakangan ini sehari-dua melalui blog dan ada yang menyatakan bahawa akan ada ikhtiar dan usaha untuk menjadikan agama lain (Kristian) sebagai agama utama rasmi negara. Soal betul atau tidak yang keluar itu, itu soal lain tetapi perkara ini berlaku dalam erti kata dikeluarkan, mungkin ada mainan-mainan tertentu dan mungkin benar apa yang dikeluarkan itu dan sebab itulah saya amat menyokong rakan saya daripada Alur Limbat tadi. Kita sama-sama atas nama orang Melayu, orang Islam kita berusaha untuk pastikan supaya unsur-unsur yang sebegini dapat kita dalam erti kata untuk kita lawan ataupun untuk kita kawal daripada berlaku. Dan saya mengharapkan kalaulah benar ia datang daripada satu pihak iaitu yang dikatakan, yang dikaitkan dengan satu pihak DAP yang menjadi kawan kepada Parti PAS dalam Pakatan Rakyat, saya menyeru rakan-rakan daripada Parti PAS inilah masa dan tempohnya untuk tuan-tuan keluar daripada Pakatan Rakyat, keluar daripada bekerjasama dengan DAP sebenarnya.

Yang Berhormat Mulia, Dato' Yang Dipertua, sementara itu izinkan untuk saya membaca satu lagi Firman Allah S.W.T. dalam Suratul Baqarah juga ayat 89, Allah berfirman (membaca Surah Al-Baqarah ayat 89) yang bermaksud: "Katakanlah Wahai Muhammad kepada kaum Yahudi kalau Syurga Negeri Akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang lain seperti kamu dakwakan itu maka cita-citakanlah agar kamu mati

segera jika betul kamu orang yang benar.” Ayat ini kata Imam Jamaluddin As-Sayuti di dalam kitabnya *Lubadunnukul Fiasbabinnuzur* menyebutkan bahawa antara lain sebab turunnya ayat ini adalah kerana pernah orang Yahudi berkata: “Tidak akan masuk Syurga kecuali penganut Yahudi.” Maka ayat ini diturunkan oleh Allah untuk menyindir ataupun menepelak kepada golongan Yahudi dan juga orang-orang yang sentiasa mendakwa bahawa Syurga itu adalah milik mereka tidak milik orang lain. Sebab itulah saya mengatakan bahawa dalam masyarakat kita hari ini sebenarnya wujud unsur-unsur begini di kalangan Pembangkang khususnya Parti PAS, penceramah PAS dan sebagainya sering meletakkan bahawa seolah-olah Syurga itu menjadi milik mereka, berjuang bersama mereka boleh masuk Syurga .....

YANG BERTHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA: Hujung ya, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dalam erti kata bersama dengan UMNO ni tak boleh masuk Syurga. Jadi kalaulah begini banyak dakwaan-dakwaan yang berlaku dalam masyarakat, dakwaan ini seumpama merupakan dakwaan orang Yahudi, Yahudi dakwa Syurga itu milik mereka, memang Yahudi dakwa begitu. Bangsa yang hebat di dunia bangsa dia sebab itu dia sanggup untuk bunuh orang dan sebagainya. Sebab itulah kalau ini yang dibawa oleh rakan-rakan pembangkang bila bercakap tentang apa semua bahawa Kerajaan kita yang ada ini tak betul, UMNO ini tak betul dan sebagainya, kalau dia buat jadi betul, kalau kita buat tak betul.

YANG BERTHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, saya ingat yang akhirlah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sikit lagi Yang Berhormat Mulia Dato’ Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA: Sila perhabis.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sebab itulah saya mengharapkan dan saya bersetuju dengan pandangan rakan saya Alur Limbat tadi. Saya menyeru kepada rakan-rakan daripada Parti PAS agar marilah sama-sama kita memikirkan nasib bangsa kita, agama kita dan sebagainya. Tak perlulah kita nak sokong sangat orang. Bila ada Khatib baca khutbah doa kepada Ketua Menteri Pulau Pinang kita jugak tukang sokong, takdok masalah. Sahkan Jumaat tu rukun khutbah dok tergendala. Kita bukan soal mempertikaikan rukun tapi buat apa nak baca doa kepada orang bukan Islam dalam keadaan begitu. Kalau kita baca doa atas Mimbar kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar pun orang PAS marah apa benda katanya, ini Lim Guan Eng tak pasal-pasal.

Wakil Rakyat PKR ataupun DAP, hak perempuan naik atas surau berucap dan sebagainya, kita kata .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kesian ke Wakil Tepoh ni, takdok benda nak cakap dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah! Kesiannya ke dia deh .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak apalah orang tolong kesian ke hamba maknanya kita ni Tepoh kalau tak *tepoh* kita langgar. Tapi nak khabor bila orang tu naik gitu, orang puak-puak nilah jugak duk kata: "Zaman Nabi dulu takdok masalah", katanya. Orang Yahudipun boleh masuk ke masjid. Jadi kita duk sokong-sokong hak gini buat benda sebenarnya? Jadi baiklah kita sama-sama fikirkan untuk masa depan kita sebab saya bersetuju rakan saya kata tadi PAS ganti UMNO, jawapannya bukannya PAS, bukannya UMNO tapi jawapannya adalah DAP sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Itulah setakat yang saya ingin sebutkan pada pagi ini mudah-mudahan ada kebaikan melalui perbincangan dan perbahasan kita pada hari ini. Wallahu wa'alam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan para Pemerhati.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahar Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja semalam. Hari ini kita bersidang dalam Dewan Undangan Negeri yang berwajah baru, susunan baru, ada skrin di depan kita tapi saya tidak tahulah pasal skrin ini tidak boleh akses internet tapi kalau di Parlimen dia boleh akses internet sambil-sambil dengar atau takmbah dengar boleh kita tengok internet.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita di Dewan Negeri Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak khabor di Parlimen, Yang Berhormatpun pernah jadi Ahli Parlimen. Jadi begitu jugak saya difahamkan pada persidangan yang lepas tidak boleh Persidangan DUN kita ini tidak ada */live*, tidak boleh diakses internet oleh orang di luar sana, saya tidak tahu kali ini */live* ke tidak. Seluruh dunia boleh dengar ke tidak perbincangan kita, nak dengar jugak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat, itu bukan Peraturan Dewan. Teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal selama ini Yang Berhormat Yang Dipertuapun sebut benda tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya ambil kesempatan ini untuk nak ucap terima kasihlah kepada Yang Dipertua, kepada Setiausaha DUN yang berjaya menceriaikan Dewan dengan susunan yang baru tapi dengar ceritanya Yang Berbahagia Setiausaha DUN nak kena tukar pulak, dah buat molek-molek nak kena tukar pulak tapi walau macam manapun saya ucap 'Selamat Maju Jaya'.

Jadi saya nak cadang satu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau boleh macam di Parlimen kita boleh lantik seorang ke, dua orang ke sebagai Penyelidik untuk membantu Ahli-ahli Dewan untuk buat *research* bagi mereka untuk menyampaikan ucapan dengan lebih baik. Saya kesianlah macam saya sebut tadi saya minta maaflah tetapi kalau boleh biarlah ada fakta.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bila saya dengar dan saya teliti ucapan yang dikemukakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja semalam. Ya, memang sebenarnya ucapan itu disediakan oleh pihak Kerajaan, zahirnya nampak okey, ada perancangan, ada saranan, ada sasaran, ada program, siap dengan slogan lagi 'Gagasan Untuk Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Tetapi ini semua Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hakikatnya cerita lama yang dikitar semula, yang dikisar semula, yang ditayang semula dan *direcycle* dengan izin. Rakyat di luar sana saya tengok dan saya rasa dan saya berkeyakinan ramai rakyat di luar sana dan termasuk yang ada di dalam Dewan hari inipun kita menghadapi satu krisis keyakinan yang parah. Rakyat sudah tidak yakin hilang kepercayaan terhadap pemimpin Kerajaan dan cara pemimpin urus tadbir negara

dan negeri. Hilang keyakinan terhadap cara pemimpin menyelesaikan masalah ekonomi negara dan negeri. Nak yakin macam mana Yang Berhormat Yang Dipertua, bila Perdana Menteri sendiri boleh *pelawok*, boleh cakap *nipu* dalam isu royalti yang disebutkan tadi. Boleh cakap, Perdana Menteri, kalau dulu Pak Lah, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi janji nak beri balik royalti sekarang Perdana Menteri, waktu dia jadi Timbalan Perdana Menteri, menjadi Menteri Kewangan pada waktu itu mari berkempen sempena Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu pada 13hb Disember, di Stadium Negeri buat satu Majlis Penyerahan Royalti Minyak Separuh Kedua Tahun 2008. Ini surat ni, saya akan simpan surat ini yang ditandatangani oleh Yang Berbahagia Haji Hussein bin Embong, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Bahagian Pengurusan) pada waktu itu. Diminta hadir, kerah semua Pegawai-pegawai Kerajaan tetapi sampai sekarang dan tadi disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kita sekarang ini masih dengan Dana Khas. Ini masalah yang ada, majlis yang RM408.6 juta *mock cheque* yang Yang Amat Berhormat terima pada waktu itu, itupun tipu. Penipuan kerana apa? Ketua Audit Negara dalam laporannya menyatakan bahawa itu hanyalah baki bayaran Dana Khas untuk tahun 2007. Jadi ini fakta yang tidak boleh nak dipertikaikan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hampir setiap kali persidangan saya sebut perkara ini dan ini masalah keyakinan yang ada sekarang ini di semua peringkat. Dan saya sebut benda yang sama di Parlimen dan benda yang sama dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Ikan Siakap Senohong Ikan Duri,  
Mula-mula cakap bohong,  
Lama-lama mencuri,  
Lepas itu merompak baru boleh menjadi Perdana Menteri.

Itu realiti. Dan saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak baca sejarah-sejarah berhubung dengan soalnya sekarang ini pasal apa ada orang ketiga, pasal apa kita macam mintak sedekah mengharapkan duit hak kita Perjanjian Terengganu dengan Petronas pada 22hb Mac 1975 selepas *Petroleum Development Act (PDA)* dengan izin. Akta Kemajuan Petroleum tahun 1974 diluluskan oleh Parlimen. Macam kita setiap kali Perdana Menteri mari baru-baru ini, macam menyembah mintak pitih, dhaifnya kita. Pada hal Sabah tandatangan 14hb Jun, 1976, Sarawak 27hb Mac 1975, Kelantan 9hb Mei 1975, Kerajaan Pusat sendiri tandatangan dengan Petronas 26hb Mac, setaraf aje Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam isu royalti tapi mengapa perkara ini masih tidak boleh selesai Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua? Ini yang saya nak sebutnya krisis keyakinan yang berlaku dalam negeri, dalam negara kita. Dan hari itu Kelantan dia cerdik sikit kes saman dia tak saman, dia hanya saman Petronas tak terlibat dengan Kerajaan Pusat dan sekarang ini masih berterusan kes saman tersebut. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mari ke Terengganu Dato'

Seri Najib mari ke Terengganu 30hb yang lepas ke apa, tak pasti. Saya duk ingat, kawan-kawan duk ingat dia nak bagi royalti muga dia berjanji dah dekat 3 tahun dah, 13hb Disember 2008. Ingatkan mari nak bagi royalti rupa-rupanya mari ajak PAS masuk UMNO, masuk Barisan, Ya Allah! Hak ni, ni duk sebut pulak 2 orang ni, kawan-kawan saya ni duk ajak, barangkali takdok sebab nak ajak kita masuk Barisan kalau UMNO dan Barisan itu tidak lemah. Ini memang kes lemah yang ajak kita ni. Nak mampus cari akulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta maaf, yang itu saya tarik balik, saya minta maafah yang itu. Hak itu sentimental sikit saya dengan kawan saya ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat peringat saya hak 121 tu perbahasan menghala kepada Yang Dipertua tak payah ke sana, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tuju kepada Yang Dipertua tetapi .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sebenarnya takdok masa, saya bukan apa minta maafah saya tidak boleh bagi, pasal kes biarlah saya .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak lepas ni. Kalau Yang Berhormat Yang Dipertua nak bagi saya cakap sampai petang saya boleh bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak bagi tak dulu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laluan diminta oleh Alur Limbat.



YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak dengan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Mulia nak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak payah sabit gitu, nak bagi ke tidak aje dulu!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya takmboh bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak nak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah kalau Dewan tak beri, saya tak nak bagi. Kalau saya diberi jaminan boleh bercakap sampai ke petang .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Kurang *gentleman* ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini bukan soal *gentleman*, kita boleh bincang bila-bila masa tapi sekarang ini soal krisis keyakinan yang berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi saya Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya pulak nak mintak penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi mintak pulak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok, saya tak beri dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak beri Yang Berhormat. Dia *pesen* Wakaf Mempelam macam itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau dia nak bangun, Yang Berhormat boleh tak bagi saya bercakap sampai ke petang ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, boleh beri ke tidak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau begitu saya mintak duduk dululah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak payah duduklah. ....(Dewan Gelak) ..... Payah belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam buku ucapan semalam, muka surat 29, disebut Sistem Ekonomi Negeri patut dapat mengelakkan pembaziran dalam usaha memastikan setiap ringgit dan sen .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil mintak laluan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya begini Yang Berhormat, saya takdok masalah, ini kawan-kawan belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kawan lama takkan tak beri jugak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dalam 10 minit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau nak bercakap, ini soal negeri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak bagi ke tidak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, Yang Berhormat nak bagi ke tidak ke saya sampai ke petang ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu saya akan jawab .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya takmboh masa saya dibazirkan begini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak beri ke dok?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, dok, saya boleh bagi dengan syarat Yang Berhormat beri peluang kepada saya sambung petang, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan adil kepada Yang Berhormat tapi Yang Berhormat bagi ke tidak kepada dia, ke tak bagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya kalau Yang Berhormat boleh janji boleh bagi kepada saya sambung sampai ke petang .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia, kalau saya pulak bangun sebab saya beri ke dia tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, dok, dok. Tadi saya kepanasan, saya kacau sikit aje. Saya tidak mintak penjelasan apa.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya nak kacau sikit aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini saya nak habiskan masa saya untuk bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cakap gaduh, jadi lenguh orang dengar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya bercakap tadi, saya mengejar masa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan dengan tatatertib yang molek.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jadi kita pakat hak ni se aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... bercakap tentang ekonomi ianya tidak hanya tentang wang dan saham, tidak hanya tong dan gudang, projek dan kontrak tetapi ia berkait rapat dengan integriti dan juga reputasi. Dengan izin Yang Berhormat kata pujangga: *Loosing money is bad but loosing reputation is worst* dengan izin. Hilang, rugi duit adalah satu perkara yang tidak baik tetapi hilang integriti dan reputasi adalah lebih parah. Dan ini krisis yang berlaku sekarang ini, timbul krisis keyakinan, integriti, reputasi dipersoalkan oleh rakyat walaupun kita bercakap pasal slogan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', kita canangkan slogan tersebut. Saya nak beri contoh, tadi isu royalti yang dinafikan waktu PAS memerintah pada tahun 1999 hingga 2004. Masa PAS memerintah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak dapat ditarik balik royalti tapi sebahagian duit itu dibagi balik kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk projek maka kontraktor bermaharajalela, berebut projek, antaranya Projek Pembangunan Dan Pembinaan Sekolah, blok baru bangunan sekolah, buat pagar baru sekolah dan sebagainya. Kontraktor OKU (Orang Kuat UMNO) ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada senarai dia, dia pakai *bulldozed* sahaja masuk ke tapak tidak kira tanah Kerajaan ataupun tanah milik, ini soal integriti pasal ada peluang kontrak pada waktu itu kerana duit banyak hak negeri dirampas. Jadi tak sempat proses pengambilan balik tanah malah tuduh pada waktu itu Kerajaan PAS Terengganu kononnya tidak beri kerjasama untuk bina sekolah. Dan biasalah pada tahun 2006 ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada projek sekolah yang tidak siap ikut jadual, ada yang terbengkalai, ada dewan sekolah bumbung dia runtuh kalau tak silap saya kawasan kawan saya di Pengkalan Berangan, Wakaf Tapai dan jugak Bukit Besi.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tahun bila tu Wakaf Mempelam .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya dedahkan ke dalam Dewan ini pada 17 April 2006, ada 42 buah sekolah pada waktu itu oleh kerana terlampau banyak iaitu 42 buah sekolah yang pelajarnya tidak sampai 150 orang pelajar pada waktu itu. Dan Kementerian dari tarikh 2001 hingga 2005, Kementerian Pelajaran saja belanja habis peruntukan RM443.25 juta Dana Khas/Wang Ehsan Terengganu untuk buat sekolah. Tahun 2005 dan 2006 pulak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua timbul pulak isu projek pembinaan Loji Rawatan Air (*Water Treatment Plant*) dengan izin di Kampung

Seberang Gaung, Kuala Berang. Kawasan Yang Berhormat Kuala Berang. Kontraktorpun begitu jugak bermaharajalela atas nama Konsortium Projek Air Hulu Terengganu masuk, redah kawasan tanah milik dan tak sempat proses pengambilan balik tanah atas alasan kerana projek itu penting nak siapkan Loji Air takut putus bekalan air bersih. Tuan-tuan tanah seramai 82 orang yang melibatkan 8 lot tanah berkeluasan 18.2065 hektar sampai sekarang masih ada yang tak dapat bayaran pampasan sepenuhnya walaupun loji itu telahpun siap. Saya ingat bila saya buat carian rasmi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, kontraktor atas nama Konsortium Projek Air Hulu Terengganu takdok dalam senarai yang didaftarkan di bawah Pendaftar Syarikat. Dan waktu itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebagai Ahli Parlimen Hulu Terengganu pada waktu itu. Baru-baru ini saya nak timbulkan soal integriti, soal reputasi ini, baru-baru ini timbul pulak Yang Berhormat satu lagi kes yang lebih kurang sama di Teluk Kassim Mukim Chendering, Kuala Terengganu berhampiran/bersebelahan/*adjacent* dengan izin, dengan Istana baru yang sedang dibina. Inipun berlaku, kontraktor utama yang membina Istana baru dikatakan telah masuk dan ceroboh tanah milik, menambun dan membuat rumah kongsi pekerja untuk pembinaan Istana. Pemilik-pemilik tanah buat report Polis pada 6hb Oktober, ada 4 report Polis, C0473074 sehingga sampai 077. Pemilik tanah terkejut kerana Carian Rasmi di Pejabat Tanah Kuala Terengganu mengesahkan mereka sebagai pemilik tanah yang sah. Ada Sijil Carian Rasmi yang dibuat pada 22hb Februari 2011, pemilik tanah jugak lebih terkejut sebagai tuan tanah, sebagai pemilik, mereka tidak pernah menerima sebarang notis pengambilan balik tanah daripada Pejabat Tanah dan tidak pernah dipanggil menghadiri sebarang perbincangan untuk tujuan pengambilan balik tanah. Keesokan harinya pulak pada 23 Februari 2011, pemilik tanah lebih terkejut dan lebih terperanjat bila Carian Rasmi dibuat di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Terengganu, didapati sebahagian daripada tanah mereka didaftarkan atas nama Kontraktor AHT, Norlan United & Carriage Sdn. Bhd. dengan izin, satu syarikat No. Pendaftaran 87269T, PTG keluar Hakmilik Berdaftar atas nama Pajakan Negeri No. 7766 Lot 4743, Mukim Chendering, seluas 209,000 meter persegi. Macam mana boleh berlaku pemilikan bertindih bertindan atas tanah yang sama, macam mana? Ini soal kredibiliti, ini soal integriti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah .... Deras aje Yang Berhormat, kalau bab ni gok deras aje. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sekali-kali tidak mempertikaikan pembinaan Istana baru Terengganu dan saya cukup yakin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan tidak disembahmaklum tentang perkara ini, tidak ada makluman Kebawah Duli Al-Sultan. Yang saya bimbang Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada pihak yang menjadi isu pembinaan Istana Terengganu ini sebagai alasan untuk kontraktor utama masuk ceroboh tanah milikan bersebelahan dengan projek pembinaan tersebut. Jadi itulah sebabnya saya lagi bimbang kalau pemilik tanah ini dia saman Kerajaan, saya bimbang kerana pihak Kerajaan pulak dipertanggungjawab untuk bayar kalau kena bayar pampasan, gantirugi tapi kontraktor lepas tangan, saya nampak begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi itulah sebabnya dalam hal ini, ini ialah contoh di Terengganu. Kalau saya nak beri satu contoh hak di Kuala Lumpur lagi hebat jugak berhubung dengan pembinaan Istana Negara disebut oleh Ketua Pembangkang di Kuala Lumpur. Yang saya terasa pasal kes sekarang ini Tuanku Al-Sultan menjadi Agong, Tuanku tidak tahu menahu tapi yang dapat projek itu siapa dia? Bukan kita nak pertikai soal pembinaan Istana Negara yang baru, Institusi Raja-Raja ke? Tapi yang saya nak sebutnya ialah soal pasal kita ..... kalau macam puak-puak sebelah sana tu kalau nak marah ke, tak puas hati sikit, berarak kat Istana nun. Dia bawah sepandok, "Kami nak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, seminit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dulu, dulu. Kami tidak buat begitu tapi yang kami pertikainya orang ambil kesempatan. Yang kita pertikai ialah cadangan kos Istana tersebut, harga kontraktor berapa ditawarkan, cara kontrak yang ditawarkan, syarikat mana, siapa punya, apakah status syarikat? Ini yang kita pertikai dan disebut di Parlimen oleh Ketua Pembangkang sebelum digantung 6 bulan. Projek ini Projek Runding Terus dibagi kepada syarikat orang kuat UMNO, daripada Merbok. Kontrak asal bina Istana Negara, kemuka cadangan asal oleh syarikat RM394.8 juta, lepas itu berunding pasal ini bukan tender, *negotiate* (runding), runding ..... runding ..... runding atas meja, runding bawah meja, tepi meja, tengah meja, JKR lulus, lulus RM649 juta, mudah, mudah RM650 juta sudah. Awalnya RM394 juta aje. Kontrak ditawarkan pada 26 Oktober 2007 dan sekarang kos-kos meningkat daripada RM650 juta menjadi RM811 juta kerana apa? Alasan *upgrading* dengan izin Jalan Changkat ke Semantan yang diberi kepada Syarikat Ahmad Zaki Resources Berhad. Isunya tidak ada tender, apa status syarikat ini? Syarikat ini ditakrifkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia – Dormant, maknanya nama syarikat yang diberi itu Maya Maju Malaysia Sdn. Bhd., dormant, takdok perniagaan. Maya Maju Yang Berhormat Pengkalan Berangan bukan Maya Karin. Bila daftar syarikat? Ogos 2008. Kontraktor bagi bila? Oktober 2007. Beri kontrak dulu baru daftar syarikat. Ini yang berlaku.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Sila tutup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mintak laluan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok injury langsung ke? Sikit, sikit aje, saya nak tutup sikit aje lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ayat akhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey, tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat banyak ke lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, bukan soal ke lain .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila, tutupkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak bahaskan ucapan tapi soalnya orang pertikaikan soal integriti, jadi janganlah duk kata PAS ganti UMNO, nak perlekeh-perlekeh, DAP ganti PAS. Kita sebut PAS ganti UMNO kerana di Terengganu ni DAP satu kerusipun tidak bertanding macam mana nak ganti takdok seorang hak tanding. Jadi cakap tu biarlah ada logik sikit, nak jawabpun biarlah logik sikit, kot barangkali takut sangat PAS ganti UMNO tak tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: PAS ganti UMNO di Wakaf Mempelam aje Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di Wakaf Mempelam, Bukit Payong, Manir itu UMNO akan ganti PAS nanti. Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakaf Mempelam tak boleh ganti dengan PAS dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat habiskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebutkan perkara ini kerana ditimbulkan soal integriti ini, yang akhir Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan apa yang dibahas, apa yang dibincang oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri berkenaan Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan Kira-Kira Wang Negeri Terengganu Tahun 2007, yang ini saya baca laporan yang Yang Berhormat Alur Limbat jadi Pengerusi. Saya nak khabor, pasal hari nampak cakap *pesen* lain sikit. Bila bincang soal pengagihan Bantuan Pakaian Sekolah Tahun 2009, Pengagihan Kurma Dan Air Zam-Zam dan soal pembelian Atap Biru. Satu Syarikat Hamie beri satu proposal, Yang Amat Berhormat sign, "Saya setuju dengan harga yang ditawarkan", dan diuruskan secara Runding Terus untuk dilaksana tahun ini jugak. Lepas tu hari itu dia lulus, hari itu jugak keluar Local Order, 30hb November. Berapa nilai Local Order ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua? RM7,995,000, kurang RM5,000 jadi RM8 juta. Pada hal pegawai tahu pembelian lebih daripada RM50,000 kena tender tapi ini yang berlaku dan ini dibahaskan oleh sahabat saya Yang Berhormat Alur Limbat dalam PAC. Saya dedahkan perkara ini sebab saya nak bincangkan soal integriti, soal reputasi, soal sekarang ini orang sudah hilang keyakinan, bercakap menipu dan tidak ikut .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat. Sila duduk. Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya duduk di kerusi ini letih mendengar Wakaf Mempelam dengan fakta-fakta yang menyerongkan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan tuduh lagi Yang Berhormat, sebelah Kerajaan tidak jawab lagi. Yang Berhormat kalau saya bercakap menyerong selalu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya mintak duduk, saya nak tangguh sementara Dewan ni. Saya harap ucapan kita yang di hadapan nanti lebih berfakta dan tidak kita nak guna Dewan ini sebagai sarkas ataupun pusat kelakar dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat perli .....



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakaf Mempelam duduk, ini ruang saya, saya nak nasihatkan Yang Berhormat. Betul kita lihat orang ketawa tetapi saya tengok kita merendahkan integriti kita sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita menangguhkan Dewan kita ini saya nak maklumkan satu pengumuman iaitu Jamuan Tengah Hari iaitu jemputan khusus oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Tingkat 18. Saya nak maklum sejak saya menjadi Speaker Dewan ini saya dapati kita membuat pembaziran besar setiap kali jamuan diadakan. Semua ahli tidak ke jemputan itu. Jadi tengah hari ini saya menjemput wajib semua sekali kalau tidak saudara-saudara adalah orang yang membazir wang rakyat dan kepada Pemerhati-pemerhati sekalian di Podium U2, disediakan jamuan makanan ikhlas daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dengan itu saya tangguhkan mesyuarat kita ini dan kita masuk semula ke Dewan pada pukul 2.30 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

## PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat BertORMAT, Ahli-ahli Yang BertORMAT sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang BertORMAT Dato' Yang Dipertua, beri kepada saya 5 minit lagi untuk bercakap, nak sambung sikit, 5 minit saja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak, sudah selesai dah Yang BertORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal tadi banyak gangguan tadi kot-kot boleh sikit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sementara ramai lagi yang tak masuk lagi ni, 5 minit saja Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita nak bagi peluang kepada yang lain Yang BertORMAT. Saya duk tengok .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok lagi orang yang nak tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya belum jemput lagi Yang BertORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Panas enjin, panas enjin sikit saja lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut tak boleh berhenti Yang BertORMAT. Saya jemput dulu kepada Ahli-ahli yang lain yang ingin berucap. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok lagi tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam duduk dululah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, sila. Tak ada yang nak berucap kita boleh .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh beri ke sayalah sementara 5 minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri peluang kepada Ahli-ahli yang lain Yang Berhormat. Kalau tidak ada saya nak tutup dan hendak gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya nak jemput Yang Berhormat lain jika ada, jika tidak ada saya nak gulung ni. Yang Berhormat sila. Tidak ada ya? Ya, Bukit Tunggal, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Membaca doa mukadimah). Yang dirahmati Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, yang dirahmati dan yang dikasihi Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertama-tamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama menjunjung kasih atas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kedua Belas pada hari semalam.

Daripada ucapan yang panjang yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, saya hanya suka merujuk kepada pertamanya, para 22 berkaitan dengan pembangunan Bandaraya Kuala Terengganu iaitu pada muka surat 16. Tumpuan saya ialah kepada projek yang dikatakan pembangunan utama Kuala Terengganu City Centre yang dijangka menjadi mercu tanda kepada pembangunan Bandaraya Pesisir Air Kuala Terengganu. Apa yang saya perhatikan daripada Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara yang telah menyebut 5 komponen yang menjadi teras utama untuk dibangunkan Kuala Terengganu City Centre ini. Jadi apa yang dicadangkan itu nampaknya telah mengeluarkan ataupun tidak termasuk kawasan Batu 6 dan Gong Badak. Adakah ini kerana hasrat Kerajaan untuk mengadakan satu daerah baru, Daerah Kuala Nerus ataupun apa

nama yang sepatutnya sehinggalah ia diketepikan dalam rancangan yang begitu penting. Pada pandangan saya dan sukalah saya untuk mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya tidak diketepikan Pekan Batu 6 sebagai salah satu daripada komponen tersebut yang mana boleh kita naikkan taraf pekan ini kepada bandar ataupun bandar berkembar kepada bandar Kuala Terengganu. Kerana di sana setakat hari inipun di Kuala Nerus, Batu 6 ini masih lagi menjadi tempat tumpuan kalau tidak tumpuan masakan Perdana Menteri sendiri turun padang ke Batu 6 pada 30hb yang lalu. Tapi yang saya khawatirlah jugak Perdana Menteri ni, atas nama Perdana Menteri ke, atas nama Presiden UMNO? Lalu di hadapan Pejabat saya tapi tuan rumah tidak dijemputpun. Biasanya kalau adat biasalah saya tengok agensi-agensi Kerajaan yang lain lebih beradab, contoh saya beri di sini KUSTEM, apa-apapun program selalu jemput saya, ada surat jemputan rasmi, masalah pergi ke tidak pergi tu kalau ada masa saya pergi. Tapi ini lalu di depan kedai kita, di depan pejabat kita, kita duk dekatpun tidak dijemput. Kalau atas lawatan rasmi saya rasa perlulah sebagai Kerajaan menjemput Wakil-wakil Rakyat yang diiktiraf, dilantik dan dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya tapi kalau atas Presiden UMNO memanglah tak dijemput, sayapun tak nak pergi. Lepas tu pergi pulak ke kampung saya, jugak dekat rumah saya jugak tidak dijemput. Ini saya rasa suatu perkara yang agak luar biasa berlaku dalam pentadbiran Kerajaan yang dikatakan 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'. Jadi di situ kita nampak pentingnya Batu 6 dan Bukit Tunggul ini kepada Kerajaan Negeri, boleh bawa Perdana Menteri melawat masuk kampung/pekan dan sebagainya. Tapi nampaknya dalam pembangunan tidak diberi keutamaan. Oleh itu, suka saya mencadangkan supaya Batu 6 ini boleh dijadikan bandar dengan itu ada beberapa perkara yang berfaedah kepada rakyat tempatan. Pertama sekali, kita perlu menaiktarafkan kedai di sepanjang jalan Bulatan Batu 6 ke Kubang Jela ataupun ke Jambatan Buloh Gading tanpa perlu dilebarkan jalan sebab mengikut fahaman saya kawasan bandar mana-manapun jalan dua lorong tu sebelahnya tu sudah lebar dan luas. Jalan Kampung Cinapun tak besar mana, Jalan Paya Bungapun tak besar mana dalam bandar. Saya rasa sudah memadai tetapi bila digazet kawasan bandar sudah tentulah bukan lagi tempat untuk menjadi orang nak bawa kereta dengan laju kerana masalah kesesakan akan selesai sekiranya Kerajaan mengambil kira beberapa kaedah/alternatif dan sebahagiannya sedang berjalan sekarang. Saya rasa ini antara perkara yang boleh mengurangkan kesesakan jalan tersebut iaitu dengan siapnya Jambatan Jeram Tokkong, Jalan Jeram Kubang Jela dan insyaAllah kerana ada sebut jugak Jambatan Pulau Sekati. Perkara ini siap maka sudah tentu sebahagian daripada traffic flow daripada Bukit Jong, Gemuroh, Jalan Kelantan daripada Kota Bharu boleh terus tidak perlu melalui bandar ataupun Pekan Batu 6, terus ke Pulau Sekati, Losong dan terus ke bandar, itu satu alternatif. Yang kedua pula, sebahagian daripada kenderaan setelah siap LPT Fasa 2 nanti insyaAllah, sebahagiannya yang hendak ke Kuala Lumpur, ke Kuantan tidak perlu lagi masuk ke Bandar Kuala Terengganu apatah lagi melalui Batu 6. Yang ketiga, sekiranya

cadangan membesarkan jalan sepertimana yang dicadangkan oleh Tepoh, saya bersetuju dengan cadangan Tepoh untuk dibesarkan jalan daripada Kampung Petaling hingga ke Bulatan Batu 6 dan dibuat *Flyover* di situ supaya tidak perlulah orang nak ke Bandar Kuala Terengganu berhenti di *Roundabout* Batu 6 yang boleh menambahkan kesesakan dan juga boleh melalui beberapa *traffic light* yang ada. Dengan kemudahan-kemudahan yang bakal selesai nanti, saya kira jalan itu tidak perlu lagi dibesarkan dan kedai yang ada itu boleh dinaiktaraf. Naiktaraf dengan cara Kerajaan beri bantuan sama ada dengan menubuhkan sendiri yayasan (fund) untuk beri pinjaman mudah kepada pemilik-pemilik asal untuk menaiktaraf kedai-kedai mereka mengikut pelan yang insyaAllah disetujui oleh Bandaraya. Jadi timbullah masalah mereka terpaksa pindah, hilang hakmilik mereka di tanah warisan mereka. Sekiranya berlaku pengambilan balik tanah sudah tentulah banyak melibatkan perpindahan penduduk-penduduk asal yang mewarisi tanah turun temurun ini terpaksa dipindah dan bangunan itu nanti akan dijual nanti dengan harga yang tidak mampu dibeli semula oleh orang Melayu Bumiputera yang rata-rata kalau di Batu 6 ini yang meniaga kecil-kecilan. Nak buat pinjaman bank, bank kata tidak layak, umur dah lebih, perniagaanpun tidak berapa untung, bagaimana nak bayar pinjaman bank. Akhir-akhirnya mereka ini akan merempat di tanah air mereka sendiri. Itulah antara yang saya nak sebut fokus utama saya dalam meminta supaya dinaiktaraf pekan ini kepada bandar yang seeloknya tidak perlu melibatkan pengambilan balik yang besar-besaran yang akhirnya menyebabkan rakyat tempatan dipindah. Kerana sudah banyak perkara yang berlaku di kawasan Kuala Nerus ini yang orang Melayu telah hilang hak ke atas tanah warisan mereka terutama yang berlaku di Taman Semarak, Bukit Tunggal, asal tanah Rezab Melayu sekarang telah didiami kerana rumah yang dibina dengan harga yang ratusan ribu yang tidak mampu dibeli oleh bumiputera maka di situ sudah menjadi sebuah tempat kediaman yang dimiliki oleh bangsa lain. Saya bukan nak pertikaikan masalah perkauman tapi soal keadilan kerana di Terengganu ini khususnya ratio penduduknya masih lagi 90% orang Melayu (Bumiputera) yang bukan Bumiputera hanya 10%. Jadi kalau pembahagian aset pemilikan tanah, bangunan tidak mengikut ratio ini akan timbul rasa tidak puas hati di satu pihak. Bukan soal 30%, soal kuota 50% tapi soalnya ada pihak akan rasa tidak puas hati kerana dia merupakan penduduk majoriti tapi kenapa mereka memiliki hartanah, aset yang minoriti, itu soalnya bukan kata takmboh beri 100% kepada bangsa lain tapi biarlah kadarnya bersesuaian dengan kadar *proportion* ataupun kadar penduduk di satu-satu tempat. Sekarang ada dibangunkan di tapak Metro Pacific yang dulunya Kilang Plywood masa saya kecil-kecil dulu, lepas itu sedar-sedar sudah dimiliki oleh Metro Pacific dan baru-baru ini telah katanya telah dilelong kerana kilang bangkrup. Sekarang ini telah dimiliki oleh sebuah syarikat bukan bumi yang nak buat gentian optik, sebahagiannya bangunan pusat beli belah yang terbesar mungkin Mydin dan di sana dibangunkan mengikut maklumat yang saya terima tidak kurang dari 176 unit rumah kedai yang harga tiap satunya sekitar

RM800,000 satu unit. RM800,000 satu unit ini saya percaya dalam Dewan ini ramai yang tak mampu untuk beli apatah lagi penduduk-penduduk miskin yang bekerja berniaga kecil-kecilan, kais pagi makan pagi di sekitar Batu 6, Bukit Tunggul, Kuala Nerus. Bumiputera beri diskaun dapatlah RM750,000 satu unit masih lagi harga yang cukup tinggi untuk dimiliki dan akhirnya apa yang dimaklumkan kepada saya tak sampai 10% yang berjaya ataupun yang sanggup membeli di kalangan bumiputera, kurang daripada 10%. Itupun yang beli tu taukeh-taukeh emas yang nak berniaga emas dan bila saya bercakap dengan taukeh-taukeh emas ini dia kata memang kalau daripada pendapatan yang dijangkakan di situ tak dapat nak bayarpun pinjaman tetapi oleh kerana mereka ini orang yang telah kaya dan harta telah banyak dan ada kedai di tempat-tempat lain hanya nak menjadikan aset mereka sahaja dan mungkin bayaran bulanan kepada bank nanti adalah duit daripada tempat lain. Jadi takkanlah 10 orang peniaga emas yang beli kedai dan semuanya nak meniaga emas mana pelanggannya. Inilah keadaan yang sedang berlaku, cara mengeluarkan bangsa Melayu (Bumiputera) daripada tanah warisan mereka secara perlahan-lahan, memang tidak halau tetapi macam halau.

Dan sekarang yang sedang berlaku, tengah bergolak sekarang entah angkara siapa ialah pengambilan balik tanah yang melibatkan rumah kediaman di Kampung Banggol Donas untuk jalan daripada Jeram ke Kubang Jela. Saya pernah sebut dalam Dewan yang lalu tetapi perkara ini tidak selesai lagi. Jawatankuasa bertindak kampung tersebut nampaknya telah menghantar banyak surat yang ditunjukkan kepada saya kepada JKR, kepada Pejabat SUK, Menteri Besar dan sehingga ke Pejabat Perdana Menteri sendiri dia menghantar surat bantahan. Bukannya bantah kepada pembangunan yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan untuk kebaikan rakyat tetapi bantah laluan itu melibatkan 22 buah rumah penduduk tempatan, tanah warisan keluarga mereka dan mereka ini pulak jika tanah mereka diambil tidak ada tempat ganti yang mereka nak didirikan rumah. Kontraktor telah masuk tanpa ada apa-apa bayaran ataupun perbincangan dengan penduduk tempatan. Nak suruh roboh rumah, bila rumah diroboh mana tempat nak didirikan semula? Inilah yang menimbulkan rungutan penduduk tempatan dan mereka mencadangkan ada laluan lain yang tidak melibatkan sebuah rumahpun hanya sawah baruh, jalan melencong sedikit tetapi masih lagi tidak menjejaskan laluan lebuhraya ataupun jalan baru tersebut hanya melalui sedikit kawasan bekas sawah padi tidak melibatkan pengambilan balik. Ada alternatifnya tetapi mengapa pihak Kerajaan masih ingin meneruskan untuk memindahkan penduduk asal daripada tanah bumi yang mereka warisi daripada keluarga mereka sedangkan ada pilihan lain bukannya tidak ada pilihan. Yang terakhir yang ditunjukkan surat kepada saya ialah surat kepada Perdana Menteri sendiri dan PM telah hantar surat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar seolah-oleh projek itu ialah projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi kitapun tidak faham projek ini

Kerajaan punya ke, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke ataupun siapa? Sehingga rakyat ini jadi macam bola, tendang ke sana, tendang ke sini nak mengadu kepada siapa, tidak ada orang nak mengambil hal tentang nasib yang bakal menimpa mereka. Kita tidak mahulah nanti suatu masa bila bertukar Kerajaan insyaAllah, kita mulalah nak menyalahkan Kerajaan yang baru macam berlaku di Pulau Pinang. Kita menyalahkan Kerajaan Pakatan Rakyat, Kerajaan DAP yang menghalau orang Melayu sedangkan selama ini siapa yang memerintah di Pulau Pinang? Saya teringatlah satu cerita orang tua-tua, cerita pemotong kayu api .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan panjang sangat ceritanya Yang Berhormat. 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Nak habis dah? Bedo'oh sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, belum habis lagi ada 3 minit lagi. Ceritanya itu jangan panjang sangat

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ceritanya pendek saja tapi penuh dengan pengajaran. Kerjanya potong kayu api di dalam hutan. Dia pergi dalam hutan, masuk hutan dapat kayu seberkas nak bawa balik terasa pulak nak buang air besar. Dalam hutan tak apalah di mana-manapun boleh buang. Diapun buanglah di dalam semak. Lepas itupun dia baliklah ke rumah. Besok dia pergi lagi nak potong kayu dia terpijak najis itu: "Isy! Siapa pulak berak merata." Dia marah ke orang tapi dia tak ingat yang dialah yang berak di situ. Kita yang buat tahi lepas itu kita nak salah benda yang sama. Inilah yang saya takut benda ini akan berlaku, memang setiap perkara berlaku bukan *overnight* dengan izin, bukan satu malam dia berlaku secara proses dan proses nampaknya telah berlaku ke arah itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil mintak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Bukti Tunggal. Jadi kisah pulak berak merata ni. Tahun 1999 hingga 2004, PAS berak merata jugak dan lening dia pijak jugak sampai kita kena saman RM800 juta oleh Ria Padu, terima tak terima apa yang saya katakan. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Perkara itu masih lagi dalam kes mahkamah tak perlu dibangkitkan di sinilah. Kita bercakap pasal sejarah yang telah berlaku dan yang insyaAllah nampaknya ke situlah akan berlaku di bumi tanah air Terengganu kita sendiri. Saya harap perkara ini menjadi pengajaran untuk kita semua, kasihanlah kepada rakyat kita orang Melayu .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya ingat Alur Limbat masa saya ada 3 minit lagi. Saya ada banyak lagi perkara yang nak sebut. Minta maafah, lain kalilah, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Meleret aje tu, tak berapa faham mana.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Tak faham?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat teruskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Kalau saya cakap kasar orang kata kasar, itu berhalus nak suruh orang tangkap satu-satu macam cikgu cakap di sekolah pulak dah. Yang kedua, yang saya nak sebut di sini ialah berkaitan dengan para 25, Jambatan Pulau Sekati. Ini jugak satu perkara yang saya rasa mohonlah Kerajaan percepatkan kerana ini melibatkan keselamatan penduduk di Kampung Pulau Sekati sendiri. Baru-baru ini berlaku kebakaran rumah orang OKU jadi Bomba nak pergi tak bolehlah sebab tidak ada jambatan, jambatan yang ada hanya untuk laluan motosikal saja, untuk kereta, kenderaan Bomba memang tak boleh lalu, jadi habislah sebuah rumah terbakar. Itu nasib baik tidak ada kemalangan jiwa. Bila sebut kemalangan jiwa, orang sakit pulak ambulanpun tak boleh sampai maka bagaimana nak angkut orang sakit untuk pergi ke hospital dalam keadaan perhubungan yang tidak sempurna, itu di Pulau Sekati dalam kawasan Bandaraya Kuala Terengganu, bukan di Pulau Redang, bukan di Pulau Perhentian. Sebab cerita Jambatan Pulau Sekati sudah lama ceritanya tapi masih lagi tidak terlaksana. Begitu jugak bekalan air yang dibuat oleh JBA nampaknya separuh jalan saja sampai dekat masjid lepas itu masih lagi tidak berfungsi untuk dimenafaatkan oleh penduduk untuk disalurkan kepada rumah mereka. Jadi banyak lagi kemudahan-kemudahan yang harus dilihat oleh pihak Kerajaan bagi membantu rakyat di Pulau Sekati ini. Kalau jambatan besar tidak boleh buat tak apalah tapi buat masa ini buatlah jambatan yang boleh paling



tidaknya dilalui oleh sebuah kenderaan yang beroda empat ke Pulau Sekati ini. Saya ingat kosnya mungkin tidak sebesar mana berbanding dengan hasil royalti ataupun Dana Khas yang Kerajaan terima setiap tahun.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Sebagai yang akhirnya saya nak sebut jugaklah, gulung, gulung ni *dokdang* nak gulung dah, lipat-lipat lebih kurang ajelah. Saya mintak satu lagi tentang perparitan di perenggan 26, Rancang Saliran Yang Baik. Sebab saya melihat di kawasan Bandaraya ini di Bukit Tunggul khususnya banyak kawasan-kawasan baruh yang memang kita lihat tidak sesuai lagi untuk dibaik pulih untuk dijadikan kawasan pertanian malahan ianya memang hanya sesuai untuk kawasan kediaman memandangkan kerana kita kekurangan tempat kediaman untuk penduduk-penduduk yang makin bertambah sekarang. Jadi dengan itu kita buat satu dasarlah sebolehnya pengambilan balik tanah untuk aliran asal air, parit-parit yang sedia ada itu lebih awal sebagaimana kita buat rezab untuk jalan, dia kena ada rezab untuk parit ataupun alur air yang asal ini supaya tidak ditimbus oleh pemilik-pemilik tanah tersebut. Jika kita alih aliran air ini ke lain biasanya dia timbul masalah yang berlaku hari ini bukan sahaja dibuat timbunan ini oleh pihak kontraktor untuk buat rumah persendirian kadang Kerajaan sendiri di bawah JKKK buat jalan melintasi aliran air ditimbus begitu saja lepas itu terjadi banjir kilat, kena pergi pecah balik jalan itu. Jadi ini membazir duit buat jalan dah sekali, kita kena pergi cari kes buat pecah jalan dah musim hujan menyebabkan banjir. Jadi banyak kerja yang membazir kerana kita tidak ada suatu syarat ataupun dasar yang mesti tidak kita timbus khususnya kawasan alur air ataupun anak sungai yang menjadi nadi untuk bawa air-air hujan yang banyak itu ke dalam sungai yang berdekatan. Itu cadangan saya supaya dapat diberi pertimbanganlah.

Dan yang terakhir yang saya nak sebut mengenai keselamatan rakyat di Bukit Tunggul khususnya dah disebut oleh Tepoh tadi iaitu pembuangan *guard grill* ke apa tak tahulah, penghadang jalan antara Taman Semarak ke Batu 6 itu sangat merugikan rakyat khususnya pelajar-pelajar sekolah. Selama ini orang di Pengkalan Arang mungkin orang di sini tak kenal Pengkalan Arang tapi Perdana Menteri pergi ke Pengkalan Arang baru-baru ini, boleh lalu dengan basikal ikut tepi jalan melawan arus tetapi di luar daripada penghadang jalan itu, mereka selamat insyaAllah, selama tidak ada saya dengar kemalangan yang banyak di situ dan tidak melibatkan budak sekolah. Tapi sekarang ini oleh kerana jalan ini sudah tidak ada penghadang budak-budak ini sudah tidak boleh nak lalu dah kalau pergi, ini sudah menempah maut. Nak potong jalan lebuhraya yang besar tak menasabah dengan basikal. Jadi ini menyebabkan sangat menyusahkan dan menyulitkan dan membahayakan kepada kanak-kanak sekolah khususnya apatah

lagi kepada orang-orang tua yang nak ke surau, masjid dan sebagainya, Masjid Pengkalan Arang di sebelah sana, mereka duduk di sebelah sini. Ini harus saya rasa pihak JKR timbang semula, saya ingat ini tak tahulah mungkin rancangan ini dikaji atau tidak, wallahuwa'alam. Kata nak meringankan *flowpun* tak menasabah, *di roundabout* itu dua lorong, di sini kalau buat tigapun tak menyelesaikan masalah, tiga jadi dua sama macam dua jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Inilah perkara-perkara yang saya rasa untuk keselamatan rakyat harus diberi pertimbangan yang sewajarnya. Jadi sebagai akhirlah, nak gulung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak akhir dah ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Akhir ni banyak sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih aje.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang akhir saya nak sebutnya yang tadilah saya mintaknya supaya apa-apa pembangunan yang dibuat oleh Kerajaanpun harapnya pemilik-pemilik asal, pewaris asal itu diutamakan dan janganlah kita secara terhormatnya memindahkan mereka sedikit-sedikit dan akhirnya orang Melayu hilang pegangan mereka di kawasan-kawasan bandar yang mempunyai nilai perniagaan yang tinggi. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Bukit Tunggal. Saya jemput Ahli Yang Berhormat lain untuk berucap, berbahas. Sila, Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati dan dikasihi sekalian serta Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati.

Saya ingin turut bersama membincangkan dan membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja yang telah menyampaikan ucapan di Dewan ini pada semalam. Banyak perkara-perkara penting yang telah disebut dalam ucapan yang telah disampai di Dewan yang mulia ini. Cuma yang

pertamanya yang ingin saya menyebut bahawa negara kita adalah sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama, kita bukan sahaja mempunyai penduduk Melayu yang majoriti, kita jugak mempunya masyarakat Cina dan kaum India serta bangsa-bangsa lain yang menganut agama-agama yang ada di negara kita. Walaupun kita memperakui Islam sebagai teras agama rasmi yang ada di negara kita tetapi dalam ajaran Islam kita tetap menghormati bangsa dan agama-agama lain. Sebab itulah saya mengharapkan supaya isu agama dan kaum ini tidak dijadikan suatu sentimen yang terlalu sempit sehingga boleh mengapi-apikan suatu bentuk sentimen perkauman yang cukup bahaya yang ada dalam negara kita. Yang terakhir tajuk Utusan Malaysia, "Malaysia Negara Kristian". Ini merupakan suatu kenyataan yang cukup bahaya, suatu kenyataan yang jelas cuba mengapi-apikan sentimen perkauman dan agama, masyarakat yang berbilang bangsa yang ada dalam negara kita.

Dato' Yang Dipertua, laporan-laporan seperti inilah antara laporan yang bertujuan untuk membakar semangat orang Melayu Islam dengan isu Negara Kristian dan melambangkan suatu bentuk pemberitaan yang sangat tidak beramanah serta boleh memecah belahkan masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama yang ada di negara kita. Seandainya betul ada mana-mana kelompok, parti ataupun pihak tertentu mahu menjadikan Malaysia ini Negara Kristian, kitalah antara orang yang pertama yang akan mempertahankan kedaulatan Islam dan masa depan orang-orang Melayu yang ada di negara kita. Tetapi sekiranya isu yang sedemikian ini dimainkan dan diapi-apikan untuk kepentingan politik yang sempit ianya adalah suatu yang amat malang bagi masa depan negara kita.

Dato' Yang Dipertua, perubahan berlaku di dunia sekarang ini adalah perubahan ke arah suatu sistem *good governance*, suatu sistem mentadbir dan memerintah secara telus, menolak sebarang bentuk salah guna kuasa, menolak apa jua bentuk rasuah dan penyalahgunaan kedudukan untuk kepentingan peribadi. Kita melihat seluruh dunia sekarang ini telah bangkit, siapa boleh menjangkakan rakyat di Tunisia, rakyat di Mesir, rakyat di Yamen, rakyat di Syria dan Libya sekarang ini bangun dan bangkit menentang pemerintah yang kejam dan zalim, pemerintah yang mengamalkan rasuah, pemerintah yang menyalahgunakan kuasa, pemerintah yang menggunakan kedudukan dan pangkat mereka untuk kepentingan dan kekayaan diri dan keluarga mereka. Ini fenomena yang berlaku di seluruh dunia, apa penyebabnya? Penyebabnya kerana golongan muda, generasi muda yang ada sekarang ini mempunyai suatu daya kesedaran yang jauh lebih maju dan kehadapan daripada generasi yang lampau. Mereka sekarang ini dalam dunia maya, mereka berhadapan dengan dunia *Facebook*, dengan dunia *Twitter*. Dunia di mana kita tidak lagi dapat menipu mereka, mereka boleh mendapat maklumat dalam alam-alam maya ini, dalam internet ini. Kalau terus mempermainkan isu-isu yang sedemikian ini, saya yakin generasi muda akan bangkit untuk menentang

usaha-usaha yang menyempitkan dan membawa kepada perpecahan kaum dan agama di negara kita.

Dato' Yang Dipertua, saya kembali kepada .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Mintak laluan untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Burok, kepada siapakah yang dituju yang mempermainkan isu-isu Negara Kristian ini, tidak jelas dan kitapun tidak faham?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Jelas dah kot saya rasa, sudah keluar dalam Utusan Malaysia, al-maklum. Dato' Yang Dipertua, saya kembali kepada isu royalti minyak Terengganu. Walaupun saudara saya Yang Berhormat Wakaf Mempelam telah menyebut dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberikan sedikit penjelasan yang masih tidak jelas bagi saya dalam konteks apakah duit ataupun wang yang didapati oleh Kerajaan Terengganu sekarang ini merupakan royalti minyak 5% setiap tahun? Saya ingin penjelasan ini kerana janji Yang Amat Berhormat pada 20 April 2008 sebaik saja dilantik menjadi Menteri Besar, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bahawa isu royalti petroelum Terengganu akan diselesaikan segera dengan Kerajaan Pusat. Dan Yang Amat Berhormat menyebut bahawa ianya menjadi hak bagi Negeri Terengganu. Memang ianya menjadi hak bagi Negeri Terengganu maka soal ini bukan soal UMNO – PAS, soal ini adalah soal maruah dan masa depan kita orang-orang Terengganu. Royalti minyak 5% bukan suatu yang sikit ianya suatu jumlah yang begitu besar. Kita wajib memperjuangkan hak kita, apa perasaan kita bila royalti minyak Terengganu digunakan oleh negeri-negeri lain sedangkan ianya merupakan hak kita, Negeri Melaka, Negeri Johor boleh menggunakan royalti minyak dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang lain boleh menggunakan royalti minyak Terengganu sedangkan kita boleh memenfaatkan royalti minyak ini untuk kepentingan Negeri Terengganu.

Yang keduanya, tentang tanah orang-orang Melayu di Bandaraya Kuala Terengganu. Saya telah membawa Usul tadi walaupun ditolak tetapi saya terpanggil untuk mengulas kembali cadangan dan kenyataan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu. Cadangan Dato' Ir. Tengku Ismail bin Tengku Jaafar. Cadangan yang begitu bernas bila dia atau Persatuan beliau melihat bahawa ianya suatu perkara yang serius di mana tanah-tanah orang

Melayu di Bandaraya Kuala Terengganu sedang dan telah terhakis apabila ada tanah milik orang-orang Melayu di pusat bandar telah bertukar tangan kepada bangsa lain. Dalam hal ini Dato' Yang Dipertua, kita perlu proaktif, Yang Amat Berhormat perlu melihat dan mengkaji cadangan yang diberikan ini sekurang-kurangnya kita mengambil tindakan segera. Saya di Dewan yang mulia ini ingin mengucapkan tahniah kepada rakan kita daripada MCA yang berjaya meletakkan Kampung Cina sebagai Kampung Warisan, sebagai *Heritage*, yang diletakkan di bawah United Nation sehinggakan tidak ada siapa yang boleh menyentuh tanah dan bangunan yang ada di Kampung Cina walaupun ada sarang burung, walaupun di belakangnya ada zink, ada kita boleh nampak bilik air dan sebagainya tetapi ianya tidak boleh disentuh kerana telah diletakkan di bawah *Heritage*. Bagaimana tanah-tanah orang Melayu di bandar? Kita ambil contoh Kampung Paya Bunga hanya tinggal nama sahaja dari segi tanah milik dan perkampungan orang Melayu. Kita ambil dari segi Kampung Paya Keladi hanya tinggal nama sahaja, penduduk Melayu yang tinggal di situ beratus-ratus tahun sekarang ini tidak ada lagi di tempat itu. Kampung Lorong Jamil sebagai contoh ianya jugak telah hilang dari segi warisan turun-temurun kependudukan orang-orang Melayu di tengah-tengah bandar. Begitu jugak apa yang sedang berlaku sekarang, daripada Kampung Tanjung, Ladang Sehat menuju kepada Cabang Tiga, saya menimbulkan kebimbangan ini kerana kita sayangkan masa depan dan kedudukan orang-orang Melayu di bandar ini, bagaimana masa depannya? Sebagai contoh Yang Amat Berhormat ada menyebut Pembangunan Cabang Tiga, dari segi Pembangunan Cabang Tiga, rumah-rumah kedai yang ada 50-50 dari segi kuotanya, ini perlu dikaji kembali. Begitu jugak dari segi Pembangunan Paya Keladi II yang merupakan kawasan perumahan orang-orang Melayu ratusan tahun, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat dari segi kuotanya bumi dan bukan bumi, berapakah kuota bumi dan bukan bumi pembelian bangunan-bangunan rumah kedai Paya Keladi II yang sedang dalam pembinaan sekarang. Dato' Yang Dipertua, ini persoalan yang begitu besar dan cadangan yang dibuat oleh Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Cawangan Terengganu supaya diwujudkan ataupun membenarkan atau diberikan agensi-agensi Kerajaan yang ada seperti MARA, UDA dan Yayasan Terengganu, Yayasan Islam memainkan peranan mengambil alih tanah-tanah orang-orang Melayu di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu ini walaupun bersaiz kecil adalah merupakan suatu cadangan yang wajar dipertimbangkan, satu cadangan yang bernas yang perlu diteliti kembali oleh Kerajaan Negeri.

Dato' Yang Dipertua, saya diwaktu kecil dulu saya masih ingat Kampung Ladang terkenal dengan industri pembuatan keris, industri tembaga, industri batik, di mana kedudukan orang-orang Melayu dan industri itu sekarang? Sekarang ini walaupun mereka tinggal di sana, di rumah-rumah flat, rumah-rumah apartmenlah boleh dikatakan tetapi bagaimana industri-industri yang hilang begitu saja dalam

kita menjamin kedudukan ini. Wajar bagi kita untuk kita menilai dan melihat sesetengah kawasan yang sedemikian ini kita mohon untuk dijadikan kawasan *heritage* sebagaimana Kampung Cina mendapat kawasan *heritage* dan tidak boleh disentuh dari sudut pembangunan ataupun pengambilan tanah yang berlaku.

Dato' Yang Dipertua, saya jugak ingin menyentuh tentang gejala sosial. Gejala sosial yang berlaku sama ada isu tadi yang telah kita berbincang iaitu tentang isu anak-anak tanpa bin, anak-anak luar nikah ataupun anak-anak zina. Di Negeri Terengganu ini jugak kita menghadapi masalah gejala penagihan dadah yang begitu tinggi, gejala penagih yang dicatatkan adalah suatu yang cukup-cukup membimbangkan ianya merupakan suatu yang perlu diberikan perhatian. Masalah keruntuhan akhlak, masalah dadah, masalah buang bayi, penzinaan dan sebagainya ianya bukan masalah UMNO-PAS, ianya masalah kita bersama yang perlu kita pikul dan kita mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Sebagai contohnya, dari segi permasalahan dadah yang ada di Negeri Terengganu sebagaimana yang saya sebutkan Ketua Jabatan Siasatan Narkotik Negeri Terengganu, SAB Roslan Abdul Wahid telah mendedahkan bahawa Negeri Terengganu telah mencatatkan penagih dadah paling ramai di negara ini dengan 10,000 tangkapan yang dicatatkan dalam tahun 2009. Dan dari segi jumlah dan nisbahnya adalah jumlah penduduk 1.2 juta nisbah penagih 1:100 orang. Ini merupakan suatu yang perlu diberikan perhatian, perlu kita tumpukan, perlu kita memberikan suatu yang penumpuan yang khusus untuk mencari jalan penyelesaian kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah rempit, masalah perlumbaan motosikal dengan dadah. Ianya mempunyai perkaitan-perkaitan yang rapat antara satu sama lain.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya dari segi kedudukan nelayan-nelayan di Negeri Terengganu sekarang. Apa yang berlaku sekarang ini ialah keluhan di kalangan nelayan-nelayan sama ada dari Kemaman sampai ke Besut dan yang mana mereka mengeluh apabila bot-bot pukut tunda nelayan luar yang diusahakan oleh nelayan Vietnam dan Thailand dengan menggunakan lesen tempatan yang secara wewenang telah memusnahkan kehidupan nelayan-nelayan di Negeri Terengganu ini. Apa yang berlaku ialah nelayan Vietnam dan Thailand ini bebas beroperasi di mana-mana sahaja mereka suka di perairan Terengganu ini, langsung tidak mengambil peduli kawasan yang sepatutnya mereka dizonkan. Mereka telah memusnahkan banyak bubu-bubu dan unjam-unjam nelayan tempatan dan apabila tidak ada suatu kawalan yang khusus maka mereka menggunakan bot-bot besar mereka dan sehingga mereka menunda dengan dua bot dengan menghapuskan ataupun merosakkan unjam-unjam nelayan tempatan di negeri Terengganu ini. Begitu jugak dalam konteks apa yang mereka lakukan ialah dari segi cadangan yang diberikan oleh nelayan-nelayan Terengganu ini supaya Kerajaan Negeri Terengganu mengambil serius hal ini dan mengambil tindakan dan mencadangkan

kepada Kerajaan Persekutuan supaya menyekat kebenaran bot-bot pukat tunda Vietnam dan Thailand ini yang dilesenkan di Malaysia yang didaftarkan di negeri lain daripada berlabuh di pengkalan-pengkalan di Negeri Terengganu khususnya Pengkalan Cendering, Pengkalan di Besut dan jugak di Kemaman yang mana ianya dilihat sebagai suatu yang telah mengganggu aktiviti-aktiviti nelayan tempatan. Dan banyak berlaku kesusahan dalam menjalankan aktiviti dan pekerjaan dalam konteks nelayan-nelayan tempatan terutamanya dari segi mengisi minyak dan air batu bot mereka. Dan yang ketiganya, mereka memohon supaya dikaji semula subsidi .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Terima kasih, sahabat. Berkenaan dengan kebenaran yang diberikan oleh Kerajaan kepada nelayan asing untuk mengisi minyak, Batu Burok tahu tak bahawa di bawah peraturan undang-undang antarabangsa adalah menjadi suatu kewajipan bagi mana-mana pihakberkuasa untuk membenarkan *innocent passage*, dengan izin iaitu pelayaran yang tidak salah di sisi undang-undang dan mesti kita membenarkan untuk berbuat sedemikian. Jadi dalam hal ini saya rasa tidak timbul kalau kita faham peraturan undang-undang antarabangsa berkenaan dengan *innocent passage* tadi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tidak habis lagi tadi. Saya nak pergi kepada mereka membuat cadangan ini supaya tidak membenarkan bot-bot nelayan Vietnam dan Thailand ini daripada mengisi minyak diesel subsidi yang disalahgunakan oleh mereka. Sebenarnya laporan yang diberikan oleh nelayan-nelayan tempatan adalah mereka mengisi minyak diesel yang murah dipercayai sepenuh-penuhnya dan terkadang-kadang ada bot-bot yang mempunyai lebihan isian dan dihantar terus ke negara masing-masing kerana harganya dua kali ganda harga diesel di Negara Vietnam dan Thailand adalah dua kali ganda lebih mahal daripada apa yang ada di negara kita. Jadi ini adalah dalam keadaan di mana mereka dalam suasana Ali Babalah kita kata iaitu dengan menggunakan lesen tempatan tetapi mendapat keuntungan kepada tuan punya bot dan jugak kepada mereka yang berada di Vietnam dan di Thailand itu sendiri. Saya mengharapkan supaya diberikan perhatian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya. Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kecurian bijih di Bukit Besi. Beberapa bulan yang lepas Yang Amat Berhormat telah turun sendiri ke Bukit Besi apabila mendapat maklumat tentang berlakunya kecurian bijih di Bukit Besi. Saya

ingin tahu apakah perkembangannya kerana saya dimaklumkan Yang Amat Berhormat telah bertemu dengan pihak PTG, bertemu dengan pihak SPRM supaya mengambil tindakan tetapi setakat ini masih tidak ada sebarang tindakan yang diambil dan saya difahamkan dan dimaklumkan individu yang mencuri bijih itu telahpun dikenal pasti oleh pihak SPRM dan jugak pihak Polis tetapi masih tidak ada tindakan yang diambil. Bijih besi yang ada di Terengganu ini masih banyak di Bukit Besi dan lesen yang dikeluarkan yang sah (legal) oleh Kerajaan ada berapa bilangannya, saya ingin tahu setakat ini dan berapakah jumlah hasil yang didapati oleh Kerajaan Negeri daripada pengeluaran bijih besi yang dikeluarkan setakat sehingga tahun ini?

Dato' Yang Dipertua, sebagai akhirnya saya jugak ingin mendapat beberapa penjelasan tentang FDI dari segi pelaburan asing yang masuk ke negeri Terengganu ini untuk tahun 2010, 2011 ini berapakah jumlah yang terakhir yang boleh diberikan data untuk kita melihat perkembangan dari segi pelabur asing yang masuk ke dalam negara kita. Dato' Yang Dipertua, saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Sekali lagilah saya mengharapkan supaya kita melihat apa yang ada dalam perkembangan politik di negara kita ini dengan suatu kaca mata yang berhemah, dengan suatu kaca mata untuk kita melakukan perubahan yang menyeluruh dalam suatu suasana di mana kita perlu menyedari tugas dan tanggungjawab kita menjadi suatu tanggungjawab yang beramanah untuk kita bawa kepada rakyat di Terengganu ini dan saya amatlah mengharapkan supaya kita rakyat Terengganu secara barmaruah tanpa mengira parti politik kita memperjuangkan hak royalti minyak di Negeri Terengganu ini. Dan insyaAllah, kalau sekiranya Pakatan Rakyat berjaya menang di peringkat Pusat kita akan menambah royalti minyak di Terengganu, Sabah dan Sarawak bukan 5% tetapi kepada 20% yang akan diberikan kepada seluruh warga dan rakyat Negeri Terengganu. Wallahu wa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput mana-mana Yang Berhormat yang hendak berucap? Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia orang takmboh bercakap tu, beri giliran ke saya pulak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak Yang Berhormat, beri peluang kepada yang belum bercakap.



YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takmboh bercakap tu, dah berapa kali dah suruh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ada lagi Wakil di sebelah .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah takkan hak ni sokmo Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah takkanlah Yang Berhormat sokmo. ....(Dewan Gelak)..... Tak apa, saya jemput, sila Yang Berhormat. Duduk, duduk Yang Berhormat, jangan kacau dia. Sila, kita bagi peluang kepada Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Payah, payah sangat Yang Berhormat, gulung ajelah, gulung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat, kalau begitu saya tangguh dulu sementara untuk kita minum petang dan insyaAllah kita masuk semula ke Persidangan kita ini pukul 4.00 petang dengan penggulungan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.25 PETANG.

#### PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita sambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telahpun mendengar penjelasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat atas Ucapan Perasmian sidang Dewan kita ini yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja dalam Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas pada hari semalam. Saya nak ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam sidang ini nampaknya tidak ramai termasuk Pembangkang yang berucap maknanya banyak perkara yang selesai barangkali. Ini membolehkan kita membuat penggulungan lebih awal di pihak Kerajaan.

Yang Berhormat masa perbahasan sudah habis Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan nak berbahas, nak mintak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak apa Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua nak mintak sebab tadi sebenarnya Yang Berhormat kata nak habis tadi tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Sebenarnya sayapun sebelum saya jemput Wakil Bukit Tunggul tadi sayapun dah rasa seolah-olah sudah tidak ada pembahas yang ingin membahaskan dalam sidang kita tapi setelah tolak menolak, saya ucap terima kasih kepada Bukit Tunggul, Bukit Tunggul bangun tadi. Kemudian berlaku lagi, jadi oleh kerana kita sudah buat keputusan, minta maaf sahabat kita daripada Ladang. Sayapun dah berbincang dengan pihak Kerajaan, pihak Kerajaanpun sanggup untuk membuat penggulungan. Jadi ini menjadi pengajaran kepada Yang Berhormat sekalianlah. Saya kalau Yang Berhormat duduk di tempat sayapun kita akan bertindak sedemikian rupa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia sikit aje, tak apa kalau sikit-sikit saja bercakap dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Atas isu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan isu ini saja sebab biasanya selepas orang sebelah ni bercakap, orang sebelah sana pulak jadi kita ingat orang sebelah sana nak angkat jadi kita tangguh sikit. Jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi tak apalah kita belajarlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian bolehlah tapi kalau ..... Kita bersidangpun bukan acap kali sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh salahkan saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya merayu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rayuan kalau sahabat kita daripada Manir ada takkan jadi macam ini. Manir akan beri respon. Jadi saya minta maafah Yang Berhormat Ladang. InsyaAllah, kita ada lagi Usul besok selepas penggulungan pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Usul ..... sebab ada benda-benda yang kalau nak tunggu lama sangat benda ni. Kalau boleh apa salahnya. Yalah, kitakan bersidang berapa kali saja setahun, janganlah *strict* sangat, aahh ..... mentang-mentang *mood* baru ni *strict* sangat, jadi pesen lain pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Serba salah saya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak usah buat serba salah begitulah. Saya cakap sikit saja. Kalau 5 minitpun tak apa, kalau tak 10 minit. Kesianlah. Tanyalah Kerajaan, Kerajaanpun tak ada masalah saya ingat, diapun nak dengar jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): 5, 10, ikut pandai Yang Berhormat, 3 minitpun tak apa .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak boleh jalan Kerajaan macam ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tak boleh jalan Kerajaan macam tu, lebih kurang-lebih kurang macam tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): 5 minitpun tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, 5 minit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Lepas tu kawan saya pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sampai 4.10 petang, saya bagilah elaun 7 minit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): 7 minit aje. Biarlah saya mula selalulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila. Terus saja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pertamanya, nak ucap terima kasih. Keduanya, nak ucap tahniah kepada Yang Dipertua Dewan sebab mula-mula masuk tak jumpa cari tempat tapi ada sedikit masalah kerana dia tinggi sangat benda yang di depan ni, jadi ramai orang yang tidur sebenarnya dan kesian kepada Y.B. LA, Y.B. SUK kita, Tepoh. Jadi dia tak ambil kira ni, tak betul sikit ni, jadi kena ambil kiralah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, rugi masa tu. Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Hak tu bonuslah. Saya nak bercakap tentang Ladanglah. DUN Ladang

bukan ladang kelapa sawit. Pertamanya, saya nak rujuk kepada soal Ladang Pangsapuri, Ladang Gemilang. Disebut dulu Ladang Kondo ataupun Pangsapuri ini akan disewabeli bukan disewa 3 tahun tapi perjanjian masih sewa 3 tahun bukannya sewabeli. Kemudiannya *latest* pulak *information* kata bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk menjual pangsapuri ini kepada orang Ladang cuma sebagai transit sahaja. Itu saya nak mintak penjelasan daripada Yang Amat Berhormat. Kemudian bayaran sewa masih RM300, okey tapi katanya bagi mereka yang mendapat bantuan Kebajikan Masyarakat akan dikenakan RM126 tapi masih kekal RM300 juga lagi. Pendek, pendek dan ringkas-ringkas aje ni Yang Berhormat, tak dapat nak ulas. Cuma selain daripada dapat Bantuan Kebajikan Masyarakat ada juga mereka yang dapat bantuan daripada MAIDAM, mereka juga golongan miskin dan perlu juga diberi pertimbangan untuk dapat bayaran sewa lebih murah bukan RM300 tapi RM126 atau RM124. Kemudian dengan mereka yang selama ini bekerja mengusahakan perusahaan tembaga, keris dan sebagainya. Walaupun kita faham bahawa Kerajaan akan mengadakan tempat ini tapi bila? Bila nak dimulakan Pembangunan Ladang, kalau tengok kepada seluruh orang-orang di situ, dihambat supaya dikeluarkan segera tu dah macam nak buat le-le dah tapi sehingga sekarang belum nampak ada tanda-tanda nak mulakan projek pembangunan di Ladang Tok Pelam. Ini mintak diperjelaskan juga. Kemudian UNISZA (UDM) sikit, pada 15 April 2009 ada satu soalan dikemukakan oleh pihak kami kepada Kerajaan berkenaan dengan hubungkait UDM dengan Kerajaan Negeri. Dijawab bahawa perundingan sedang berjalan antara UNISZA waktu itu UDM dengan Kerajaan Pusat berkenaan dengan pampasan atau bayaran yang diterima oleh UNISZA hasil daripada pengambilan UNISZA oleh Kerajaan Persekutuan. Tapi saya dapat tahu bahawa setelah ada jawapan daripada pihak Kerajaan dalam Parlimen bahawa Kerajaan Negeri telah mengemukakan tuntutan sebanyak RM184.5 juta berkenaan dengan aset Kerajaan Negeri yang dituntut kepada Kerajaan Persekutuan. Federal jawab dia kata dia takmboh bayar, tak dapat dipertimbangkan kerana Kerajaan Pusat sendiri belanja lebih daripada itu, kos operasi dia lebih kurang RM382.24 juta setahun ataupun telah berbelanja RM382.24 juta melebihi daripada tuntutan oleh Kerajaan Negeri, mintak penjelasan tentang itu.

Kemudian e-Book sikit. E-Book ini nak cerita tentang bagaimana penggunaan e-Book sebagaimana cerita yang saya terima daripada seorang wanita UMNO yang sudah kahwinlah wanita itu, takut salah faham pulak. Kita belanja RM75 juta, saya jumpa seorang ibu katanya anaknya baru terima Netbook, Netbook ini hak Federal. Dia terima Netbook tapi sekolah tak benar bawa ke sekolah, asrama, sekolah teknik tak benar bawa ke asrama sebab mengganggu katanya. Kemudian katanya saya juga ada anak darjah 6, di SSII, dia kata cikgu kata tak bawa tak apa dah e-Book dan juga berlaku di Sekolah Bukit Tunggul dan banyak lagi di sekolah-sekolah mengatakan tak payah buat, itu kena siasat, kena *check*. Sebab apa, pertamanya

cikgu kata dia bateri dia ada tempoh dia, kena *charge*, masa *charge* tu nak belajar guana? Tak boleh belajar sebab sedang *charge*. Dan *charger* tu ada 40 unit saja di sebuah sekolah saya difahamkan. Jadi nak buat guana, jadi mereka kata baik bawa bukulah. Satu lagi dia kata masa periksa pakai kertas, jadi latihan berkenaan dengan kertas ini kena buat, dokleh maknanya dengan e-Book saja. Saya bimbang kalau-kalau e-Book ini dibelanja dengan begitu banyak saya bimbang takut jadi macam dasar Kerajaan untuk PPSM dulu, Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Nampak baik, akhirnya diprotes oleh pakar-pakar berkenaan dengan matematik, bahasa Inggeris dan juga sains. Saya bimbang sebab tidak dibuat kajian menyeluruh tentang keberkesanan e-Book ini, saya bimbang kalau-kalau ianya jadi begitu. Dia berbeza sikit dengan *Virtual Classroom*, *Virtual Classroom* ini paling kurangnya dibuat ujian, dibuat pilot projek di tiga buah sekolah dulu, okey *fine*, baguslah begitu sebab kita boleh lihat sama ada berjaya atau tidak dulu. Tapi yang ini tidak terus-terus buat aje. Kemudian kata UMT buat kajian, berjaya. Lepas itu kata Intel, saya tidak tahu kenapa Intel buat kajian, Intel bukan buat perisian, Intel ini buat cips, pasal apa Intel pulak kata beri bagus perisian ini, saya tak tahu relevan atau tidak. Kemudian e-Book juga dikatakan negara-negara lain juga berminat, saya nak tahu negara mana yang sudah ikut cara kita? Satu lagi tentang di mana saya dapat tahu daripada pekerja Top IT bahawa komputer e-Book ini sebenarnya tidak dipasang di sana tetapi diorder yang sudah siap, inipun mintak penjelasan. Sebab Kerajaan kata dulu kita beli daripada China, kita pasang di sana dan dulu pernah kata Intel nak buka pejabat dia di sini ataupun nak buka *plantnya* di sini, saya tidak tahu sama ada sudah jadi ke tidak jadi kena jawablah tu.

Kemudian tentang pegawai sikitlah. Saya juga nak ucap tahniah kepada pegawai-pegawai, adik-adik saya belaka ni sebenarnya. Tahniah kerana telah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): ..... membawa banyak kebaikan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri, banyak memenangi hadiah-hadiah di peringkat Kebangsaan terutamanya PTG disebut dulu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): .... membawa banyak kebaikan kepada Kerajaan Negeri, pentadbiran Negeri, banyak memenangi hadiah-hadiah di peringkat Kebangsaan terutama PTG disebut dulu, hari ini beberapa jabatan lain pula. Cuma saya melihat dan saya dapat berita bahawa cara pertukaran, cara kenaikan pangkat ini saya fikir perlu

dilihat kembali. Sebagai orang yang pernah menjadi pegawai dan juga memegang Persatuan dan Koperasi Pegawai TCS, saya melihat ada suatu yang tidak kena dengan cara kenaikan pangkat dengan juga cara pertukaran pegawai dibuat sekarang ini. Ringkas, cukup di situ. Yang keduanya, saya nak sentuh tentang pegawai di Pejabat Agama. Saya diberitahu ada terdapat lebih daripada 200 kekosongan sekarang ini yang belum diisi, atas alasan apa tu jawatan-jawatan ini tidak terisi di semua peringkat jawatan.

Seterusnya nak sentuh sikit tentang Program Himpunan Belia Bermotor, apa yang dipanggil Mat Rempit, Program Rempit. Katanya siapa yang pergi dapat topi keledar satu seorang dan saya diberitahu bahawa banyak lagi topi keledar yang tidak terbahagi, tidak terberi. Atas alasan apa tak tahu tapi ada yang mengatakan bahawa tidak sampai standard yang dikehendaki JPJ. Itupun saya hendak Kemudian tentang ECER. Katanya salah satunya hendak mengkaji laluan kereta api daripada KL – Kelantan melalui Terengganu. Setakat mana dah kajian itu dibuat dan mengapa kereta api daripada Kerteh ke Pelabuhan Gebeng itu diberhentikan, kenapa ia diberhentikan.

Seterusnya ialah sedikit pertanyaan tentang bangunan Arkib MARA dekat Istana Maziah. Sudah tidak berpenghuni dan sudah tidak ada penjual apa dah, katanya nak buat baru tapi kekal begitu lagi tidak ada penjual apa-apa dan ini merugikan peniaga-peniaga kita.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Setengah minit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Satu lagi ialah tentang Masjid Bukit Besar. Masjid Bukit Besar ini tidak siap-siap, tidak buat ke guana tak tahu, tak bergerak, tak siap.

Seterusnya saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya dapat tahu yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah beli pokok kurma nak bawa masuk Terengganu tapi ditahan oleh Kastam, tidak benar, dikuarantin. Buat surat suruh lepas tapi tak lepas jugak takut kabur itu dia pergi habis ke pokok kelapa sawit kita. Nak tanya betul ke tidak?

Kemudian saya lupa tadi, sebenarnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penghabisan Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Penghabisan, nak habis ayat aje. Saya nak ucap tahniah kepada sahabat saya Alur Limbat sebab ucapan dia itu baguslah sebenarnya. Jadi semacam dia mewakili kitalah. Dia puji kemudian dia hentam balik tak tahulah tapi baguslah ucapan dia kali ini, tahniahlah. Cuma tentang Karpal Singh .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih kembali, ada *chancelah* tu. Tentang Karpal Singh kata 'langkah mayat saya dulu tu'. Saya ingat hak tu dulu dia kata, hak latest dia cakap, dia kata: "Saya Karpal Singh sebagai orang DAP akan mempertahankan supaya Islam tetap menjadi agama rasmi Persekutuan."

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jadi Wakil Karpal Singh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan, saya hadir dalam tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian dia kata: "Saya juga mintak supaya PAS pertahankan supaya agama lain juga boleh dijalankan di Malaysia ini".

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cakap betul macam tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, memang betul. Dok baik *nawok* sini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah, cukup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dia kata satu lagi: "Kita tak akan ke Putrajaya kecuali dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim." Terima kasih.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Sebelum penggulangan, oleh kerana Ladang telah diberi tadi, saya nak tanya Jabi ada ke nak 5 minit elaun 2 minit, tak nak? Boleh Jabi? Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama, terima kasih. Hari ini maknanya berstrategi, kita menang jugaklah kerana ada Yang Berhormat hak sebelah sana tak boleh bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan. Bukan strategi tu, mengecek.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Haa .... haa..... Tidak *ngecek* ni, takkan lagu tu nak marah dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, patut ucap terima kasih jugaklah ke Ladang sebab boleh buka semula untuk perbahasan, kalau tak takdok peluang dah nak bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bukapun tak jadi jugak Yang Dipertua sebab takdok gu tak buka jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Jabi, habiskan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya turut serta dalam membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, yang pertama, saya melihat pendidikan kita sudah cemerlang dari segi UPSR, PMR, SPM dan jugak STPM. Tetapi kadangkala kita melihat kecemerlangan pelajar-pelajar itu dari segi kemasukan dalam universiti dan memperolehi pekerjaan cemerlang sama ada dalam golongan profesional dan sebagainya. Apabila kita melihat di sebahagian sekolah-sekolah ada juga pelajar-pelajar yang kita rasa dukacita apabila penekanan dari segi amalan solatnya tidak sempurna. Kita harap supaya di sekolah-sekolah rendah jabatan mengambil perhatian yang khusus tentang KAFA yang diajar kepada pelajar-pelajar sekolah rendah untuk amalan solat ini biar sempurna sehingga boleh dibawa ke sekolah menengah. Ekoran daripada itu, pelajar-pelajar yang masuk ke universiti sekarang ini sudah menjadi satu budaya, budaya orang-orang bekerja, berjawatan dan sebagainya yang berasal daripada Terengganu, Pantai Timur yang berkahwin dengan orang luar yang berlaku di

kawasan saya ada di kalangan mereka balik pada hari raya tetapi tidak tinggal di rumah ibu bapa. Saya mendapat rungutan daripada ibu bapa mereka sedih apabila anak mereka yang datang balik ke kampung bersama anak, cucu, menantu dan sebagainya tetapi tidak tinggal bersama keluarga sama ada berhari raya, sama ada kenduri-kendara tetapi mereka lebih seronok tinggal di Bukit Keluang Beach Resort, di Spa, di hotel dan sebagainya. Ini satu budaya saya kira sudah menular di kawasan bukan sahaja di Jabi tetapi di seluruh negara. Oleh itu, kita hendak orang Terengganu supaya budaya kita budaya yang menarik, akhlak kita akhlak orang Terengganu selalu terpuji agar jabatan kita semua dapat memainkan peranan untuk memberi kesedaran kepada anak-anak pelajar. Bukan saja kita memberi motivasi untuk mendapat 10A1, 9A1, 5A sahaja tetapi kita nak mereka ada konsep membalas jasa ibu bapa pada masa hadapan apabila mereka berjaya, keluar daripada universiti, bekerja dan sebagainya.

Saya dapat kesan satu keluarga yang mempunyai anak dua orang, dia ibu tunggal, sewaktu isterinya meninggal umurnya 35 tahun. Kita panggil dia, nama dia Pak Teh. Dia korbakan masa muda dia untuk tidak berkahwin sekarang ini umur dia 70 tahun.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bapak tunggallah.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya, bapak tunggal tapi awak-awak kita ni takdang bini mati kita kahwin dah, bini ada lagipun ada. Dia korbakan masa 35-45 tahun tidak berkahwin, saya rasa perkara ini jarang berlaku kepada seorang lelaki kerana dia takut .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kecuali Ladanglah.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tidak termasuk Ladang ni. Dia korbakan masa kerana takut dapat ibu tiri anak dia belajar tak sempurna. Akhirnya kedua-dua anaknya masuk ke Universiti Malaya dan seorang lagi masuk Universiti Kebangsaan. Seorang jadi Jurutera dan seorang lagi jadi Cikgu tetapi saya dukacita dia mintak rumah PPRT, anak dah 10 tahun tidak balik. Anak yang bekerja sebagai Jurutera, sebagai Cikgu tidak balik, dia menangis, apakah kita bangga dengan kejayaan ini? Anak yang cemerlang tetapi tidak memberi perhatian kepada ibu bapa sehingga Pak Teh ini kita ikhtiar untuk Kerajaan beri bantuan bulanan RM200 sebulan. Ini budaya yang kita bimbang. Saya sebut ini sebab kita bimbang suatu hari nanti kalau tidak dibendung kita mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini kita takut anak-anak kita sudah jadi kacang lupakan kulit. Oleh itu, marilah kita sama-sama muhasabah diri untuk kita lihat kejayaan ini kejayaan dunia dan juga kejayaan di akhirat.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua Dewan, saya nak sebut juga mengenai pertanian. Kerajaan duk buat terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mengusahakan jelapang-jelapang padi yang lama untuk dinaik taraf dan jelapang-jelapang padi yang baru dan sebagainya. Tetapi Dato' Yang Dipertua, petani-petani merungut, petani-petani kecewa apabila sampai musim menuai, sekarang ini kalau di sebelah Besut musim menuai sekarang tetapi BERNAS membuat potongan sehingga 30%. Apa nak jadi kepada petani dengan kos yang tinggi dari segi racun, baja tambahan, upah tenggala mesin, kalau 30% dalam masa hampir 4 bulan, 6 bulan petani hanya dapat dalam RM200 sahaja sebulan untuk mengurus sawah yang seluas satu hektar. Oleh itu, saya mintaklah pegawai-pegawai kita di Jabatan Pertanian, BERNAS dan sebagainya mengambil inisiatif yang boleh menolong petani supaya petani dapat habuan yang tinggi dalam usaha petani sebagai menghasilkan beras untuk negeri dan negara kita. Selain daripada itu juga, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Di dalam bidang pertanian yang lain kita harap Kerajaan dapat memfokuskan halatuju yang jelas. Disebut oleh rakan-rakan dalam Soalan-soalan Lisan, kambing, jagung dan sebagainya dan apa yang disebut dalam ucapan, saya percaya kita kena memfokuskan hasilnya dapat kepada orang kampung kerana saya tengok beberapa program yang telah dilancarkan oleh Kerajaan telah tersangkut di pertengahan jalan, yang dapat keuntungan ialah orang ketiga. Sebab itu kita kena cari jalan supaya kita rombak balik sistem yang ada itu yang boleh memberi menafaat yang tinggi kepada golongan petani dan penternak kita. Selain daripada itu juga, saya melihat kaum nelayan juga begitu terdesak, kadangkala berlaku subsidi minyak yang diberi digunapakai oleh orang-orang tertentu. Kita mintaklah supaya ada agensi penguatkuasa agar tidak berlaku penyelewengan kerana selagi nama manusia kalau tidak ada penguatkuasaan kita sangat dukacita.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya jugak nak sebut mengenai kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya yang begitu dahsyat. Saya tanya Dewan dalam Soalan Bertulis saya. Kemalangan Jalan Raya, kemalangan maut 283, jumlah mati 312. Kita perlu ada satu gerakan untuk memberi satu kesedaran kepada orang muda, pengguna jalan raya dan kita jangan menyalahkan sesiapa mungkin kesedaran ini belum timbul lagi di kalangan orang Terengganu, budaya orang Terengganu. Dan kita harap supaya dapat mengelak daripada kemalangan-kemalangan maut seperti ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Gulung. Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut sikit saja lagi sebelum gulung iaitu Statistik Pendaftaran Nikah Cerai Dan Rujuk seluruh Negeri Terengganu sepanjang 2010. Orang yang bernikah sepanjang 2010 ialah 10,524 orang di seluruh daerah, yang bercerai 1,315 orang kemudian dia rujuk balik 357 orang. Kalau melihat kepada nisbah ini, satu nisbah yang tinggi juga dan kita harap kepada Yayasan Pembangunan Keluarga kerana Program-program Berbulan Madu kalau boleh bagi kepada kita Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan juga sekali lagi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua untuk merasai macam mana bulan madu kedua yang dibuat oleh Yayasan Pembangunan Keluarga dan juga perkara ini harus sampai kepada akar umbi, kita buat pemilihan kepada masyarakat di desa.

Akhir sekali Dato' Yang Dipertua mengenai Jabi saya nak sebut sikitlah. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar agar berilah kelulusan satu lagi rumah murah sambungan Rumah Murah Anak Ikan. Rumah Murah Anak Ikan sekarang sebanyak 204 unit semuanya sudah diduduki dan di sebelahnya ada tanah lebih kurang 40 ekar. Apalah salah kiranya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar beri peluang kepada sebelah itu supaya jadi Rumah Murah Anak Ikan II kerana permintaan yang tinggi. Tetapi saya berbangga juga kerana Rumah Murah Anak Ikan I ini menjadi sasaran kepada suami untuk meletak isteri kedua dan ketiga. ....(Dewan Gelak) .... Bagus, saya setuju untuk menambahkan bilangan dan kita harap jumlah ini akan dapat menampakkan lagi keseronokan, permintaan yang tinggi di kalangan penduduk-penduduk di sekitar Daerah Besut. Dato' Yang Dipertua, cukuplah. Terima kasih kerana memberi peluang. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Jabi. Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah bagi sebelah satu, satu sebelah Pembangkang dan satu lagi di sebelah penyokong Kerajaan. Saya ingat adil dah tu, jadi kalau tidak tak ada pengajaran Yang Berhormat, ya. Pengajaran dah ada, tadipun telah diberitahu oleh Jabi ada perangkap, masuk perangkap dan sebagainya. Jadi saya tidak campur soal itu. Jadi dengan ini saya jemput pihak Kerajaan untuk menggulung bermula dengan Wakil Kuala Besut. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, wakil media, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertama-tamanya di sini ingin saya mengambil kesempatan bersama-sama untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja kerana telah menyampaikan ucapan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas ini. Juga terima kasih saya kepada sahabat-sahabat Yang Berhormat kerana telah memainkan peranan yang aktif sempena dengan Dewan yang baru diubah wajah ini dalam sama-sama merakamkan ucapan terima kasih dan perbincangan di atas Ucapan Yang Mulia Tengku Sri Bendahara Raja.

Jadi dalam Ucapan Penggugungan ini di segi portfolio saya hanya dua perkara sahaja yang berbangkit yang pertamanya ialah mengenai isu Pusat Rawatan Jantung Terengganu. Jadi suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa selepas Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu pada tahun 2009 kalau tak silap saya. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu Tun Abdullah Ahmad Badawi sudah meluluskan satu peruntukan yang agak cukup untuk Hospital Sultanah Nur Zahirah memulakan pembinaan Unit Kardiologi di Hospital Sultanah Nur Zahirah dan sekarang ini sudahpun siap Unit Kardiologi itu. Di mana seorang Doktor Pakar Kardiologi sudahpun ditempatkan di Hospital Sultanah Nur Zahirah dengan dibantu oleh *Team Cardiology Unit* yang pergi ke Hospital Kubang Kerian setiap bulan untuk *undertraining* di bawah pakar-pakar di sana. Jadi Unit Kardiologi ini yang kita panggil sebagai ICL iaitu *Intensive Cardio Lab* yang sudah siap pada tahun ini dan sudahpun mula beroperasi di bawah penyeliaan seorang Pakar Jantung yang mula ditempatkan pada Julai 2010 tahun lepas. Cumanya sebagai langkah permulaan pihak hospital hanya menjalankan pemeriksaan yang dipanggil *Angiogram*. Di mana kita mensasarkan sekurang-kurangnya kita membuat 100 intensif *Angiogram* dahulu di *Cardio Lab* ini barulah kita extend perkhidmatan kita kepada prosedur-prosedur yang lebih intensif seperti *Ballooning* ataupun *Postempting* dan insyaAllah boleh upgrade lagi untuk menjadi Bilik Bedah Jantung. Jadi setakat ini itulah yang ada dan insyaAllah kiranya ada rakyat Terengganu yang memerlukan pemeriksaan *Angiogram* mereka tidak perlu lagi pergi ke Hospital Kubang Kerian ataupun ke IJN.

Perkara yang kedua berkenaan dengan Pusat Rawatan Jantung ini ialah di bawah usaha Kerajaan Negeri sendiri di mana Kerajaan Negeri Terengganu melalui Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu telah mengadakan usahasama dengan IB Holdings Sdn Bhd di mana kita telah membuka IHeal Medical Centre di Megamall Mid Valley di Kuala Lumpur sana di mana hospital ini sudahpun beroperasi tahun lepas dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri. Sekarang ini hospital ini mempunyai lebih daripada 50 staff, kita ada 21 orang lebih pakar yang bertugas di sana dengan 5 orang Doktor Pakar yang *fulltime* di sana. Kita ada dua bilik bedah dan sekarang kita sedang menunggu

kelulusan daripada Kementerian Kesihatan untuk membuat *operation* yang berkaitan dengan semua *operation* dan *major operation* termasuklah *Cardiac Surgery*. Di hospital ini juga kita mempunyai sebuah mesin CT Scan yang tercanggih di Asia Pasifik ini. Kita mempunyai sebuah *CT Scan 640 Multislices 4D* bernilai harga RM8.4 juta ditempatkan di hospital sini dan sudah ada di antara kita, saya rasa Excopun ada dah yang pergi buat *medical exam*, Ex-Officiopun dah ada. Dan kita ada seorang Pakar Cardiology yang berwibawa yang akan mengadakan *test* ini. Jadi InsyaAllah bila kita dapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan nanti kita akan dapat melaksanakan intensif *Cardio Surgery* ataupun apa-apa pembedahan yang berkaitan dengan jantung di iHeal Medical Centre sana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta Penjelasan sikit, boleh?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Boleh tunggu saya habis dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dok faham tadi, hospital mana di Kuala Lumpur tadi, I ....?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): iHeal Medical Centre.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): iHeal. Apa faedah kepada rakyat Negeri Terengganu? Ada apa-apa faedah yang dapat diskaun ke, apa ke, ada dok?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Memang ada, sebab hospital itu hospital kita. Hospital Kerajaan Negeri Terengganu. Kita memegang saham kalau tak silap saya 60% di bawah Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dan 40% di bawah iHeal.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Betullah, tapi ada apa-apa diskaun untuk orang yang nak pergi tu, macam saya pergi dapat diskaun ke atau macam mana?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Y.B. boleh pohon, kita boleh bagi pertimbangan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, sebagai dasar umum, ada tak kepentingan rakyat Terengganu diambil kira untuk pergi ke sana?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Sekarang ini kita menggalakkan pihak eksekutif mahupun pihak Y.B. untuk pergi mendapatkan nasihat ataupun perawatan di sana dan setakat ini di bawah Yang Berhormat selalunya ditanggung oleh Kerajaanlah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Terengganu telah menghantar banyak pesakit daripada Negeri Terengganu. Saya difahamkan di bawah peruntukkan penyakit kronik yang telahpun kita luluskan sebanyak RM10 juta pada tahun 2010, 2011 dan pesakit-pesakit ini yang tidak mendapat atau lambat mendapat rawatan di tempat lain kita buat *special arrangement* untuk dihantar kepada iHeal Medical Centre inilah untuk mendapat rawatan. Di mana iHeal Medical Centre ini juga ada *joint venture* dengan Prince Court Hospital di Kuala Lumpur juga. Okey, satu lagi.....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak penjelasan Dato' Yang Dipertua. Saya ingin dapat penjelasanlah, apa rasionalnya dibuat di Kuala Lumpur ni? Kenapa tak buat di Terengganu, kalau benar-benar hendak menolong rakyat Terengganu? Tadi yang kita sebut IJNpun boleh pergi jugak tapi tambangnya, tempat tinggalnya. Jadi sama aje dua kali lima.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima Kasih Y.B. Jadi ini dipanggil secara dasarnya, pertamanya kita ada peluang joint venture dengan sebuah hospital, iHeal Medical Hospital ini dengan kepakaran-kepakaran yang sedia ada di Kuala Lumpur. Jadi, Medical Director, Pakar Jantung ini bekerja di Kuala Lumpur dan dia ada perancangan yang jangka panjang untuk dalam perniagaan hospital ataupun Medical Centre ini dan pihak Kerajaan Terengganu merasakan ini adalah mungkin di antara langkah pertama yang boleh kita buat joint venture dengan iHeal Holdings Sdn. Bhd. yang ada hubungkait dengan Prince Court Hospital. Dan insyaAllah dalam tahun lepas kalau tak silap saya pada bulan September 2009 dalam dua tahun lepas Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu juga sudahpun membeli Strawberry Park di Kijal. Di mana kita mencadangkan dalam kajianlah, dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah pusat jantung, pusat rawatan kanser dan pusat rawatan buah pinggang di sana. InsyaAllah kalau dia punya *viability* kajian ini *viable*, insyaAllah Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha ini untuk mewujudkan Pusat Rawatan Jantung satu lagi di Kijal sana.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mohon penjelasan. Ringkas saja. Saya cuma ingin mengetahui jumlah kos

pembelian saham 60% yang disebut tadi, Kerajaan Negeri terpaksa membayar berapa jumlah kos itu?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Saya tak berapa ingatlah, minta maaf Y.B. tapi saya boleh bagi maklumat itu selepas dewan inilah sebabnya saya menjawab penggulungan inipun secara spontan saja. InsyaAllah kalau Yang Berhormat nak, kita boleh bagi maklumat itu. Cuma yang *Strawberry Park* itu saya difahamkan harga RM27juta, kita membeli aset di sana. Satu lagi yang berkaitan dengan Pusat Rawatan Jantung yang akhir sekali ialah Kerajaan Negeri sudahpun memanjangkan justifikasi kita kepada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengajian Tinggi supaya disegerakan pembinaan sebuah *Specialist Teaching Hospital* di UNISZA. Di mana kita memohon supaya dapat disegerakan hospital di peringkat permulaan dalam 400 katil sebagai hospital mengajar Fakulti Perubatan UNISZA kerana mereka dengan kerjasama Kerajaan Negeri sudahpun membuat beberapa MoU dengan sebuah universiti perubatan yang terkenal di Canada, Mac Gill Universiti dan kita amat mengharapkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi dapat menyegerakan kelulusan dan pembinaan hospital ini. Dan insyaAllah Pusat Rawatan Jantung juga akan disediakan di sini dalam memberi kemudahan kepada penduduk khususnya di kawasan Kuala Terengganu. Jadi itulah sedikit sebanyak yang boleh saya sentuh mengenai Pusat Rawatan Jantung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh saya mintak penjelasan sikit sebelum .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Ya, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bila disebut berhubung dengan kes penglibatan Kerajaan untuk mengadakan hospital-hospital, saya terasa sikit bila lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Setiu di mana Dewan Bedah di Hospital Setiu itu tak selesai-selesai. Jadi apakah punca sebenarnya yang kita duk buat hak baru, venture sana, venture sini tapi hak ada dah tu, untuk masyarakat Setiu tu, orang kampung jauh dari bandar, jadi hak ni macam kita tak ambil berat. Jadi apa punca sebenarnya yang berlaku di Hospital Setiu tu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Kita ambil berat Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat masih ingat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun sudah dua-tiga kali keluar kenyataan dalam surat khabar meminta supaya Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan yang segera.



Dan saya difahamkan bahawa perkara ini sudahpun di dalam tindakan JKR dan Kementerian Kesihatan. Saya menjawab bagi pihak Kerajaan Pusat dan di luar bidang kita. Dan saya memang percaya ianya di dalam tindakan Kementerian Kesihatan Negeri Terengganu.

Perkara kedua berkaitan dengan portfolio saya ialah mengenai masalah penagihan dadah yang disebut oleh Wakil Batu Burok tadi. Memang kita dilihat ataupun dianggap di antara negeri-negeri yang mempunyai masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah yang tinggi. Cuma penjelasan yang saya dapati daripada pihak AADK dan Polis, kita bukanlah *champion* dalam masalah dadah ini, tahun lepas kita ranking yang ketujuh dan awal tahun inipun taklah kata duduk nombor satu. Ini adalah kerana saya diberimaklum kerana penguatkuasaan ataupun pemeriksaan daripada pihak Polis yang begitu kerap dan aktif menyebabkan banyak kes-kes tangkapan, kes-kes pengesanan dadah di dalam Negeri Terengganu. Maknanya bila banyak operasi dengan sendirinya jumlah itu bertambah. Jadi saya ambil sebagai positif ini adalah usaha kita Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Polis dalam menangani masalah dadah ini. Dari segi Kerajaan keseluruhannya kita tidak termasuk di dalam negeri-negeri hotspot untuk masalah dadah ini. Negeri Johor lebih bermasalah, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Kedah jugak lebih bermasalah daripada kita, Kelantan juga lebih bermasalah daripada kita. Jadi *figures* yang diberikan itu adalah kerana penguatkuasaan kita yang lebihlah. Walau bagaimanapun, melalui Jabatan Polis dan AADK dan PEMADAM serta dengan kerjasama Kerajaan Negeri insyaAllahlah kita akan mengambil peranan yang lebih aktif dalam memastikan kita sama-sama menangani masalah global ini di mana sekiranya perkara ini tidak diambil perhatian yang serius kita bimbang banyak generasi-generasi muda/pelapis akan terjerumus kepada penyalahgunaan dadah ini.

Jadi saya rasa itulah saja yang dapat saya simpulkan di dalam penggulungan ini yang berkaitan dengan portfolio saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut. Sebelum saya meneruskan sidang, saya nak tanya Wakil Telemong sebab Yang Berhormat ada lebih kurang 9 minit, besok?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ni boleh belaka. Esokpun tak apa, lusapun tak apa, boleh belaka saya. Atas arahan saya bersedia sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, 9 minit dululah sebab Yang Berhormat mesti berhenti sebelum pukul 5.00 untuk kita tangguh kemudian kalau ada lagi ucapan tu bolehlah disambung esok. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang saya kasih sekali.

Pertama-tamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja dalam ucapan Persidangan Dewan kita pada hari semalam. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya, kepada Wakil Kerajaan untuk menggulung di dalam Persidangan Dewan kita pada kali ini. Walaupun pada sebenarnya Dato' Yang Dipertua, sayapun *terpetap-petap* nak gulung guana dok tahu ni sebabnya keadaan kita disangkakan panas sampai ke petang rupa-rupanya hujan di tengah hari. Jadi walau bagaimanapun Dato' Yang Dipertua, apa yang dimaklumkan oleh rakan-rakan kita yang menyentuh sikit tentang portfolio saya, saya cuba .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itulah Yang Berhormat saya dah tanya Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat kata boleh belaka. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kita akan beri yang terbaik insyaAllah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkaitan dengan ucapan rakan-rakan kita tadi, saya dapat mencatat beberapa orang yang menyentuh tentang portfolio belia seluruh Negeri Terengganu. Yang pertamanya berkaitan dengan Wakil Batu Burok yang menyebut tentang kejatuhan moral di kalangan belia di Negeri Terengganu. Sebenarnya masalah di kalangan belia ini bukan sahaja di Negeri Terengganu sebagaimana rakan-rakan kitalah, masalah ini ialah masalah universal yang berlaku di seluruh negara dan seluruh tempat sebenarnya. Masalah sosial dan juga masalah yang dihadapi oleh golongan-golongan belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun yang kita kategorikan sebagai anak-anak muda dan ianya bukan berlaku pada masa sekarang sahaja, ianya berlaku sejak daripada zaman datuk, nekek-moyang kita lagi. Cuma, benda, perkara dan juga apa yang berlaku itu agak berbeza pada masa dahulu dengan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, Dato' Yang Dipertua, kita sebagai Kerajaan yang prihatin kepada golongan-golongan belia khususnya di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang agak besar untuk memperkasakan belia-belia di Negeri Terengganu ini yang mana setiap tahun bermula daripada tahun 2004 lagi kita telah menyediakan satu peruntukan yang besar kepada belia-belia Negeri Terengganu khususnya melalui Bakti Remaja di kalangan anak-anak muda dan juga belia-belia di Negeri Terengganu yang berumur 40 tahun ke bawah. Selain

daripada itu, setelah kita menyediakan Bantuan Bakti Remaja ini, kita juga menyusun dan juga cuba memberi pengisian kepada anak-anak muda ini agar mereka diperlengkapkan dengan jati diri yang tinggi. Dan sebab itu pada tahun ini kita cuba menyusun kembali agihan Bakti Remaja kepada anak-anak muda di seluruh Negeri Terengganu yang kita target lebih kurang 100,000 orang dan kita akan menyusun dengan modul-modul yang boleh memberi mereka impak yang baik dan juga membentuk jati diri mereka sebagai orang yang berprinsip dan juga berdiri teguh dan berpegang kepada prinsip beragama dan juga prinsip berkaitan dengan kehidupan mereka di negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu juga Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperkasakan Persatuan-Persatuan Belia di seluruh Negeri Terengganu ini kerana kita yakin dan percaya kepada belia-belia yang berpersatuan dan juga belia-belia yang bermuafakat mereka akan dapat lari daripada masalah-masalah sosial sebagaimana yang disebut. Dengan itu Kerajaan Negeri sekarang ini sedang berusaha untuk menghidupkan kembali persatuan-persatuan dan juga pertubuhan-pertubuhan NGO di seluruh Negeri Terengganu di mana misi Kerajaan pada tahun ini kita target Satu JKKK Satu Belia. Dan pada tahun 2011 ini kita target 1,000 persatuan belia akan wujud di Negeri Terengganu. Dan Alhamdulillah, insyaAllah setakat ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedang dan juga telah mendapat kelulusan lebih daripada 500 persatuan belia di seluruh Negeri Terengganu setakat ini. Kerajaan juga sedang berusaha untuk membantu persatuan-persatuan dan juga pertubuhan-pertubuhan anak-anak muda di seluruh peringkat cawangan di kampung-kampung ini dengan kita memberi peruntukan bantuan pentadbiran kepada semua sekali persatuan-persatuan belia yang berdaftar di seluruh Negeri Terengganu. InsyaAllah, ianya akan dilaksanakan dan akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 19 Mei ini iaitu Hari Belia Peringkat Negeri Terengganu. Saya dimaklumkan bahawa insyaAllah, kita akan beri dalam 2,000 kepada belia-belia seluruh kampung-kampung di Negeri Terengganu yang berdaftar sahaja. Kita berharap dengan adanya inisiatif ini pada belia-belia di seluruh Negeri Terengganu tidak ada alasan dan juga mereka boleh mengatur program-program dan juga mengatur aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk belia-belia mereka di peringkat-peringkat kampung Dato' Yang Dipertua.

Selain daripada itu juga Dato' Yang Dipertua, kita berharap untuk mengatasi masalah sosial di kalangan belia-belia di seluruh Negeri Terengganu ini, benarlah sebagaimana kata Yang Berhormat Batu Burok dan juga rakan-rakan kita Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain bahawa ini adalah bukan masalah hal parti, masalah hal orang PAS ke, orang UMNO ke tapi kita harap ianya betul-betul ikhlas lahir daripada kita untuk kita sama-sama mengembling kerana generasi belia ini

adalah aset yang sangat penting kepada kita untuk masa depan dan juga untuk pada masa-masa yang akan datang di negeri kita Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam portfolio saya juga tadi ada disentuh oleh Yang Berhormat Tepoh Pasukan Bola T-Team. Alhamdulillah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebagaimana yang dimaklumlah Negeri Terengganu pada masa sekarang ini adalah salah satu daripada kuasa baru dalam semua sukan dalam negara kita. Dan Alhamdulillah, kita melihat semakin hari, semakin lama dan hari ini kita melihat satu persatu anak-anak Terengganu sudah mencipta nama bukan sahaja dalam negeri kita, dalam negara kita malah di peringkat antarabangsa. Ini berlaku adalah kerana penyusunan yang dilakukan oleh persatuan-persatuan dengan kerjasama dan juga dipandu arah oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu, persatuan-persatuan sukan dalam negeri kita sedang menyusun dan mengadakan program-program latihan di peringkat bawah yang mana semua persatuan telah ada atlet-atlet asas yang sangat kukuh di peringkat akar umbi. Itulah yang menyebabkan sukan kita dah dua-tiga tahun ini, dua-tiga kali Sukan SUKMApun kita menjadi juara dan insyaAllah kalau diizinkan oleh Allah Taala pada tahun ini SUKMA, 2 hingga 12hb Jun tahun ini yang berlangsung di Kuala Lumpur insyaAllah kita sama-sama doa, kita kalau sekiranya mendapat sokongan daripada semua pihak insyaAllah pasukan kita sekali lagi .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Wakil Kerajaan menyebutkan tadi tentang Pasukan T-Team yang saya bangkitkan tapi dok khabor, duk khabor hak lain. Soalnya bagaimana bajet atau peruntukan Kerajaan bayar ataupun habis untuk dua pasukan tapi nampak tak ke mana jugak?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sabar dulu Yang Berhormat, tak habis lagi saya bercakap ni. Saya maklum berkaitan dengan sukan di Negeri Terengganu bahawa Terengganu merupakan satu negeri kuasa baru sukan dalam negara kita. Jadi saya maklumkan bahawa ini berlaku kerana kita mempunyai asas yang kukuh dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan dan juga dipandu arah oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu. Tak kiralah bola ke, hoki ke, sepak ke, lumba lari ke, lompat ke, terjun ke, tidak kira. Jadi saya nak maklum bahawa Negeri Terengganu hari ini semua dipandang oleh seluruh duniapun orang lihat hari ini bahawa anak-anak Terengganu mencipta nama di peringkat antarabangsa. Jadi oleh sebab itu, kita sebagai Kerajaan yang prihatin, Kerajaan Barisan Nasional ni Kerajaan yang prihatin dalam semua hal, dalam bidang sukanpun kita prihatin dan orang yang berjaya kita semua beri anugerah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Habis dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Pulak dah .....  
Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat kita boleh sambung besok untuk penggulungan dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, esok selepas Soalan Lisan kita terus sambung kepada penggulungan oleh pihak Kerajaan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikianlah perbahasan serta penggulungan awal oleh pihak Kerajaan di hari kedua Persidangan kita pada kali ini dan Persidangan kita ini ditangguhkan sehingga hari besok, 11 Mei 2011 jam 9.30 pagi. Sebelum kita berpisah dan sebelum kita bersurai marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr mudah-mudahan penyuraian kita ini mendapat berkat Allah S.W.T.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

---

PERSIDANGAN  
PADA HARI RABU, 11 MEI 2011

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT.,PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.  
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK



Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

#### **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT.,AMZ.,PJC.,PJK.

## PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan kita pada pagi ini, marilah kita dengan penuh ikhlas sama-sama membaca Ummul Kitab, mudah-mudahan mesyuarat kita ini diberkati oleh Allah S.W.T. dan mencapai maksud dan tujuan kita bersama, insyaAllah. Al-Fatihah.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan agenda kita yang pertama iaitu Soalan-soalan Lisan, sukacita saya mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati daripada seluruh negeri terutamanya pelajar-pelajar:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Caluk, Setiu.
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Lela Segara, Marang.
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Mengabang Telipot, Kuala Nerus.

Juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk memaklumkan sedikit mengenai pengubahsuaian Dewan kita ini, mengenai konsepnya sedikit. Pertamanya, konsep meja-meja Persidangan kita ini sebenarnya berasaskan konsep Batu Bersurat. Batu Bersurat yang telah menjadi satu sejarah besar Negeri Terengganu, tamadun awal perundangan bermula di negeri kita ini yang terkenal di seluruh dunia.

Yang keduanya, kita berterima kasih kepada JKR, konsep paparan jam di peta Negeri Terengganu yang berada di hadapan sana. Sebenarnya sebagai penggubal undang-undang di Dewan kita ini jugak bersama-sama dengan pelaksana apa yang kita gubal di Dewan ini, Pegawai-pegawai Kerajaan dan kita di Dewan yang mulia sebenarnya tugas kita untuk menjaga, memastikan negeri kita ini berjaya dalam setiap saat tugas kita sebagaimana juga Surah pesanan Allah S.W.T. yang kita baca daripada Surah Al-'Asr. Jadi saya berharap dan tengok setelah dua hari kita bersidang Dewan kita ini agak sejuk, selesa dan ramai juga yang terlenu. Jadi kita tidak bolehlah, kita hendaklah berucap dengan jaga demi kepentingan negeri kita dengan suasana yang terbaik. Kemudian pegawai-pegawai dan juga pelaksana tugas, kita dengar dengan teliti dan mengambil tindakan dengan berjaya demi negeri kita yang kita cintai ini.

Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mulakan Persidangan kita pada pagi ini dengan Soalan Lisan pada hari semalam, saya minta maaf kepada pihak Kerajaan, semalam kita ada tiga Ahli Yang Berhormat yang tak

dapat kita selesai soalan mereka, jadi saya nak dahulukan soalan mereka pada hari ini. Saya ingat pihak Kerajaan kena rujuk ke belakang sikitlah, ya. Jadi saya jemput yang pertama pada pagi ini soalan-soalan daripada Yang Berhormat ADUN Kuala Berang. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

*Tasik Kenyir dijangka akan menjadi kawasan bebas cukai pada akhir tahun 2012. Sila nyatakan perkembangan pembangunan yang telah dilaksanakan sehingga kini di kawasan tersebut?*

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, Pemerhati yang dihormati sekalian. Saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Kuala Berang, soalan nombor satu yang bersamaan serentak dengan soalan nombor dua, Yang Berhormat daripada Manir, soalan yang sama. Iaitu mengenai perkembangan pembangunan Tasik Kenyir sebagai sebuah Pulau Bebas Cukai. Untuk pengetahuan bahawa Kerajaan Pusat telahpun bersetuju meluluskan Tasik Kenyir sebagai sebuah Pulau Bebas Cukai kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan hasil daripada usaha-usaha yang telah dibuat berterusan sejak lama dulu. Dan alhamdulillah, Kerajaan Pusat telahpun merestunya dan justeru itu Kerajaan Negeri telahpun merancang pembangunan Tasik Kenyir ini bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi sebagai pusat membeli belah bebas cukai sebagaimana yang kita kehendaki. Kerajaan Negeri telahpun buat permulaannya telah merancang pembinaan atau pembangunan pulau-pulau di Tasik Kenyir ini apa yang kita namakan Island Hopping yang bertujuan untuk menggamit pelancong dan menyebabkan pelancong untuk tinggal lebih lama di Tasik Kenyir kerana salah satu syarat untuk membolehkan mereka membeli belah barangan bebas cukai ialah mereka mesti bermalam atau tinggal di sana sekurang-kurangnya 48 jam. Sebagaimana kita sedia maklum, Tasik Kenyir hampir 30 tahun diwujudkan dan merupakan setakat ini tasik buatan yang terbesar di Asia Tenggara dengan 340 buah pulau di dalamnya dan mempunyai kawasan tadahan air yang lebih besar daripada Pulau Singapura. Kita melihat bahawa seolah-olah orang yang sedang tidur. Kita tidak dapat mengeksploitasi sumber pendapatan daripada pembinaan tasik tersebut dan kita atau saya ibaratkan sebagai ayam sedang bertelur. Bagi para pelancong atau kita yang datang berkeluarga bersama anak atau isteri atau isteri-isteri kita maka kalau katakan kita seorang kaki pancing atau jungle trekking itulah yang dapat kita lakukan tetapi ke mana anak-anak kita nak pergi, isteri kita nak pergi? Justeru itu,

sebab itu kita membina Island Hopping iaitu dengan adanya aktiviti-aktiviti yang boleh mereka bergerak daripada satu pulau ke satu pulau sebab itulah kita bangukan seperti Pulau Burung, Taman Rama-Rama, Taman Buah-buahan Tropika terutamanya pokok-pokok nadir yang hampir pupus yang mana generasi sekarang tidak mengenalinya lagi. Kita ada Taman Orkid, kita ada Santuari Kelah, selepas ini ada Santuari Gajah dan kita ada Gua Bewah yang mana manusia prasejarah yang tertua pernah ditemui di negara kita ditemui di Gua Bewah, Tasik Kenyir ini. Justeru itu, perancangan ini dilaksanakan dan di samping itu apabila kita mendapat status Pulau Bebas Cukai masalah utama yang dihadapi di Tasik Kenyir ini ialah bekalan elektrik. Sebab itulah projek pertama yang kita laksanakan untuk membekalkan bekalan elektrik ke tasik ini iaitu terutamanya kepada pulau yang paling besar iaitu Pulau Bayas yang keluasannya hampir 1,700 ekar. Dan bila kita memasukkan projek ini kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk membekalkan bekalan elektrik 33 KVA dari Kuala Ping ke Pulau Bayas sejauh 22 kilometer terpaksa dipasang dengan *high tension cable* dengan kos hampir RM33 juta dan kerja-kerja ini dijangka siap menjelang akhir tahun 2011.

Di samping itu, kita juga akan membina jeti bermula jeti penumpang dan jeti kargo di Pengkalan Gawi dan juga jeti penumpang dan jeti kargo di Pulau Bayas serta pembangunan-pembangunan lain. Dan insyaAllah segala perancangan ini akan bermula akhir bulan ini. Tender dijangka akan keluar dalam tempoh seminggu dua ini. Di samping itu, kita juga bangukan sebuah pulau apa yang dinamakan *factory outlet* untuk *branded item* yang boleh menjadi menggamit para pelancong untuk hadir ke Tasik Kenyir. Di samping itu, Pulau Poh Besar dengan seluas lebih daripada 90 ekar akan dibangukan sebagai Water Theme Park, hotel dan chalet mewah. Dan kerja-kerja pembinaan Water Theme Park ini dijangka bermula pada Jun atau Julai ini. Di samping Kerajaan Negeri telahpun menempah dua bot pelancong yang boleh memuatkan 52 orang penumpang dalam satu-satu masa ketika ini. Dan kita juga sedang menambah 24 buah lagi chalet di Petang Island Resort untuk sementara sebagai kegunaan para pelancong. Dan didapati bahawa para pelancong mulai bertambah, 2009 – 2010 peningkatan lebih 40,000 pelancong yang datang ke Tasik Kenyir dan menginap di dalam dan sekitar Tasik Kenyir. Ini merupakan satu potensi yang besar dan sebab itulah kita percaya bahawa insyaAllah dengan terbina atau jadinya Tasik Kenyir sebagai Pulau Bebas Cukai tentu akan memberi peluang pekerjaan bukan sahaja kepada pemandu pelancong, pengusaha-pengusaha bot pelancongan, pengusaha hotel, pekerja di persekitaran itu dan sebagainya. Sebab itulah dengan terbinanya juga pusat CIQ untuk Kastam yang akan menjana pendapatan keseluruhan penduduk Kuala Berang, Hulu Terengganu yang menjadi pintu masuk utama dan juga khususnya kepada Negeri Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya pada pagi ini mengucapkan terima kasih banyak-banyaklah kepada Kerajaan dan jugak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana mencetuskan idea yang sangat hebat ini khusus untuk Hulu Terengganu. Saya berharap supaya program Pembangunan Kawasan Bebas Cukai ini akan terlaksana sebagaimana yang telah kita jangkakan.

Soalan tambahan saya yang pertama adalah saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peluang-peluang tertentu kepada rakyat tempatan ataupun dengan secara terbuka maksud saya tidakkah Kerajaan berhasrat untuk nak menyediakan peluang-peluang tertentu kepada rakyat tempatan supaya mereka tidak ketinggalan dalam merebut peluang-peluang seiringan dengan pembangunan Tasik Kenyir? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, peluang terbuka luas kepada penduduk-penduduk tempatan, terpulanglah kepada mereka untuk merebut peluang-peluang ini. Masalahnya kadangkala orang-orang kita ini mempunyai sikap tunggu dan lihat macam berniaga pisang goreng, bila tengok orang berniaga laku baru kita nak ikut. Kita tidak sanggup mendahului daripada orang lain. Inilah masalah yang berlaku di kalangan orang-orang kita. Sebab itu sepatutnya daripada sekarang pengusaha-pengusaha rakyat atau penduduk di Kuala Berang telahpun mengambil kesempatan ini. Saya dimaklumkan ada chalet-chalet di Pasir Dura dan sebagainya yang telah buat homestay telahpun penuh, tak cukup tempat penginapan dan sebagainya. Begitu juga dari segi pembuatan kraftangan, kita sepatutnya mengusahakan dari sekarang untuk dijual kepada para pelancong. Inilah daya kreativiti dan inovatif kita dianggap kurang berbanding di sesetengah negara contohnya Thailand, tidak ada sisa-sisa buangan. Katakan kalau pergi ke sawmill banyak kayu-kayu reja yang dibakar begitu sahaja tetapi di tempat orang lain kayu-kayu ini diambil dibuat keychain, diukir dan sebagai yang mendatangkan pendapatan yang lumayan. Hatta kalau di Thailand itu tayar burukpun boleh dibuat pasu bunga dan berbagai-bagai kegunaan lain. Inilah barangkali sikap kita yang tidak kreatif, inovatif ataupun kita mudah berpuas hati dengan apa yang kita ada ataupun kita mudah mendapat peluang pekerjaan menyebabkan kita memilih pekerjaan dan tidak inisiatif untuk menambah pendapatan sebagaimana berlaku di negara-negara lain, Dato' Yang Dipertua. Sekarang terpulang sebagaimana saya katakan tadi bahawa pengusaha-pengusaha bot akan kita pertingkatkan lagi kemudahan bot mereka pada masa depan sebab itu Kerajaan merancang untuk menyediakan tempat pembinaan bot fibre glass di kawasan Tasik Kenyir pada masa depan dan kita perlu menggantikan bot-bot yang sedia ada ini yang tidak lagi sesuai digunakan kadangkala menimbulkan masalah yang saya tidak mahu perkara ini menjadi isu di kalangan atau kepada para pelancong yang mungkin boleh mencemarkan Tasik

Kenyir. Dan Kerajaan berhasrat untuk menggantikan bot-bot pelancong ini dengan bot-bot baru yang mana kita mungkin beri subsidi, memberi pinjaman mudah dan sebagainya kepada pengusaha-pengusaha yang sedia ada. Sebab itulah Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa tiada lagi boat house yang baru dibina, cukup apa yang ada kerana kita bertujuan menggantikannya dan bila mereka buat bot yang baru mereka perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, maksud saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kuala Berang kita bagi ke Wakaf Mempelam dulu, lepas tu Kuala Berang balik, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Berhubung dengan Bebas Cukai di Tasik Kenyir ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidaklah membangkang secara melulu tapi saya nak tanya sejauh manakah kajian dibuat kerana lazimnya bila kita sebut Kawasan Bebas Cukai, dalam negara kita umpamanya yang telah wujud, ia dekat dengan sempadan ataupun di airport (lapangan terbang) kerana ianya bukan sahaja melibatkan penduduk rakyat di negara kita saja tapi jugak negara-negara asing dan orang luar yang datang. Memang sepertimana Yang Amat Berhormat sebut di mana niat kita untuk menjadikan Tasik Kenyir itu sebagai destinasi pelancongan dan pusat beli belah itu hasrat kita tapi saya tanya tadi kajian. Pasal dia jugak melibatkan kos, Kerajaan Pusat dia lulus tapi kita jugak negeri melibatkan kos macam tadi disebut RM33 juta nak tarik wayar elektrik dan sebagainya, ini masalah pelaburan yang kita rasakan kita nak tengok sejauh mana kajian dibuat. Pengalaman kita di Terengganu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada satu kilang dekat Jambatan Dungun dulu, kilang proses minyak kelapa sawit di bawah SEDC, saya masih ingat saya masih kecil lagi pada masa itu tapi akhir tutup pasal apa? Pasal kajian kita nak buat kilang kelapa sawit sama ada dalam ladang kelapa sawit, dekat ataupun dekat dengan pelabuhan pasal nak menjimatkan kos kalau tidak nak angkut buah daripada ladang pergi ke kilang sekali, lepas itu nak dihantar ke luar negara nak jual sekali lagi, dua kali kos akhirnya tutup begitu. Pasal apa? Pasal di Dungun waktu itu takdok projek maka projek politik buat di situ, inilah benda yang sana nak timbulkan. Itulah sebabnya, baru-baru ini ada dibuat Festival Kenyir .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, faham dah soalnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya, macam baru-baru ini Festival Kenyir orang nak pergi bersungut, mereka minatlah ada penyanyi macam-macam ada, tetapi jalan, infranya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ini bukan masa berbahas ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi infranya teruk, Jerangau-Jabor jalannya macam naik kuda. Oleh itu sebabnya sejauh mana kajian dibuat terhadap projek ini dan akhirnya di kod Kerajaan, berapakah Kerajaan kena belanja untuk nak menjadikan Tasik Kenyir ini sebagai destinasi pelancongan dan jugak menjadikan Kawasan Bebas Cukai dan berapakah Kerajaan Negeri kena keluar belanja? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu saya katakan tadi, Tasik Kenyir diibaratkan orang yang sedang tidur sudah 30 tahun. Kita jual Tasik Kenyir ke seluruh dunia beritahu orang bahawa kita mempunyai tasik yang terbesar buatan manusia, *the biggest man made lake in South East Asia with 340 island inside the lake, the water body itself is bigger than Singapore*, itu yang kita beritahu *but nothing*, tidak ada apa hasil yang kita perolehi kerana tidak ada infrastruktur, tidak ada pembangunan, tidak ada kemudahan untuk menyebabkan orang datang sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Sebab itulah saya katakan bahawa Kerajaan mesti membangunkan dari segi peringkat permulaan, dari segi infrastrukturnya kerana sudah tentu pengusaha hotel tak akan datang, bila dia datang tengok nak melabur yang datang hanya dua-tiga orang tapi bila dia datang orang penuh dan tidak ada hotel maka ketika itulah menarik minat mereka untuk melabur untuk membina hotel dan kemudahan lain. Sebab itu Kerajaan terpaksa, mahu tidak mahu mendahulukan dengan pembinaan infrastrukturnya walaupun kosnya agak tinggi. Macam sekarang kita nak jaga air di Tasik Kenyir yang jernih, yang bersih dan sebagainya. Kita tidak boleh biarkan setiap pengusaha menggunakan genset menggunakan diesel yang akhirnya akan mencemarkan keseluruhan Tasik Kenyir tersebut. Sebab itu kita terpaksa membekalkan elektrik, isu utama sekarang ini elektrik dan kita terpaksa memasangnya untuk menjana pertumbuhan ekonomi di masa depan. Inilah hakikat yang mesti diterima sebab itu mana-mana pembangunan sekalipun sebagaimana yang disebut tadi jalan. Kita ada perancangan pembinaan jalan pakej 7 dan 8. Pakej 7 melibatkan pembinaan jalan daripada Kuala Jeneris ke Telemong dan pakej 8 daripada Kuala Jeneris ke Pengkalan Gawi di mana tanah telahpun diambil balik dan telahpun dibayar oleh Kerajaan Pusat cuma tinggal beberapa lot sahaja yang ketinggalan dan terpaksa kita ambil balik semula. Dan pembinaan peringkat pertama daripada Kuala Jeneris telahpun selesai dan dia akan pergi ke peringkat kedua. Dan bila



siapnya jalan ini iaitu menyebabkan pengangkutan daripada Airport Kuala Terengganu sampai ke Pengkalan Gawi lebih kurang 25 hingga 30 minit melalui Jalan Gemuroh – Telemong – Kuala Jeneris – Pengkalan Gawi. Ini perancangan yang telah ada dan sebab itulah kita juga mempunyai perancangan, kita masuk dalam Rancangan Malaysia Ke-10 melalui Rolling Plan Yang Kedua iaitu pelebaran jalan dari Simpang Batu 6 sehinggalah sampai ke Simpang Gemuroh sebagaimana disebut oleh Wakil Tepoh semalam, ini perancangan yang telah kita buat. Sebab itu kita telah membesarkan, melebarkan jalan daripada Jambatan Sultan Mahmud ke Batu 6 daripada dua lorong kepada tiga lorong. Peringkat pertama dulu kita buat semasa SUKMA kita buka *guardrail* itu menjadi tiga lorong, kemudian sekarang kita akan tambah lagi sambungannya sampai ke Bulatan Batu 6 dan kita akan lebarkan jalan dan setelah jalan dilebarkan barulah akan dipasang semula *guardrail* sebagaimana dibangkitkan. Jadi projek sedang berjalan, bersabarlah Wakil Rakyat Bukit Tunggul ia dalam proses pembinaan. Begitu juga saya sebutkan tadi bahawa ratusan juta akan kita belanjakan untuk kemudahan ini. Dan kita tidak nampak sekarang, hasilnya akan diperolehi pada masa depan termasuk yang saya sebut tadi *factory outlet* barang berjenama. Kita telah buat kajian di Negara Asia Tenggara billion penduduk, Malaysia, Singapore, Thailand, Indonesia, Filipina tidak ada *factory outlet* yang berjenama seperti di Portsmouth, Dusseldorf, German, di Milan, Italy, di Paris dan ini untuk Asia Tenggara. Kita ada satu produk yang menarik pelancong untuk datang ke Tasik Kenyir di samping mereka berehat menikmati keindahan alam semulajadi dan sebagainya, inilah yang kita lakukan. Sebab itu saya katakan tadi, saya selalu sebut kepada pegawai-pegawai, kita selalu sebut kepada semua orang, kita Pegawai Kerajaan hanya tahu bagaimana nak berbelanja duit tetapi kita tidak tahu bagaimana nak buat duit. Saya selalu beri contoh, orang India ada seekor ular tedung tetapi sudah cukup untuk membiayai pendapatan keluarga mereka. Dia dapat ular tedung seekor, dia cari kotak, dia tiup serunai, boleh dapat duit. Orang Thailand pula ada seekor anak gajah, dia ajar anak gajah itu melukis atau tiup harmonika, nak tengok anak gajah tiup harmonika bayar RM10.00. Kita ada ular nak bunuh ular, kita ada gajah nak bunuh gajah, kita tidak tahu bagaimana nak buat duit daripada apa yang kita ada. Kita perlu berubah. Sebab itu saya katakan tadi kalau kita tidak mulakan sekarang, hampir 30 tahun Tasik Kenyir, apa yang kita dapat. Kita sedar, saya pergi merasmikan Festival Tasik Kenyir, saya bercakap kita yang keluar belanja baiki jalan raya yang rosak dan sebagainya bila bijih-bijih daripada Jeli datang memenuhi laluan jalan tersebut, kita beri peruntukan membaiki jalan itu supaya buat sementara boleh digunakan dengan sempurna. Kita sedar masalah ini. Sebab itu saya katakan tadi Langkawi dulupun apa yang ada disumpah oleh Mahsuri katanya 7 keturunan tapi bila Tun Mahathir istihar Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai lihat apa yang berlaku sekarang, jalan yang daripada kecil sampai kepada empat lorong. Jadi kita mesti berubah, kalau kita takut perubahan, takut untuk merencanakan sesuatu tidak ada maknanya. Sebab itulah saya

mengatakan bahawa saya bersedia menerima kritikan, cemuhan dan sebagainya tapi kita berjaya sebagaimana katakan tadi 340 buah pulau yang sebahagian iaitu hampir 10 daripada pulau itu telah diserahkan kepada orang lain yang tidak dibangunkan sampai hari ini, kita merasa sedih sebab ia mempunyai potensi yang besar sebagaimana Gua Bewah yang saya katakan tadi, manusia prasejarah yang tertua di negara kita yang pernah ditemui setakat ini, 16,000 tahun berbanding dengan Perakman 14,000 tahun. Dan kita akan tempatkan manusia prasejarah ini di situ juga, kita akan sediakan cage kaca siap dengan kanta pembesar dan sebagainya dan kita berusaha untuk mendapatkan bekalan elektrik untuk menyediakan lif atau escalator ke gua tersebut. Kita sedang mengkaji sama ada menggunakan hibrid ataupun solar atau kedua-duanya sekali sebab kita tidak mampu untuk membawa atau menarik kabel ke Gunung Bewah yang terlalu jauh dan kosnya terlalu besar daripada apa yang kita buat sekarang ini. Sebab itu saya katakan tadi bila ini berlaku sudah tentu kita tahu bahawa kita di Terengganu hari ini tidak ada Water Theme Park, orang Terengganu pada hujung minggu penuh pergi ke Gambang, berapa aje permainannya ada, buat hari keluargapun di Gambang sedangkan kita lebih cantik, kos operasinya lebih murah, kita boleh ambil peluang air tasik untuk recycle di Pulau Poh tersebut kenapa kita tidak ambil peluang dengan apa yang kita ada, ini masalah kita. Kita ada pulau yang cantik, tasik yang menarik, pantai yang cantik tapi tak ramai yang datang kerana kita takut nak buat itu, nak buat ini, takut dikritik dan takut macam-macam, kita takut oleh bayang-bayang kita sendiri, justeru itu kita perlu berubah. InsyaAllah, saya yakin, tunggu dan lihat dalam tempoh dua tahun yang akan datang, insyaAllah Kenyir akan menjadi destinasi pelancongan yang utama di negara kita. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup Yang Berhormat Kuala Berang, panjang lebar dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya jemput Wakil Ladang untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

*Apakah Dasar Kerajaan Negeri mengenai pemeliharaan Burung Walit?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Ladang atas pertanyaan berhubung dengan Burung Walit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan industri Burung Walit ini kita sudah beri jawapan yang panjang lebar pada sesi yang lepas, jawapan yang kita kemukakan pada 15 Disember 2010. Walau bagaimanapun, untuk soalan yang dikemukakan pada hari ini berhubung dengan Dasar Kerajaan mengenai pemeliharaan Burung Walit. Sebagai jawabannya, Kerajaan sebenarnya sedang dalam semakan terakhir penyediaan kertas dasar untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Boleh disebut berapa dasar yang jelas berkenaan dengan butir-butir dasar dia supaya dapat kita ketahui mengenai dengan pemeliharaan Burung Walit. Dalam semakan tetapi ada tak yang boleh diberitahu pada hari ini dahulu?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, dasar belum diputuskan lagi cuma untuk makluman Dewan, kita sudah terima satu garis panduan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat dan garis panduan itu kita sedang buat semakan untuk kita sesuaikan dengan kehendak-kehendak kita di peringkat negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh saya nak tanya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak bertanya tentang penguatkuasaan kepada pemeliharaan Burung Walit ini, apakah ada tindakan-tindakan penguatkuasaan oleh mana-mana agensi berkenaan dengan premis tempat pemeliharaan Burung Walit. Baru-baru ini diketahui ada tindakan penguatkuasaan ke atas beberapa premis atau rumah di sebelah Chendering dan apakah asas tindakan itu dan adakah tindakan itu tindakan terpilih kerana banyak lagi kawasan-kawasan yang dipelihara sejak bertahun tidak diambil tindakan. Jadi saya nak tahu dengan jelas apakah asas tindakan penguatkuasaan itu?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Sayapun ada terima sungutan daripada penduduk tempatan berkenaan dengan tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Tindakan yang sebenarnya adalah untuk supaya pengusaha-pengusaha jangan buat lagi yang baru sehingga dasar dimuktamadkan, yang sedia ada nampaknya masih lagi berjalan cuma yang hendak perbesarkan ditahan dulu sehingga dasar baru dikeluarkan. Dan kalau ada tuduhan yang mengatakan tindakan itu tindakan berpilih, jawapannya tidak. Semua kawasan nampaknya diambil tindakan yang sama. Kita tidak pilih-pilih, tidak. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat kesimpulan dua soalan tambahan itu tadi dasarnya belum akhir lagi. Jadi sama jugaklah kalau Wakaf Mempelam tanyapun. Saya ingat cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua tak tahu lagi soalan saya, jangan kata sama gitu tak sama lagi tu ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang bagusnya Wakaf Mempelam saya ingat Yang Berhormat duduk dulu. Saya tahu Ladang nak bangkit Burung Walit ni khasiatnya bagus, Wakil Langkappun dekat umur 70 tahun tapi kalau banding dengan Wakil Telemong agak .... Duduk sebelah-sebelah nampak macam sebaya. Dasar tu katanya yang terbaiklah. Saya ingat kalau pasal dasar-dasar jugak baik tak payahlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pasal lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu sebabnya saya kata biar dengar dulu soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya oleh kerana takmboh sentuh dah hal dasar, takmboh sentuh hal garis panduan itu semua sekali. Saya tengok Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini perkara ini sudah menjadi satu industri, orang dah lama buat kita baru nak fikir soal dasar? Jadi tak apalah soal dasar tu yang sedang difikirkan sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya tak mintak bersyarah, saya mintak soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia apa-apa ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada mukadimah dia .....(Dewan Gelak) .... Jadi jangan kita pakai *gaa* langgar gitu aje .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, panjang sangat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya mintak duduk, panjang sangat mukadimah kita rugi masa, masa kita jaga ni. Saya mintak Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Saya jemput Kota Putera untuk soalan seterusnya. Yang Berhormat, sila duduk, Yang Berhormat, panjang sangat saya dah kata dah tadi bukan dasar tapi Yang Berhormat panjang jugak. Ya, okeylah, soalnya saja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak faham lah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam nak sekat sokmo kalau saya bercakap. Saya nak tanya mudah saja, *direct* soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kerajaan sendiri dah menjadi satu industri sekarang ini dan rakyat minat, tak fikir ke nak cari tapak yang sesuai dah orang nak, pergilah ke satu tempat yang boleh rakyat *participate* tapi ada tapak yang disediakan khusus oleh Kerajaan dan rakyat keluar belanja nak buat bangunan lagu mana semua sekali biar sekurang-kurangnya ia jugak merupakan satu industri yang Kerajaan bantu rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Kawasan yang disebut oleh Wakaf Mempelam memang sudahpun ada dalam tindakan kita dan tunggu apabila selesai sahaja dasar mungkin perkara itu boleh kita umum. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dasarlah jugak itu maknanya. Susah jaga Wakaf Mempelam ni, dia nak pusing banyak sangat. Saya jemput Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah usaha dan kesungguhan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memertabatkan tulisan Jawi dan merencanakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Berkait dengan soalan yang diutarakan oleh Wakil Kota Putera, berkenaan dengan memertabatkan tulisan jawi dan merencanakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kerajaan sebenarnya menggunakan beberapa agensi yang terlibat dalam memastikan terutama di dalam memertabatkan tulisan jawi di antaranya ialah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu yang memastikan penyediaan program keagamaan kita banyak yang ditulis dalam tulisan jawi. Dari segi penyediaan teks khutbah Jumaatpun dibuat dalam tulisan jawi dan mewajibkan salah satu sependuk dalam Perarakan Maulidur Rasul dalam tulisan jawi. Di samping mensyaratkan calon-calon yang ingin memasuki tingkatan 1 Sekolah-sekolah Agama Negeri hendaklah menguasai tulisan jawi dan calon yang lulus tulisan jawi markahnya adalah 76% ke atas sahaja yang akan diterima selain daripada syarat akademik UPSR. Keutamaan yang diberi adalah kepada pelajar yang mendapat peratus tinggi dalam ujian tulisan jawi ini. Selain daripada itu, agensi-agensi lain yang terlibat ialah Perpustakaan Negeri Terengganu yang telah juga menganjurkan program-program yang berkait dengan pertandingan-pertandingan dan sebagainya dan juga dari segi menghasilkan poster-poster dalam tulisan jawi. Dan di samping itu juga, Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu untuk melaksanakan program-program tersebut. Dalam aspek untuk merencanakan penggunaan Bahasa Melayu dari segi Kerajaan Negeri selalunya kita berganding dengan Jabatan Pelajaran dan juga setiap tahun kita memang menganjurkan program yang dinamakan Program Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu. Pada tahun 2010 sahaja kita telah melaksanakan pelbagai program yang berkait dengan Bulan Bahasa Kebangsaan, antaranya ialah Majlis Pelancaran yang telah kita laksanakan di Stadium Negeri Kuala Terengganu, Malam Puisi Bahasa Jiwa Bangsa, Sayembara Deklamasi Puisi, Festival Teater Pendek, Pertandingan Pengisahan Tokoh Sekolah, Kuiz Bahasa dan berbagai-bagai lagi. Di samping pelaksanaan oleh agensi-agensi seperti yang sebut tadi termasuk juga peranan yang dimainkan oleh Perpustakaan

Negeri bagi memastikan program-program itu kita laksanakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Daripada apa yang disebut tadi saya yakin banyak usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan ke atas dua perkara tadi iaitu tulisan jawi dan Bahasa Melayu itu sendiri. Tapi adakah setakat ini Kerajaan telah berpuas hati dari segi pencapaian langkah yang dibuat dari segi penggunaan bahasa jawi. Perkara ini disebut Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana masih ada persoalan daripada rakyat apakah keistimewaan yang ada pada mereka sekiranya mereka boleh menguasai bahasa jawi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tulisan jawi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Tulisan jawi, maafkan saya.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sememangnya kita akui penggunaan tulisan jawi kebelakangan ini memang tidak sangat dipraktikkan dan juga melihat daripada tentang kerancakkan dan apa yang berlaku dalam sistem pendidikan hari ini yang banyak fokus kepada memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Inggeris. Ini konsep yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Jadi dalam masa yang sama apabila disebut sahaja memartabatkan Bahasa Melayu sebenarnya dah termasuk dalam aspek tulisan jawi kerana tulisan jawi ini juga adalah merupakan salah satu aspek dalam Bahasa Melayu. Jadi tadi dalam keadaan memartabatkan Bahasa Melayu dari segi Kementerian Pelajaran memang sudah memasukkan dari segi agenda memperkasakan tulisan jawi ini sebagai salah satu. Dan melihat daripada peluang-peluang yang ada pada hari ini memang kita sendiri akuilah kerana kita juga terpaksa akur dengan kehendak untuk memastikan karier dan juga pekerjaan selepas mereka habis belajar tidak sangat dipentingkan difokus kepada tulisan jawi. Tapi dari segi tulisan jawi ini aspek yang utamanya ialah kita nak memastikan bahawa penggunaan tulisan jawi ini tidak akan lupus. Jadi kerana itulah Kerajaan Negeri mengambil keputusan dan juga telah memastikan bahawa tulisan jawi ini terus disuburi bagi memastikan bahawa tulisan jawi ini adalah warisan sejarah yang perlu diteruskan dan perlu diperturunkan kepada generasi-generasi kita yang akan datang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan kepada soalan asal. Bila sebut tentang tulisan jawi ini ialah mungkin Wakil Seberang Takir boleh jawab atau tidak tentang berkaitan ini iaitu tentang Pusat Tulisan Jawi yang kita cadangkan di Kuala Berang. Setakat hari ini tidak tahu macam mana ceritanya. Cuma disebutkan tentang soal kesungguhan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, apakah Kerajaan Negeri tidak boleh membuat satu dasar khususnya melalui pihak PBT kepada *signboard* (papan tanda) kepada kedai-kedai, premis perniagaan. Ada tulisan jawi tetapi kecil, apa salahnya kita jadikan tulisan jawi itu sebagai tulisan utama, tulisan yang besar sebab ini adalah tulisan kita, orang Melayupun orang panggil orang Jawi, bila bersunat dulu orang 'Jawwi', Jawi tu Melayulah. Kita nak imej yang digambarkan sebagai kesungguhan biar ada di depan mata sebenarnya, apa pandangan pihak Kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, seperti yang disebut oleh Wakil Tepoh tadi memang Kerajaan sekarang ini memang dalam pelaksanaan untuk kita sekarang ini dalam proses pengubahsuaian bangunan Pejabat Daerah lama di Hulu Terengganu, di Kuala Berang dan dari segi segala urusan ini adalah di bawah Muzium Negeri Terengganu. Jadi insyaAllah, dengan apabila selesai sahaja pengubahsuaian, apabila dibuka nanti maka banyak lagilah agenda-agenda dan aktiviti-aktiviti dan program-program yang kita laksanakan kerana memang seperti yang saya sebut tadi bahawa Kerajaan Negeri memang memberikan fokus yang utama untuk memastikan bahawa dari segi aspek untuk kita nak memartabatkan semula tulisan jawi ini untuk yang utamakan sekarang supaya dapat dikuasai oleh rakyat Negeri Terengganu terutamanya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, yang akhir .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi ke Wakaf Mempelamlah, dia bangun dulu tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak pergi *direct to the point*. Berhubung dengan insentif yang kita nak bagi, saya ingat dulu zaman Tan Sri Dato' Wan Mokhtar dulu, semasa menjadi Menteri Besar dulu, ada Cina mari jumpa saya nak minta saya tulis nama kedai dia itu dalam jawi, saya tanya dia pasal apa? Dia kata kalau iklan kita buat macam hak Tepoh sebut tadi dia tulis tulisan jawi di atas, rumi di bawah dia akan diskaun, waktu itu bukan Majlis Perbandaran masa tu. Begitu jugak dengan jalan-jalan raya, dia tulis



tulisan jawi di atas dan rumi di bawah, adakah maknanya sekarang ini masih dipraktikkan maknanya kalau dia tulis jawi di atas, rumi di bawah dia akan dapat diskaun tertentu dalam iklan ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Inilah berbezanya kita dengan Kerajaan Pulau Pinang dan Kerajaan Selangor kerana Kerajaan Pulau Pinang ini nak menghapuskan tulisan jawi tetapi dari segi kita nak memartabatkan balik tulisan jawi. Jadi kita masih lagi meneruskan dan insyaAllah kita akan kaji lagi supaya kita dapat kurangkan lagi, memang pada masa sekarang ini mana-mana premis-premis perniagaan yang menulis dia punya dengan izin, *signboard* dia dan dengan adanya tulisan jawi Pihak Berkuasa Tempatan akan mengurangkan bayaran lesen papan iklan tersebut. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, kena pastikan tulisan itu betul, jawi yang betul. Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Adakah Kerajaan mewujudkan suasana di kalangan rakyat kita yang menyebabkan mereka perlu belajar tulisan jawi sebab suasana yang ada hari ini apabila mereka dapat menguasai tulisan jawi, mereka rasa tidak istimewa maksudnya nak gunapun tak boleh. Jadi maknanya kita nak wujudkan suasana mereka terpaksa kena tahu tulisan jawi, kena tahu baca, kena tahu tulis. Saya ambil contoh katalah di lorong-lorong, jalan utama mungkin tak payahlah, di lorong-lorong jalan-jalan kecil di seluruh Negeri Terengganu kita tulis dengan tulisan jawi maknanya kalau rakyat Terengganu tidak tahu tulisan jawi, dia tidak tahu lorong apa, dia akan sesat. Jadi maknanya ada benda dan suasana yang dia terpaksa belajar. Dia tahu bahasa jawi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kerajaan faham dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Faham dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Kita perlu juga melihat kepada orang yang luar dari Terengganu sekarang ini konsep Terengganu hari ini membawa seramai yang boleh pelancong-pelancong terutamanya daripada luar. Kalau kita buat tulisan jawi boleh menimbulkan masalah kepada pelancong-pelancong dari luar nanti, nanti orang daripada Penang dan Selangor datang

mereka tak faham sebab Penang dan Selangor nak hapus tulisan jawi sudah tentu orang Penang dengan Selangor .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Tak, saya rasa .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak apalah. Jadi dalam keadaan yang sebegini sebenarnya sekarang ini dengan kesungguhan Kerajaan Negeri menubuhkan Pusat Tulisan Jawi di Hulu Terengganu iaitu di Kuala Berang nanti dan insyaAllah kita akan memastikan bahawa muzium yang akan mentadbirkan Pusat Tulisan Jawi ini untuk mengadakan beberapa program atau banyak program dengan dibantu oleh Jabatan Pelajaran dan juga Perpustakaan Negeri untuk kita memastikan supaya agenda kita untuk memartabatkan tulisan jawi dan paling kurangnya memastikan seluruh rakyat di Terengganu tidak kira daripada apa bangsa dia, apa agama dia supaya merekapun tahu apa dia tulisan jawi. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Satu lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah Yang Berhormat sebab kita nak bagi peluang kepada Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum, Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 –

*Apakah proses-proses yang diambil oleh Kerajaan dalam menentukan mereka yang layak disenaraikan sebagai peserta e-Kasih?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Wakil Permaisuri tentang soalan yang telah ditanya. Proses-proses yang diambil oleh Kerajaan dalam menentukan mereka yang layak disenaraikan sebagai peserta e-Kasih adalah seperti berikut:-

1. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu (PPPNT) menerima permohonan secara borang manual dan online daripada agensi, jabatan, penghulu mukim, NGO, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan, ahli politik dan individu.

2. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu mengedarkan senarai tersebut kepada semua pejabat daerah bagi tujuan tapisan awal.
3. Pejabat daerah akan menghantar senarai yang telah selesai ditapis kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu.
4. Bancian akan dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu bagi kes yang layak dibanci dengan menggunakan borang bancian isirumah miskin.
5. Hasil bancian akan dimasukkan ke dalam sistem e-Kasih bagi penentuan status miskin berdasarkan pengiraan pendapatan garis kemiskinan perkapita.
6. Senarai e-Kasih yang terkini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan di peringkat Negeri bagi tujuan pengesahan. Senarai ini digunapakai oleh semua jabatan/agensi Kerajaan bagi tujuan penyaluran bantuan kepada golongan yang benar-benar layak.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Memandangkan senarai e-Kasih adalah merupakan satu senarai yang cukup penting kerana kesemua bantuan-bantuan adalah berasaskan kepada senarai e-Kasih sama ada di sekolah ataupun di mana-mana sahaja tempat yang melibatkan awam. Soalan saya, adalah senarai e-Kasih untuk Negeri Terengganu berapakah jumlah ibu tunggal yang disenaraikan dalam e-Kasih tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Ramai orang berminat pasal ibu tunggal ni. Jadi sayapun mula-mula .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, dia tahu Yang Berhormat ada simpan senarai tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): .... Tapi saya jawablah supaya untuk memenuhi citarasa dan semangat orang-orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ni. Jumlah ibu tunggal dan termasuk juga bapa tunggal tapi tidak termasuk yang daripada Ladang, Ladang

tidak termasuk dalam senarai ini, yang berada dalam senarai e-Kasih setakat hari ini adalah seperti berikut:-

Bil.	Kategori	Jumlah
1.	Ibu Tunggal	6,924 orang
2.	Bapa Tunggal	798 orang
Jumlah Keseluruhan		7,722 orang

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan. Apakah program-program memandangkan jumlah ibu tunggal dalam senarai e-Kasih adalah tinggi 6,924 orang dan juga bapa tunggal atau bapa bersendirian seramai 798 orang. Apakah program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan setelah mendapat atau menapis senarai ini untuk meningkatkan pendapatan ibu dan bapa tunggal tadi? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, program-program untuk ibu tunggal setakat hari ini belum lagi kita beri keutamaan seramai 7,722 tetapi kita akan tengok dari segi kesesuaian di mana program-program untuk golongan ibu tunggal di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga yang kita laksanakan adalah seperti berikut:-

1. Program Jaya Diri

Program ini berbentuk pengeluaran pinjaman modal di mana ibu-ibu tunggal yang dipilih akan diberi kursus selama 3 hari berkaitan dengan projek yang ingin dijalankan sebelum diberikan pinjaman modal berdasarkan kemampuan dan penilaian pihak jabatan. Peserta juga adalah tertakluk kepada bayaran balik berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh jabatan terlibat.

2. Projek Ekonomi Berkelompok Ibu Tunggal

Program ini adalah projek berbentuk perkongsian beberapa orang ibu tunggal. Mereka dikehendaki membuat kertas kerja yang berkaitan untuk dinilai dan permohonan yang berjaya akan diberi kursus, latihan, bantuan peralatan, modal dan sebagainya akan diberi pertimbangan. Dan selain daripada itu juga program-program untuk memperkasakan golongan ibu tunggal ini ialah kita menubuhkan Kelab Ibu Tunggal mengikut DUN dalam Negeri Terengganu ini dan selain daripada itu juga kita membekalkan Bantuan Pengurusan Kelab Kewangan kepada persatuan tersebut dan kita juga mengadakan Bengkel Pemantapan Pengurusan Kelab Ibu Tunggal, Bengkel

Pembimbing Ibu Tunggal, Bengkel Kemahiran Ekonomi dan juga lawatan-lawatan yang bermaklumat untuk kepentingan golongan ibu-ibu tunggal.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Bert hormat? Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Bert hormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya, daripada tatacara yang diberitahu oleh Yang Bert hormat Exco berkenaan dengan permohonan bermula daripada dihantar sehingga dibentangkan dalam Mesyuarat Focus Group di peringkat negeri. Jadi saya ingin bertanya berapa lamakah masa yang diambil secara kebiasaannya dalam proses untuk memasukkan nama yang dipohon ke dalam senarai e-Kasih? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Wakil Kemasik. Sebenarnya proses untuk menentukan mereka yang layak, kita pihak Kerajaan Negeri sebagaimana sedia maklum bahawa kita berdasarkan pada Focus Group bukan sahaja di peringkat negeri bahkan juga kita tubuhkan sekarang ini di peringkat-peringkat daerah di mana di peringkat daerah ini diketuai oleh Pegawai Daerah masing-masing yang terdiri daripada ahli jawatankuasanya semua jabatan-jabatan yang terlibat dan termasuk juga Ahli-ahli Yang Bert hormat dan Pegawai Pembangunan DUN masing-masing di daerah. Jadi dari segi masa dan cepatnya proses itu bergantung kepada sejauh mana kerajinan dan kesungguhan di peringkat daerah itu. Kalau sekiranya peringkat daerah itu cepat membuat persidangan dalam Focus Group itu dan dimajukan kepada pihak jabatan Persekutuan Negeri dan dibawa kepada Focus di daerah maka saya rasa masanya adalah agak pendek. Kalau sekiranya perkara ini tidak berjalan di peringkat daerah maka masanya ialah agak panjang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Bert hormat. Saya ingat cukuplah tu. Kita jemput seterusnya Kemasik untuk soalan asal.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Bert hormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Bert hormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Bert hormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Soalan saya nombor 2 –

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membangunkan semula Projek Perumahan yang dibangunkan oleh Pakadiri Sdn. Bhd. di tepi Jalan Kerteh, Pengkalan Ranggan ke Batu Putih?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu meneruskan projek usahasama penswastaaan perumahan bercampur dengan Pakadiri Sdn. Bhd. di atas tanah seluas 67 hektar di kawasan Api Rokok, Kertih, Kemaman. Pelaksanaan projek ini terjejas ekoran daripada masalah ekonomi ketika itu dan juga ketiadaan pembeli rumah-rumah yang telah siap yang mana pihak pemaju telah menyiapkan sebanyak 55 unit iaitu 39 unit banglo dan 16 unit rumah berkembar telahpun siap. Rundingan telah dibuat bersama-sama dengan pemaju dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri untuk meneruskan projek ini. Kita tidak boleh mengambil tindakan setakat ini kerana pemaju tidak melanggar syarat kerana pembangunan dijalankan tetapi oleh sebab masalah pembeli. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Jadi pembangunan ini telah dimulakan sudah sekian lama jadi dari segi usaha-usaha telah dijalankan seperti yang dikatakan tadi sebanyak 55 unit telah siap dan Syarikat Pakadiri buat masa sekarang ini dilihat tidak mengambil langkah-langkah untuk menjalankan projek perumahan ini. Jadi soalan tambahan saya, apakah usaha yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan melalui Tabung Amanah Warisan untuk mungkin memaksa ataupun menggalakkan pihak Pakadiri untuk meneruskan projek perumahan ini sehinggalah terjual. Dan juga difahamkan tadi sebanyak 67 hektar telah diserahkan kepada pihak pemaju dan memandangkan prestasi pemaju yang dilihat sekarang ini adakah usaha-usaha daripada pihak Kerajaan bagi menghadkan ataupun menarik balik sebahagian daripada kelulusan yang telah diberikan terdahulu. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa pemaju tidak melanggar syarat perjanjian dan perjanjian itu melibatkan keseluruhan kawasan tersebut dan mereka telahpun menyiapkan rumah tetapi masalahnya ialah pembeli. Sebab itu kita masih memberi ruang kepada pemaju untuk mencari pembeli dan memikirkan cara mana yang terbaik untuk meneruskan projek itu. Kalau dia tak buat, senang bagi kita, kita boleh batalkan perjanjian kerana melanggar syarat. Ini masalah yang kita hadapi dari segi perundangan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Kemasik? Okeylah, saya jemput balik oleh kerana kita ada sedikit lagi masa untuk meneruskan Soalan Lisan ini Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Sejauh manakah pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil daripada projek penswastaan Perumahan PAKR Tok Adis kepada sebuah syarikat swasta oleh pentadbiran Kerajaan Negeri 2000 - 2004?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil daripada penswastaan Perumahan Tok Adis kepada sebuah syarikat yang bernama ANZ Sdn. Bhd adalah jauh daripada sepatutnya kita terima. Untuk pengetahuan Yang Berhormat iaitu keluasan tanah yang dibangunkan oleh ANZ Sdn. Bhd. di Kampung Tok Adis ialah seluas 21.2002 hektar atau kira-kira hampir 52 ekar. Tanah ini merupakan tanah pengambilan balik Kerajaan yang bernilai harga kos pengambilan balik sahaja ketika itu RM7,861,231.72 dan tujuan pengambilan balik ketika itu adalah untuk menyediakan segala kemudahan riadah kepada penduduk di sekitar bandar Kuala Terengganu yang tidak mempunyai tempat permainan. Sebab itu saya masih ingat, saya yang mencadangkan semasa Tan Sri Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar sekurang-kurangnya kita dirikan 10 buah padang bola di kawasan berkenaan, beberapa padang hoki, bola jaring, taman-taman permainan dan riadah yang lain khusus untuk penduduk bandar Kuala Terengganu. Tapi malangnya setelah PAS mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 1999 dan selepas itu tanah ini telah diserahkan kepada ANZ untuk dibangunkan dan apa yang kita dapati Dato' Yang Dipertua bahawa nasib anak-anak muda di mana tempat mereka untuk beriadah telah dijadikan kawasan perumahan demi mengejar keuntungan oleh sebuah syarikat yang boleh dianggap kroni kepada Kerajaan PAS ketika itu iaitu ANZ yang terlalu banyak diperolehi oleh ANZ dalam tempoh 5 tahun. Sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa pulangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri hanya RM9,220,560.00. Bila ditolak dengan kos pengambilan tanah RM7,861,231.72 bermakna keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan cuma RM1,399,328.28 tetapi sebenarnya mungkin lebih rendah daripada itu atau mungkin mengalami kerugian kerana dicampur dari RM9 juta ini bukan sahaja diberi satu rumah kos rendah 260 unit yang masih belum siap sehingga hari ini tetapi termasuk penyediaan padang bola RM500,000.00 nilainya, kalau kita ikut sebenarnya mungkin tak sampai RM500,000.00 begitu juga dengan pembinaan longkang dan tempat letak kereta RM185,000.00 dan juga pembinaan

tadika & surau yang berharga RM180,000.00 kerana sudah tentu pemaju akan dapat membina tadika dan surau itu lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh Kerajaan. Inilah hakikat yang berlaku, kata orang 'telunjuk lurus kelingking berkait', inilah yang dikatakan semalam oleh ADUN atau Wakil Bukit Tunggul dia berak hari lepas itu nak cari esok tidak tahu dah dekat mana dan seterusnya dia terpijak sendiri. Kembali kepada PAS semula Dato' Yang Dipertua, sebab ANZ semua orang tahu adalah sebuah syarikat yang mempunyai projek lebih daripada RM400 juta di Terengganu dalam tempoh 5 tahun pemerintahan PAS di Negeri Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat terhadap syarat ataupun terma perjanjian penswastaaan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju berkenaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, setakat ini terma tidak dilanggar tapi itulah perjanjian yang berlaku ketika itu dan apa yang lebih mendukacitakan kita sebenarnya Dato' Yang Dipertua, pembangunan Tok Adis ini bersekali dengan pembangunan di Bukit Bayas iaitu projek perumahan sebelah dengan Projek Rumah Kos Rendah Gelong Bilal yang mana suraupun tidak dibina di kawasan berkenaan yang hari ini menimbulkan masalah di kawasan berkenaan melibatkan air limpahan longkang yang tidak cukup besar dan sebagainya jadi dua projek ini bersekali, Projek Bukit Bayas dan Projek Tok Adis diberi sekali kepada ANZ. Inilah pulangan yang dapati dan malahan kita dimaklumkan bahawa di peringkat awal kerja-kerja penambunan tanah diarahkan kepada Pejabat Tanah dan Bandaraya untuk menimbunya. Inilah yang berlaku Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perjanjian yang merugikan Kerajaan maksud Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah habis satu jam sesi Soalan-soalan Lisan pada pagi ini. Saya tangguhkan dahulu mesyuarat kita dan kita masuk semula ke Dewan ini jam 11.05 pagi. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.



## PUKUL 11.05 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang kita disambung semula. Kita teruskan dengan penggulungan pihak Kerajaan. Jadi untuk meneruskan ucapan, saya jemput Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menghabiskan hujah penggulungan saya yang telah saya lakukan pada kelmarin dan hari ini saya akan sambung sedikit lagi untuk jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan kita pada pagi semalam. Sebagaimana yang saya maklum bahawa pada hari kelmarin bahawa berkaitan dengan bidang belia, saya telah mengupas dengan panjang lebar semalam Dato' Yang Dipertua dan hari ini saya akan sambung berkenaan dengan sukan di Negeri Terengganu.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita, Negeri Terengganu sekarang ini sebagaimana yang telah saya maklumkan bahawa kita merupakan salah sebuah negeri yang merupakan kuasa sukan yang baru dalam negara kita yang mana dalam negeri kita telah melahirkan banyak atlet-atlet sukan bukan sahaja untuk kepentingan negeri tetapi juga di peringkat negara malah ada anak-anak Terengganu pada masa sekarang ini yang telah mencipta nama di peringkat antarabangsa khususnya dalam sukan lumba basikal sebagaimana Azizul Hasni Awang, Nur Fatimah, Anuar Manan, Mohamad Haris dan sebagainya. Dengan sebab itu Kerajaan Negeri sebagai sebuah Kerajaan yang sangat prihatin kepada golongan-golongan muda dan juga generasi-generasi belia ini, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah memberi perhatian yang begitu serius dan juga tidak pernah dinikmati oleh atlet-atlet sukan bagi Negeri Terengganu yang mana banyak memberi keutamaan dan juga peruntukan-peruntukan yang agak jauh lebih baik kepada atlet-atlet sukan di Negeri Terengganu ini yang mana berbagai penghargaan dan juga berbagai-bagai hadiah dan juga yang lebih penting kepada kita membuka ruang pendapatan kepada atlet-atlet sukan di Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini masih ada atlet kita yang menyertai Kejohanan Olahraga di Darwin, Australia buat masa ini yang berlangsung pada 9 hingga 15 Mei 2011 dan sekarang ini kejohanan tersebut sedang berlangsung dan saya telah dimaklumkan oleh pihak pengurusan yang berada di sana bahawa setakat ini kita telah menerima yang bertanding semua daripada antarabangsa dan setakat ini anak-anak Terengganu yang menyertai kejohanan tersebut telah mendapat 4 emas, 7 Perak dan 1 Gangsa sehingga semalam. Dan hari ini kita belum lagi mendengar apa keputusannya. Apa yang penting kepada kita pada hari ini sebagaimana yang dimaklum oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja pada pagi semalam bahawa sukan di Terengganu hari ini bukan semata-mata untuk beriadah tapi yang lebih penting kepada kita ialah atlet sukan di negeri kita pada hari ini dengan perhatian diberi oleh Kerajaan telah membuka ruang pekerjaan dan juga pendapatan kepada mereka. Oleh sebab itu, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit. Saya mohon penjelasan pasal kami di luar kadang-kadang kami tidak tahu berapa ganjaran yang tertinggi yang diberi kepada pelumba basikal, elaun bulanan dia, pemain bola sepak yang termahallah kira di Terengganu kita, pasal kita duk dengar-dengar tu macam hebat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya berkaitan dengan sumbangan Kerajaan kepada mereka ini bergantung kepada merit atau taraf mereka sendiri, yang bertaraf mewakili negeri, yang bertaraf mewakili daerah, yang bertaraf mewakili pasukan dan yang bertaraf mewakili pasukan negara dan juga pasukan kelab. Oleh sebab itu, saya sukar untuk nak beritahu pada hari ini keseluruhannya kerana kita memberi elaun kepada mereka yang bermain tetap sebagai contohnya dalam Pasukan TSG, ini bergantung kepada tahap mana yang mereka wakili kerana kita mempunyai atlet-atlet yang berbasikal. Berbasikal yang mewakili sampai ke peringkat antarabangsa seperti Anuar Manan dan juga Mohamad Haris, itu bergantung kepada elaun-elaun yang mereka wakili dan juga tahap yang mereka wakili dan semuanya tidak samalah. Dan pada hari ini kita juga memberi yang setimpal kepada mereka dan kita juga mengguna merit kalau mereka tidak dapat menunjukkan prestasi yang baik walaupun kita memberi elaun yang lumayan tapi mereka terpaksa kena potong, kena potonglah, itu maksud saya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh dalam bola sepak ini sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Tepoh semalam yang mana pasukan Negeri Terengganu ada dua team sekarang ini iaitu Pasukan Negeri dan juga Pasukan T-Team, itu yang difokuskan oleh Yang Berhormat Tepoh semalam.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tepoh kerana beliau merupakan salah seorang peminat setia kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu ini kerana setiap perlawanan saya dimaklumkan beliau tidak pernah *mised* tengok sokmo perlawanan bola sepak dalam Negeri Terengganu ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, bukan pakai dia sebagai tok bomoh? Bukan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak, tak pakai tok bomoh ...(Dalam Gelak) .... Tak tahulah sebab dia ustaz, dia tiup jugak Allahuwa'alamlah. Dato' Yang Dipertua, penubuhan dua pasukan bola sepak Negeri, T-Team dan Bola Sepak Negeri sekarang ini, kedua-duanya bertanding dalam Liga Super dan perlu dilihat dengan lebih positiflah. Pertamanya, ia memberi gambaran bahawa kita telah dapat melahirkan ramai pemain-pemain bola sepak yang berwibawa dan selari dengan usaha Kerajaan untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang sukan termasuklah bola sepak ini. Untuk pengetahuan tuan-tuan, puan-puan dan semua hadirin bahawa dengan ini kita telah buktikan dalam pasukan negara kita sekarang ini ada 6 orang pemain anak kelahiran Terengganu yang telah membantu pasukan negara kita menjuarai Piala AF Suzuki pada tahun lalu tapi keenam-enam orang ini tidak bermain dengan Pasukan Terengganu jugak, bukan dia takmboh main tapi yang lebih penting kepada kita Kerajaan ini adalah nak *develop* dan juga untuk memberi peluang kepada mereka untuk berkerja di mana-mana setakat yang termampu. Penubuhan kedua-dua pasukan ini telah memberi ruang kepada anak-anak Terengganu untuk membina kerjaya dalam bidang bola sepak dan juga mendapat gaji yang tetapi ataupun elaun bulanan. Pembangunan sukan kita lebih berfokus kepada anak-anak muda apabila bergiat dalam bidang sukan. Mempunyai matlamat dan juga halatuju yang jelas untuk mewakili pasukan negeri ataupun negara yang terjamin kepada kerjaya mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi pihak Kerajaan sebagai majikan kepada kedua-dua pasukan ini kita tak kira Pasukan T-Team ke, Pasukan Negeri ke tapi bila kita melabur sudah tentu kita mahu keuntungan, dalam perniagaanpun kalau kita mengeluarkan pelaburan yang tinggi maka kita memastikan perniagaan kita untung kalau tidak untung maka kita tiada pilihan, kita mesti mengambil tindakan yang tegas kepada mana-mana pasukan. Berkait dengan pasukan ini juga sebagaimana saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan oleh sebab itu Yang Amat Berhormat Dato' Seri telah memberi ruang yang secukupnya kerana beliau sebagai seorang ahli sukan memang beliau faham bahawa untuk nak *develop* satu-satu pasukan atau satu-satu team dalam apa jua pasukan dia bukan mengambil masa yang singkat, dia kena mengambil masa yang agak panjang. Oleh sebab itu, Yang Amat Berhormat telah memberi tempoh yang

cukup kepada Pasukan T-Team ini untuk dia memperbaiki kedudukan dia kalau tidak dia akan menghadapi permasalahan pada masa akan datang termasuk pembubaran ke, itu terpulanglah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, buat masa sekarang ini insyaAllah, kedua-dua pasukan ini masih lagi bersaing untuk merebut tempat yang terbaik dalam Liga Super dalam negara kita dan insyaAllah kedua-dua pasukan ini akan terus ke Piala Malaysia. Dan kita yakin dan percaya salah satu daripada dua pasukan ini kita berharap dan kita sama-sama mendoakan agar mereka boleh mencipta nama dan juga boleh sampai ke peringkat juara di peringkat kebangsaan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Pertama, atas prihatin bersama. Ada kalanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pergi itu memang pergi tengoklah, hembus-hembus tu ada jugak sikit-sikit tapi kadang-kadang hak hembus tu kalau nak kalah, kalah jugak. Cuma yang saya bangkitkan termasuk juga dalam sidang Dewan yang lalu. Oleh kerana kita sering datang ke stadium, kita tengok jadi timbul persoalan, cakap-cakap oleh kerana kita ini ada dua pasukan di bawah Kerajaan Negeri Terengganu dan politik ini banyak tempat politik, dalam bolapun ada politik. Jadi duk main hak Pasukan Terengganu duk kata pengurusan T-Team, T-Team duk kata pengurusan Terengganu, akhirnya yang jadi mangsa permasalahan adalah pemain-pemain itu sendiri yang mungkin adalah dilagakan dan sebagainya. Kalau begitu saya kira, pandangan saya apalah salahnya kalau kita balik kepada yang asal sebab negeri-negeri kebanyakannya ada satu pasukan sahaja, My Team sudah tak ada dah apa semua, jadi kita ada satu sahaja untuk Pasukan Negeri. Kita ada duit apalah salahnya kita guna untuk pasukan yang khas itu untuk kita perhebatkan, jadi juara. InsyaAllah Terengganu masuk semi-final dah ni FA, kita bawa 12 buah bas buat pergi Kuantan hari Jumaat ni. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Sebenarnya bukannya soal kita tidak cukup pitih nak *develop* pasukan, sebagaimana yang saya beritahu kedua-dua pasukan ini kita memberi peruntukan yang secukupnya dan sekarang ini pada kita, kita sebagai Kerajaan sebagaimana yang saya beritahu kita membuka ruang yang banyak untuk peluang-peluang kepada anak-anak Terengganu. Sekarang ini Kerajaan memberi peruntukan yang cukup, soalnya sekarang ini atas kemampuan kita Yang Berhormat, kalau kita mampu serupa Yang Berhormat jugak, kalau Yang Berhormat mampu nak berbini dua-tiga ikut pandailah, kalau tak mampu seorangpun padan dahlah. Jadi sekarang ini pasukan Terengganu mampu, Kerajaan Negeri Terengganu mampu dan tujuan Kerajaan kita buat adalah nak buka ruang kepada anak-anak muda kita supaya lebih ramai yang menyertai dan

lebih ramai yang melonjak ke hadapan. Dalam soal cakap-cakap di luar tu saya fahamlah, dalam mana-manapun, dalam politik ke, dalam apa-apapun adalah cakap-cakap tapi yang pentingnya kita tidak pernah bersaing. Dalam kes membentuk pasukan elit pasukan negeri ini tidak ada masalah, sama dengan Pasukan Negeripun kalau dia nak ambil pemain atau *player* T-Team boleh ambil tidak ada masalah dan ramai pemain T-Team tahun lepas pun bermain dengan Pasukan Negeri pada hari ini sehingga hari inipun boleh menjadi penjaring terbanyak dalam Liga Super, tidak ada masalah. Cuma dalam soal cakap-cakap tu ada kecuali hari ini Kerajaan kita tidak berkemampuan dan juga *dokrok* dah nak buat, hak tu saya bersetuju. Tapi pada hari ini Kerajaan Negeri sangat prihatin saya nak beritahu, Kerajaan di bawah Barisan Nasional ini kita prihatin, kita nak buka banyak ruang pekerjaan kepada anak-anak muda kita supaya mereka berpeluang dan juga mendapat gaji dan juga elaun-elaun bulanan untuk mereka *develop* lagi diri mereka dan setelah mereka berjaya sebagaimana yang saya beritahu yang bermain dengan pasukan kebangsaanpun hanya seorang sahaja yang bermain dengan pasukan negeri pada hari ini hak lain-lain semuanya makan gaji dan dapat elaun dengan pasukan masing-masing dalam negara kita ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak celah sikit aje lagi. Saya tidak katakan bahawa soal masalah kewangan Kerajaan Negeri, kita yakin Kerajaan kita memang cukup kewangan, bukan itu persoalannya. Tapi bila kita ada dua pasukan di bawah Kerajaan Negeri, negeri lain takdok dua pasukan begini, kalau adapun tak salah kalau diswasta, kalau T-Team itu swasta takdok masalah tapi sekarang ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mintak penjelasan bukannya nak ajar dia.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ya, tapi itu yang saya katakan bahawa sebab tengok pengurusan dua-dua ini nampak berlaga, bermain suatu ketika dulu bila bertemu bersama yang T-Team sumbat gol, tak pernah-pernah masa mana dia bawa topeng tak tahu tiba-tiba pakai topeng tunjuk ke member-memberi hak lawan yang sama-sama Terengganu berbalah kucar-hanyar. Jadi saya takmboh, saya ingat benda ini akan membawa kesan buruk kepada pemain dan pihak pengurusan. Dan kalau boleh mungkin saya nak mintak satu penjelasan sebab-sebab Jurulatih Yunus Alif digantung tugas sementara?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat kena lantik .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yalah, tak apalah, insyaAllah lepas pada ini saya beri Yang Berhormat Tepoh duduk dalam senang sikit ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baru nak cadang.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, tidak ada masalah. Hak soal *kelekis* main bola ni ustaz, dia bukan hak jenis gosok-gosok, pujuk-pujuk tu takdok. Main bola Piala Tepohpun *gocoh hanyar*, perlawanan persahabatan aje, piala empat rial aje *gocoh hanyar* sampai Wakil Rakyat Tepoh takut nak buat kejohanan .....(Dewan Gelak) .... Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kes main bola ni biasalah, inilah yang kita nak bentuk supaya anak-anak muda kita supaya ia mempunyai pemikiran yang terbuka dengan menyertai kejohanan-kejohanan yang lebih tinggi, mereka bukan sahaja melihat kepada bermain bola itu adalah untuk membentuk untuk mengejar hadiah sahaja, dengan adanya mereka menyertai kejohanan-kejohanan yang besar ini dapat membentuk jatidiri mereka, dapat membentuk disiplin mereka yang tinggi untuk menjadi seorang pemain yang bertaraf antarabangsa yang mesti mempunyai jatidiri yang tinggi, itu sebenarnya tujuan kita.

Dan berbalik yang Yang Berhormat tanya Jurulatih kena gantung tu, bukannya kena gantung tapi kita rehatkan sementara lepas itu kita ambil pulak, itu takdok masalah, itu hal pengurusanlah tu. Tak apalah kalau Yang Berhormat masih tidak berpuas hati, tanyalah saya di luar nanti, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidaklah berhasrat untuk mengulas panjang yang pentingnya setakat ini alhamdulillah, saya sekali lagi merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah memberi perhatian yang begitu baik dan juga banyak membantu dalam meningkatkan mutu sukan dalam negeri kita ini. Terima kasih. Sekianlah sahaja, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Jangan lupa nama ADUN Tepoh tu sebagai calon Ketua Pasukan atau Pengurus Pasukan T-Team.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila seterusnya Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Exco-Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa penggulungan saya pada kali ini tidaklah panjang kerana kita hampar tak habis lagi, nak gulung dah ni, rasa macam dok habis hampar lagi, nak gulung dah. Jadi mungkin kita gulung setakat mana kita buka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya pertama-tamanya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja dua hari yang lepas. Terima kasih terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio ataupun jawatankuasa di bawah saya. Terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat Wakil Ladang, terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Burok juga Yang Berhormat Alur Limbat.

Merujuk kepada apa yang disebut oleh Wakil Rakyat Alur Limbat iaitulah mengenai kemudahan ataupun *maintenance* dengan izin, masjid-masjid dan surau-sarau yang memerlukan kepada kewangan. Suka saya maklumkan bahawa kita ada sedikit peruntukan melalui Kerajaan Negeri dan begitu juga di bawah Majlis Agama Islam Negeri Terengganu. Jadi mana-mana masjid ataupun surau-sarau yang berkenaan bagi pembaikan kecil, saya ingat kalau pembaikan kecil sangat itu Yang Berhormat bolehlah kita selesaikan melalui Wakil-wakil Rakyat Kawasan sendiri tetapi bagi peruntukan yang agak besar tetapi tidaklah begitu besar, kita ada sediakan peruntukan di bawah Majlis Agama Islam, peruntukan Zakat Fisabilillah dan sebagainya. Kita telah bersetuju di dalam majlis untuk menanggung ataupun membiayai pembaikan kecil, penukaran karpet-karpet, P.A.System-P.A.System dengan syarat bahawa masjid-masjid ini tabungnya tidak mencukupi untuk membiayai perkara ini kerana kita juga telah maklum bahawa banyak masjid dalam Negeri Terengganu ini mempunyai kewangan ataupun duit dana, duit tabungnya sendiri tetapi mereka, Pengerusi-Pengerusi Masjid ini kadang-kadang mereka tak nak guna Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana mereka sayang, mereka hanya duk tunjuk 'masjid kita ni banyak duit', 'masjid kita kutipan tiap-tiap minggu macam ni' tapi bila *speaker berong* mereka tak tukar. Jadi kerana itulah kita buat syarat mana-mana masjid yang tabung masjidnya kurang daripada RM10,000 kalau ada pembaikan karpet, perlu kepada penukaran

dan sebagainya, perkara ini Majlis Agama akan biayai. Begitu juga surau-surau, jika duit tabunganya tak sampai RM5,000.00, ada nak tukar karpet, tikar dan sebagainya, ini insyaAllah akan dipertimbangkan melalui peruntukan MAIDAM. Begitu juga surau, kalau surau hendaklah di bawah RM5,000.00 dan RM2,000.00 untuk P.A.System tapi masjid hendaklah di antara RM10,000.00 hingga RM5,000.00. Kalau ada RM10,000.00, karpet dia kena tukar sendirilah tapi bawah RM10,000.00 karpet boleh tukar, kalau P.A.System RM5,000 ke bawah. Jadi sebab itulah saya kira melalui peruntukan-peruntukan kewangan yang kita ada pada hari ini .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya mintak laluan sikit. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan kepada pihak Kerajaan mengenai surau dan madrasah. Apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan Imam dan Bilal di madrasah dan juga di surau-surau di kampung kerana sekarang ini penggiliran Imam dan Bilal di madrasah sangat tidak sempurna. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Wakil Jabi bertanya mengenai Tok Imam dan Tok Bilal. Wakil Ladangpun ada sebut baru-baru ini, mengenai kekosongan jawatan. Kita sedang berusaha untuk memenuhi dan juga mempercukupkan bilangan Imam-imam dan Bilal-bilal di masjid-masjid. Tetapi ternyata sehingga hari ini walaupun pelbagai usaha telah kita buat dan masih diteruskan ternyata sebahagian di masjid-masjid itu belum lagi mencukupi bilangan 3 Imam sebagaimana kita sasarkan ataupun 3 orang Bilal. Ada sesetengahnya ada 2 orang Imam 3 orang Tok Bilal, ada sesetengah 3 orang Tok Imam 2 orang Tok Bilal ataupun seorang Tok Imam 3 orang Tok Bilal dan sebagainya. Jadi sebab itulah, insyaAllah saya kira jika kita mempunyai anggota ataupun Imam-imam dan Bilal-bilal yang cukup di peringkat masjid-masjid dulu ni mungkin lepas ni kita boleh tengok ke surau-surau pula atau kemudiannya tapi keutamaan kita untuk hari ini ialah masjid-masjid dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diberi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh. Okey, terima kasih. Saya, bila timbul soal kekurangan Imam masjid-masjid ni, saya nak tanya Kerajaanlah. Kes Imam-imam yang kena pecat ataupun digantung kerja, dahlah tidak cukup Imam lepas itu ada yang kena pecat, ada yang kena gantung kerja. Dan yang kena pecat itu pulak sehingga tak



tahulah dia ambil inisiatif dia saman Kerajaan dan kes dia menang, ada dua-tiga kes menang.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak apalah Dato' Yang Dipertua, saya faham dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dan Kerajaan kena bayar kes pecat Imam. Imam tak cukup tapi Kerajaan pecat, Imam saman Kerajaan kena bayar pulak.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Boleh tanya molek tapi bakpe nampak macam nak marah pulaknya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya bukan nak marah, nak khabarnya saya terkejutlah bila kata dalam keadaan begini sampai Imam dan ada setengah tu mati dah tapi mahkamah tetapkan kes ini diperintah supaya dibayar.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, Imam cukup tak cukup satu hal, Imam yang tidak menurut arahan kerja itu satu hal, dalam perjawatanpun begitu, kadang-kadang kita tak cukup pegawai tapi pegawai yang ada tidak melakukan kerja-kerja tidak mengikut peraturan, melanggar peraturan, pecah amanah dan sebagainya, kita akan ambil tindakan disiplin, kita akan kenakan tindakan tatatertib, hak mana patut dipecat, dipecat, hak mana patut digantung, digantung. Takkanlah kita bila orang cukup belaka ataupun ada *standby* nak masuk ganti baru kita pecat, kita terpaksa memecat bila ada perkara-perkara yang memerlukan kepada tindakan memecat. Jadi tak timbul kaitannya dengan cukup tak cukup. Jadi soalan itu tidak berkenaan sebenarnya Dato' Yang Dipertua. Kita pecat kerana ada kesalahan, yang dia saman balik kerana Kerajaan pecat dia itu kerana mungkin teknikal dari segi pemecatan hak itu bukan Exco buat, hak itu pegawai yang buat di peringkat jabatan mungkin adalah tersalah tengok tarikh apa semua. Itu lain, saya ingat itu pelaksanaannya. Jadi tidak ada kena mengena dengan Tok Imam cukup tak cukup, itu hal lain Dato' Yang Dipertua.

Jadi saya berbalik kepada masjid dan surau tadi. Bantuan-bantuan kita sediakan sebab itulah hari ini kita bersyukur Dato' Yang Dipertua kerana Majlis Agama Islam Negeri Terengganu sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menerima kutipan zakat dari tahun ke tahun. Oleh sebab itulah kita hari ini kita menggunakan duit zakat dengan sebaik mungkin dan saya berkeyakinan bahawa kerana rakyat dan masyarakat melihat bagaimana Kerajaan melakukan pengagihan zakat secara betul, baik dan telus inilah yang menyebabkan

keyakinan masyarakat terhadap Majlis Agama Islam pada hari ini semakin meningkat dan bilangan orang yang membayar zakat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu ini juga semakin meningkat menyebabkan kutipan zakat kita dari setahun ke setahun. Kalau suatu masa dulu hanya anak Exco yang terima RM5,000.00 kerana belajar di luar negara, hari ini semua pelajar-pelajar di Mesir jika mereka layak, mereka lulus dalam pengajian mereka, mereka terima RM5,000.00 tak kiralah mereka anak Exco, mereka anak orang biasa ataupun mereka pelajar persendirian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mintak laluan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Batu Rakit. Berkaitan dengan zakat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Persoalannya masih ada atau tidak rakyat Negeri Terengganu yang masih tidak mengeluarkan zakat kepada Amil-amil berwajib dan jika ada apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada mereka-mereka ini? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, bayaran zakat ini payah kita nak *detect* dengan izin, siapa yang bayar dan siapa yang tidak bayar kerana dia melibatkan harta persendirian mungkin duit simpanan dia dalam bank, duit simpanan dia bawah bantal, pendapatan dia. Kadang-kadang zakat pendapatan inipun masih lagi dalam perbincangan, kadang-kadang walaupun pendapatan dia besar, tanggungan diapun besar jugak. Jadi walaupun kita adakan garis panduan dan sebagainya kita tak dapat nak pastikan. Walau bagaimanapun, mengikut data daripada Majlis Agama ada orang yang suatu masa dulu pernah membayar zakat dengan Majlis Agama tapi hari ini tidak lagi membayar zakat dengan Majlis Agama. Tak tahulah takut dulu dia kaya kerana dia sebahagian daripada Exco Negeri, sebahagian daripada pegawai kerajaan tapi hari ini jadi miskin tak sampai nisab untuk bayar zakat atau bagaimana, tak tahulah tapi itu ada sebahagiannya, yang lain-lain kita tak tahulah mungkin itu kena perhalusi seorang demi seorang tapi ini bukanlah satu kerja yang mudah saya kira.

Jadi Dato' Yang Dipertua, merujuk kepada penggulungan saya tadi, apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah apabila Kerajaan mengadakan pengagihan zakat secara telus, kita gunakan duit zakat untuk kebajikan rakyat negeri mengikut asnaf-asnaf yang layak, semua orang dapat tanpa melihat kepada dia penyokong parti mana, dia anak siapa, dia orang daripada daerah mana. Kita mengagihkan secara adil. Semua pelajar-pelajar sekarang kita dah tingkatkan kadar bantuan zakat. Kalau dulu di Mesir hanya RM2,000.00 – RM3,000.00, hanya anak-anak Exco sahaja kerana ayah dia kebetulan dalam Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu pada masa itu walaupun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Majlis pada masa itu tidak sedar tapi mereka terima RM5,000.00 dan orang lain terima RM2,000.00 dan ada orang tidak terima langsung. Hari ini sesiapa sahaja yang cukup syarat, kita adakan syarat-syarat yang mana mereka hendaklah lulus dalam tahun pengajian yang sebelumnya dan jika mereka lulus mereka perlu menghantar permohonan, insyaAllah mereka akan diberi. Kalau di Mesir RM5,000.00 setahun, di Morocco RM7,000.00 dan di Jordan RM7,000.00 setahun. Dan begitu juga di universiti-universiti lain kita ada garis panduan dan juga syarat-syaratnya. Kerana itulah hari ini saya katakan bahawa kutipan zakat di Negeri Terengganu telah bertambah kerana keyakinan masyarakat terhadap pengagihan zakat yang dilakukan oleh Majlis Agama di bawah Kerajaan hari ini lebih telus termasuklah juga kita telah mengadakan juga Skim Bantuan Untuk Masjid-Masjid Dan Surau-Surau yang dibangkitkan oleh Wakil Alur Limbat.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Wakil Batu Burok. Selama ini saya sering menyebut bahawa masalah sosial masalah anak-anak muda kita, orang berkhalwat, orang yang melakukan jenayah-jenayah syariah ini bukan masalah parti UMNO atau parti PAS. Saya selalu sebut ini adalah tanggungjawab kita semua, kita yang di dalam Dewan yang mulia ini adalah pemimpin begitu juga Ketua-ketua Jabatan adalah pemimpin di tahap mereka, ibu bapa juga pemimpin, pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat masing-masing juga pemimpin bahkan setiap orang daripada kita adalah pemimpin paling kurang untuk dirinya sendiri. Ini disebut oleh Rasulullah S.A.W. "*Kallakam-raai*" tetapi sayangnya Dato' Yang Dipertua bila bercakap tentang kepimpinan mereka hanya melihat kepada kita yang berada di dalam Dewan ini. Dan inilah yang sebelum ini seringkali disebut oleh Pembangkang, bila ada gejala sosial, bila mereka tanya tentang soalan berapakah kadar tangkapan khalwat, jenayah syariah dan sebagainya mereka akan tuding, inilah kerana Kerajaan yang memerintah hari ini. Saya ucap terima kasih kepada Wakil Batu Burok yang hari ini telah bersama-sama dengan pandangan kita, bersetuju bahawa apa yang berlaku pada hari ini bukan masalah kita di sini sahaja, bukan masalah pimpinan parti politik sahaja, bukan masalah Kerajaan semata-mata tetapi saya ingin sebut di sini bahawa saya nak mengucapkan nak merakamkan terima kasih kepada semua agensi-agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Pelajaran Negeri, termasuklah

Jabatan Hal Ehwal Agama, termasuklah Majlis Agama, termasuklah Yayasan Islam dan pelbagai agensi-agensi lain di Terengganu kerana semua agensi-agensi ini telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesedaran beragama dalam masyarakat kita. Kalau dulu bukan senang kita nak habis baca Quran, hari ini budak 5 – 6 tahunpun melalui program yang dibuat oleh Yayasan Islam Terengganu ramai anak-anak kita yang telah khatam membaca Al-Quran. Bukankah ini suatu usaha yang murni dibuat oleh Kerajaan yang mana sebelum sampai umur akhir balil mereka telah sampai satu tahap mampu membaca Quran dengan baik. Begitu juga dengan Jabatan Pelajaran, pelbagai usaha yang dibuat tak cukup dengan KAFA usahasama dengan Yayasan Islam, hari ini ada J-Qaf selain daripada itu sejak asal dulu dah Pengajian Islam atau PI sudah ada di sekolah-sekolah kebangsaan kita. Apa lagi kecuaiannya Kerajaan? Kita tidak mengatakan kita telah sempurna Dato' Yang Dipertua, tetapi pelbagai usaha telah kita lakukan dari masa ke semasa. Dan sehingga hari ini kita masih terbuka untuk menerima jika ada cadangan-cadangan daripada mana-mana pihak yang sesuai untuk kita laksanakan. Kerana itulah Dato' Yang Dipertua, saya berterima kasih kepada ADUN Batu Burok yang mengatakan masalah sosial ini masalah gejala Mat Rempit, masalah gejala khalwat dan sebagainya ini bukan masalah PAS, bukan masalah UMNO, bukan masalah parti-parti politik tetapi ini adalah masalah kita bersama. Kita adalah pemimpin, masyarakat kita juga adalah pemimpin kerana itulah sepatutnya kita bersama-sama memikirkan bagaimana kita nak atasi masalah ini.

Terima kasihlah juga kepada Wakil Alur Limbat yang bertanya termasuk soalan-soalan tambahan dengan Wakil daripada Jabal tentang kes khalwat dan sebagainya. Pada penggal-penggal yang lepas persidangan daripada sana yang banyak bertanya Dato' Yang Dipertua. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pihak sebenarnya prihatin dalam hal ini, cuma saya hairan hari ini kenapa dari sana tidak ada soalan tentang isu ini tetapi daripada pihak Kerajaan banyak soalan. Mungkin inilah "*attawazun*" ataupun keseimbangan yang ada dalam Dewan kita ini. Keseimbangan yang bererti bahawa kita sebenarnya cakna tentang isu ini. Jika orang sana tak tanya, orang di sini sedia bertanya, jika Wakil Kerajaan tidak tanya, orang sana akan bertanya. Maka ianya saling lengkap melengkapi dan menunjukkan kepada kita bahawa sentiasa ada orang yang peka terhadap isu ini. Dato' Yang Dipertua, ingin juga saya jelaskan bahawa walaupun saya menyebut tentang tangkapan khalwat, tangkapan yang berkaitan dengan jenayah-jenayah syariah yang agak banyak seperti tangkapan khalwat ada 160 lebih kes seperti dalam jawapan saya dua hari yang lepas tetapi sebenarnya berdasarkan kepada rekod kita di Mahkamah Syariah, kalau di Besut daripada 62 orang yang terlibat dalam kes-kes tangkapan khalwat ini 27 orang iaitu hampir 50% adalah orang luar bukan orang Terengganu. Di Kemaman daripada 70 orang yang terlibat dalam kes khalwat, 20 orang adalah orang luar. Begitu juga di Dungun, daripada 94 orang

yang terlibat dalam kes tangkapan khalwat ini 15 orang adalah bukan daripada rakyat Terengganu. Maknanya daripada 218 orang ini, 62 orang lebih adalah bukan rakyat Terengganu. Jadi sebab itulah saya bukan nak kata orang Terengganu takdok masalah sosial ini tetapi sebenarnya kadang-kadang orang luar juga mewarnai suasana ini. Jadi janganlah kita melihat kepada angka-angka ini sahaja untuk kita menilai Kerajaan yang ada pada hari ini, bila angka ini banyak kita kata Kerajaan hari ini teruk, bila angka itu menurun kita kata Kerajaanpun teruk kerana tidak melakukan operasi dan sebagainya. Kalau kita nak cari salah orang, orang betulpun kita boleh kata salah, Dato' Yang Dipertua tetapi jika kita bersangka baik dengan orang kita akan selamat dan orang itupun terserahlah dia dengan Allah S.W.T. Tetapi apa yang jelas Kerajaan tidak pernah mengambil ringan ataupun memandang remeh tentang hal-hal yang berkaitan dengan jenayah syariah ini termasuklah tangkapan khalwat dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya nak ucapkan terima kasih juga kepada Wakil Ladang, memanglah tadipun saya telah sebut sedikit mengenai bilangan Imam-Bilal dan sebagainya. Kita sentiasa berusaha untuk mempercukupkan bilangan Imam-Bilal dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu. Tetapi akhir-akhir ini apabila Kerajaan membuka banyak ruang kepada orang-orang lulusan agama untuk Kelas-kelas J-Qaf di sekolah-sekolah rendah kebangsaan, apabila banyak peluang-peluang menjadi guru di sekolah-sekolah rendah kebangsaan melalui perjawatan J-Qaf yang diperkenalkan oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu minat lulusan agama kepada jawatan-jawatan di Jabatan Hal Ehwal Agama, minat lulusan agama untuk Imam-Bilal ini dilihat semakin menurun kerana itulah hari ini kita mengadakan pelbagai usaha dan ikhtiar. Selain kita mengadakan iklan untuk perjawatan yang baru, kita juga memperkenalkan sekim-sekim tertentu untuk menggalakkan orang melibatkan diri dalam aktiviti bersembahyang berjemaah, menjadi Imam dan sebagainya. Saya telah meminta Jabatan Hal Ehwal Agama mengenal pasti orang-orang yang sentiasa ke masjid, mampu untuk menjadi Imam-Bilal tetapi tidak mahu memberi komitmen yang sepenuhnya sebagai Imam di masjid dan tidak mahu, tidak memandangkan kepada elaun dan sebagainya tetapi mereka adalah orang yang sentiasa ke masjid dan surau, saya telah meminta Jabatan Agama mengadakan satu sekim ataupun mengeluarkan suatu kelulusan yang kita panggil sebagai Imam Sukarela. Setakat ini sudah ada dan saya ingat sudah beberapa belas orang yang mendaftar dan mereka ini sekarang menjadi Imam dan Bilal di masjid-masjid tertentu secara sukarela, tidak menerima elaun, tidak menerima apa-apa bayaran tetapi mereka menerima kelulusan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama untuk berkhidmat sebagai Imam-Bilal. Ini kerana Dato' Yang Dipertua, apabila jadi Imam-Bilal ini mereka 5 – 6 orang di masjid-surau ini, mereka akan timbul masalah jika orang ini hanya sembahyang Zuhur, orang ini hanya mari sembahyang Subuh, kadang-kadang kalau kita katakan kepada mereka, mereka

boleh mengadakan jadual, boleh berkira antara mereka, mengatur jadual dan sebagainya tetapi apabila orang ni kadang-kadang mari Jumaat saja, orang ini sembahyang Zuhur dan Asar saja, orang ini sembahyang Subuh saja, kadang-kadang timbul cakap-cakap di antara mereka sendiri: "Orang ini macam kita jugak terima elaun tapi dia sembahyang Subuh saja ada. Orang ini, Tok Imam ni dia terima elaun macam kita, dia mari Jumaat dengan sembahyang Isyak saja." Ini adalah kerana mereka ada kerja-kerja lain, komitmen lain dan sebagainya. Apabila mereka tidak terikat dengan elaun dan sebagainya, apabila mereka berkhidmat secara sukarela maka isu-isu yang kita sebutkan tadi dapat kita atasi. Dan inilah yang sedang kita buat selain daripada usaha kita berterusan untuk mengambil dan juga melatih Imam-Bilal untuk memenuhi kekosongan-kekosongan yang masih kedapatan di masjid-masjid dalam Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, saya rasa cukuplah sekadar itu penggulungan saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih, tahniah kepada semua para/wakil-wakil yang telah memberi ucapan, membahaskan pada Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja. Terima kasih juga kerana menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan agama, di bawah portfolio Jawatankuasa Agama dan terima kasih kepada semua yang sudi mendengar. Terima kasih yang sama-sama mengongsi permasalahan ini dan memandangnya sebagai masalah bersama. Sekian, Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Saya jemput Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, yang dihormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, saudara-saudari yang dihormati sekalian.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap terima kasih atas peluang yang diberi untuk sama-sama memberi beberapa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkit bersesuaian dengan jawatankuasa saya. Dan saya nak ucap terima kasih kepada Wakil-wakil daripada Alur Limbat, Tepoh, Bukit Tunggal, Ladang, Batu Burok jugalah yang telah menyentuh beberapa perkara yang ada hubungan dalam portfolio saya ini.

Pertamanya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ialah soal yang dibangkit tentang pembinaan masjid. Sepertimana komitmen dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, muka surat 20 perkara 28: Kerajaan Negeri akan meneruskan agenda pembinaan masjid di mana sebanyak 26 projek akan

diteruskan dalam tahun 2011. Sebanyak 14 buah masjid baru disasarkan dalam Fasa 1 dan 19 buah masjid lagi akan dibina dalam Fasa II, Projek Satu DUN Satu Masjid. Inilah komitmen yang ada dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, senarai ini kita memang ada Senarai 1 dan Senarai 2 yang akan kita beri tumpuan, insyaAllah. Dari segi pembinaan Satu Masjid Satu DUN setahun ini sebagai contoh ada dah DUN yang tidak disenaraikan dalam pembinaan masjid ini sebagai contohnya di DUN Sura, selepas dibina Masjid Sungai Udang dan juga Masjid Al-Naim, dengan ada masjid yang sedia ada maka keperluan untuk pembinaan masjid dalam DUN Sura ini sudah tidak ada. Jadi DUN Sura setakat ini tidak ada dalam perancangan pembangunan masjid yang baru.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita juga sedia maklum dan perlu praktikal dari segi penyediaan peruntukan untuk meneruskan program ini kerana kita sedia maklum kenaikan harga bahan binaan hampir 30% dan bagi masjid yang tidak ada masalah pengambilan balik tanah, yang itu mungkin tidak akan membebankan kos tetapi bagi masjid ada masalah pengambilan balik tanah dan sebagainya tentunya akan ada kos yang perlu kita beri keutamaan dan peruntukan yang secukupnya perlu disediakan untuk kita meneruskan program bina masjid Satu DUN Satu Masjid setahun ini. InsyaAllah, itulah komitmen Kerajaan Negeri yang insyaAllah akan diteruskan.

Disebut juga oleh Wakil Ladang tentang pembesaran Masjid Bukit Besar. Ini adalah satu-satunya masjid yang gagal diteruskan oleh kontraktor dan Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk melantik kontraktor yang baru dan tempoh kontraknya adalah 14hb Mac 2011 dan tempoh kontraknya itu akan habis pada 6hb Mei 2012, untuk makluman. Maknanya ada tindakan pemansuhan kontrak dan pelantikan kontraktor yang baru.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara kedua yang memangpun sering disebut dalam Dewan ini. Sayapun rasanya tak perlu memberi penjelasan yang terlalu panjang tentang skop kerja. Tapi projek ini tajuk projeknya ialah Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan Dari Jeram Ke Kampung Tok Kong Ke Kampung Bukit Guntong, Kuala Terengganu, ini tajuk projek dia. Dan Pengarah Projek ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu. Projek ini projek negeri Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam duk sibuk sebut tentang kata orang ramai yang terlibat dengan pengambilan balik tanah dan sebagainya rasa tidak puas hati, tak tahu nak menghala ke mana suratnya sampai kepada Menteri dan ada jawapan di bawah Kementerian Luar Bandar dan sebagainya. Jadi saya harapnya dengan penjelasan ini tak timbul lagilah tentang Pengarah Projek ini ialah JKR dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri dari segi projek ini. Dan lawatan saya yang terakhir Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua melawat projek ini ialah pada 3hb Mei 2011 dalam minggu lepas Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan saya

nak maklumkan bahawa secara keseluruhannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek ini telahpun sampai ke tahap 50% kemajuannya dan berbanding jadual yang sepatutnya 55%, ada kelewatan purata 5% melalui Fasa I dan Fasa II kerja itu dan sebahagian kelewatan ini ialah kerana soal-soal pengambilan balik tanah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi Fasa I saya nak maklumkan perkembangannya kerana antara skop kerja ialah menaik taraf jalan sedia ada Jalan Persekutuan FT03 sepanjang 2 kilometer, yang ini mengikut perkembangan yang ada diujung bulan Mei dapat disiapkan jalan ini yang menjadi sebahagian daripada kerja-kerja itu. Bagi pembinaan jambatan merentasi Sungai Nerus, peratusan kemajuan ialah 25% dan insyaAllah dalam bulan September ini jambatan itu boleh diguna sebelah sahaja dulu, jambatan itu ada kiri dan kanan dia, jadi dalam bulan September ini boleh diguna untuk orang ramai boleh diguna sebelah daripada jambatan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, telah dikenal pasti ada 61 lot yang terlibat dengan pengambilan balik tanah ni kesemuanya telah dibayar pampasan tetapi ada desakan maknanya orang ramai yang terlibat ini mahukan pembangunan tetapi tak nak beralih daripada tapak warisan dia dan kampung asal. Jadi sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan tanah seluas 14 ekar di sebelah jajaran Fasa I ini untuk dibuat penempatan baru bagi 61 buah rumah yang terlibat. Bagi Fasa II Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selepas Jambatan Kuala Nerus dan seterusnya ada 84 lot yang terlibat, telahpun dikenal pasti, telahpun ada tindakan untuk pengambilan balik dua tapak milik persendirian dan satu tapak tanah Kerajaan untuk dijadikan pertapakan bagi 84 lot yang terlibat. Itu tindakan dan usaha yang telah diambil dan saya kira dengan pembinaan yang dah sampai 50% tak timbul lagi tentang jajaran, kitapun telah maknanya bersetuju bukan sahaja memberi pampasan tetapi menyediakan lot-lot baru bagi mereka yang terlibat di kedua-dua Fasa I dan Fasa II, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan saya harapkan kerja-kerja ini dapat kita teruskan kerana ianya selepas disiapkan akan menjadi satu penyuraian trafik yang kita jangkakan akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah yang mungkin ada.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya melihat cara dan persepsi yang dibina terutama sekali oleh Pembangkang dalam tempoh ini, sama. Kalau saya ambil contoh di Sura, ada Jalan 127 ..... Wakil Sura tak ada ni. Jalan 127 yang dulunya dibangkit dalam Dewan, soalnya kerana kelewatan dan alasan pada masa tu dan jawapannya adalah tentang kerana ada usaha-usaha pengambilan balik tanah yang belum selesai, kontraktor mahu satu ROW dengan izin, yang cukup untuk dia bina. Dan termasuk dalam pengambilan balik tanah itu juga ada kedai-kedai yang terlibat dalam jajaran ini, masa itu diberi persepsi seolah-olah kontraktor yang biasa digunakan ialah kontraktor OKU (Orang Kuat UMNO) yang itu gagal.



Itulah persepsi yang cuba dibina pada masa itu tetapi selepas kita selesai urusan pengambilan balik tanah ini pula kita nampak sekarang, hari ini Wakil-wakil Rakyat termasuk Wakil Sura pergi pulak ke kedai-kedai ini mengatakan: "Ini satu penganiayaan, nak pindah tak tahu di mana pulak nak berniaga." Ini persepsi yang cuba dibuat, kita fahamlah. Kita faham cara dan kaedah untuk bina persepsi buruk yang sedang dibuat. Tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang jelasnya, saya ramai didatangi oleh mereka-mereka yang memiliki tanah itu sejak berzaman masa orang tua dia dahulu, dia kata: "Tolonglah, buatlah pengambilan tanah ini." Pasal apa nak kena buat? Dulu ada perjanjian orang-orang lama kita, selagi ada bulan dan matahari, bayar RM500 setahun ke atas tanah ini. Dia kata sekarang kalau dibuat pengambilan balik tanah sekurang-kurangnya ada pampasan yang mungkin mencukupi untuk mereka membina kemudahan-kemudahan kedai ke, rumah ke, untuk anak beranak dia tapi itulah persepsinya. Jadi saya harapnya kita faham tentang usaha dan persepsi yang sedang dibuat ini dan insyaAllah maknanya dari segi kita, kita akan mengatasi masalah ini kerana hasratnya ialah supaya akhirnya semua ini akan memberi keselesaan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, disebut juga tentang Jambatan Pulau Sekati ini. Dalam Dewan yang lepas pun telah ada jawapan yang kita katakan tindakan yang telah diambil ialah melantik Juru Ukur dan Konsultan, itu keputusan yang telah diambil. Dulu ada perancangan nak pergi ke sini dan nak pergi ke sana tapi akhirnya kita kata balik kepada perancangan yang asal. Maknanya tindakan yang dibuat ialah melantik Juru Ukur dan juga melantik Juru Perunding untuk memberi pandangan kepada Kerajaan cara dan kaedah untuk menyelesaikan pembangunan ini. Dan saya nak beritahu dari segi perancangannya, Konsultan ini telah mari lebih daripada 5 – 6 opsyen, dia beri kita 6 opsyen kepada Kerajaan, melangkah ke sini nak pergi ke mana, nak pergi ke sini tanah Muzium, nak pergi ke sini macam mana dari segi perancangannya, betapa *detailnya* perancangan supaya akhirnya bila kita buat keputusan ialah satu keputusan yang tepat, Dato' Yang Dipertua. Itulah perancangan yang telah kita buat dan insyaAllah dalam masa yang terdekat kita akan menentukan opsyen mana daripada 6 yang telah dicadangkan itu akan menjadi sambungan kepada kerja-kerja yang saya sebutkan tadi. Disebut juga tentang kemudahan yang sedia ada, kereta tak boleh lalu dan berlaku kebakaran. Dalam perancangan yang dibuat itu termasuk jugalah menyediakan satu jambatan ini untuk membolehkan maknanya kalau berlaku kebakaran bomba boleh pergi (lalu), Wakil Rakyat boleh menjalankan tugas dia dan sebagainya, dia ambil kira Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dalam perancangan itu.

Perkara yang keempat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan *guardrail* tadi tapi Yang Amat Berhormat Dato' Seri telah jawab mengenai

*guardrail* itu tadi. Dan memanglah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita dari segi urusan penyuraian trafik, kita perlu *operational* dengan izin, jadi maknanya sekarang kalau kata lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ke tapak-tapak yang bersesuaian perlu disegerakan kemudahan yang memang dah ada contohnya jalan sudah ada dua lorong pergi dan balik tepi dah dibesarkan yang berkemungkinan boleh dijadikan dua lorong, dengan kemudahan-kemudahan dengan ditambah atau kita keluarkan *guardrail* ini kita *operational* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dalam hal ini. Dan bukan sahaja tempat yang disebut di Pengkalan Arang dan sebagainya tetapi ini juga telah dibuat sebagai contohnya di Persimpangan daripada JPJ dekat Perpustakaan, maknanya kita telah sedia ada lorong maka diperbesarkan untuk *traffic flow*, inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dari segi *operationalnya*. Dan hari inipun memang kita sedang juga memberi tumpuan ke kawasan-kawasan yang sudah lama, saya ingat kalau saya berulang daripada Dungun mari ke Kuala Terengganu ini daripada kecil lagi kalau kata di Mercang ni di mana setiap kali musim banjir jalan ditenggelami air. Sebulan-dua yang lelapun saya nak balik ke Dungunpun saya kena patah balik lalu ikut jalan lain, inipun akan kita beri tumpuan dan mengatasi masalah ini walaupun dari segi tanggungjawab jalan ini ialah Jalan Persekutuan tapi kalau kita tak buat, kita juga yang tidak selesa. Jadi kita menyediakan peruntukan untuk mengatasi masalah-masalah ini termasuk juga di Kuala Abang dan di Kampung Nyior, di Dungun yang dah memang ada laluan motosikal tapi kalau kata disediakan motosikalpun tak lalu di laluan motosikal, jadi pendekatan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ialah meluaskan lorong ini untuk menjadi empat lorong dan sebagainya. Inilah usaha-usaha yang sedang kita buat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk mengatasi masalah-masalah ini secara *operational* dan akhirnya menjadi penyelesaian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, disebut oleh Wakil Batu Burok. Beliau menyebut tentang *statement* dengan izin, yang telah dibuat oleh Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, dua-tiga kali, ada disebut namanya sekalipun. Saya nak maklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dalam Dewan ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Ya, Cawangan Terengganu, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak maklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebenarnya sebagai Wakil Kerajaan hadir untuk merasmikan majlis ataupun Mesyuarat Agong Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu ini, saya hadir sebagai Wakil Kerajaan. Dan memangpun apabila membicarakan soal kepentingan bumiputera, agenda Melayu banyak benda yang dibincangkan dalam mesyuarat Dewan itu

termasuklah soal dah tertubuh pemandu di peringkat pusat, sekarang ini ada teraju yang dibentuk untuk membantu penglibatan bumiputera di dalam *Economic Transfer Programme* (Transformasi Program Ekonomi) di peringkat ini, ini penglibatan-penglibatan yang disebut. Dan kita sebut juga soal yang ada kait dengan mungkin yang dibangkit oleh Wakil Alur Limbat tentang soal penenun songket kita ini, masalah dia kerana pengusaha-pengusaha ini berada sebagai ahli dalam Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu, jadi kita sebut dalam banyak-banyak program itu dan memahami bahawa semasa ini banyak tanah-tanah yang lotnya lebih kecil, hari ini tanah ini telahpun dibeli oleh pengusaha yang bukan Melayu dan sebagainya dibayar dengan harga yang tidak sebaik pampasan yang dibuat oleh Kerajaan dan ada yang tidak diberi pampasan. Kalau pampasan yang telah diberi itu sampai katanya rumah buruk, reban ayampun dibayar. Tapi saya harapnya insyaAllah, penjelasan akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tentang soal ini. Apa yang saya nak sebutnya, kita bincang banyak habis segala dan antara perkara yang kita sebut ialah tentang kepentingan dari segi lot tanah ini sampai sekarang ini telah berpindah milik dari segi jual belinya. Jadi sesuailah dalam satu *press conference* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang dibuat antara lainnya disebut oleh Yang Dipertua Dewan Perniagaan Malaysia Cawangan Terengganu ini tentang nak dipanjangkan melalui saya selaku Wakil Kerajaan supaya banyak agensi-agensi yang disebut tentang UDA, MARA, Tabung Amanah Warisan dan sebagainya menjadi agensi yang akan mengambil alih pembangunan itu dan kepentingannya kerana kita juga sedia maklum kemampuan bumiputera untuk memiliki bangunan ini. Itulah sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya tengok cara persepsi yang hendak dibina seolah-olah kita tidak ambil kira banyak perkara. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memang mengambil kira banyak hal, insyaAllah.

Dan tentang muka 5 di dalam Ucapan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara perkara yang disebut oleh Wakil Ladang tentang di para yang terakhir itu: Malah kajian mengadakan perkhidmatan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Kelantan melalui Negeri Terengganu juga sedang dilaksanakan oleh pihak ECER-DC. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada laporan tentang perkembangan projek-projek ECER dalam ucapan itu juga tapi saya nak menyebutkan tentang soal kereta api laju ini daripada Kuala Lumpur ke Kelantan. Terengganu insyaAllah, telahpun mengambil tindakan-tindakan yang proaktif kerana kita faham bahawa kereta api yang daripada Kuala Lumpur ke Kelantan ini akan melalui Terengganu. Jadi kita nak position Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Terengganu ini ada landasannya takut kita tertinggal, apakah persediaan yang kita buat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak maklumkan dalam Dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah bersetuju supaya dibentuk satu Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pelaksana dari

segi persediaan Negeri Terengganu ini. Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu MoU telahpun ditandatangani di antara TATI supaya dilihat kemungkinan satu *Syllabus Locomotive* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dapat diusahakan oleh TATI. Kalau yang ini dapat dijayakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, TATI akan menjadi satu-satunya universiti di South East Asia yang akan mempunyai *Syllabus Locomotive* insyaAllah. Dari segi usaha yang sedang dibuat dengan kelengkapan yang ada di TATI nampaknya TATI agak bersedia cuma kita akan lihat insyaAllah dari segi detailnya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selepas *Syllabus Locomotive* ini juga bersama dengan *Syllabus Locomotive* ini akan ada *testrail* (landasan ujian), landasan ujian ini kita cuba lobi dibuat di kawasan TATI ini supaya ia menjadi sebahagian daripada *Syllabus Locomotive* di TATI. Dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana juga berkemungkinan kita sedang membuat persediaan dengan kemudahan yang kita ada supaya satu masa nanti kalau kata trem dan *coaches* ini dengan izin, akan dibuat di Malaysia sebagai satu produk Malaysia Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu *Assembly Plant* akan dapat dibina di kawasan Teluk Kalong berdekatan dengan TATI sekaligus kita menyediakan kemudahan *syllabus*, ada *testrail* dan akhirnya kita ada *Assembly Plant*. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalaulah katanya kereta api laju daripada Kuala Lumpur merentasi Terengganu ke Kelantan ini menjadi kenyataan. Jadi di situ dengan persediaan yang kita ada ini insyaAllah, kita harap kita tidak akan tertinggal dengan perkembangan ini kerana saya yakin kajian ini telahpun hampir siap dan kalaulah kata permulaannya akan dibuat daripada Kuala Lumpur ke Pahang, kita nak fikir jugaklah nak suruh kereta api itu lajak sampai ke Terengganu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan saya nak maklumkan Dato' Yang Dipertua, bahawa dalam sidang Dewan di Pahang yang lepas soal kereta api laju ini telahpun mula disebut dalam Dewan yang mulia di Pahang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan masalah yang kata yang sedia ada dari Gebeng ke Kertih yang digunakan oleh Anak Syarikat Petronas untuk kargo dan sebagainya akan kita lihat cara mana *track* yang sedia ada ini dapat dijadikan sebahagian daripada laluan itu. Tapi saya nak maklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ikut makluman yang saya ada sekarang ini apa yang *international* termasuk kereta api laju di Beijing dah sampai 400 kilometer sejam, kawasan antara *track* ialah 1.5 kilometer kerana ia memberi *stability* dan membolehkan maknanya kereta api bergerak lebih laju apabila lebih *stable*. Jadi mungkin yang ada itu satu meter jugak itu mungkin insyaAllah akan dilihat tapi yang penting Dato' Yang Dipertua, kita nak buat persediaan awal supaya Terengganu ini kita tak nak seolah-olah tidak ada perancangan, kita datang dengan begitu, lalu benda ini dan kita terlepas, itulah persediaan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang sedang dibuat insyaAllah.

Itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil-wakil .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, bila mintak penjelasan sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penghujung dia mintak tu, boleh Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada dua perkara tetapi sebelum saya tanya atau mintak penjelasan daripada Exco tadi yang bercakap soal kereta api, sayapun nak bertanya jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, takdok limit masa ke Exco yang menjawab ni, saya tengok pegawai-pegawainya pun tidur, nampak letih aje, tak berminat macam mana Dato' Yang Dipertua, pasal kami nak bercakap ni macam ada sekatan-sekatan begitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kerajaan kita beri masa .....

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sayapun nak berhenti dah, takdok benda dah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah beberapa perkara yang dibangkit yang telah diberi penjelasan oleh saya. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takkan pulak tak boleh nak bertanya langsung, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nampak takmbah jawab sudah dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Yang Berhormat, kita bagi peluang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Err .... dia bagi peluang, okey-okey. Jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak, Exco lain pulak .....(Dewan Gelak) ..... pihak Kerajaan untuk .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sampai ke Yang Dipertuapun balik-belah, sayapun peninglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk memberitahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang duduk di sebelah depan di sebelah sana. Sebenarnya saya dan rakan-rakan saya termasuk Presiden MCA adalah orang baik-baik belaka, kita berkawan baik, hidup dengan baik dalam aman dan damai bersama orang-orang Islam. Dan sebenarnya kita adalah Kafir Zimmi ....(diikuti dengan tepukan meja tanda sokongan oleh Wakil & Penyokong kerajaan) ..... tak seperti orang/kawan-kawan dia yang cabar dia *step over my dead body* yang dengan rakan-rakan lain di mana Wakil Rhu Rendangpun berpeluk apa lagi dengan kita. Jadi kalau nak tidur sekatilpun takdok masalah, kita takkan timbul masalah, kita nak bagi DNA ke dok, perut kita besar ke dok, jam Omega kita hilang ke dok ....(Dewan terus gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... (Bangun untuk mencelah) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi peluang ke dia dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat janji.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak boleh janji Yang Berhormat bagilah peluang kepada dia dulu. Duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat banyak dah bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak penjelasan sikit aje, sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat boleh bagi peluang?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Kita baik belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam nak celah ni.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Ya, sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal dia sebut tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal kafir apa, Kafir Zimmi, saya takmboh sebutlah itu pasal seolah macam dia lebih pandai daripada kita berhubung dengan itu. Cuma dia kata dia baik-baik belaka MCA ni, saya nak khabor rekod, saya bukanlah nak tuduh ke, nak apa ke, tapi kes sekarang ini MCA lah, dah sebut MCA tadi, Presiden Ling Leong Sik sekarang ini dihadapkan ke mahkamah isu PKFZ, Chan Kong Choy terlibat, Presiden sekarang ini terlibat dan dia mengaku terlibat dengan skandal video seks, tu hak jenis baik-baiklah tu. Jadi tu Kafir Harbi dah tu, jadi .....

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takmboh dah, takmboh dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat, Yang Berhormat Wakaf Mempelam ni dia nak alih pandangan. Sila teruskan.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Ya, betul Yang Berhormat. Tak berkaitan dengan apa yang kita kata.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit. Saya rasa Dato' Yang Dipertua, oleh kerana Wakaf Mempelam ni rasa susah hati sikit sebab makhrab yang disebut oleh Wakil MCA tadi tu kena sangat 'zimmi' memang tepat, itu yang susah hati tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih. Dan saya setuju sangat Dato' Yang Dipertua, dengan pandangan Wakil Alur Limbat dan saya sokong penuhlah Wakil Rhu Rendang sebagai Ketua PAS dan saya jemput bersama-sama rakannya balik semula ke BN. ....(tepukan sokongan) .....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sekali lagi? Haa .... Dia *steady*, sekurang-kurangnya kita bercakap dengan cara yang baik, dia mintak PAS masuk balik BN semua sekali tapi hakikatnya rakan saya daripada Bandar orang Cina tolak MCA, takkan pulak kita dah orang tolak kita nak sokong lagi, itu hakikat. *You solve your problem first*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, jadi tak payah kira hal kitalah.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasihlah. Kalau orang Cina tolak MCA saya takkanlah duduk di sini .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Wakil Alur Limbat yang menyebut tentang perkara berkait dengan industri terutama tentang kemajuan kawasan-kawasan industri di Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri memang sentiasa mengkaji, merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memajukan kawasan-kawasan industri di Negeri Terengganu tak kira terletak di daerah-daerah manalah. Untuk memajukan kita menggunakan strategi untuk pembangunan industri termasuk pembangunan zon industri tertentu untuk memberi tumpuan kepada subsektor penubuhan pusat-pusat latihan industri dan pusat-pusat ICT. Memberi pemprosesan produk-produk hiliran petrokimia termasuk polimer plastik, industri elektrik dan elektronik, menggalakkan subsektor industri makanan, industri berasaskan kayu dan industri berat dan pihak Kerajaan jugak meningkatkan kawasan-kawasan perindustrian sedia ada dengan kemudahan jalan, longkang, elektrik dan bekalan air yang lebih sempurna. Perancangan jugak seharusnya diambil untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi di kawasan industri yang penting. Dan kita jugak mewujudkan dan membangunkan kawasan industri yang baru jikalau ada permintaan dan peluang dan kita menyediakan satu pakej insentif yang boleh bertindak sebagai pelengkap kepada pakej insentif yang disediakan oleh MIDA dan ECER-DC. Dan jugak termasuk dengan kenaikan infrastruktur yang sempurna dan menepati kehendak keperluan pembangunan industri dan mewujudkan sebuah pusat pelaburan setempat yang memberi sokongan ke atas pembangunan industri secara berkesan. Kerajaan Negeri jugak menubuhkan sebuah Pusat Pelaburan Setempat Terengganu untuk memberi informasi mesra pengguna dan sentiasa dikemaskini tapi kita harus pilih jugak industri-industri yang berminat untuk melabur di Negeri Terengganu. Dan kita pernah menolak industri yang kita agak kurang sesuai, industri-industri yang mungkin akan mengancamkan kesihatan rakyat kita dan akan memberi kesan buruk kepada imej industri-industri yang kita promosikan. Dan dalam program ECER jugak telah memberi fokus dan menolong kita untuk membangunkan kawasan-kawasan industri di Negeri Terengganu dan di bawah RMK-9, dua projek telah dilaksanakan iaitu Taman Industri Berat di Kemaman iaitu di Teluk Kalong dan Taman Industri Polimer Kertih Fasa I. Di bawah RMK-10 pula, sebanyak empat program telah dirancang dan akan dilaksanakan termasuk Taman Industri Pembinaan Dan Pembuatan Bot Kemaman Fasa II, Taman Industri Berat Kemaman Fasa II, Taman Pembangunan Pelabuhan Kemaman dan jugak Taman Industri Polimer Kertih Fasa II. Dan dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri



dan Kerajaan Pusat kita sudah berjaya menarik pada tahun lepas, tahun 2010 sebanyak RM2.327,931,930.00 ke Negeri Terengganu yakni menjadikan kedudukan kita yang keenam di antara negeri-negeri yang mendapat membawa jumlah pelabur yang masuk ke Negeri Terengganu yakni termasuk dengan FDI sebanyak RM216,994,000.00. Dan pada tahun ini pula kita sudah berjaya membawa sebanyak tiga industri ke Negeri Terengganu seperti apa yang disebut dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja di mana setakat bulan Januari tahun ini sebanyak RM213.1 juta telah dilabur di Negeri Terengganu dan pada bulan Februari pula ada satu lagi pelaburan telah diluluskan sebanyak RM7,717,102.00 untuk membangunkan industri di Negeri Terengganu. Ini menjadikan pada tahun ini sejumlah RM220,817,102.00 jumlah pelaburan dan memberi peluang pekerjaan sebanyak 162 orang. Kita sentiasa memantau keperluan dan permintaan daripada pengusaha-pengusaha dan selama ini kita sudah melaksanakan atau memajukan sebanyak 20 buah kawasan industri termasuk dua kawasan tambahan yang baru dan tidak ketinggalan di kawasan Marang di mana di kawasan Perindustrian Wakaf. Tapaipun kita dah menambah kawasan sebanyak 15.66 hektar untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian. Dan saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Alur Limbat yang jugak bertanya tentang Pembangunan Industri Bukit Khor, Marang. Dan sebenarnya setakat hari ini sebanyak 6 buah syarikat telah menubuhkan industri di kawasan tersebut daripada kawasan sebanyak 27 hektar itu hanya tinggal kawasan seluas 9.54 hektar yang belum dimasuki oleh mana-mana industri lagi. Ini bermakna sebanyak 65% daripada kawasan tersebut telah diambil oleh industri.

Berkaitan dengan soalan yang ditanya mengenai kawasan di Pulau Kerengga iaitu satu cadangan yang pernah diangkat kepada Kerajaan Negeri pada tahun 1995 di mana syarikat tersebut bercadang untuk membangunkan sebuah kilang penapis minyak dan pada tahun 1998 projek itu telah dibatalkan kerana tidak ada apa-apa perkembangan. Dan pada tahun lepas 2010 Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak empat lagi permohonan untuk kawasan yang sama iaitu di kawasan Pulau Kerengga untuk membina industri penapisan minyak. Sebanyak empat buah syarikat yang telah mengemukakan cadangan dan tahun ini pula ada sebuah syarikat telah memberi taklimat kepada pihak Kerajaan bercadang untuk mendirikan industri penapisan minyak. Tapi untuk kita meluluskan kita perlu kaji bahawa cadangan-cadangan tersebut mempunyai kemampuan untuk menjayakan industri tersebut yang melibatkan berbagai faktor bukan sahaja setakat kita ada duit untuk melabur dan membuat apa sahaja industri yang kita mahu tapi untuk membangunkan industri penapis minyak kita haruslah meneliti supaya kita memastikan apa yang dicadangkan boleh berjaya di kawasan industri kita, jangan sampai mintak tanah jadikan harta simpanan saja. Itulah kita selalu berhati-hati sebelum kita meluluskan permohonan kita perlu tahu adakah mereka mampu dan

mempunyai kepakaran teknikal, adakah mereka mempunyai bahan mentah, adakah mereka mempunyai pasaran untuk memastikan industri itu akan terus berjaya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada satu lagi perkara yang dibangkitkan iaitu pembangunan di dalam bandar yang dibangkitkan oleh Wakil Ladang, Wakil Batu Burok dan jugak Wakil Bukit Tinggi. Mereka menyentuh tentang tanah-tanah yang dibangunkan oleh orang-orang bukan Melayu. Untuk makluman Wakil-wakil tersebut kalau kita baca ikut laporan Pelan Struktur MBKT bahawa kawasan tanah yang ada di dalam kawasan MBKT ini ialah seluas 60,528.6 hektar tapi tanah pegangan bebas hanya ada 144.19 hektar ini bermakna bagi semua keluasan tanah MBKT ini hanya 1.52% adalah tanah pegangan bebas yang mengakibatkan permintaan yang tinggi di mana kalau ada peluang orang-orang bukan Melayu akan beli tanah-tanah milik orang Melayu. Ini sama jugak di kawasan-kawasan yang dibangunkan oleh pemaju-pemaju yang bukan Melayu hasil pembangunan itu dibeli oleh orang-orang Melayu seperti di kawasan di Cabang Tiga, di mana kawasan Pasar Cabang Tiga itu merupakan satu kawasan pekan di mana sebahagian kecil tanah itu di tapak pasar itu adalah tanah pegangan bebas dan juga di tapak di sebelah Wakaf Tembesu di Metro Pacific. Tapi bila kawasan itu dibangunkan orang-orang tak kira bangsa bila mereka mampu memiliki mereka akan membeli. Untuk projek di Pasar Cabang Tiga itu kalau rakan saya di sebelah sana masih ingat pada masa mereka jadi Kerajaan projek itu telah diluluskan dan pernah lulus untuk perbincangan dengan pemaju orang bukan Melayu jugak. Jadi kita hanya teruskan projek-projek yang baik, yang memberi faedah kepada rakyat kita seperti di kawasan Ladang dan Tanjung, ini melibatkan sebahagian besar di dalam kawasan saya. Jadi semua penduduk memang selalu meminta saya supaya Kerajaan membangunkan kawasan itu, selama ini memang kawasan itu tidak dapat dibangunkan kerana ada masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah, milik wakaf, terlalu kecil, tidak ada simpanan laluan jalan dan sebagainya. Dan mereka memohon supaya Kerajaan mengambil alih sebab kata mereka termasuk penyokong PASlah yang duduk di kawasan saya, di Tanjung dan Ladang ini, taklah seperti sebagaimana kata Wakil Ladang, ramai yang meminta saya supaya biarlah Kerajaan ambil balik tanah sebab apabila Kerajaan ambil balik tanah, tuan tanah akan diberi pampasan yang cukup, orang yang tumpang dudukpun diberi pampasan termasuk gok ayam, termasuk juga dengan pampasan yang lain-lain, juga pokok nyiorpun dibayar. Jadi kalau kita biar saja maka orang-orang kaya sahaja termasuk sahabat-sahabat PAS, seperti ANZ orang kaya, orang mampu, kita dok kaya, tidak mampu, jadi dia akan beli. Bila dia beli tanah tu dia hanya bayar harga tanah saja hak lain dia tidak peduli, dia akan hambat terus, hambat penduduk kita, rakyat kita keluar daripada kawasan tapi bila Kerajaan ambil alih, Kerajaan akan bayar semua pampasan ditambah pula kita sediakan perumahan yang lebih sesuai dan lebih elok untuk penempatan rakyat. ....(tepuhan sokongan)

..... Itulah perbezaan antara orang PAS dengan orang Barisan Nasional, dia cakap-cakap lepas itu dia cuba jadikan isu bila kita bangunkan kawasan, isu politik. Jadi jikalau rakan saya sebelah sana sudi, saya boleh jemput masuk ke kawasan Kampung Tiong, kalau boleh kita tidur semalaman di Kampung Tiong, kawasan Kampung Tiong itu bukan lagi sesuai untuk orang menduduki jikalau ada peluang. Dan dengan itu saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Bandar, tahniah. Kita jemput seterusnya Wakil Langkap. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Mulia Dato' kerana memberi peluang kepada saya membuat penggulungan di atas ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat sepanjang perbahasan dalam Dewan ini. Dan saya nak ambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat atas minat dan perhatian yang ditunjukkan berhubung dengan jawatankuasa saya khususnya kepada Yang Berhormat Alur Limbat, Batu Burok dan Jabi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Alur Limbat menyebut pasal kerosakan tanaman padi semasa banjir baru-baru ini dan jugak masalah kerosakan rumah pam di kawasan yang berkenaan. Memang betul semasa banjir baru-baru ini ada empat laporan yang didaftarkan di kawasan berkenaan yang buat laporan kepada jabatan dan direkodkan yang melibatkan nilai kerosakannya RM2,600.00. Sekarang ini laporan itu sudah dikemukakan dan diangkat untuk pertimbangan Majlis Keselamatan Negara untuk tindakan seterusnya. InsyaAllah, biasanya tidak akan kecewa, bantuan akan disalurkan selepas ini. Berkenaan dengan kerosakan kepada rumah pam, sebenarnya rumah pam itu tidak rosak yang rosak ialah tebing sungai yang berhampiran dengan rumah pam itu, sekarang ini dalam tindakan jabatan untuk memperbaiki tebing sungai itu. Walaupun begitu keperluan kepada pam air itu dapat diganti oleh jabatan secara sementara iaitu secara membekalkan pam bergerak untuk kepentingan petani-petani yang terlibat.

Yang Berhormat Alur Limbat jugak banyak mencadangkan sekim-sekim bantuan yang patut disalurkan oleh Kerajaan kepada petani-petani dalam Negeri Terengganu bukan sahaja di kawasan Alur Limbat. Dikaitkan dengan kalau yang terlibat dengan sektor perikanan ada Bantuan Sara Diri sebanyak RM200.00 sebulan dan bantuan-bantuan lain, Bantuan Minyak Diesel dan sebagainya, mengapa tidak kepada petani-petani, penternak-penternak yang jugak difikirkan layak untuk mendapatkan pertimbangan yang sama. Sebenarnya Dato' Yang

Dipertua perkara ini sudahpun dibincang di peringkat atas dan kerana peruntukan untuk insentif ini bukan kita yang sediakan ini merupakan peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di peringkat nasional. Jadi perkara ini telah kita kemukakan untuk pertimbangan. Saya tidak dapat memberi jawapan kepastian tapi kita sudahpun kemukakan kepada pihak yang berkenaan, insyaAllah dalam pertimbanganlah.

Yang keduanya, apa yang disebut oleh Wakil Batu Burok khususnya berkenaan dengan masalah nelayan yang menggunakan Pelabuhan Chendering sebagai pengkalan pendaratan ikan. Saya sendiri sudah dua kali masuk ke pelabuhan ini waktu puncaknya iaitu daripada pukul 5.00 pagi sehingga pukul 8.00 pagi. Saya dapati ada hujahnya, ada kebenarannya apa yang ditimbulkan, ada keresahan di kalangan nelayan-nelayan kita kerana begitu banyak bot-bot daripada Vietnam yang masuk ke pelabuhan itu kadang-kadang menyebabkan nelayan-nelayan tempatan berasa susah untuk nak mendaratkan hasil tangkapan mereka kerana bot daripada Vietnam ini besar dan banyak pula. Dan daripada tinjauan dan perbincangan bot nelayan dari segi peraturannya tidak salah, dia memang lesennya ada, pengusaha tempatan, bilangannya memang banyak tapi yang menyedihkan kita sedikit kerana hasil tangkapan yang didaratkan oleh bot-bot ini kalau kita tengok tidak sepadan dengan begitu banyaknya bot yang masuk tapi hasilnya yang didaratkan tidak setimpal, itu menimbulkan sedikit keraguan kepada kita. Dan perkara ini akan kita bawa ke atas untuk pertimbangan sebab masalah lesen dan sebagainya diputuskan oleh pihak Kementerian, perkara ini akan kita panjangkan. Kita cukup bersimpati dengan nelayan-nelayan kita. Saya ambil peluang ini untuk meminta pertolongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen yang kebetulan ada bersama-sama kita dalam Dewan ini untuk sama-sama bawa perkara ini kepada Parlimen untuk dibincangkan di peringkat atas kerana perkara ini perkara Parlimen dan perkara ini dalam perhatianlah. Sepanjang tahun 2010, pihak Penguatkuasa Maritim dalam tugas-tugas mereka menahan 5 buah bot Vietnam yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dan bot ini dalam tindakan jabatan, itu dalam tahun 2010 dan sebelumnya pun ada, untuk tahun ini kita belum dapat datanya lagi, memang ada tindakan yang dibuat dalam hal ini.

Wakil dari Jabatan membawa masalah potongan belian padi yang dibuat oleh Bernas, perkara ini ada dalam soalan tetapi tidak sempat untuk dijawab. Memang perkara ini sudah lama, sudah dibawa ke peringkat atas dan yang terbaru perkara ini jugak dibincang di peringkat nasional pada 3hb Mei baru-baru ini. Kita memang sentiasa bawa perkara ini kerana kita tahu walaupun perkara ini merupakan urusan Pusat, urusan Bernas tapi menyedari bahawa begitu ramai rakyat kita yang terlibat dalam sektor padi yang memerlukan perhatian kita. Kita cukup bersimpati dengan mereka dan kita cukup berterima kasih dengan mereka kerana walaupun rasa tertekan, walaupun susah tapi mereka masih lagi meneruskan usaha mereka

menanam padi. Jadi kerana itu kita sentiasa bawa perkara ini untuk tindakan pihak atasan dan sama jugak perkara yang bersabit dengan perikanan tadi .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, boleh atau tidak bagi pihak Kerajaan membenarkan dan juga memperbanyakkan lesen pembelian padi secara swasta sebagai menyaingi kepada Bernas?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Itu jugak di antara cadangan kita tetapi bukan keputusan kita. Kita sudah kemukakan perkara ini kepada pihak atas. Dato' Yang Dipertua, sepanjang perbahasan saya nak sentuh sedikit apa yang sudah disentuh oleh rakan-rakan saya dan jugak oleh pihak Pembangkang. Sebab nampaknya akhir-akhir ini banyak sangat bercakap pasal agama Kristian nak dijadikan agama rasmi, kita tidak pasti setakat mana kebenarannya tapi kepada saya dan kita semua jelas dan cukup sensitif untuk dibincangkan secara umum. Saya nak sebutkan pada suatu peringkat dulu kita mengisytiharkan Negara Malaysia sebagai sebuah Negara Islam. Perdana Menteri kita sebut dalam perjumpaan, dalam perhimpunan bersama-sama dengan masyarakat bukan Islam mengisytiharkan negara kita adalah sebuah negara Islam. Tapi ada rakan-rakan kita memperlekehkan pengisytiharan itu secara sinis menyebut: "Negara Islam ke ni? Araknya banyak, babinya ada, ribanya ada." Secara sinis sahaja perkara ini diterima walaupun kita beriya-ya. Tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, mungkin kerana itu jugak orang berani bercakap sekarang ini, benar tidak benar itu kita tidak tahu. Tapi ada orang boleh bercakap nak jadikan Kristian sebagai agama rasmi. Orang berani bercakap kerana apa? Kerana apabila kita isytihar negara ini Negara Islam, kita permain-mainkan saja, ada orang kata buat '*nganjing*' saja, mungkin kerana itu orang sanggup bercakap nak jadikan Kristian sebagai agama rasmi negara ini. Kita harap-harap tidak jadi perkara itu. Dan alhamdulillah, kalau betul seperti yang disebut oleh pihak Pembangkang kelmarin, DAPpun sanggup berdiri teguh untuk memastikan Islam sebagai agama rasmi itu moleklah kita terima kalau sesungguhnya hati. Dan lebih-lebih lagi pulak kalau rakan-rakan kita daripada PAS bersungguh benar dah kelmarin bunyinya nak mempertahankan supaya Kristian bukan dijadikan agama rasmi, alhamdulillah. Kita harap dalam isu ini dan dalam isu-isu yang lain kita boleh bersatu untuk memastikan kekuatan kita.

Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut satu lagi. 500 tahun yang lalu pada tahun 1511 kita mulai dijajah, tepat pada tahun ini 2011, 500 tahun dahulu kita mulai dijajah, mengapa kita dijajah pada tahun itu? Mungkin ahli-ahli sejarah tahu peristiwa mengapa Malaya dijajah oleh Portugis, lepas Portugis menjajah 400 tahun dan kita terjajah begitu susah kita nak merdeka balik. Dato' Yang Dipertua, kita cukup bimbang dengan masalah kita, tidak ada kekuatan kita, berbalah kita

tak susut, ada rakan-rakan kita ajak PAS masuk semula BN bersatu molekpun diterima dengan sinis '*dokroklah tu ajak aku saing semula tu.*' Kita bimbang perkara ini memberi peluang semula untuk kita dijajah semula, tidak mustahil.

Dato' Yang Dipertua, cukuplah setakat itu ucapan saya dan terima kasih banyak. Terima kasih juga kepada rakan-rakan Y.B.-Y.B. yang berminat dalam portfolio saya. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Langkap. Kita jemput Y.B. Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membuat sedikit penggulungan di atas ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja. Dan saya juga mengambil peluang itu untuk mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja yang telah sedikit sebanyak menyebut tentang portfolio saya dan saya rasa saya inginlah mengulas sedikit di atas apa yang telah dibicarakan dan di samping itu juga membuat jawapan kepada beberapa pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun tidak banyak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, suka dimaklumkan Program Usahawan kita telah berjalan lancar dan kita juga sepertimana dimaklumkan semalam telah membuka program-program yang kita rasa boleh memberi penjenamaan semula kepada Program Usahawan kita ini. Justeru itu sepertimana yang disebutkan jugak kita telah mengadakan Program T-Brand ini yang melibatkan T-Shoppe, T-Café, T-Craft dan sebagainya. Melalui penjenamaan inilah kita telah banyak mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang muda kita, orang-orang yang ingin berkecimpung dalam perniagaan, berkecimpungan menjadi usahawan dan setakat ini saya rasa impaknya dapat dirasai khususnya di luar-luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, melalui T-Brand ini kita telah dapat saya sebut mewujudkan 20 buah T-Shoppe misalnya, T-Café juga telah dapat diwujudkan dan kita juga dapat insyaAllah akan mewujudkan T-Hotel dan selepas itu akan kita wujudkan T-Mall satu supermarket rakyat di Kuala Berang. Ini adalah konsep yang kita rasa boleh membantu masyarakat kita dan setakat ini

kemampuan ini bukan berjalan begitu sahaja tetapi juga telah mendapat pengiktirafan bukan sahaja di masyarakat akar umbi kita malahan juga pihak Kerajaan Persekutuan telah memberi pengiktirafan terhadap konsep T-Brand kita ini. Antaranya baru-baru ini melalui konsep T-Shoppe kita ini, Kerajaan Persekutuan telah memberi pengiktirafan sepertimana yang saya kata memberi peluang kepada kita untuk menjadi konsultan kepada Program Tukar, program ini ialah Program Transformasi Kedai Runcit di kampung-kampung yang ada yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan di mana mereka telah melantik pasaraya-pasaraya besar seperti Giant, Tesco, Carrefour dan sebagainya sebagai konsultan untuk mengubahsuai dan meningkatkan taraf kedai runcit. Dan sekarang ini oleh kerana mereka mengenalpasti kita melalui T-Shoppe kita ini, kita mampu juga mewujudkan kedai-kedai runcit untuk membantu bumiputera, mereka telah melantik kita juga sebagai konsultan untuk mengubahsuai dan menukar kedai-kedai runcit yang ada di Terengganu ini. Malahan kita juga diberi peluang insyaAllah, untuk menjadi konsultan di Negeri Kedah sebab kita juga telah menerokai pasaran-pasaran kedai runcit kita ini di Kedah dan kita juga dapat mewujudkannya di Kuala Lumpur. Alhamdulillah, kita sudah dapat mengenengahkan konsep kita in sebab kita juga telah menerokai pasaran-pasaran kedai runcit kita ini di Kedah dan kita juga dapat mewujudkannya di Kuala Lumpur. Alhamdulillah, kita sudah dapat mengenengahkan konsep *Convenient Store* yang kita kira 24 jam ini, walaupun masih baru kita sudah mendapat pengiktirafan dan kita harap melalui konsep ini kedai runcit kita ini akan menjadi satu daripada peluang permulaan untuk kita menggerakkan aktiviti-aktiviti peruncitan di kalangan orang-orang kita yang ingin berkecimpung dalam bidang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di samping itu juga sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN Batu Burok semalam berkaitan dengan perusahaan tembaga, perusahaan kraf batik dan songket ini. Kita juga tidak membiarkan begitu sahaja, kita tahu ini adalah satu usaha warisan yang perlu diberi perhatian dan Kerajaan melalui TIDE (*Terengganu Institute of Design Excellent*) ini telah diwujudkan dua tahun yang lepas dengan tujuan untuk memastikan usaha-usaha mengekalkan *heritage* dengan izin, bagi songket, batik, tembaga dan sebagainya dapat diteruskan dengan lebih profesional lagi. Justeru itulah TIDE ini kita tempatkan di satu tempat di Ladang tersebut dan kita menjangkakan kita boleh memberi khidmat nasihat yang baik. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Batu Burok semalam telah diambil kira untuk memastikan supaya projek kraf ini dapat diteruskan bukan sahaja setakat *culture* kita ataupun kraf yang ada tetapi untuk dijadikan sebagai satu perkara untuk meningkatkan pendapatan bagi mereka yang melaksanakan projek ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh mintak laluan sekejap. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

terima kasih. Isunya di Ladang ini saya menyebut bahawa dalam masa interim ini. Dulu, tahun lepas ada projek tembaga, buat keris dan sebagainya, sekarang ini mereka terpaksa berpindah, semasa ini jika belum dibangunkan lagi tempat yang dikatakan akan dibangun entah bila tak tahu dua-tiga tahun lagi mungkin, sekarang ini bagaimana keadaan mereka, di mana mereka nak berniaga? Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri akan menjawab berkaitan dengan perpindahan di Ladang itu. Apa yang saya nak sebut ini adalah berkaitan dengan industri songket, batik yang ada di Ladang itu, yang bukan setakat ada di Ladang malahan ada juga di tempat-tempat lain. Jadi saya cuma kaitan isu yang berkait dengan industri tradisional kita itu sahaja tapi perpindahan Ladang itu akan dibangkit oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendirilah. Jadi yang saya nak sebut tadi dan saya rasa ini dibangkitkan oleh ADUN Batu Burok bukannya Ladang yang berkaitan dengan industri itu tadi, jadi yang saya maksudkan adalah untuk industri itu sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa setakat itu sajalah, tak banyak soalan hanya ada tiga sahaja. Tapi apa yang saya nak tekankan di sini ialah program yang kita laksanakan ini adalah program yang boleh sedikit sebanyak insyaAllah meningkatkan lagi pendapatan masyarakat di kampung-kampung seterusnya dan memberi kesedaran yang bidang usahawan ini adalah salah satu sektor yang boleh diterokai sekiranya kita tidak lagi boleh bergantung kepada peluang pekerjaan dalam sektor Kerajaan semata-mata. Jadi setakat itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekianlah, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmtullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kita ucapkan kepada ADUN Cukai. Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan sekalian sebelum kita berehat makan tengah hari, ada dua pengumuman, sebelum pengumuman itu saya terima banyak SMS pasal T-Team ini, rupa-rupanya SMS ramai yang perasan dulu T-Team ini Teluk Pasu yang pegang sekarang Telemong, molek dah diserahkan kepada Tepoh dia kata, sebab T belaka .....(Dewan Gelak) .... Sayapun tak perasan, saya baca ni kerana ada SMS daripada orang mendengar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kes Tepoh pegang yang kalah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Belum, belum lagi. Tepoh belum pegang lagi.



YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kena tarik balik tu, kena tarik balik, tak pegang lagi, nak beripun tak berapa nak jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengumuman yang kedua, tugas wajib kita sekali lagilah makan tengah hari, kali ini Yang Dipertua belanja di tingkat 18, semua sekali dijemput, Pemerhati di foyer iaitu di depan Dewan kita ini. Pengumuman yang ketiga semua termasuk ADUN Bandar dijemput hadir ke Majlis Ujian Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Terengganu 2011 yang sekarang ini sedang dilangsungkan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Gong Badak bermula semalam dan akan habisnya besok malam. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan mesyuarat ini dan masuk semula bersidang jam 2.30 petang. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 PETANG.

## PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

Kuorum kita cukup? Saya dah bilang tadi, Ladang masuk, Kuala Besut masuk. Saya rasa lebih pada cukup. Jadi saya jemput Teluk Pasu untuk buat penggulungan, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati juga saudara-saudari yang saya hormati sekalian. Saya turut ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap sempena Perasmian Dewan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja Terengganu.

Alhamdulillah, tidak banyak yang menyentuh tentang sektor pelancongan kecuali Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku iaitu Wakil daripada Tepoh yang menyentuh tentang TIC dan juga Pemandu Pelancong. Untuk pengetahuan bahawa terdapat beberapa TIC (Pusat Penerangan Pelancong) iaitu di Besut (sebelah utara) untuk pintu masuk daripada Kelantan dan ke Pulau Perhentian. Sementara di Kemaman pintu masuk daripada Pahang dan di Kuala Terengganu berdekatan dengan Pasar Payang, Dataran Syahbandar dan Bukit Puteri yang disebut oleh Wakil Tepoh. Sementara yang di bawah seliaan Tourism Malaysia di Paya Keladi berdekatan dengan stesyen bas dan Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Sementara satu lagi iaitu di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir yang ditadbirkan oleh KETENGAH. TIC ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada pelancong-pelancong berdasarkan kebolehan berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sementara kebanyakan daripada Pemandu-pemandu Pelancong yang mesra pelancong dan mengetahui produk-produk pelancongan yang terdapat di Negeri Terengganu. Di samping TIC, pelancong-pelancong juga boleh mendapat maklumat daripada Polis Pelancong dan juga daripada masyarakat-masyarakat setempat sementara agensi-agensi pelancongan juga yang bergiat cergas untuk mengendalikan pelancong-pelancong ini. Juga maklumat-maklumat pelancongan boleh didapati daripada laman web. Dato' Yang Dipertua, sememangnya kedatangan pelancong dari tahun lepas memang dari segi jumlahnya pada tahun 2010 memang agak menurun daripada target ataupun sasaran yang kita telah buat iaitu 3 juta tetapi kita telah mencapai 2,815,149 orang pelancong. Tetapi yang menarik adalah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir, kita dapati bahawa dengan banyaknya promosi yang dibuat dan

banyak kali disebut serta perancangan yang rapi dan banyak pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar maka kita dapati bahawa dalam keadaan penurunan jumlah pelancong yang datang ke Terengganu, di Tasik Kenyir ianya meningkat 19.1%. Kalau kita lihat kedatangan pelancong domestik dan luar serta jumlahnya umpamanya 2008, sebanyak 129,568 pelancong domestik dan 4,001 pelancong luar dan jumlahnya adalah 133,569 orang. Sementara 2009, 186,452 pelancong domestik dan pelancong luar 2,936, jumlahnya adalah 189,388 dan angka pada tahun 2010, sebanyak 221,499 orang pelancong domestik dan 4,071 daripada 2,936 dia meningkat kepada 4,071 dan menjadikan jumlah keseluruhan 225,570 orang. Dengan peningkatan daripada 2009 iaitu 19%.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat, mintak laluan. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya ingin mencadangkan ataupun apa yang disebutkan oleh sesetengah pandangan negeri kita ini memang negeri yang cukup baik dari segi bidang pelancongan dan kalau betul-betul kita boleh ketengahkan. Ada pandangan yang mencadangkan supaya di samping Pusat-pusat Penerangan Pelancongan yang ada sebagaimana Wakil Teluk Pasu jelaskan tadi boleh atau tidak dari segi pelancongan ini kita swastakan dalam konteks seperti wujudnya Perkhidmatan Penerangan Pelancongan secara swasta, memang dah ada swasta tu tetapi yang Kerajaan Negeri mandatkan di mana dia boleh buat program termasuk dia berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan di luar negara, mungkin antara programnya kerana kita ada kawasan air terjun, kawasan pantai yang cantik, pulau-pulau dan banyak lagi kawasan-kawasan industri kecil dan sebagainya yang mana kalau pelancong ini nak datang seolah-olah dia boleh pergi sendiri aje. Sebagai contoh kalau dia pergi ke Pasar Payang mungkin ada agensi itu dia nampak pakaian yang begini, pakaian ini ialah yang memberikan khidmat untuk pelancong-pelancong. Mungkin juga dia boleh buat dalam bentuk *treasure hunt* maknanya buat satu pusingan dengan keajaiban-keajaiban yang ada dalam negeri kita ini dengan menyediakan hadiah yang lumayan tetapi agensi inilah yang menjalankannya sebab saya rasa pelancongan kita ini adalah antara negeri yang cukup hebat dari segi pelancongannya berdasarkan alam semulajadi itu sendiri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakil Tepoh. Sebenarnya memang boleh dan sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini dengan izin iaitu kita *outsourcean* pelancongan ini yang telah dibuat adalah dalam bentuk pelantikan *Event Manager* dan sebagainya. Dan inilah sebenarnya peranan yang dibuat oleh agen-agen pelancongan tapi yang dimaksudkan oleh Wakil Tepoh adalah lebih agresif dan memberi peruntukan kepada *outsourcing agent* untuk lebih proaktif lagi. Sebenarnya aktiviti ini ialah yang dibuat oleh Pemandu Pelancong dan Pemandu Pelancong terdiri daripada *City Guide* ataupun Pemandu Pelancong Bandar atau di dalam hutan, tasik dan

sebagainya adalah *Nature Guide*. Mengikut perangkaan, tourism kita mempunyai 60 orang Pemandu Pelancong Bandar (*City Guide*) dan 74 orang Pemandu Pelancong Alam Semulajadi (*Nature Guide*). Masalah yang kita hadapi adalah banyak daripada pengusaha-pengusaha kita yang persepsinya, sikapnya masih kurang terhadap pelancong ini dan juga kelemahan berbahasa di antara sebabnya yang menyebabkan daripada masa ke semasa Kerajaan sedar perkara ini dan melatih Pemandu-pemandu Pelancong ini. Ini adalah kerana sebelum kita swastakan atau *outsourcean* perkara ini, kelayakan-kelayakan yang dikenakan sebelum Tourism Malaysia mengeluarkan lesen kelayakannya agak ketat juga, kelayakan minimumnya adalah SPM dengan 6 subjek termasuk Bahasa Melayu hendaklah lulus, tempoh kursus 4 hingga 6 bulan dan 500 jam ataupun *contact hours* yang perlu dilalui sebelum menduduki exam dan ini adalah untuk menjaga kualiti Pemandu Pelancong. Walau bagaimanapun Kerajaan sedar dan kita akan menerima pandangan-pandangan ini untuk lebih giat lagi untuk kita mempromosikan kawasan-kawasan tempat pelancongan.

Sebelum saya duduk, saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Wakil Tepoh kerana dicadangkan untuk jadi Pengurus T-Team, saya bekas Pengurus T-Team, menguruskan satu pasukan ini bukanlah mudah cuma saya *just to share* dengan izin, sebagai Pengurus T-Team saya nak ambil dari segi sudut pelancongan jangan kita tanpa kajian kita membatalkan ataupun kita dengan mudah untuk mentiadakan satu-satu pasukan. Ini adalah kerana dalam aspek pelancongan kalau 14 perlawanan yang ada dalam satu tahun itupun kalau dia buat *round robbing* lebih daripada itu ataupun kita masuk separuh akhir ataupun suku akhir, akhir termasuk Piala FA mungkin 20 perlawanan. Kita ambil sahajalah 200 orang yang datang ke Terengganu untuk membantu penginapan di hotel pada satu perlawanan dan mengikut Tourism Malaysia kalau *domestic tourist* dia berbelanja RM500, kalau dia pelancong luar RM5,000 paling kurang dia berbelanja termasuk bayar tiket kapal terbang, termasuk makan di hotel, penginapan dan apa semua. Saya kira kalau dengan angka 200, barangkali Yang Berhormat Wakil Tepoh hantar untuk separuh akhir di Pahang dengan 14 buah bas lebih lagilah dengan pendapatan yang diterima oleh pengusaha-pengusaha di bandar ini dan pada malam haripun ramai orang di bandar sampai kereta di luar. Jadi sebagai dalam sektor pelancongan kita dapat perbelanjaan yang dibelanjakan kalau RM200 – RM500 dibelanja kita dapat RM1.4 juta dan kalaulah purata kita ambil 500 orang yang datang tengok, yang datang dengan bas dan sebagainya saya dapat RM3.5 juta maknanya sudah lebih daripada peruntukan T-Team sebanyak RM3 juta yang diperuntukkan. Dan apabila orang berbelanja maknanya dengan izin *multiflying factor* atau *multiflying efect* yang ada itu boleh menyebabkan adanya daya beli di Kuala Terengganu ini. Sebab itulah untuk kita memikirkan nak *terminate* satu-satu pasukan adalah begitu mudah tapi untuk kita memikirkan apakah tugas dan tanggungjawab kita untuk panggil orang datang, itu adalah satu perkara yang

rumit dan payah. Dengan harapan itu saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Tepoh dan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sebelum itu saya terpanggil untuk nak tanya Yang Berhormat, di Bandar Raya Manchester ada berapa pasukan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dari segi nama Manchester United dan Manchester City tu saya rasa dekat-dekat je.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hak sohor dua tu-lah.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis ucapan Yang Berhormat? Terima kasih dan tahniah kepada Teluk Pasu yang mengubahsuai tadi yang melihat pelancongan tidak sebagaimana Tepoh melihat T-Team hanya dari segi pergeseren kecil-kecil. Jadi saya jemput untuk seterusnya Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. (Membaca doa mukadimah). Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dan saya ucapkan selamat petang.

Saya ada tiga perkara yang hendak digulung pada hari ini Dato' Yang Dipertua. Pertama, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan terus menyokong Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja di atas Ucapan Peramian Dewan kita pada kali ini.

Yang keduanya ialah mengenai situasi sambutan pembahas-pembahas kita dalam Dewan ini baik daripada pihak Pembangkang mahupun pihak BBC itu tadi. Jadi kesannya ialah memberi kesan kepada salah seorang iaitu diri saya sendiri. Cari punya cari, celah punya celah ada satu saja yang disentuh mengenai portfolio saya. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada Wakil Jabi, takdok dah Wakil Jabi entah di mana. Jadi Wakil Jabi telah menyentuh sedikit mengenai portfolio saya iaitu pencerai, orang ini berahi sangat bercerai-berai jadi mangsanya saya jugak kerana terpaksa kena jaga ibu tunggal, kena jaga bapak tunggal dan sebagainya.

Jadi sebenarnya masalah perceraian ini sudah menjadi lumrah alam kalau dah ada perkahwinan itu mesti ada perpisahan. Jadi sebenarnya mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bahawa punca perceraian ataupun krisis rumah tangga yang berlaku disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah tiada kesefahaman di antara suami dan isteri dan seterusnya tiada keserasian mungkin kahwin paksa ataupun sebagainya dan seterusnya kegagalan memikul tanggungjawab, biasanya kegagalan memikul tanggungjawab ini biasanya hak jenis mungkin nak tambah lebih daripada satu, biasanya tapi ada jugak hak molek macam hak dalam ni molek, hak luar daripada Dewan ni tak berapa molek. Yang seterusnya ialah mengenai asas agama yang begitu rendah dari segi aspek apa yang dikatakan perkahwinan ataupun pernikahan. Dan yang seterusnya ialah kerana karenah dan campurtangan keluarga yang keterlaluan seperti campurtangan mentua dan ibu, abang ipar, adik ipar dan sebagainya. Dan seterusnya ada masalah kewangan dan masalah kesihatan, suami-isteri bermain kayu tiga, ini banyak berlaku. Masalah hutang yang banyak, duk pinjam sokmo lepas itu hutang tak boleh nak bayar. Dan juga terbabit dengan jenayah, ditangkap Polis, terlibat dengan dadah, Aids dan sebagainya, tinggallah bini di rumah Yang Berhormat jugak kena jaga. Pengangguran, komitmen kerja, penderaan, pengabaian dan sebagainya. Ini di antara punca-punca yang lumrah berlaku di seluruh Negeri Terengganu. Jadi kesannya telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri sebagaimana ADUN Jabi sebut semalam satu daripada kaedahnya ialah Kursus Honeymoon yang disebut oleh ADUN Jabi. Jadi saya dok tahu dicadangkan oleh ADUN Jabi ni kita semua ni ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini kena hantar jugak Kursus Honeymoon sebagaimana dicadangkan oleh ADUN Jabi. Jadi saya nak tanya balik Dewan ni, dah kalau tua-tua belaka macam kita ni nak Honeymoon belaka lagi ke kita ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia dok sebut kursus Yang Berhormat, Pakej Honeymoon kali kedua.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, betul tu macam kursuslah, honeymoonlah tu. Tua-tua begini agak-agak kita nak bercerai lagi ke, guana ni? Yang duk sebut perlu honeymoon tu, nak bercerai lagi ke tua-tua bangsa macam kita ni, rasa tak payahlah dok? Kita beri laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan tunggu Yang Berhormat bangun je.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Saya rasa Dato' Yang Dipertua yang Wakil Jabi sebut tu bukan soal tua-tua nak bercerai tu dok, maksudnya honeymoon untuk isteri baru ...(Dewan Gelak) .... Kalau tak percaya kena *check* dengan dia balik. Jadi Exco jawab tu tak berapa ..... Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, tadi diberi jawapan alasan yang banyak berlaku perceraian semua sekali ni tapi dia kata ini lumrah alam. Saya ingat semasa dia jadi Exco Pembangunan begitu jugak, runtuh, runtuh, dia kata lumrah alam, berat kalau gitu lumrah alam belaka ni.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Habis dah? Lepas ni duk diamlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Baru *round* pertama tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Sebenarnya isteri lama ke, isteri baru ke kalau dari segi dasarnya memang perlulah kita berhoneymoon, tujuan kita adalah untuk mengintimkan hubungan suami-isteri ini. Macam Ladang kalau kita beri hak baru kekgi perlulah honeymoon, macam Wakaf Mempelam tak payah honeymoon, dah tua belaka dah ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini tak jadi ni. Saya rasa kalau kata saya tua, anak saya baru 9, Yang Berhormat 13 dah tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih, inilah Wakaf Mempelam bilangan anakpun dia fitnahkan saya. Saya 12 orang bukannya 13 orang, dia putarbelit sokmo fakta, itulah dia Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey, saya tahu belas-belas. Saya minta maaf saya ingat 13 rupanya 12, bukan putar belit. Okey saya perbetulkan 12 orang.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dipersilakan duduk. Jadi sebenarnya apa yang kita buat, Kerajaan Negeri Terengganu ini kita fokuskan kepada orang yang berkahwin setahun hingga lima tahun, golongan muda yang kurang pengetahuan tentang kaedah berumah tangga ni. Hak nilah yang kita fokus, jadi kalau baya-baya kita ni kalau nak ambil semula tu, saya rasa saya kena fikir dua kalilah kerana kita memerlukan peruntukan yang amat besar bukan benda yang kecil ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, yang 9 nipun kena hantar jugak biar jadi 12 jugak, kemudian senang saya jaga di sini.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kena hantar jugak? InsyaAllah, lepas ini kita beri keutamaan kepada calon Pembangkang mana-mana yang suka nak pergi Kursus Honeymoon ini kita alu-alukanlah. Kalau orang lain RM50 – RM100 satu kepala, untuk Wakaf Mempelam dengan Ladang kita beri RM200 satu kepala kita *charge*. Itulah maknanya dasar Kerajaan bukan kita nak tengok masalah perceraian ini. Kalau boleh kita nak suami-isteri yang baru kahwin dan sebagainya memahami kaedah berumah tangga supaya boleh mengelak dari perkara-perkara yang tidak memberi menafaat kepada keluarga dan memberi kesan buruk kepada Kerajaan sendiri. Itulah adalah perkara kedua yang saya nak sentuh, Dato' Yang Dipertua.

Perkara yang ketiga, ialah mengenai slogan yang disebut oleh rakan saya Alur Limbat semalam 'PAS Ganti UMNO'. Betul ke Wakaf Mempelam, takut tersalah tadi dah salah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul, betul, betul.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): 'PAS Ganti UMNO'. Terima kasih. Dalam Parlimen Marang banyak sekali signboard dipasang 'PAS Ganti UMNO' dengan gambar-gambar dan sebagainya. Saya tak tahulah sama ada Majlis Daerah atau Bandaraya meluluskannya yang mana diletak, ditampal di tepi-tepi simpang jalan macam di Bukit Payong contohnya, saudara saya Bukit Payong dipasang signboard yang besar di simpang ke pasar baru nak masuk ke Undang, ada sesetengah yang terbabas motosikalpun ada. Bila *corner* aje nampak 'PAS Ganti UMNO' .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca di situ 'PAS Diganti UMNO'.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): 'PAS Ganti UMNO' .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan diganti UMNO di Bukit Payong tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): 'PAS Ganti UMNO' sayapun *confuse* sebab banyak sangat slogan dia. Jadi ia lebih kurangnya tu dok? Jadi saya mintak tolonglah kepada pihak Pembangkang



mintaklah kelulusan dulu daripada Yang Dipertua Majlis ataupun Dewan Bandaraya. Kalau Kerajaan kuatkuasakan kata Kerajaan zalim pulak, kita takdok masalah dia nak tukar ke nak apapun, terpulanglah tapi saya nak tanya, sejauh mana hebatnya PAS yang nak tukar UMNO ni Dato' Yang Dipertua? Saya tak nampak kehebatan, keistimewaannya, UMNO hari ini sudah genap 65 tahun .... Duduk diam, jangan bangun, duduk diam. Sudah 65 tahun, takdok sejarah lagi, di mananya kehebatan PAS? Jadi bila sebut perkara ini saya teringat pada tahun 1952 Dato' Yang Dipertua. Pada tahun 1952, R. Azmi ada menyanyi lagu, mungkin Dato' Menteri Besar pun ingat, diapun minat lagu ni. Jadi saya minta izin Dato' Yang Dipertua saya nak menyanyi boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Sedap lagu ni, memang terkenang kalau ingat kisah dia memang patut kita sama-sama menyanyilah kalau boleh BBC turut menyanyi dengan saya lepas ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukai kalau nak menyanyi boleh.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dua rangkap aje nak menyanyi. Oh .... payah jugak nak menyanyi ni, sudah lama tak menyanyi ni Dato' Yang Dipertua: "Terkenang ke masa dulu, hatiku merasa pilu", dua rangkap tu aje saya nak menyanyi. R. Azmi menyanyi, jadi apabila terdengar aje lagu ni, saya teringat pada 1999, PAS memerintah Negeri Terengganu parti yang nak ganti UMNO, jadi saya teringat, bila teringat kepada sejarah itu Yang Berhormat Exco kita, Dr. Latiff masa itu kereta dia dirampas di tengah jalan, bangunan Wisma kita ini dikepung macam perompak nak masuk ke dalam. Hak lain-lain seperti kelas tadika dihambat, hak mana fasiliti-fasiliti Kerajaan disekat dan sebagainya, adakah parti ini yang nak menggantikan UMNO? "Terkenang ke masa dulu, hatiku merasa pilu", jadi doksoh duk beranganlah .....(Tepukan sokongan) .... Jangan duk beranganlah, selagi Barisan Nasional, selagi UMNO berada di Negeri Terengganu, PAS jangan mimpi untuk memerintah kali kedua di Negeri Terengganu ini. Itulah keyakinan daripada saya dan jugak rakan-rakan saya yang ada di Negeri Terengganu ini.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ...(Bangun) ....

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tak payahlah, dipersilakan duduk Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekejap aje. Saya ....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi saya dah bagi dah tadi, cukuplah tu Yang Berhormat, masa ini saya nak tumpu kepada

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kan saya menyanyi pulak ni ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): "Terkenang ke masa dulu ...."

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat. Wakaf Mempelam duduk dulu. Sila teruskan Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduk .... duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, Pengkalan Berangan boleh teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia duduk dia beri maksudnya tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tak beri, saya ingat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua suruh sebab saya ini taat kepada Yang Dipertua tak semacam Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak Yang Dipertua suruh saya duduk, itu yang saya duduk tadi tapi yang pergi duduk tu maknanya macam bagi ke saya, itu yang saya bangun semula ni.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Eh .... dok. Hak mana se Yang Dipertua ni, saya orang yang taat ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tak bagi. Dipersilakan Wakaf Mempelam duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nampak takut aje, nampak.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Mukadimah saya, ...(Membaca petikan ayat Quran) yang bermaksud: "Sesiapa yang berhijrah ke jalan Allah maka dia akan memperolehi tempat yang baik, tempat yang luas dan rezeki yang banyak." (Dan menyambung lagi membaca petikan ayat Quran) yang bermaksud: "Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan niat (nawaitunya) dengan berhijrah ke jalan Allah dan RasulNya ...", (menyambung lagi membaca petikan ayat Quran) "Kemudian dia ditimpa kematian, maka sesungguhnya dia memperolehi ganjaran yang besar daripada sisi Allah. Dan Dialah maha pengampun lagi maha penyayang." Saya nak beritahu di sini, ini ayat Quran, orang yang berhijrah semangat perjuangan parti ataupun bukan parti demi kepentingan agama, bangsa dan negara dialah mendapat tempat dan mendapat rezeki yang banyak begitu juga dengan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu yang ada sekarang takdok sebab rakyat nak tukar kepada PAS. PAS tetap PAS, UMNO tetap maju ke hadapan. Jadi Dato' Yang Dipertua, walau sudah menyanyi dah dua baris tu, padan dah semua orang dengar belaka, adik-adik Pemerhati, jadi tolonglah menyanyi balik rumah lepas ni dan setiap orang yang ada dan rakyat seluruh Negeri Terengganu ingatlah kepada R.Azmi pada tahun 1952 yang menyanyi lagu "Terkenang ke masa dulu, hatiku merasa pilu", itulah sejarah PAS memerintah Negeri Terengganu. Jadi itulah sahaja gulungan saya hari ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan. Tahniah. Petang-petang ni ramai yang mengantuk tapi nampaknya tidak ada yang mengantuk dah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita nak mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Kelab Setia, Jabatan Penerangan bagi semua sekolah menengah

Daerah Dungun, adik-adik yang hadir pada petang ini untuk sama-sama memerhati Persidangan kita. Jadi untuk meneruskan penggulungan saya menjemput Wakil Seberang Takir. Sila Yang Berhormat..

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya rasa sebenarnya tak payah dah saya gulung hari ini kalau nak kira sebab padan Yang Berhormat Pengkalan Berangan je tadi nampak padan dah. Tapi saya beri sikitlah sebab kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Saya terlebih dahulu nak ucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja Terengganu yang telah menyampaikan ucapan dan banyak menonjolkan kepada kecemerlangan-kecemerlangan pendidikan di Negeri Terengganu. Dan di samping itu, saya juga berterima kasih kepada Wakil-wakil yang telah banyak menyentuh tentang pendidikan di Negeri Terengganu terutama kepada Wakil Ladang yang saya kira setiap kali Dewan pasti ada soalan berkaitan dengan e-Book ni dan juga berkaitan dengan sains dan teknologi. Jadi perkara-perkara yang sebegitu sebenarnya akan memberi satu impak yang amat bagus kepada rakyat Negeri Terengganu terutamanya kepada para pelajar.

Berkait dengan apa yang disebut oleh Wakil daripada Alur Limbat, berkaitan dengan Pembangunan Bukit Khor. Kita memang sedia maklum bahawa rancangan untuk menjadikan Bukit Khor sebagai satu lagi Hub Pendidikan, memang kita laksanakan dan memang sampai sekarangpun dari segi perancangan kita tidak berubah. Tetapi kita menghadapi beberapa permasalahan di kawasan itu terutama dari segi kos kerja tanah yang agak tinggi. Ini memandangkan keadaan bentuk muka bumi di kawasan di Bukit Khor ini memerlukan penyelesaian dari segi kerja tanah. Tapi walau bagaimanapun, buat masa ini di kawasan Bukit Khor Marang ini ada beberapa pusat pengajian di antaranya ialah Kolej Sendaya (USCI), IKS MARA dan juga TESDEC. Di samping itu, sebenarnya kita juga ada seperti yang disebut ada perancangan daripada pihak UMT, OUM dan juga daripada perancangan untuk membina Sekolah Menengah Sains Marang, Sekolah Menengah Vokasional Kolej Teras Timur, Kolej Matrikulasi, Institut SAFA dan sebagainya. Tapi macam Kolej Matrikulasi ini memandangkan dari segi kos penyelenggaraan tanah adalah agak tinggi, jadi dicadangkan di suatu kawasan yang lain iaitu di kawasan Pulau Kerangga untuk dilaksanakan projek ini. Walau bagaimanapun, kita sekarang ini

sedang dalam perancangan untuk meneruskan penggalakan untuk menjadikan kawasan ini sebagai satu lagi Hub Pendidikan kita.

Berkait juga soalan daripada Wakil Alur Limbat yang ingin mendapatkan status PSKT (Pusat Sains Dan Kreativiti Negeri Terengganu). Sebenarnya projek untuk pembinaan Pusat Sains Dan Kreativiti ini telah dimulakan pada 13hb November 2006 lagi dan masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Sekarang ini kalau dikira kemajuan sebenar sehingga bulan April 2011 ialah 76% yang sepatutnya 90% dan kelewatannya 14%. Walau bagaimanapun, projek PSKT ini diberhentikan sementara pembinaannya di bahagian bangunan kompleks oleh JKR untuk dengan izin, *Independent Checker* selama 14 hari bermula awal Mei 2011 kerana ada beberapa permasalahan yang dikenalpasti dan insyaAllah selepas daripada itu projek ini akan diteruskan. Dan memang sekarang ini pihak JKR telah mengambil tindakan untuk memantau projek ini untuk memastikan disiapkan dengan segera demi memastikan rakyat Terengganu dapat memanfaatkan kompleks ini untuk meneroka dan mendalami ilmu sains dan teknologi.

Berkait pula dengan soalan yang diajukan oleh Wakil Tepoh berkaitan dengan permasalahan Kompleks IMTIAZ. Sebenarnya seperti yang disebut sebelum ini bahawa Kompleks IMTIAZ kita ini belum siap sepenuhnya kerana setakat ini yang siap ialah Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3. Fasa 4, Fasa 5 dan Fasa 6 belum lagi dilaksanakan termasuklah pembinaan Dewan Serbaguna, Bengkel Manupulatif, Pusat Pelajar, Kuarters Guru dan Kakitangan, pagar dan pintu gerbang. Buat masa sekarang ini pagar dan pintu gerbang sudah ada peruntukan, insyaAllah kalau tidak ada aral projek ini, projek pagar dan pintu gerbang ini akan dilaksanakanlah. Dan sementara penyiapan kompleks ini, seperti yang kita sudah persetujuan bahawa pelajar-pelajar ini dipindahkan sementara ke Asrama Yayasan di Pelagat dan insyaAllah kalau Kompleks IMTIAZ ini siap sepenuhnya maka tidak ada masalah untuk pelajar-pelajar itu nanti dipindahkan ke Kompleks IMTIAZ Besut sepertimana yang kita janjikan sebelum ini.

Juga berkaitan dengan yang disebut oleh .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sikit tak?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Dato'

Yang Dipertua. Saya bila bercakap soal Kompleks IMTIAZ Besut ini suatu kompleks yang besar dan saya tertanya-tanya berapa sebenarnya kos keseluruhan kalau katakan sebagaimana yang dikatakan tadi sebanyak 6 Fasa pasal ini semacam nak tubuh satu universitilah dengan pembangunannya peringkatnya, fasanya, jadi kalau boleh dapat maklumat sikit pihak Kerajaan sebut keseluruhan 6 fasa itu agak-agak berapa kos untuk menyiapkan IMTIAZ di Besut ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita perlukan notislah sebab saya tidak ada persediaan untuk maklumkan berapakah kos sebenarnya. Itu bergantung kepada perbincangan dan perancangan kita untuk seterusnya. Kemudian berkait dengan apa yang diajukan oleh Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit. Terima kasih atas jawapan Exco, Wakil Seberang Takir berkaitan dengan perkara tersebut. Cuma saya mengharapkanlah supaya pembinaan kompleks tersebut dapat disegerakan sebab saya ingat dalam Persidangan yang kedua tahun lepas iaitu sekitar bulan 4, Yang Berhormat atau Wakil Kerajaan telah menjawab insyaAllah dalam sekitar akhir tahun tapi biasalah memang projek-projek ini dia biasa tertanggung dan targetnya bulan 6, tahun ini tapi bulan 6 nampaknya tak jadi. Cuma kita perlu kepada keadaan ataupun tindakan yang lebih serius, saya takut sebab pelajar-pelajar sudah mula merasa lain khususnya pelajar tingkatan 4, kalau kita tengok dalam blok pelajar tingkatan 4 mereka ada rasa kecewa kalau tak silap saya 5 atau 6 orang telahpun keluar daripada IMTIAZ Besut ada yang pergi ke KISAS dan sebagainya. Saya kira kalau ini berterusan dia akan memberikan satu pandangan yang negatif terhadap IMTIAZ, sedangkan IMTIAZ ini merupakan satu jenama kita yang sebenarnya yang perlu untuk kita perhebatkan di masa akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, tidak ada masalah sebenarnya di pihak Kerajaan hari ini kalau boleh besokpun nak suruh siap selalu ni kompleks kita, tapi begitulah sebab sepertimana yang juga berlaku di Pusat Sains Dan Kreativiti Negeri Terengganupun macam itu jugak kalau ikut kepada kita besok dah kita nak buka tapi permasalahannya sebagaimana yang saya sebut tadilah. Jadi kitapun mesti memastikan terutama sekali keselamatan pelajar, sebelum kita masukkan pelajar ke satu-satu tempat sama ada di Kompleks IMTIAZ Besut kita kena pastikan bahawa semua fasiliti dan prasarana yang kita laksanakan itu siap 100%. Nanti kita bimbang juga bila masuk nanti timbul pulak *complaint* daripada pelajar-pelajar, nanti ramai pulak pelajar nak berhenti sebab dia kata tidak sepertimana yang dicanang-canangkan,

katanya macam-macam tapi bila pergi sana, tidak ada. Jadi inilah yang kita nak pastikan dulu. Memang kita ketahuilah permasalahan yang disebut itu saya rasa tidak ada masalah sebenarnya sebab apa yang ada di Asrama Pelagat itupun saya rasa memenuhi fasiliti dan prasarana sebuah sekolah dan dari segi kemudahan yang disediakan itupun tidak ada masalah dan mencukupi. Tapi saya nak maklumkan bahawa pelajar-pelajar dan juga yang berkait dengan IMTIAZ Besut ini agar bersabar kerana di pihak Kerajaan, kita akan cuba laksanakan sedaya upaya kita memastikan Kompleks IMTIAZ ini akan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Berkait dengan soalan daripada Tepoh juga, berkait dengan perancangan untuk menambah Sekolah Agama. Memang di peringkat Kerajaan Negeri kita tidak ada rancangan sebab sekarang ini kebanyakan Sekolah Agama mula dilaksanakan di peringkat Persekutuan berasas kepada SABK. Dan dalam soal ini sebenarnya di pihak Kementerian Pelajaran Malaysia ada beberapa perancangan yang telah dibuat contohnya SMKA Merang, Setiu akan dilaksanakan dalam RMK-10, *Second Rolling Plan* dengan izin. Bagi Daerah Kemaman dan Hulu Terengganu masih lagi dalam pertimbangan. Jadi bermakna kalau tidak ada aral kita akan dapat tiga buah lagi SMKA daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Dan selain daripada itu, perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sebuah Sekolah IMTIAZ di setiap daerah dan insyaAllah kalau tidak ada aral pada tahun hadapan kita akan tubuhkan satu IMTIAZ di Marang yang kita jangka tapaknya ialah di Wakaf Tapai. Ini sedang kita kenal pasti kawasan dan kalau tidak ada apa-apa aral insyaAllah IMTIAZ ini akan dapat diwujudkan pada tahun hadapan kerana pada tahun ini kita telah laksanakan sebuah IMTIAZ di Kemaman. Jadi insyaAllah dalam satu masa nanti kita akan dapati bahawa semua daerah di Terengganu ini akan mempunyai paling tidak sebuah IMTIAZ.

Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ladang berkait dengan UNISZA. Jadi untuk pengetahuan sidang sekalian bahawa untuk UNISZA ini sudah ada perbincangan dan sekarang ini masih lagi dalam perbincangan dan di pihak Kementerian Pengajian Tinggi memang pada asalnya sudah bersetuju dengan tuntutan yang kita buat iaitu berjumlah RM184,519,233.00. Tapi ianya masih lagi dalam perbincangan untuk kajian bagaimana kaedah pembayaran itu perlu dibuat. InsyaAllah perkara ini kita akan dapat atasi kerana kita sedang dalam perundingan. Jadi saya tak berani nak sebut lagi kerana perkara ini masih dalam perundingan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Wakaf Mempelam mintak laluan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh mintak laluan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa tak payah sentuhlah sebab ini adalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya mintak Wakil Wakaf Mempelam boleh tanya perkara ini di Parlimenlah atau dapat mintak dipercepatkan sebab kita sekarang di pihak Federal sahaja lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, sekurang-kurangnya biarlah hak Parlimen, di Parlimenlah, ini kita bincang di negeri, jadi saya nak mintak penjelasan sikit, takkanlah nak mintak penjelasan .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya dah jelas dah, perkara ini masih lagi dalam perbincangan dan dari segi bayaran telah dipersetujui cuma kaedah sahaja yang sedang dalam perbincangan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa saya perlu mintak penjelasan kerana jawapan itu bercanggah dengan apa yang saya tahu bila kita cuba tanya di Parlimen. Itu yang kata .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya, pada peringkat awalnya sememangnya kerana pada masa itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk dulu Yang Berhormat, biar dia beri penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya, pada peringkat awalnya Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi memang dia tidak memahami dengan keadaan semasa perbincangan awal tetapi setelah kita ada rundingan dan sebagainya insyaAllah saya rasa perkara ini kita akan dapat selesaikan.

Berkait dengan apa yang ditanya berkaitan dengan e-Book, saya nak ucap terima kasih kepada Wakil Ladang kerana tidak secara langsung beliau telah memperakui dan memuji Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan *Virtual Class* dengan izin, Kelas Maya ini kerana sebuah sekolah yang kita buat ialah di SK Paya Bunga. Dan kalau kita melihat hari ini kita amat terkejutlah kerana sambutan pelajar begitu hebat



sekali kerana selama ini kehadiran pelajar tidak pernah melebihi daripada 63% tetapi hari ini kehadiran pelajar sudah meningkat sampai kepada 100%. Juga daripada Ujian OTI dan TOV yang dilaksanakan di sekolah itupun sudah menampakkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Dan kalau melihat juga daripada kehadiran pelajar sehingga waktu petangpun pelajar sanggup menunggu di sekolah kerana semata-mata untuk mendalami dari segi e-Book ini. Ini adalah suatu kejayaan yang kita perolehi, insyaAllah apabila kita laksanakan di seluruh Negeri Terengganu ini nanti kita akan mendapat impak yang lebih besar. Dan seperti yang kita sebut sebelum ini sebenarnya dengan Program e-Book ini sebenarnya yang *last* sekali kita punya yang terakhirnya adalah *Virtual Class*, ini matlamat kita. Sayapun tak tahulah cikgu mana yang telah beritahu Wakil Ladang saya rasa mesti cikgu ini cikgu perempuan sebab cikgu ini dia tak beritahu saya, kalau dia beritahu saya senang saya boleh selesaikan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mintak laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya sebut bukan cikgu tapi seorang ibu daripada Wanita UMNO. Dia sebut kes itu berlaku kepada anak dia 2 orang dan juga diberitahu oleh Bukit Tunggal, kes yang sama.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak apalah sepatutnya silap jugalah, kena beritahu kepada siapa yang beritahu itu kena jumpa saya kerana saya rasa saya aje yang boleh mengambil tindakan kalau dia khabor ke Wakil Ladangpun Wakil Ladang kena beritahu ke saya jugak.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan isu tindakan tapi peristiwa yang berlaku.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya betul, tapi saya dah rujuk tadi dengan pihak kedua-dua buah sekolah memang Guru Besar kedua-dua buah sekolah itu menafikan dengan sekerasnyalah berkaitan dengan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, saya dah mintak supaya Jabatan Pelajaran mengambil tindakan untuk menyiasat sama ada perkara itu betul atau tidak. Kerana kita melihat hari ini bahawa penggunaan e-Book di sekolah tidak ada masalah sekarang ini malah apabila baru-baru ini saya diberi makluman oleh pensyarah daripada IPGM Dato' Razali di Batu Rakit, Kuala Terengganu

apabila mereka membuat latihan mengajar di sebuah sekolah semasa berlakunya pemantauan kepada Guru Pelatih dan pensyarah itu amat terkejut kerana inilah kali pertama dia melihat guru mengajar dengan begitu berkesan sekali. Jadi di situ menampakkan bahawa apa yang kita laksanakan sekarang ini memang dalam landasan yang betul dan insyaAllah saya yakin dan percaya dengan apa yang kita laksanakan ini dalam 10 – 15 tahun lagi kita akan dapat melihat hasil yang begitu baik sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Bert hormat .....

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya takmboh beri ruang dah sebab masa saya dah agak terhad.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau saya bangun takmboh beri peluang selalu pasal apa?

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Padan dah .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi, duduklah Yang Bert hormat. Sila Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kemudian satu lagi diutarakan oleh Wakil Ladang tadi berkaitan dengan kajian. Kajian yang dibuat oleh UMT dan kajian yang dibuat oleh Intel. Saya rasa tidak ada masalah kerana kajian Intel ini, Intel yang nak buat kajian, kita tak mengeluarkan apa-apa belanja kerana perbelanjaan dikeluarkan oleh pihak Intel. Kajian yang dibuat ini adalah untuk mereka melihat apa yang mereka perolehi ataupun apa yang telah kita buat dan kejayaan-kejayaan yang boleh dibuat untuk dipandu arah untuk dilaksanakan program ini di negara-negara lain yang akan dilaksanakan oleh Intel. Jadi daripada rumusan yang dibuat oleh pihak Intel menyatakan bahawa kejayaan yang sangat besar, ini diperakui oleh pihak Intel dan perkara ini telah disebarkan di negara-negara yang lain dan kita sedar dan maklumlah sebab hari ini kebanyakan negara yang sebelum ini berminat, memang dia orang ini berminat tetapi orang nak melihat dulu kerana dari segi untuk melaksanakan program ini memang kita akui melibatkan kos yang agak tinggi. Jadi kerana itu kebanyakan negara-negara ini nak melihat apa yang sedang dilaksanakan di Negeri Terengganu. Jadi saya yakin dan percaya dalam 2 – 3 tahun lagi apabila mereka melihat pelaksanaan *Virtual Class* dengan izin, saya yakin dan percaya negara-negara lain ataupun negeri-negeri lain juga akan mengikuti jejak Negeri Terengganu. Dan berkaitan dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh laluan sikit?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya dah nak habis dah ni, dah *last* sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): *Last* sekali bila disebut tentang pemasangan e-Book ini tidak dilaksanakan di kilang kita di Gong Badak memang kita akuih kerana apabila baru-baru ini kita hendak melaksanakan dengan cepat dan oleh kerana bilangan pesanan dalam kuantiti yang sangat besar 23,000, jadi untuk kita melaksanakan menggunakan fasiliti yang kita ada memang tidak sempat. Jadi kerana itu pada masa sebelum ini kita menyerahkan kepada sebuah syarikat untuk melaksanakan dengan tidak ada perbezaan harga yang dikenakan kepada Kerajaan dan dalam masa yang sama TOP-IT masih lagi mendapat keuntungan. Jadi saya rasa tidak timbul masalah dalam perkara ini dan insyaAllah perkara pemasangan ini kita akan laksanakan untuk masa-masa yang akan datang. Jadi sekianlah sahaja, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Akhirnya kita jemput Yang Amat Berhormat ADUN Kijal bagi Ketua Kerajaan untuk menggulung. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Pemerhati-pemerhati sekalian.

Turut sama memberikan maklum balas jawapan-jawapan dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Bendahara Raja yang telah menyampaikan ucapan sempena Perasmian Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kali Yang Kedua Belas. Ada beberapa perkara yang dibangkitkan yang telahpun dijawab oleh rakan-rakan saya di pihak Kerajaan dan seterusnya saya ingin mengulas ada yang baru dan ada yang ingin dibuat penambahan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Pertama, saya sendiri kurang faham tentang perkara atau usul yang dibawa semalam oleh Wakil Batu Burok yang tidak ada pada hari ini. Bila saya baca

berulang kali saya dapati apa yang dia hendak sebenarnya? Dia tanya dan dia jawab dan kadang-kadang dia sendiri berasa keliru. Mengenai usul beliau kalau boleh saya baca Dato' Yang Dipertua sekali lagi untuk penjelasan kepada Dewan iaitu Usul Di Bawah 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu yang disebut oleh Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok yang mencadangkan:

"Bahawa Persidangan Dewan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pembangunan Bandaraya Kuala Terengganu yang melibatkan pengambilan tanah-tanah tradisi dan turun temurun orang-orang Melayu sehingga terhakisnya tanah-tanah orang Melayu apabila ada tanah milik orang Melayu di pusat bandar telah bertukar tangan kepada bangsa lain.

Isu ini adalah perkara tertentu kerana telah berlaku pengambilan tanah secara rakus, saya ulangi secara rakus perkataan yang digunakan oleh Batu Burok, dan boleh menggugat masa depan masyarakat Melayu bandar di Kuala Terengganu. Tindakan pengambilan tanah tanpa mengira implikasi serta masa depan orang-orang Melayu bandar adalah amat dikesali dan menzalimi rakyat Terengganu, selagi istilah yang digunakan menzalimi rakyat Terengganu, yang mengharapkan pembelaan Kerajaan Negeri terutamanya golongan berpendapatan rendah yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kenyataan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Terengganu (DPMT), Dato' Ir. Tengku Ismail Tengku Jaafar yang menyarankan agar Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan memainkan peranan bagi menghalang tanah milik orang-orang Melayu di Kuala Terengganu dari jatuh ke tangan bangsa lain wajar diberi perhatian. Beliau telah menyarankan dengan izin: "Perlu ada dasar yang lebih meyakinkan agar perkara ini tidak berlaku memandangkan sudah ada kawasan yang pada mulanya milik orang-orang Melayu kini bertukar tangan setelah dimajukan oleh pihak tertentu". Malahan cadangan beliau agar agensi Kerajaan seperti Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam, Majlis Amanah Rakyat, UDA perlu memainkan peranan mengambil alih tanah-tanah milik orang-orang Melayu di sekitar bandar Kuala Terengganu meskipun bersaiz kecil untuk dimajukan demi kebaikan ekonomi bangsa Melayu adalah amat wajar, bernas dan perlu diteliti kembali oleh Kerajaan Negeri.

Perkara ini melibatkan kepentingan orang ramai kerana tanpa pembelaan yang wajar terhadap tanah-tanah orang Melayu di bandar ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat Terengganu terhadap pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kredibiliti pemimpin negeri. Malahan dengan pengambilan tanah ini maka perkampungan orang-orang Melayu kini telah hilang satu demi satu di bandar Kuala Terengganu seperti Kampung Paya Bunga, Kampung Batas Baru, Paya Keladi, Lorong Haji Jamil dan kini Kampung Tanjung, Kampung Ladang Tok Pelam sehingga ke Cabang Tiga dan Hiliran sedang menunggu giliran untuk diratah dan dimamah oleh pelabur-pelabur yang rakus membeli tanah-tanah orang Melayu di atas nama membangunkan Bandaraya Kuala Terengganu.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh masa depan orang-orang Melayu serta nasib malang yang terpaksa dipikul oleh orang-orang Melayu bandar Kuala Terengganu. Mereka telah menetap dan bertapak di tengah-tengah bandar raya ini sejak ratusan tahun dengan pelbagai warisan sejarah yang begitu penting. Kerakusan pembangunan tanpa memperdulikan implikasi telah menyebabkan satu demi satu tanah serta perkampungan tradisi warisan nenek moyang kita orang-orang Melayu kini hilang dan hanya tinggal pada nama sahaja. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan.”

Inilah Dato' Yang Dipertua, antara perkara atau perkataan yang disebut, rakus, menzalimi dan pada masa yang sama dan dia ikut apa yang disarankan oleh Ir. Tengku Ismail iaitu Kerajaan perlu melalui Lembaga Tabung ke, MARA ke, mengambil balik tanah. Jadi kita tak faham, bila kita ambil dia kata rakus kerana nak meminggirkan orang Melayu tapi dalam keadaan sama dia kata begitu dia pulak cadangkan supaya agensi-agensi ini ambil, ini yang saya kata pelik ni. Sebab itu saya kata dan kebetulan pulak hari ini dia tidak ada Dato' Yang Dipertua, tak bagus jugak tapi saya rasa Wakil Batu Burok ini terkeliru sebenarnya, keliru dengan sikap dan juga nostalgia beliau sendiri. Sebab itu saya katakan tadi bahawa dan saya nak maklumkan Kerajaan bertanggungjawab, Kerajaan melihat masalah ini ke akar umbinya. Dan sebab itulah kita sedar apabila melihat permasalahan berlaku di Bandar Kuala Terengganu, tanah-tanah di Tanjung, tanah-tanah di Ladang yang dulunya milik orang Melayu tapi sekarang ini adalah Pegangan Bebas maka boleh dibeli oleh orang lain terutamanya oleh kaum Tionghua, Dato' Yang Dipertua dengan izin, satu persatu kerana Dato' Yang Dipertua, saya pernah tinggal di Tanjung, di Tanjung Batu Kapur berhadapan dengan tanah arwah Cikgu Jaafar yang pernah jual barang-barang antik juga dijual kepada orang lain yang sekarang ini telah naik bangunan 4 tingkat. Dulu saya

tinggal di sebelah Grand Cond, di situ tanah orang Melayu juga boleh kepada orang lain. Dulu tapak tempat saya bermain takraw bersebelahan Tanjung Vista, di situ juga tanah orang Melayu, tanah arwah Ustaz Alias yang juga telah dijual kepada orang lain. Menyedari hakikat inilah Kerajaan Negeri buat perancangan supaya menyusun semula penempatan penduduk di bandar ini demi menyelamatkan harta orang Melayu ini kembali kepada Kerajaan maka Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dipertanggungjawabkan untuk mengambil balik tanah-tanah ini untuk disusun semula, dibuat pembangunan dan kita buat dasar bahawa 50% daripada bangunan perkedaian yang bakal dibuat nanti akan terus dipegang oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan yang akan disewakan kepada peniaga Melayu Bumiputera. Maka 50% akan dijual dan kita memastikan bahawa sekurang-kurangnya 30% lagi dibeli oleh orang Melayu bermakna 80% sekurang-kurangnya hakmilik kekal ditangan orang Melayu di dalam Bandar Kuala Terengganu. Walaupun kita sedar harga yang dibeli terlalu mahal, bayangkanlah tanah di Ladang Tok Pelam Dato' Yang Dipertua, 15 ekar kita bayar hampir RM77 juta, lebih mahal daripada Shah Alam sedangkan di Terengganu kalau nak kira untung kita tak boleh untung. Di Terengganu kita tak boleh nak buat rumah kedai 10 – 15 tingkat, tak laku, yang paling laku 4 tingkat dan permintaan paling banyak 3 tingkat sahaja kerana lot pejabat tidak laku, rumah kedai sahaja. Dan bukan itu sahaja, orang kampung hari ini lebih bergembira Kerajaan ambil balik tanah kerana bila Kerajaan ambil balik apa yang dibayar bukan sahaja tanah, rumah, reban ayam, pokok, telaga dibayar oleh Kerajaan. Dan kita tahu berapa banyak lagi tanah-tanah yang kita ambil balik baru-baru ini yang telah terlepas ke tangan orang lain dan lebih daripada itu bukan sahaja dibuat pembangunan kedai, dari segi geopolitiknyanya kita ingin menempatkan orang Melayu kekal dalam bandar sebab kita sedar mereka yang berkerja sebagai penarik beca, berkerja di Pasar Kedai Payang takkan kita nak hantar mereka di Pagar Besi, di Batu Rakit. Dan untuk mengekalkan mereka di bandar kita terpaksa buat perumahan, sebab itu kita kena siapkan rumah dulu iaitu Projek Perumahan Rakyat Ladang Gemilang, harga rumah seunit Dato' Yang Dipertua, lebih daripada RM150,000.00 seunit tapi kita jual kepada rakyat kita yang tinggal di situ hanya dengan harga RM75,000.00 iaitu lebih 50% subsidi, mana ada Kerajaan di negara kita ini yang beri subsidi lebih 50%.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mintak laluan sikit.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti nak terang dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanya hak satni takut terlupa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sabar, sabar, saya tahu, saya nak jawab sekejap. Dan sebab itu saya katakan tadi bahawa kita beri ini secara sewa dulu sebab kita tahu dasar dia 3 tahun pertama dianggap sewa, kalau tidak ada *complaint*, tidak ada berlaku salahguna baru kita jadikan duit ini sebagai bayaran permulaan kepada sewabeli rumah ini. Sebab itu kita buat begitu sebab pengalaman kita mengajar kita, orang kita dapat rumah lepas itu beri sewa kepada orang lain, inilah yang berlaku. Baru-baru ini kita telah tarik sebuah rumah kerana tuan punya rumah yang dapat rumah ini jadikan homestay dan ada yang telah beri sewa. Sebab walaupun pada peringkat awal kita beri RM300.00 kita telah berjanji hari itu bagi mereka yang layak kita akan beri sewa RM126.00 sahaja tapi buat permulaan bayar RM300.00, kalau nama mereka ini diberi bukan kita yang putuskan, Kementerian Pembangunan Bandar Dan Wilayah yang akan menentukan mereka ini masuk dalam e-Kasih atau tidak. Sekarang ini ada seramai 46 orang yang memohon dan daripada 46 orang yang dihantar kepada Jabatan Pembangunan Negeri Terengganu ini, 18 didapati tidak layak awal-awal lagi, tidak layak dimasukkan dalam Senarai e-Kasih dan tinggal lagi 28 orang yang layak dibanci, daripada 28 orang yang layak dibanci ini setelah selesai bancian dibuat, kajian semakan dibuat 10 telah selesai dan daripada 10 hanya 2 yang layak untuk masuk Senarai e-Kasih, 8 itu tidak layak. Dan tinggal lagi 18 orang yang belum dimuktamadkan kajiannya dan dijangka siap pada 19 Mei ini. Dan bila mereka ini layak, dihantar kepada kementerian untuk dipersetujui maka mereka ini layak menerima RM126.00 sebulan maka mereka dibayar oleh Kerajaan RM126.00 sebulan. Dan kalau dia bayar sekarang RM300.00 kita akan pulangkan lebihan itu kepada mereka atau kalau dia bersetuju dijadikan sebagai deposit untuk apabila selesai 3 tahun nanti nak beli ianya dijadikan sebagai wang pendahuluan. Kelebihan itu kita berikan lagi Dato' Yang Dipertua, rumah biasa kita beri 3 bulan, maaf dulu kita bagi 10% sebelum masuk Rumah Kos Rendah, Rumah Mampu Milik kita mesti membayar 10% daripada harga rumah, kalau rumah ini RM75,000.00 dia kena bayar RM7,500.00 tapi kita beri keistimewaan kepada penduduk Ladang bayar 2 bulan deposit campur bayaran bulan pertama, inilah keistimewaan yang kita beri. Kerajaan tidak pernah menzalimi rakyat, Kerajaan tidak pernah membohongi rakyat hanya rakyat yang membohongi kita. Sebab itu saya kata Kerajaan bertanggungjawab. Saya tinggal di Tanjung, saya tahu perasaan dan hati nurani mereka. Mereka tinggal di tanah haram, jadi setinggian, kalau ikut peraturan Yang Berhormat Wakil Ladang tahu sebagai penjawat awam, sebagai Pegawai Tinggi Kerajaan, kalau tinggal dan terokai tanah secara haram dan ikut Peraturan dan Undang-undang Tanah mereka boleh didenda RM10,000.00, 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Saya tahu, saya juga penjawat awam tapi kita tidak pernah mendenda, mendakwa mereka yang duduk secara haram ini tetapi apabila sampai masanya Kerajaan ingin bangunkan tanah-tanah ini, tanah Kerajaan, kita beri peluang kepada mereka, kita tak bagi pampasan, memang dari segi undang-undang kita tidak boleh bagi pampasan kerana tanah bukan milik

mereka cuma kita beri saguhati RM5,000.00 – RM6,000.00 seorang. Itulah Kerajaan lebih baik, beri saguhati lagi sepatutnya kena denda, kena halau tapi Kerajaan beri saguhati, beri rumah pulak 50% subsidi dengan harga RM75,000.00 supaya mereka kekal dalam bandar. Lepas itu nak buat lagi projek baru tambahan, kita beri pilihan kepada mereka yang akan kita buat 30 tingkat termasuk 24 tingkat rumah, 6 tingkat tempat letak kereta di tapak yang telah kita bersihkan sekarang di Ladang Tok Pelam. Sebab itu kita katakan ini adalah sebagai transit kalau mereka rasa nakkan lebih selesa, kita boleh beri rumah 834 kaki persegi yang lebih besar. Bagaimana lagi kita nak jaga rakyat sebab kita tahu setiap 5 tahun sekali kita nakkan undi rakyat, takkan kita nak menghina rakyat atau menyusahkan rakyat. Tapi apakan daya, bagi yang tidak pernah bersyukur beri *freepun* dia tetap tidak menyokong kita, ini biasa. Sebab itu saya katakan tadi bahawa kita tidak pernah melaksanakan tugas ini demi untuk menyusahkan rakyat, RM126.00 akan kita teruskan setelah nama ini kita selesaikan, itu yang kita katakan. Di samping itu, kita buat lagi tambahan yang baru, bayangkan Dato' Yang Dipertua, kita buat peringkat yang pertama dulu rumahnya sebanyak 280 unit, kos kita peringkat pertama RM51,138,345.60. Yang kedua kita buat, Peringkat 2, RM44 juta 192 unit kerana kita terpaksa menyediakan tempat letak kereta bertingkat, tanah tidak ada. Di Kuala Terengganu ini semua di kawasan bandarnya dipenuhi dengan kubur. Tidak ada bandar .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bolehlah tu sikit, bukan apa takut tertinggal banyak dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tadi nak mintak penjelasan tentang rumah tadi, apakah dia sewabeli sebenarnya begitu ataupun dia merupakan satu tempat transit untuk ke tempat lain. Dan kalau transit apakah bayaran dia selama 3 tahun itu diambil kira sebagai bayaran rumah itu atau bagaimana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut tadi ianya sewabeli sebab itu mereka yang terlibat kita tempatkan di situ. Lepas itu kita buat satu lagi unit tambahan bila kita merancang untuk buat pengambilan balik peringkat kedua. Sebab kalau kita macam saya kata tadilah, di Terengganu ini tidak tempat dah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya tanya tadi, Dato' Yang Dipertua, sekejap deh. Saya tanya itu sebab baru-baru ini ada Pegawai Pembangunan Ladang beritahu kepada penduduk di situ bahawa mereka tidak boleh milik rumah di situ sebab ianya merupakan transit



sahaja, kalau nak beli, beli hak di Ladang Tok Pelam. Jadi saya mintak penjelasan daripada Yang Amat Berhormatlah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya Ketua Kerajaan sepatutnya sayalah menjadi rujukan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Apa yang diberitahu itu tidak betullah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Mungkin tak betul, mungkin kekeliruan berlaku, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini yang rasmi Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Inilah yang rasmi, jawapan rasmi Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebab itulah saya nak tanya berulang kali tu, nak mintak pengesahan itulah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya jawab dah tadi. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Merupakan sewabeli, ya. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yes. Sebab itu saya kata Dato' Yang Dipertua, kita ambil kira semua dah sebab itu kita tengok dari segi apa yang disebut dalam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Cuma satu lagi Yang Amat Berhormat, ..... minta maaf. Tadi kata hak kebajikan e-Kasih, bagaimana pula dengan mereka yang mendapat bantuan daripada MAIDAM, apakah juga diambil kira?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, setelah kita terima e-Kasih baru kita ambil kira yang terima MAIDAM itu, kita buat sekaligus kalau tidak, selesai MAIDAM akan lebih rumit lagi, orang kata hak

MAIDAM RM126.00, hak e-Kasih tak boleh lagi sama miskin macam dia jugak, orang PAS jugak pergi duk cucuk macam-macam, kata macam-macam, duk tunjuk perasaanlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jadi maknanya yang MAIDAM itu diambil kira jugaklah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yes sekali lagi. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, kita ini macam kata tadilah, kita bersedia berkorban demi rakyat sebab saya kata tadilah dalam keadaan kita beri macam itupun berarak tunjuk perasaan jugak, kata macam-macam ke kita sebab itu saya kata kita tidak fikir sangatlah, majoritinya suka kepada Kerajaan dan apa yang kita lakukan. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, apa yang saya nyatakan tadi iaitu mengenai permintaan Wakil Batu Burok, dia mintak agensi Kerajaan bangunkan, dah kita buat bangunkan sepatutnya tidak timbul lagi isu. Tapi mintak supaya diadakan Usul Tergempar dan sebagainya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Isu politik Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu saya nampak Dato' Yang Dipertua, sebenarnya dia nak jadi jaguh aje, jaguh sementara kerana nak tunjuk seolah-olah PAS ni berjuang untuk mereka, kita berlawan dah, mintak dah tapi Kerajaan tak layan, Kerajaan tak buat apa, itu aje. Tapi menggambarkan betapa naifnya pemikiran kita .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf, beracap sikit tak apa dok?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Acap dah boleh Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita orang silat ni bila-bila masa tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar kacau tapi mintak penjelasan boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya tak kacau tapi maknanya sebab Kemaman belaka ni dua-dua orang ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan kacau, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mintak penjelasan. Sebelum terlupa lagilah tentang industri-industri yang pernah berada di situ seperti membuat keris, tembaga tu sekarang ini dia tak boleh berniaga di situ kerana tempat takdok dah, bagaimana perancangan sementara (interim) sebelum dibina yang bangunan baru?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semua industri kecil ini kita dah buat bayaran pampasan, gantirugi dan sebagainya bukan sahaja tanah termasuk juga kerugian perniagaan mereka dan mereka telahpun berpindah dan tidak ada masalah termasuk juga pengusaha batik. Cuma satu lagi pengusaha tembaga yang paling besar di situ, dan pengusaha tembaga itu kita telah bersetuju, dia telah bersetuju kita bagi satu lot tanah di kawasan yang kita akan bangunkan yang menyebabkan mereka kekal di situ dan ini industri yang paling besar, saya tak mahu sebut namalah dan sekarang ini masih belum berpindah, nampaknya dia telah bersetuju sebab dia yang paling besar di situ, yang kecil-kecil ni telah berpindah ke tempat lain setelah kita bayar pampasan, gantirugi perniagaan dan sebagainya termasuklah pengusaha batik yang terdapat di Ladang Gemilang itu. Tidak ada masalah, yang jadi masalah sekarang ini ialah orang luar yang tidak ada kena mengena, yang cuba mengadudomba. Tuan tanah, orang yang duduk secara haram mereka gembira, selama ini duduk dalam kata orang Terengganu, dalam air limpahan, air *cor*, duduk depan tangga orang dan sebagainya, air di bawah rumah banyak, nyamuk banyak dan sebagainya, sekarang mereka tinggal dengan lebih selesa. Tapi bila ada orang yang cuba mengambil kesempatan dia pergi *cokek*, terlatahlah kawan ni. Inilah yang berlaku Dato' Yang Dipertua. Sebab itu saya mintak kita bertanggungjawab, Kerajaan juga ada tanggungjawab. Kita malu sebab macam saya sebut dalam Dewan yang mulia Dato' Yang Dipertua dulu, kita boleh dapat lebih murah jika buat *reclamation*, RM4 -5 juta seekor tak payah benda, tanah kosong boleh dapat tapi sampai bila takkan kawasan yang kita *reclaim* ini dapat buat bangunan molek, cantik tapi kawasan ini masih lagi menjadi kawasan setinggalan, menjadi *eyesore*, bulu mata kita tengok Dato' Yang Dipertua, kita kena buat perubahan. Inilah yang hendak kita lakukan tapi kita mintak tolonglah janganlah jadikan ia sebagai isu politik. Kita nak beri keyakinan, kebaikan kepada rakyat kita sebab itu saya katakan tadi kalau nak tengok daripada apa yang disebutkan ini, kita lakukan yang terbaik kepada orang-orang Melayu bukan kerakusan, bukan kezaliman. Kita prihatin sebab disebut di sini: "Tanah-tanah kecil meskipun bersaiz untuk dimajukan demi kebaikan ekonomi Melayu amat wajar ....", sebab itu kita sedar tanah yang kecil tidak boleh dimaju tapi bila kita ambil kita buat pembangunan, walaupun tanah besar, ini *heritage* (harta pusaka), bergaduh sesama sendiri, ada

abang nak maju, adik tidak bersetuju, adik nak maju jika berkemampuan bergaduh pulak sesama sendiri akhirnya biar Kerajaan ambil balikkah, mudah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Untuk penjelasan sikit. Minta maafah Dato' Yang Dipertua. Kalau boleh diberitahu tentang pembangunan Paya Keladi 2 depan pasar itu, bakinya milikan setelah dijualbeli itu berapa agaknya milikan orang Melayu sekarang berbanding dengan bukan Melayu, begitu juga kalau di Cabang ke atau di mana-mana pembangunan yang akan dibuat ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya akan jawab sebentar lagi, ini dalam proses nak jawab kawasan Ladang dulu. Sebab itu saya katakan tadi bahawa apa yang kita lakukan ini kita sedar bahawa demi kebaikan hakmilik orang Melayu dalam bandar. Sebab itu kita prihatin, kita yakin dengan perancangan yang kita buat ini sekurang-kurangnya ada tempat mengadu. Macam saya sebut tadi 50% akan kita sewakan sudah tentu bila kita sewa harganya lebih murah berbanding dengan harga pasaran. Dan kita telahpun berpakat untuk menjalankan pembangunan ini secara serentak insyaAllah kalau tidak ada halangan bulan Jun atau Julai ini kita akan laksanakan pembinaan apartmen 30 tingkat dan ada 8 blok perkedai, 3 dan 4 tingkat yang akan naik serentak iaitu dibuat oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan, dibuat oleh SEDC, dibuat oleh KETENGAH Holdings, ini semua Anak-anak Syarikat Kerajaan yang akan kita laksanakan. Jadi jangan bimbanglah, jangan syak wasangka apa yang hendak kita lakukan demi kepentingan rakyat.

Di samping itu, sebagaimana saya sebutkan tadi di Paya Keladi Peringkat 1 lebih daripada 80% dijual kepada bumiputera. Peringkat 2 saya sedang menunggu laporan, minta maaf saya akan sebut jawapannya pada Persidangan akan datang daripada pihak pemaju sendiri, siapakah pembeli kepada projek tersebut. Dan begitu jugak apa yang berlaku di Cabang Tiga, yang berlaku di Cabang Tiga kerana asalnya bukan kita, kontraktor atau pemaju yang dipilih ini adalah dipilih dari zaman PAS, asalnya dibuat oleh EDV dan ketika itu kita hanya dapat tak besar Dato' Yang Dipertua, lebih rendah daripada apa yang kita lakukan sekarang, lebih kurang RM12 juta yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri iaitu melalui GPQ yang saya sebut dalam Dewan yang lepas bahawa Majlis Perasmian Pecah Tanah dilakukan pada 17 Mac 2004, empat hari sebelum Pilihan Raya Umum 2004 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Hadi ketika itu. Dan kita tahu tuan punya EDV iaitu Chin Kin Chia dan Wee Chai Leong. Dan banyak projek yang diperolehi oleh EDV, kalau kita dia kata kroni, ini kroni PASlah ni. Apa yang kita dapat hari itu cuma lebih kurang RM12 juta tapi bila kita ambil alih, syarikat ini menarik diri dari pembangunan tanah ini dan dia beri kepada satu syarikat lain yang dinamakan iaitu Pasifik Impian dan kita mendapat lebih kurang RM17 juta

lebih RM15 juta daripada apa yang kita dapat sebelum ini. Malahan dalam bentuk wang tunai RM5 juta dan juga yang lain-lainnya dalam bentuk pasar baru yang dibina di atas anak sungai di Cabang Tiga itu untuk kegunaan. Sebab itu saya sebut, bila ditanya saya tak sempat nak jawab soalnya apa rasional pembinaan Pasar Cabang Tiga yang kedua, bukan yang kedua sebenarnya insyaAllah bila semuanya siap nanti semua akan pindah di situ termasuk juga peniaga Pasar Kedai Payang yang hari ini mengikut JKR sudah tidak selamat digunakan di bahagian jual sayur dan jual ikan kerana besinya telah reput. Kita sudahpun keluarkan notis dan suatu hari nanti semua pasar ikan dan sayur ini akan pergi ke Cabang Tiga. Pasar Kedai Payang ini hanya tinggal untuk pasar menjual barang-barang kering sahaja termasuk pakaian, batik dan sebagainya. Dan kalau dulu kita lihat di zaman 50an dan 60an memang pasar diperlukan di tepi sungai kerana untuk bawa masuk ikan, kenderaan pada masa itu adalah bot-bot nelayan sahaja tapi hari ini tak perlu sungai lagi sudah ada kenderaan lori dan sebagainya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, bakpe duk tengok ke saya sokmo, tengok ke Dato' Yang Dipertuakan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya tengok ke depan ni, kalau pusing ke sini orang susah nak tengok pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukankah Dato' Yang Dipertua kata suruh tengok ke dia sokmo.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa Dato' Yang Dipertua, saya takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, panjang lagi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Boleh tahan lagilah nak jawab panjang lagi. Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya katakan tadi, malahan kita buat lebih baik daripada PAS lakukan projek Cabang Tiga ini, masa PAS dapat RM12 juta, masa kita dapat RM17 juta. Lepas itu masa PAS 30% dijual kepada bumiputera tapi masa kita 50 – 50, itupun dibangkitkan kalau boleh lebih lagi, walhal kita dah dapat lebih daripada perjanjian yang telah dibuat pada zaman PAS ketika itu di antara EDV dan GPQ. Sebab itu saya katakan tadi 'cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar', janganlah kita nak pukul-locong merasakan bahawa 'kuman di seberang lautan nampak, gajah di depan mata tidak nampak'. Kita juga bertanggungjawab. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, kita lakukan ini demi kebaikan kita termasuk yang sebut tadi saya nak tambah lagi iaitu apa yang dilakukan di Pulau Kambing. Di Pulau Kambing diberi kepada satu

pemaju, asalnya padang bola, pada zaman PAS hari ini naik bangunan dan di peringkat awal terdapat RM3 juta sahaja, saya mengarahkan Pengerusi Korporat ketika itu mintak lagi RM1 juta tambahan, akhirnya pemaju setuju nak beri tambahan RM1 juta lagi. Saya suruh mintak, saya kata kalau tak mahu mungkin tak jadi bukan payah sangat tanah itu tanah kita. Dan begitu jugak apa yang disebut tadi sebenarnya minta maaf, PAS telah mengecewakan golongan muda di Terengganu ini. Tidak ada pembelaan kepada golongan belia, padang bolapun dibuat pembangunan, di Tok Adispun kita nak sedia 10 padang bolapun dijadikan pembangunan. Bukan itu sahaja Dato' Yang Dipertua, saya dapat *figure* yang terbaru iaitu projek yang macam saya sebutkan tadi iaitu di Bukit Depu, di Bukit Bayas. Dia dua projek diberi sekaligus kepada ANZ, satu projek 52 ekar di Tok Adis, satu lagi tanah serta bukitnya sekali dekat Flat Bukit Depu. Dahlah tanah itu diambil untuk ditambun secara percuma kepada kawasan paya, arah pulak Pejabat Tanah dan Majlis Bandaraya tambun tanah itu secara percuma, dapat pulak RM9 juta lebih, harga ambil tanah dah RM7 juta lebih, lepas itu satu lagi lot tanah di Bukit Depu tak beri apa-apa sumbanganpun, 1,073 unit keseluruhan rumah di Tok Adis dan Bukit Bayas. Di Bukit Bayas saja 306 unit, 118 unit Rumah Sederhana 1 Tingkat, Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat 68 unit, Rumah Berkembar 1 Tingkat 86 unit, Rumah Banglo 1 Tingkat 24 unit, Rumah Kedai 2 Tingkat 10 unit, 306 unit tanpa satu senpun diberikan kepada Kerajaan, hatta suraupun tidak buat. Saya didatangi penduduk di kawasan itu supaya Kerajaan buat surau. Sebab itu saya kata 'kuman di seberang nampak, gajah di depan mata tidak nampak'. Ini orang semua tahu, EDV siapa dia? ANZ siapa dia? Tapi dengar kata hari ini perang dah antara ANZ dengan orang kuat PASlah, sekarang tidak jadi Wakil Rakyat dah, takmboh sebut nama, faham-fahamlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak penjelasan sikitlah. Yang Amat Berhormat semasa jawapan tadi dia tengok ke sini lepas itu bila kawan tu tegur dia tengok ke saya pulak. Jadi saya ...(sambil gelak) ... Tapi sebenarnya begini Yang Berhormat Dato', saya nak mintak penjelasan, bukan kita nak pertahankan mana-mana pihak berhubung dengan kes pembinaan-pembinaan dalam bandar dan jugak dengan pembahagian segala itu dengan perancangan masing-masing. Yang saya rasa nak tanya Yang Amat Berhormat ni, duk sebut masa zaman PAS buat gini, buat gitu, EDV dan sebagainya. Ada satu pembangunan yang sampai sekarang betul-betul *eyesore*, betul-betul berbulu mata iaitu Projek Plaza Paya Bunga, Lot PT 3073K Mukim Bandar. Projek mula tahun 1997, sekarang ini dikatakan siap oleh ABI Construction Sdn Bhd tapi yang beroperasinya Mc Donald, jadi apa benda cerita itu yang sampai sekarang tidak selesai, bangunan siappun tidak duduk jugak. Jadi kita bukan nak berbangkit tapi sekurang-kurangnya kita nak tengok biar jadi comel, molek belaka. Jadi saya harap Yang Amat Berhormat lepas ini jangan duk tengok ke saya sokmo, tengok tak ke lain retek.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya tengokpun saya takdok hal Yang Dipertua. Sebab itu saya kata tahun 1997 zaman UMNO, 1999 zaman PAS sampai 2004 baru 5 tahun, takdok benda tak siap jugak, zaman kitapun tak siap jugak, jadi *penglole* kita dua serupaye, hak projek itu sajalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau sebut serupaye, boleh tahan sikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak, hak projek tu, projek tu aje. Nak main-main silat, nak dekorpun tak apa, dang lagi jawapan. ....(Sambil Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Okey Dato' Yang Dipertua, projek ini telah menjadi isu mahkamah dan apa semua, kita cuba selesai nak bayar kepada bank, nak ambil keseluruhannya tapi bank tak benarkan, macam-macam usaha, kita cuba selesaikan. Kitapun berbulu mata jugak, kitapun orang kata macam-macam. Yang Berhormat Wakaf Mempelampun mengalami sendiri jugak masa 5 tahun dahulu, jumpa jugak dengan pemaju ni. Kita memang susahlah, kita nak buat apa tak boleh sebab pembangunan buat, kalau tak dibuat daripada awal senang, kita boleh *terminate*. Pembangunan telah berjalan dan hampir siap, sikit saja lagi yang tak siap. Perkara ini sama saya kata jadi serilah baru dalam kes ni sebab sama-sama memerintah.

Oleh itu, kita rasa dukacitalah dengan 306 unit ni, dengan tanah, dengan bukit sekali diberi, ditambun tapi tak boleh *sekepeng*, orang Terengganu kata Dato' Yang Dipertua. Dan kita lebih prihatin saya katakan tadi, nak bagi 50%, kita buat, 50% mintak kita bagi, kita dah lebih dari apa yang kita dapat. Sebab itu saya katakan bahawa Kerajaan kita ini bertanggungjawab. Kita bukan senang-senang, kita ada Jawatankuasa Pelaburan Dan Perancangan, lepas itu bawa ke Jawatankuasa Tertinggi, jarang saya rasa bila bawa kepada saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Negeri kita mintak kurang, malah saya kata okey, mintak lebih lagi, kita mintak seberapa banyak yang boleh. Kadang-kadang sampai pemaju itu termenung: "Nanti dululah tak boleh beri jawapan lagi." Tangguh dululah. Tanyalah pegawai-pegawai, saya bukan kaki reka, ia bukan senang. Sebab itu saya kata kita buat ini kita ada tanggungjawab, sebab itulah kita beri semua subsidi-subsidi ini untuk Kerajaan termasuk juga Pembangunan Pulau Duyong. Kalau nak kira Yang Berhormat Bukit Tunggal di Duyong Kecil itu 30 ekar adalah tanah Kerajaan, cuma 8 ekar saja tanah rakyat, tanah orang ramai.

Mereka semua duduk secara haram, Kerajaan tak halau pun sampai hari ini tapi bila sampai masa mereka terpaksa berpindahlah, walau bagaimanapun kita akan gantilah. Kita buat rumah sekarang ini RM140,000 seunit, rumah besar 834 kaki persegi kalau di Kuala Lumpur saya diberitahu RM200,000 lebih harganya. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat berpuas hati dengan model rumah kita, baru-baru ini semasa beliau hendak lancarkan rumah pertama iaitu dikatakan lebih kurang RM200,000 dan yang berkualiti sebagaimana model rumah kita yang kita buat di Pulau Duyong. Malahan saya telah mintak arkitek buat lebih bagus lagi di masa akan datang. Sekarang ini master bedroom 3.6 meter, yang bilik kedua 3.3 meter dan bilik seterusnya 3.1 meter. Saya mintak selepas ini rumah flat kita, kita buat 3.6 meter x 3.6 meter sama besar semua sekali dan lebih tinggi dari segi silingnya lebih 2 kaki lagi sebab kita tahu negeri kita panas dan anak-anak kita ramai, boleh kita pakai katil *double decker* taklah dekat sangat dengan siling, panas dan sebagainya. Ini semua untuk keselesaan. Sebab itu saya sebut tadi, mana ada Kerajaan yang beri subsidi 50% dan mungkin lebih daripada 50% selepas pada ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, saya ingat kita tangguh dulu sekejap dan disambung semula selepas pada ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguh untuk minum petang dan kita masuk sambung semula ke sidang kita ini jam 4.20 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.00 PETANG.



#### PUKUL 4.20 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Dijemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyambung penggulungan seterusnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, satu lagi yang saya ingin jelaskan mengenai pengeluaran lesen melombong bijih besi. Setakat ini Kerajaan Negeri hanya meluluskan 4 Lesen MC sahaja dikeluarkan iaitu yang pertama diberikan kepada Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd. Bertarikh 5hb Julai 2009, Kedua, TBN Mineral Sdn. Bhd. Pada 4hb November 2009. Ketiga, Wahaba Wangian Sdn. Bhd. Pada 23hb Julai 2009. Dan yang keempat, kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Ketiga-tiga projek di atas tadi telahpun mengeluarkan dan telah beroperasi manakala bagi Tabung Amanah Warisan kerja-kerja ukur sedang berjalan. Di samping itu, saya nak maklumkan oleh kerana Kerajaan menyedari bahawa bijih besi ini mungkin merupakan sumber pendapatan negeri pada masa depan, justeru itu Kerajaan Negeri tidak lagi membuka atau mengeluarkan lesen-lesen kepada individu atau syarikat selain daripada Kerajaan Negeri. Dan dari segi royalti juga tidaklah berbaloi dengan apa yang dikeluarkan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa royaltinya kecil bagi perlombongan bijih besi ini cuma 5% sahaja. Sebab itulah pada tahun 2009, kita hanya memungut hasil sebanyak RM2,272.64, pada tahun 2010 RM129,714.61, 2011 – RM77,077.66 menjadikan jumlah pungutan dari 2009 sehingga akhir April sebanyak RM214,014.91 sen sahaja dipungut. Sebab itu saya katakan tadi bahawa Kerajaan tidak lagi berhasrat mengeluarkan MC kepada syarikat persendirian dan sebagainya kerana Kerajaan ingin terlibat secara sendiri secara langsung sama ada *jointventure* atau sebagainya yang boleh memberikan pulangan yang lebih lumayan kepada Kerajaan Negeri.

Di samping itu Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh mengenai apa yang disuarakan, dibangkitkan oleh .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit. Menyentuh tentang bijih besi ini, dulu saya dengar dan kita semua dengar bahawa Yang Amat Berhormat pernah menyatakan ada kecurian berlaku. Jadi kita nak tahu setakat mana dah kecurian itu berlaku, berapa yang dicuri, siapa yang kena siasat dan apakah hukuman yang dijatuhkan kepada mereka?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, perkara ini masih lagi dalam siasatan. Jadi saya tidak mahu mengganggu tugas siasatan yang dibuat terutamanya oleh SPRM.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sememangnya ada kecurianlah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Itu saya sendiri sudah laporkan, tunggu keputusan siasatanlah Dato' Yang Dipertua. Di samping itu, saya nak katakan tadi bahawa kita akan mengadakan usahasama dengan syarikat-syarikat dari segi perlombongan ini yang boleh memberi pulangan lumayan kepada Kerajaan Negeri.

Dan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Tunggul yang nampaknya secara sinis menyatakan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Terengganu baru-baru ini terutama ke Bukit Tunggul sama ada lawatan itu sebagai Presiden UMNO ke Perdana Menteri? Jadi kita nak maklumkan bahawa sebagai Perdana Menteri beliau adalah hadir sebagai Perdana Menteri dan juga sebagai Presiden UMNO beliau jugak adalah hadir sebagai Presiden UMNO. Jadi seorang pakai dua bajulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Cuma bendera itu takdok, bendera untuk Perdana Menteri, ada bendera untuk Presiden ajelah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, itu kita punyalah takdok masalah, kitapun ucap terima kasihlah sebab PAS sambut jugak mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri. Sebab itu saya kata tadi PAS berjuang Islam tapi tak pernah merasai berjuang sebagai seorang Islam, tidak pernah mengambil hati dan perasaan orang lain. Dalam program-program yang dibuat oleh PAS, UMNO tak pernah ganggu, UMNO tak pernah pergi tampal bendera dia, poster dia semasa program PAS. Tapi bila ada program UMNO/Barisan Nasional, PAS pergi tampal sokmo dengan poster yang macam-macam. Tapi itulah dan saya mintaklah ADUN Ladang ni saya rasa lain sikit sikap dia, kita faham sangatlah, dia sebenarnya jiwa dia lembut sangat tapi dah bercampur dengan orang keras, jadi keras jugak ....(Dewan Gelak) .... Dan satu lagi Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya cakap tadilah, walau apa keadaan sekalipun tapi sebenarnya membawa rahmat kepada penduduk Bukit Tunggul dan Manir. Bila kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Bukit Tunggul maka Perdana Menteri telah meluluskan dua projek untuk Bukit Tunggul. Pertama, Pasar Baru Bukit Tunggul berharga RM4 juta dan kita harap pasar ini dapat dibina segera kerana kelulusan telahpun diberikan. Surat kelulusan telahpun kita terima daripada

Jabatan Perdana Menteri. Yang kedua, pembinaan jejantas yang menghubungkan antara Sekolah Menengah Bukit Tunggul dengan Sekolah Rendah Bukit Tunggul yang terlalu sibuk di simpang empat itu telahpun juga diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak RM3 juta. Maknanya lawatan Perdana Menteri ke Bukit Tunggul dapat RM7 juta, inilah bagai dikata 'memberikan kepada yang kasih, meminta pada yang sayang', sekurang-kurang rakyat Bukit Tunggul, Terengganu dapat nikmat di atas kehadiran Perdana Menteri.

Dan akhirnya saya sebutkan tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): ....(Cuba untuk mencelah) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: InsyaAllahlah, kalau ada masa, lambat lagi pilihan raya, kita bawa pulak ke Ladang. Takdok masalah. Saya kalau boleh ke setiap DUN saya nak bawa sebab boleh pitih bila mari.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebenarnya beliau pergi ke Ladang, Yang Amat Berhormat di Taman Syahbandar, orang Ladang ramai mari.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Di Taman Syahbandar tu bukan kawasan Ladang tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepi Ladanglah, lalu ikut Ladang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa Dato' Yang Dipertua. Dan sebagaimana saya katakan tadilah dari segi kroni, kroni ni, saya tahulah sahabat saya, Wakaf Mempelam macam saya jugak dia takdok kroni tapi orang lain ada kroni tapi nak buat macam mana bila satu parti kena belakalah kita. Macam saya kata tadilah *penglole gok kita ni*. Jadi sebab itu saya kata yang kroninya bukan kroni Wakaf Mempelam tapi kroni bekas Wakil Rakyat PAS dulu, EDV, ANZ. Saya baru satni bila keluar tadi dia (Pegawai Kerajaan) mintak ditambah satu lagi Dato' Yang Dipertua, hak ANZ ni, yang saya sebut tadi bukan sahaja 300 lebih rumah ni dapat tanah *free* dekat Bukit Depu tu, bukit sebutir habis licin dia sodok, dah jadi bayangkanlah dahlah tanah *free*, bukit pulak tambun dalam paya, sekarang ini pihak Kerajaan di Kuala Terengganu nak cari tanah bukit takdok dah terpaksa pergi jauh, dulu boleh ambil bukit di situ. Betapa banyaknya untung ANZ .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu tak sampai lagi 4 - 5 tahun Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, itulah saya kata. Sebab itu saya kata RM400 juta lebih projek dapat kepada ANZ, dalam tempoh 5 tahun aje. Jadi kroni-kroni, bukan kroni Wakaf Mempelam, minta maaf, kita sama aje dua, kita khabor dah tadi, cuma bini aje tak sama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat mengakui yang Wakaf Mempelam ini takdok kroni tapi saya duk dengar-dengar ni Wakil Kijal ni sudah mula ada kroninya sekarang ini, betul ke tidak tak tahulah..... mula ada.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu saya kata bila kita buat ni, kita orang Islam, *checklah* betul-betul, kita takdok masalah. Jadi sebab itu saya kata, saya ini *transparent*, saya berbini duapun saya khabor, saya isytihar, saya pergi bicara di mahkamah bukan macam orang bernikah di Thailand, saya tidak. Saya gentleman, kita berbini kita khabor kita berbini sebab itu Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan bahawa kita dapat menunaikan tanggungjawab kita dengan sebaik mungkin demi kepentingan rakyat. Dan kita berharap bahawa apa yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam dari segi integriti dan sebagainya, kita Wakil Rakyat ini macam tong sampah Dato' Yang Dipertua, apa kesilapan yang dilakukan oleh pegawai kita yang terima. Sebagaimana yang disebut tadi, tanah milik orang tapi kita agihkan kepada orang lain perkara ini berlaku di Chendering. Sebenarnya perkara ini berlaku kerana kecuai pegawai di Pejabat Tanah iaitu asalunya kelulusan tanah itu digazet untuk diambil balik tetapi apabila Kerajaan memikirkan bahawa kawasan ini tidak perlu untuk diambil balik hanya sebahagian sahaja terpaksa dikeluarkan maka ia telah dikeluarkan tetapi tidak diambil tindakan oleh pegawai di Pejabat Tanah. Sepatutnya dia tidak bolehlah dalam pelan tinggal kosong dengan tanah orang dan sebagainya. Inilah yang berlaku. Sebab itu saya telah mengarahkan pihak SUK mengambil tindakan disiplin *show cause* kepada pegawai yang cuai ini. Tapi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab nak kata guana orang lain yang buat salah kita kena terimalah sebagai Kerajaan. Inilah hakikat yang berlaku. Sebagaimana yang saya kata tadilah, keruntuhan dan apa jua yang berlaku, silap perancangan, bukan silap kita, kita bukan arkitek, kita bukan engineer kita hanya buat polisi tetapi berlaku kesalahan, kelemahan, kita orang politik kena tanggung. Sebagaimana berlaku di Hospital Setiu, Hospital Besut, di Besut 12 tahun baru boleh pakai, di Setiu dah masuk tahun ke-8, Kuala Terengganu 4 tahun, Kemaman 4 tahun tetapi sebagai orang politik yang mengetuai Kerajaan kita kena atas kepala kitalah walaupun kesilapan orang lain. Sebab itu saya kata antara Pegawai Kerajaan dengan orang

politik berpisah tiada. Kita harus berkerja bersama demi memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kalau rakyat baik, rakyat gembira maka kita turut gembira. Sebab itulah kita membuat slogan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' kerana matlamat akhirnya rakyat. Walaupun tugas kita berbeza, peranan kita berbeza tapi akhirnya, *end resultnya* rakyat yang perlu mendapat perkhidmatan terbaik daripada Kerajaan dan pembangunan yang hendak dilancarkan diterima dengan baik oleh rakyat. Sekali lagi Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya akhirnya, sikit aje sementara Yang Amat Berhormat mengakhiri ucapannya. Berhubung dengan kes tanah yang saya kemukakan di Chendering tu, saya harap sungguh-sungguh jangan sampai ke mahkamah kalau boleh kerana ia melibatkan Tuanku yang dalam keadaan saya dah sebut, Tuanku mungkin tidak tahu perkara-perkara macam ni. Harap diselesaikan dengan cara yang baik kalau boleh diselesaikan di luar mahkamah dan pastikan selepas pada ini jangan lagi peristiwa yang sama berulang. Saya sebut masa tahun 1999 dulu saya sebut kes di Kuala Berang dan banyak lagi kalau saya nak sebut termasuk jugak di Bukit Tunggul hak jambatan baru ni, kes-kes, benda-benda macam tu macam di Banggol Donas dan sebagainya pastikan supaya kita ambil tanggungjawab supaya jangan berulang kerana ia menyusahkan kita dan dari segi gambaran kita di mata masyarakat dan mata rakyat. Terima kasih.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya katakan setiap kali mesyuarat saya ingatkan pegawai kita, kita Kerajaan kita ada kuasa undang-undang, kita boleh saman orang dan orang boleh saman kita. Sebab itulah apa yang berlaku di Chendering itu maknanya kita telah mengadakan rundingan sebenarnya. InsyaAllah kita akan dapat selesai di luar mahkamah kerana kita akan bagi balik hak mereka dan tidak ada masalah kecualilah kalau mereka nak saman jugak, tak tahulah sebab kita telah berunding sebenarnya. Kita telah mengambil tindakan awal dalam soal ini. Begitu jugak kes-kes yang lain kita mengharapkan bahawa pegawai-pegawai kita lebih berhati-hati dan apa jua tindakan yang mereka ambil dan kalau melibatkan perundangan mereka perlu mendapatkan nasihat Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang terlebih dahulu.

Ini yang telah kita lakukan dan akhirnya sekali lagi Dato' Yang Dipertua mengenai apa yang disentuh mengenai pertukaran pegawai-pegawai yang dibangkitkan oleh ADUN Ladang. Saya nak maklumkan bahawa saya tak campurtangan dalam pertukaran pegawai-pegawai ianya berasaskan atau berdasarkan kepada merit,

meritokrasi yang ada, berdasarkan senioriti, berdasarkan keperluan satu-satu jabatan, kekosongan yang ada dan sebagainya. Cuma apa yang membanggakan kita hari ini, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri lebih cepat naik pangkat kerana berlakunya kekosongan-kekosongan. Berbanding dengan saya dulu, berkerja 8 tahun *dokrok cetong*, duduk 41 situ, lening 4 – 5 tahun berkerja sudah naik 44 – 48 sebab kekosongan ada dan jawatan semakin bertambah, Dato' Yang Dipertua. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal hak akhir sekali ini pasal timbul pulak pertukaran .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah, jadilah pasal pertukaran ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak ni saya nak sentuh sikit aje. Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan kerana isu pertukaran pegawai ini bila ada kes Pegawai TCS menjadi CEO SEDC (Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu). Pasal sejauh ingatan saya perkara ini tidak pernah berlaku, biasanya dia ambil *internal* daripada SEDC sendiri proses kenaikan pangkat di kalangan pegawai tetapi bila berlaku .....

Saya bukan nak pertahankan atau apa ke tetapi macam mana ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah tu Dato' Yang Dipertua, saya boleh perjelaskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Satu aje nak beri jawapan, yang tidak pernah berlaku tak mungkin akan berlaku dan mungkin akan berlaku, yang pertama. Yang kedua, kita melaksanakan tanggungjawab ini berasaskan peruntukan undang-undang, berasaskan kepada Pekeliling Perbendaharaan 1998 tapi disilap pandang (*overlooked*) oleh banyak agensi Kerajaan bahawa dengan jelas disebut di situ: "Tidak boleh pegawai dalam dinaikkan pangkat mengetuai jabatan atau Badan Berkanun berkenaan." Dan kita bertindak berasaskan Pekeliling Perbendaharaan 1998. Macam juga akan berlaku kepada KETENGAH, Timbalan KETENGAH tidak akan boleh menjadi Pengurus Besar KETENGAH, Timbalan Pengurus Besar SEDC tidak akan boleh menjadi Pengurus Besar SEDC kecuali mereka ini ditukarkan terlebih dahulu ke tempat lain kemudian dibawa kembali kalau khidmat mereka diperlukan dan kalau mereka ini betul-betul

mempunyai kemampuan dan keupayaan. Ini berasaskan Pekeliling yang selama ini yang terlepas pandang oleh pihak pengurusan Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Maknanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, takdok motif lainlah, betul ya? Saya pasal kes ada orang tanya, saya tak boleh jawab tapi dipertimbangkan, dipersoalkan macam SEDC ini takdok hak kanan ke yang pasal selama ini bertahun-tahun .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bukan nak bertanya hanya nak ambil kesempatan yang agak nakal. Sila Yang Amat Berhormat selesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta maafah jangan tuduh saya nakal begitu. Jadi kalau saya nak mintak penjelasan, MB tidak ada masalah nak jawab tapi Yang Berhormat Dato' duk kata saya nakallah, itulah, jadi saya rasa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nampak macam nakal sungguh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa ... tengok tu, tengok ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua sebab itu saya ini saya rasa seorang gentleman, kita buat tidak berasaskan kepada sentimen, tidak berasaskan kepada perasaan kita tapi kita berasaskan kepada peruntukan yang ada dan kita mengikut kehendak dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Maknanya kalau kita salah kita perlu buat pembedulan, ini adalah suatu perkara yang menjadi kewajipan kepada kita untuk membetulkan apa yang salah selama ini.

Justeru itu sebagaimana saya katakan tadi sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan yang memberi pandangan, teguran dan begitu jugak pihak Pembangkang apa yang penting adalah kita memberikan perkhidmatan yang baik untuk rakyat demi masa depan Negeri Terengganu yang kita cintai ini. Sekali lagi saya mohon maaf andai kata ada yang menyentuh dan menyinggung perasaan Ahli-ahli Dewan yang dihormati

sekalian. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat di atas penggulungan sebentar tadi. Cuma saya nak perbetul hansard perkataan 'bini' oleh Wakil Telemong juga maksudnya 'beristeri', takut 'bini', 'bini' takut ada yang tak faham.

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penggulungan daripada pihak Kerajaan telahpun selesai sekarang saya buka kepada undian –

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**



## **USUL MUSYAHARAH PEMANGKU RAJA ATAU IMBUHAN MAJLIS PEMANGKU RAJA**

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan):  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang  
Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan –

“Bahawa menurut Fasal 16(B) Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) dan subseksyen 2(1) Undang-undang Musyarah Pemangku Raja atau Imbuhan Majlis Pemangku Raja Tahun 1965, Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju menetapkan kadar imbuhan bulanan Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja bagi tempoh bermula 30 Ogos 2010 sehingga tamat tempoh perlantikan Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja adalah sebanyak RM10,000.00 seorang.

Bayaran imbuhan bulanan ini tidak menyekat pembayaran elaun lain yang telah diterima sebelum ini disamping tidak menghalang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja dan Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja dari terus menerima pendapatan dari punca-punca lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 16(B) Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) dan subseksyen 2(1) Undang-undang Musyarah Pemangku Raja atau Imbuhan Majlis Pemangku Raja 1965.”

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat menyokong?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan  
dipersetujui dengan sebulat suara.*

### **USUL INI DITERIMA.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk sidang hari ini kita telah selesaikan dua Usul dan saya tidak berniat untuk memanjangkan lagi sidang, cuma sebelum kita bersurai, satu lagi ingatan ataupun pengumuman saya, semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan sekalian dijemput untuk ke Majlis Ujian

Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kali Ke-2011 untuk malam kedua malam ini di Stadium Tertutup Gong Badak. Jadi sebelum kita bersurai, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tuan-tuan sekalian, marilah sama-sama membaca Surah Al-'Asr, mudah-mudahan penyuraian kita ini diberkati oleh Allah S.W.T. InsyaAllah. .... (Membaca Surah Al-'Asr) .... Jadi saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pada pagi besok 12 Mei 2011, jam 9.30 pagi. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.45 PETANG.

---

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 12 MEI 2011

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT.,PKC.  
WAKIL PENKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.  
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.  
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.  
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.  
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

#### **TIDAK HADIR**

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.  
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT.,AMZ.,PJC.,PJK.

## PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita mulakan sidang mesyuarat kali ini marilah sekali lagi dengan penuh ikhlas kita sama-sama membaca Ummu Kitab, mudah-mudahan majlis, mesyuarat kita ini diberkati Allah S.W.T. dan mencapai maksud dan tujuannya, insyaAllah. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Pemerhati kita khususnya yang hadir daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nilam Kuala Terengganu dan juga Pemerhati-pemerhati individu yang saya nampak Pemerhati tetap di sepanjang sidang bukan sahaja di sidang ini tetapi sebelum-sebelum ini juga. Kita ucap selamat datang dan terima kasih kepada Pemerhati sekalian.

Sebelum dimulakan agenda yang pertama pada pagi ini jugak Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya nak menarik perhatian sedikit menyambung kepada urusan pengubahsuaian Dewan kita semalam, ada sedikit saya nak memberitahu dan sebagai makluman berkait dengan ciri budaya yang ditonjolkan; Di belakang saya ataupun backdrop yang di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah Konsep Tanjak ataupun orang Terengganu panggil *Desta* yang merupakan lambang kepahlawanan orang Terengganu. Konsep songket juga dipamerkan, juga merupakan kebanggaan Negeri Terengganu. Kemudian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau kita tengok di sekitar kita ini ada konsep budaya Terengganu iaitu Pucuk Rebung yang banyak terdapat di meja-meja kita. Kemudian Lawi Ayam, Makara ada di meja Cokmar kita yang lebih dikenali dengan Kepala Bangau juga merupakan lambang kepahlawanan orang nelayan kita yang belayar ke seluruh dunia. Kemudian, corak-corak bunga bintang terdapat di beranda Pemerhati sana. Dan akhirnya sukacita dimaklumkan kehebatan seni ukir Terengganu ialah Janda Berhiasnya yang terdapat di dinding-dinding di kiri dan kanan kita. Jadi kita harap ini akan menyemarakkan lagilah semangat Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan sekalian untuk menonjolkan budaya Terengganu yang sebenarnya hebat, dan banyak lagilah yang tak dapat saya sebutkan di sini.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk Soalan Lisan pada pagi ini kita mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Alur Limbat. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –



*Nyatakan status pembinaan Terminal Agro Terengganu di Pekan Bukit Payong setakat ini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi. Salam 1Malaysia dan Salam 1Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati yang dihormati sekalian, Projek Terminal Agro Terengganu di Pekan Bukit Payong telahpun siap kerja-kerja tanah dan tapak pada akhir tahun lepas.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Bilakah pembinaan Terminal Agro Terengganu ini akan dimulakan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini kerja-kerja mengkaji kembali pelan asal dan keperluan-keperluan yang dicadangkan itu dapat disiapkan kerana kita dapati bahawa dari segi reka bentuk, kesesuaian dan sebagainya projek itu pada peringkat awalnya menelan belanja yang begitu besar dan kita perlu melihat kembali projek itu tentang keperluan, penggunaan, pengisian dan sebagainya. Kita tidak mahu projek yang besar ini akhirnya akan membazir dan menimbulkan permasalahan dari segi pengurusan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan ini boleh saya tanya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Alur Limbat dulu lepas itu baru Wakaf Mempelam. Alur Limbat tidak ada. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak tanya pihak Kerajaan berhubung dengan sementara dah disiapkan tapak tahun lepas dan sementara dikaji balik kos, harga dan sebagainya, buka dulu dengan sebuah Pasar Borong di Gong Paus sementara Terminal Agro itu siap. Kedudukan Pasar Borong itu yang semacam tidak diambil berat dan dalam kedudukan yang cukup daif bagi penjaja dan mereka-mereka yang berniaga. Adakah Kerajaan buat sementara ini mengadakan apa-apa peruntukan supaya suasana, keselesaan dan infra yang ada itu dapat dibaik pulih

dengan mencerminkan supaya kegiatan ekonomi dan petani dapat dimanfaatkan. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Pasar Borong yang sedia ada di Kampung Gong Paus akan dibuat penambahbaikan dari segi infrastruktur yang memberikan keselesaan peniaga dan orang ramai kerana saya memang merasakan bahawa dari segi pondok-pondok perniagaan di laluan masuk itu memang tidak sesuai. Dan kita telah mengarahkan pihak Bandaraya untuk mengkaji dan membuat satu design yang standard yang boleh digunakan dan tidak memalukan kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Saya tengok macam Alur Limbat ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak ada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada, okey Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya bila Yang Amat Berhormat jawab akan menyediakan peruntukan, soalnya bila nak buat kerana ianya selama inipun bersifat sementara dan sikit lagi kalau siap yang di Bukit Payong yang di sini akan dipindah ke Bukit Payong. Tetapi oleh kerana keadaan daif itu sudah sekian lama tapi tak tahulah pakai nak biar begitu aje sebab duduk dalam kawasan Wakaf Mempelam. Jadi saya harap benda ini perlu dipercepatkan agar keadaan itu tidak begitu lama dibiarkan dalam keadaan begitu rupa. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi saya sudah mengarahkan Majlis Bandaraya membuat penambahbaikan dan pelan-pelan sebagainya, setelah siap kita akan laksanakannya kerana kita sedar bahawa Terminal Agro ini memakan masa untuk menyiapkannya bagi yang baru. Dan kalau dikatakan kenapa tidak dibuat atas sebab di kawasan Wakaf Mempelam itu tidak betul, ini suatu kenyataan politik yang mengada-ngada. Minta maaf Dato' Yang Dipertua sebab kita Kerajaan kita bagi peruntukan kepada semua DUN dan kawasan kita dan pembangunan diteruskan demi keselesaan rakyat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berhubung dengan Agro Bukit Payong. Kenapa perlu dikaji semula, kajian yang dahulu itu tak betul ke, tak tepat ke macam mana? Kalau sekiranya kajian yang dahulu itu tidak tepat dan kita telah habiskan wang untuk membuat penambunan tapak, berapa dah kos penambunan tapak yang kita telah buat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal penambunan tapak tidak timbul kerana dia memerlukan kawasan yang luas untuk tempat letak kereta, lori dan sebagainya bukanlah satu pembaziran dari segi penambunan tapak. Tapi apa yang kita fikirkan adalah dari segi design bangunan itu sendiri yang didapati *over design*. Biasalah konsultan ini bagi dia bila dia buat kalau kos makin tinggi lagi bagus untuk dia sebab itu kita lihat bahawa ada unsur-unsur penjimatan kos yang boleh kita lakukan dan ada perkara yang tidak perlu dan perlu kita keluarkan. Itulah yang kita lakukan. Dan dari segi penambunan tanah setakat ini kita telah membelanjakan lebih dari RM8 juta, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baiklah Yang Berhormat, kita jemput Manir untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan pertama Yang Berhormat ditolak, soalan kedua Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tolak jugak. Yang Berhormat Mulia, soalan yang kedua. Tolak macam mana, saya tak dapat notis ni Yang Berhormat.

*Berapakah kos membawa pulang pelajar-pelajar dari Mesir dan berapakah kos menghantar semua ke Mesir?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, yang pertama tu. Saya tak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah diberi notis Yang Berhormat, hari pertama lagi dah diberi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau hari pertama soalan pada hari pertama sahaja dua-dua yang saya dapat notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa semua sekali kita beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, tak apalah, mungkin ada kesilapan yang tak sampai kepada Yang Berhormat tu tapi kita dah maklum kepada Dewan. Sila Yang Berhormat Kerajaan untuk jawab.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salah sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Soalan yang diutarakan oleh Wakil Manir ialah berkait dengan berapakah kos membawa pulang pelajar-pelajar dari Mesir dan berapakah menghantar semula ke Mesir. Kerajaan Negeri sebenarnya tidak terlibat dengan operasi membawa pulang pelajar-pelajar dari Mesir ke Malaysia. Jadi bermakna semua kos itu ditanggung oleh pihak Persekutuan dan kos tiket penerbangan penghantaran semula pelajar Terengganu ke Mesir adalah berjumlah RM1,363,835.00. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, berapakah orang pelajar yang dihantar semula ke Mesir yang menelan belanja RM1 juta lebih itu?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bilangan keseluruhan pelajar Terengganu yang dihantar ialah lebih kurang dalam 485 orang iaitu pelajar daripada Yayasan Terengganu, MAIDAM dan juga persendirian. Dan untuk pengetahuan pelajar di bawah tajaan Yayasan Terengganu adalah seramai 271 orang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada 485 orang pelajar yang dibawa pulang itu, yang persendirian ini berapa orang jumlahnya?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya minta maaf kepada Wakil Jabi kerana yang ini saya kena dapatkan notis dahulu, yang kita tahu secara keseluruhannya 485 orang. Jadi kalau dikiralah yang di bawah Yayasan Terengganu 271 jadi bermakna kalau berkait dengan persendirian ini termasuk jugak yang di bawah MAIDAM sebab MAIDAM ini dia akan terima zakat sahaja, jadi kalau dikira dicampur MAIDAM dengan persendirian adalah seramai 214 orang di antara MAIDAM dan juga persendirian bermaksud ada yang terlibat dengan agensi-agensi lainlah. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, yang persendirian itu meliputi semualah sama ada penyokong PAS ke, anak penyokong PAS ke, anak penyokong UMNO?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi dalam soal pendidikan ini seperti yang telah dimaklum oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah mempolitikkan tentang perkara ini dan kita tidak kira anak sesiapapun asal dia berasal daripada Terengganu maka kita akan beri bantuan sepertimana yang telah kita laksanakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, tambahan. Kalau persendirian merangkumi semua latar belakang, ibu bapa dan pelajar-pelajar itu sama ada dia penyokong UMNO ataupun penyokong PAS. Adapun hak 271 orang yang Yayasan tu, berapa mati dalam tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak berapa jelas Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 271 orang pelajar Yayasan, yang pelajar Yayasan ini berapa parti dalam tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, berapa parti dalam tu.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi dalam hal ini yang 271 orang itu sayapun tak tahulah berapa parti yang ada di dalamnya itu sebab syarat dia tidak ada dinyatakan yang kena ambil ni perlu parti-parti apa. Jadi kita melalui proses-proses temu duga dan sebagainya dan yang 271 orang ini adalah mereka yang layak kerana berasas kepada

kelulusan, berasas kepada menghadiri temu duga dan sebagainya. Jadi yang lain-lain itu adalah melalui permohonan persendirian dan sebahagian daripada yang melalui persendirian itu ada juga yang tidakpun mohon kepada Yayasan Terengganu kerana difahamkan yang ada sebahagiannya dia masuk ke pusat dan institusi lain, makna ada yang universiti lainlah di Terengganu ni kalau tak silap saya universiti di kawasan Yang Berhormat Wakil Manir. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat Manir, saya ingat cukup dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang daripada kawasan Manir itu dapat ke tidak dapat?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang mintak tu insyaAllahlah tapi yang tak mintak tu dah sah tak dapat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat pelajar-pelajar ini apabila melihat peranan Kerajaan Barisan Nasional yang baik saya ingat yang 485 itu semuanya penyokong Kerajaan Barisan Nasional. Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu –

*Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri Terengganu bagi pembinaan serta pengurusan Zoo Bukit Takal di Kemaman setakat ini dan nyatakan jenis binatang yang dipelihara di sana?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah membelanjakan daripada tahun 2008 hingga 2011 iaitu sebanyak RM9.228 juta bagi pembinaan Zoo di Bukit Takal, Kemaman dan sebanyak RM2.998 juta bagi pengurusan zoo tersebut. Manakala binatang yang dipelihara setakat ini adalah dari jenis mamalian, reptilia, burung dan ikan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari segi jumlah pengunjung setakat ini setiap bulan kalau mungkin dan jugak kos pembiayaan memelihara binatang-binatang di dalam zoo itu sendiri setiap bulan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama saya perlukan notis kerana sebagaimana saya sebut dulu yang dulu saya sudah ada *figure* tapi yang sekarang tidak ada dan saya perlukan notis. Yang kedua, dari segi perbelanjaan pengurusan sekitar RM40,000.00 sebulan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat zoo itu dibuka berapa ekor dah binatang-binatang yang telah mati? .....(Dewan Gelak).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir berahi tanya mati aje ni ....(Dalam gelak) .... Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya perlukan notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah kambing yang dihadiahkan oleh Yang Berhormat Manir tu hidup lagi ke dok? ....(Dewan terus gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam ni macam perli Manir ni. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nak kata hadiah dok jugak sebab saya beli tapi kedua-duanya telah mati dibaham oleh harimau kumbang Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baiklah Yang Berhormat, kita teruskan dengan soalan seterusnya daripada Wakil Jabi. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah langkah dan perancangan Kerajaan untuk memelihara Budaya Seni dan Warisan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2011?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Jabi. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri

untuk memelihara Budaya, Seni dan Warisan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2011 adalah sebagaimana berikut:-

- Mengaktifkan kembali fungsi Majlis Kebudayaan Negeri.
- Mengaktifkan kembali fungsi Majlis-majlis Kebudayaan Daerah.
- Menghidupkan kembali pelbagai aktiviti seni budaya dan warisan hujung minggu antaranya termasuk aktiviti permainan tradisional rakyat.
- Penganjuran Program Pekan Budaya di setiap daerah.

Perancangan-perancangan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memelihara Budaya, Seni dan Warisan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2011 adalah sepertimana berikut:-

- Pelaksanaan pelbagai aktiviti seni budaya seperti persembahan kebudayaan hujung minggu di lokasi-lokasi tarikan pelancong yang telah dikenalpasti.
- Menghidupkan kembali kegemilangan permainan-permainan tradisional rakyat seperti wau, gasing, sukaneka rakyat dan seni silat.
- Mengadakan hebahan dan wawancara melalui media massa tempatan dan luar negara.
- Membantu menyelaras program-program aktiviti, pameran, seminar, demonstrasi, kursus, bengkel dan latihan seni yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri melalui SUKTRA.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat termasuk juga yang saya kata di Dewan kita inilah. Kerajaan Negeri kekalkan budaya ni. Sila Yang Berhormat soalan tambahan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, tahniah di atas perancangan Kerajaan program-program yang akan dilaksanakan dan telah dilaksanakan. Cuma saya nak sebut dua-tiga perkara,



soalan tambahan yang pertama, Seni Warisan kita yang hampir pupus iaitu Tok Selapit, apakah tidak ada perancangan untuk menghidupkan kembali Tok Selapit?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Jabipun mungkin Tok Selapit dah pupus dan di negeri kitapun mungkin dah pupus, dan saya sendiripun ikhlas saya katakan saya tak pernah mainlah. Walau bagaimanapun, saya berminat untuk menghidupkan kembali kerana memang tugas saya untuk menghidupkan kembali permainan-permainan tradisi yang telahpun pupus di bawah program Semarak Seni Budaya Warisanku iaitu motto yang telah kita buat aktiviti di daerah-daerah. Dan saya berpendapat bahawa ada lima program yang diatur oleh Muzium iaitu kita boleh sertai iaitu Rampai Budaya yang diadakan bulan Mac tiap-tiap tahun dan Pameran 1 Asean 1 Jalinan serta yang ketiga, 1Malaysia Contemporary Arts Dan Budaya pada bulan Jun. Dan Permainan Tradisional Negeri Terengganu, tiap-tiap tahun kita buat bulan Oktober serta Gamelan Kebangsaan mungkin kita boleh masuk masa perasmian dan sebagainya Tok Selapit dan Yang Berhormat Wakil Jabi boleh jadi Pengerusi dalam hal inilah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan membuat kajian tentang keberkesanan seni budaya ini kepada tarikan para pelancong terutama pelancong asing? Sekian.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, memang kajian-kajian telahpun dibuat. Untuk menarik pelancong satu-satu negara yang tidak mempunyai seni, yang tidak mempunyai etika serta budaya hidup tidak menjadi tarikan pelancong kerana pelancong mahu melihat sesuatu yang pelik, sebagai contoh walaupun kita nak istilahkan sebagai seni ataupun tidak. Baru-baru ini kita menjemput Guru-guru Confratute untuk melihat kesenian gasing umpamanya, kesenian Rodat dan kesenian tak tahulah kalau kita boleh istilahkan sebagai budaya hidup iaitu beruk panjat nyior di satu kampung di kawasan saya. Jadi Mat Salleh ini atau pelancong-pelancong orang putih dia tak nak lari bila melihat beruk panjat nyior tetapi pada kita memang satu perkara yang bukan kalau nak kata budayapun bukan tetapi amalan kita yang terdahulu. Jadi saya yakin bahawa kehidupan kita kalau kita buat kajian, apakah kriteria-kriteria dan apakah daya tarikan yang menyebabkan pelancong boleh datang adalah dengan keunikan kehidupan kita. Jadi saya yakin dan percaya bahawa keunikan ini boleh menyebabkan pelancong-pelancong datang ke sini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan mengenai Warisan Negeri Terengganu khususnya

Warisan Ulama-Ulama Besar. Misalnya Ulama Besar di Terengganu seperti Tokku Pulau Manis, Tokku Paloh dan lain-lain. Apakah tidak ada perancangan Kerajaan untuk menjadikan Warisan Ulama Besar ini bersambung dengan Program Pelancongan. Dan satu lagi saya rangkum terus soalan tambahan saya iaitu mengenai di manakah sebenarnya tempat pengkebumian Tuan Haji Abdul Rahman Limbong kerana fakta sejarah katanya dibuang ke laut seperti Osama jugak. Jadi kita nak tahu daripada Kerajaan, sebenarnya di mana? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Memang menjejaki sejarah ataupun jejak tokoh-tokoh sejarah ini menjadi satu daya tarikan dan Terengganu memang telah terbukti baru-baru ini apabila Seminar Batu Bersurat Piagam Terengganu yang telah diadakan di Muzium dan beberapa orang pengkaji sejarah telah mengesahkan bahawa kedatangan Islam yang pertama di rantau ini adalah di Terengganu. Jadi kepahlawanan termasyhur Tokku Paloh dengan ilmunya memang perlu diwarwarkan dan dipromosikan. Justeru kerana itu pelancongpelancong yang berminat untuk mengkaji lebih mendalam tentang sejarah Islam ini akan datang ke Negeri Terengganu, itu memang tidak dinafikan ada kaitannya. Tetapi kaitan untuk menjejaki Osama Bin Laden dan sebagainya ini saya kurang pasti Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sekadar nak beri penjelasan, sebenarnya apa yang Saudara Jabi sebut tadi berhubung dengan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong dia mati di Kota Suci Makkah, dok buang ke laut macam Amerika buat ke Osama. Sekadar membetulkan fakta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya jemput Wakil Rhu Rendang untuk seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang satu-satunya -

*Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap masalah yang berlaku di sekitar muara Sungai Merchang apabila berlaku hujan lebat atau semasa musim tengkujuh yang menjejaskan kehidupan para nelayan, penternak ikan dalam sangkar, serta penduduk-penduduk setempat yang mengalami kerosakan rumah-rumah mereka apabila ditenggelami air?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, Yang Amat BERTHORMAT Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang BERTHORMAT, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati.

Soalan Wakil Rhu Rendang ialah apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap masalah yang berlaku di sekitar muara Sungai Merchang apabila berlaku hujan lebat atau semasa musim tengkujuh yang menjejaskan kehidupan para nelayan, penternak ikan dalam sangkar, serta penduduk-penduduk. Dato' Yang Dipertua, antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan ialah untuk meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan menggali dan mendalam muara Sungai Merchang bagi laluan bot, ini langkah jangka pendek yang telah dilaksanakan pada setiap tahun bagi mengatasi masalah pengaliran di muara Sungai Merchang. Dan Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, untuk makluman perbelanjaan penyelenggaraan tahunan ini ada dua peruntukan, peruntukan Negeri dan juga peruntukan Persekutuan. Jumlah peruntukan yang telah disediakan bermula lebih kurang pada tahun 2005 mengikut maklumat yang ada. Tahun 2005 – RM50,000.00 yang disediakan, 2006 – RM172,000.00 lebih, 2007 – RM145,000.00, 2008 – RM168,000.00, 2009 – RM400,000.00 lebih, 2010 – RM96,000.00 lebih dan setakat ini 2011 – RM194,000.00, itu Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua adalah tindakan jangka pendek dan permohonan peruntukan juga telah dipohon daripada Kerajaan Persekutuan di bawah dengan izin, *Second Rolling Plan* bagi Rancangan Malaysia Ke-10 bagi menjalankan kerja-kerja kajian dan rekabentuk. Perancangan pembinaan Pemecah Ombak di muara Sungai Merchang ini akan melibatkan kos dengan anggaran lebih RM30 juta. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, boleh tanya soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasih Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua. Saya ingin penjelasan kerana perkara ini berulang sekian lama dan tiap-tiap tahun Kerajaan mengeluarkan belanja. Kalau dicampur-campur dari tahun 2005 tadi saya rasa dah berjuta lebih dah tu, RM400,000, RM100,000 lebih, RM50,000 lebih, macam-macam. Tadi dikorek kemudian mari pulak tiap-tiap tahun, itu penyelesaian jangka pendek tapi kajian jangka panjang yang menyeluruh, saya bimbang Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua kerana berlaku di negeri kita ini pernah di Merang sebagai contoh, buat satu jeti tanpa kajian yang menyeluruh sedar-sedar selepas

mari musim tengkujuh jeti duduk atas darat, ini peristiwa di Merang. Yang keduanya, masalah yang berlaku sekarang ini ialah hakisan pantai. Bila yang macam yang dicadang tadi Pemecah Ombak, bila buat Pemecah Ombak, buat melanjak tambak untuk buat airport sebagai contoh, Tok Jembal jadi mangsa menyebabkan hakisan teruk.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, jangan jauh sangat, terus soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya nak tanya ni sebab dia berkait Yang Berhormat. Jadi macam di Pelabuhan Cendering begitu jugak buat Pemecah Ombak, yang jadi mangsanya Pantai Rhu Rendang sekarang ni, dia *underwater current* tu. Saya sebutkan sikit tu sebab saya ngaji sikit bab ni bab-bab *Marine Science* ni. Jadi itu sebabnya saya ingat kalau boleh biar Kerajaan buat kajian yang bentuk mana, penyelesaian yang agak *holistic* berhubung dengan masalah yang berlaku di sepanjang pantai bukan di Merchang saja, di seluruh sepanjang pantai dalam negeri kita ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut tadi tentang jangka pendeknya dan jangka panjangnya, kalau kita kata nak terus kepada kajian jangka panjang dan disediakan peruntukan bimbang jugak kerana setiap tahun ada masalah kepada nelayan kita ni, kita kena ambil tindakan jangka pendek untuk membolehkan nelayan keluar. Saya faham keadaan di Merchang tu, pasal sayapun ialah hari-hari lalu ikut situ dan kadang-kadang pergi tengok. Baru-baru inipun kerana pasir beting yang mana nelayan kena tolak perahu dia, kita faham semua masalah itu tapi kita ambil tindakan jangka pendek dan tindakan jangka panjang. Dan sebahagian peruntukan yang dibelanjakan itu, peruntukan Negeripun kita belanjakan untuk ini dan kajian secara seluruh ni memang kita ada masalah dengan banyak di muka muara sungai di seluruh Negeri Terengganu yang itu memang kita dah tahu. Contohnya kalau kata bukanlah kata nak kaji panjangkan sangat, kalau kata kajian di muara Sungai Dungun baru saja disiapkan kajian pada hujung tahun lepas dengan peruntukan JPS daripada Pusat, nak bertindak mungkin peruntukan yang besar yang disediakan, itupun nak kena tunggu jugak lagi tapi buat sementara kita kena selesaikanlah masalah nelayan ni. Kita fahamlah masalah yang ada walaupun saya tak ngaji banyak hal marin-marin ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sebab pantai kita panjang Yang Berhormat. Ada lagi soalan Yang Berhormat? Okey, saya jemput Tepoh untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Bagaimanakah status terkini pembinaan Rumah Teres Kos Rendah di kawasan Cadangan Perumahan Bercampur Padang Air, Mukim Kuala Nerus?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Projek pembinaan Rumah Teres Kos Rendah di kawasan Cadangan Perumahan Bercampur Padang Air, Mukim Kuala Nerus yang dilaksanakan secara penswastaan iaitu tertanggung dari segi pelaksanaan Rumah Kos Rendahnya walaupun kerja-kerja perkedaian sebahagiannya telahpun siap yang mana mengikut perjanjian sebanyak 171 unit Rumah Kos Rendah akan dibina untuk diagih kepada rakyat tapi timbul masalah sekarang ini iaitu dari segi kos yang dicadangkan untuk dijual tidak mampu dikeluarkan subsidi oleh pihak syarikat maka rundingan semula telah dibuat baru-baru ini dan keputusan muktamad belum dibuat lagi. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Saya nak tahu siapakah ataupun pemajunya dalam melaksanakan projek ini adakah pemaju asal ataupun pemaju yang baru?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek pembangunan ini asalnya diberikan oleh Kerajaan PAS ketika itu kepada sebuah syarikat tetapi akhirnya syarikat tersebut menarik diri dan akhirnya projek itu diberi kepada Syarikat Abdul Rahman Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan saya yang terakhirlah. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat ada sebutkan tentang perundingan yang baru, saya melihat terlalu ramai orang yang datang bertanya kepada saya berkait sebab permohonan secara terbuka yang dibuat semenjak beberapa tahun yang lalu, agak-agaknya perundingan tadi dan kalau boleh projek ini agak-agaknya atau anggarannya bilakah projek ini boleh disiapkan? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mesyuarat telah diadakan pada bulan lepas dan kita hampir mendapat kata putus mengenai jumlah harga yang kita akan benarkan tetapi

perjanjian tambahan itu tidak dapat dilaksanakan sekarang sebab itu saya tidak boleh maklumkan terlebih awal di sini. Yang kedua, berasaskan kepada pengalaman kita projek penswastaan ini bila ada sumbangan Rumah Kos Rendah apa yang berlaku hampir kesemua pemaju-pemaju ini kata orang Terengganu *main ngelat*, iaitu mereka hanya membina Rumah Kos Rendah di penghujung projek tersebut, kadang-kadang ada yang sampai 10 tahun tidak dibuat lagi sebab itu bila kita buat perjanjian baru sejak 3 - 4 tahun yang lepas bila ada cadangan pembinaan Rumah Kos Rendah, kita syaratkan mereka mesti membina terlebih dahulu sekurang-kurangnya 50% bersama-sama dengan Rumah Kos Sederhana ataupun Rumah Kos Tinggi. Kalau tidak inilah yang berlaku dan melalui pengalaman kita, maknanya kadang-kadang kalau projek 10 tahun, 10 tahun itu tak buat lagi. Inilah berasaskan pengalaman kita Dato' Yang Dipertua, sebab itu kita telah membetulkan segala kesilapan-kesilapan kita itu dan kita berharap bahawa dengan perbincangan-perbincangan kita baru-baru ini dan dengan perjanjian yang baru dipersetujui itu kita berharap dapat diselesaikan dan kita yakin pemaju ini memang dari segi reputasinya agak tinggi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Dipertua, saya ada dua soalan pagi ini. Pagi tadi, hari ini nampak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua duk promosi Dewan Undangan Negeri, saya nak tanya soalan nombor 2 dulu, boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Soalan nombor 2 -

*Sila nyatakan jumlah kos keseluruhan untuk baik pulih dan ubahsuai Dewan Undangan Negeri Terengganu dan sila nyatakan nama syarikat yang berjaya dipilih untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 daripada Wakaf Mempelam

ialah sila nyatakan jumlah kos keseluruhan untuk baik pulih dan ubahsuai Dewan Undangan Negeri Terengganu dan sila nyatakan nama syarikat yang berjaya dipilih untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kos keseluruhan untuk baik pulih dan ubahsuai Dewan Undangan Negeri Terengganu ialah RM2,550,000.00. Syarikat yang melakukan kerja-kerja pengubahsuaian tersebut ialah Syarikat CRAR Construction Sdn Bhd.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, beri laluan ke saya sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih atas jawapan Kerajaan tadi. Masa buat perancangan nak buat ni khususnya *line* hak Wakil Rakyat ini ada ke tidak ambil pertimbangan orang-orang macam saya ke, sebab masa duduk ni jadi lain Dato' Yang Dipertua. Kerusipun begitu jugak kalau menyandar kakinya tak sampai .....(Dewan Gelak) .... Ada ke tidak ambil kira, kot-kot seksalah orang begini masa akan datang, saya tak tahulah tapi ada dua orang lagi kawan saya hak macam ni. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yalah sukar jugak kalau kita nak buat reka bentuk yang berbeza dengan kebanyakan orang, tapi secara puratanya kita lebih kurang sikit saja dari segi saiznya. Jadi saya pohon maaflah jika terdapat sedikit ketidakselesaan kepada Yang Berhormat Tepoh. Tapi memanglah secara keseluruhan diambil kira .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dudukpun kena duduk *berdekek* begini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena kuat bersenamlah pagi-pagi. Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan. Ya, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya faham Yang Berhormat Exco tadi jawab, dia ambil yang tengah-tengah antara Wakil Ajil dengan Wakil Tepoh, jadi dia ambil hak tengah jadi kira begitulah.

Soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bila kecanggihan dengan suasana, dengan ubahsuai nampak alhamdulillah ada kebaikan dan kita ke depan dari segi itu tapi sebelum Dewan ini diperbaiki, diubahsuai, kita setiap kali sidang Dewan kita ada *live*, ada internet, orang di luar boleh akses, boleh nilai, boleh

mendengar perbahasan dalam Dewan tapi Dewan kohor comel tapi orang luar tidak tahu benda apa yang kita bincang. Ini kita keterbelakang. Saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal apa ini boleh berlaku? Saya ada adik dua orang di luar negara berkerja bila ditanya sidang Dewan saya beritahu tarikh sekian-sekian, dia kata tak boleh nak akses dah nak dengar sidang Dewan. Anak-anak kita, rakyat sendiri nak dengar, jadi saya nak tahu pasal apa perkara ini dihentikan melalui internet secara langsung untuk mendengar perbahasan dan adakah Kerajaan bersedia untuk nak buat semula siaran itu pada masa akan datang? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasihlah. Wakaf Mempelam ni kita faham dia lama dalam Dewan. Dewan inipun memang sepanjang tempoh 25 tahun sebenarnya tidak dibuat pengubahsuaian dan saya tidak perlu promo banyaklah pasal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebut banyak dah tadi dari segi ciri-ciri yang ada. Saya juga bersetuju kalau kata maknanya dari segi kecanggihan IT dan sebagainya, insyaAllah kita akan melihat semulalah supaya ada akses insyaAllah kepada perbincangan dalam Dewan dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih pasal benda yang saya tanya tu benda hak ada dah bukan benda yang baru nak buat, benda hak ada dah. Dan benda tu zaman IT ni benda yang cukup mudah, tak tahulah takut Kerajaan tak berani supaya tak dengar apa yang kita bahas itu tak tahulah, itu hal lain, itulah yang saya tanya tadi. Yang kedua, di depan saya ni kita tengok ada skrin, adakah Kerajaan jugak dah alang-alang ada skrin ni nak tambah Wi-fi ke, apa ke, sekurang-kurangnya saya semasa dalam tempoh perbahasan saya takmbok dengar apa yang diucapkan oleh Tepoh, saya boleh tengok internet sebagai contoh, macam di Parlimen, Yang Berhormat Dato' pernah berada di Parlimen. Supaya usaha nak menambahbaikkan lagi beberapa perkara dalam Dewan kita ini yang dah baik, alhamdulillah, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Saya kena jawab jugak Dato' Yang Dipertua. Ya, saya rasa bagus jugak kalau ada skrin yang boleh berinteraksi tu, bukan sahaja kita tak nak dengar Tepoh tapi kalau kita tak nak dengar Wakaf Mempelampun kita boleh buat jugak. Terima kasih, akan dilihat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Baguslah kalau macam tu, setujulah tu. Terima kasih.



YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah *bakpe gi kosek* Tepoh tu? Ke berasa dan terkena?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak. Pasal soalan saya ni dia tumpang tanya soalan tambahan, itu yang saya kata Tepoh bukan marah ke orang kita ni. Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Insyallah, Wakaf Mempelam. Boleh duduk. Sila .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, saya mintak satu aje lagi. Saya tidak nak buat soalan tambahan tapi nak beri cadangan. Pasal kami yang duduk di depan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua ni, sukar untuk melihat waktu, kitapun tak ada jam tangan jadi kalau boleh bubuhlah satu jam lagi jangan ada jam Omega je di belakang ni .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak nak jawab? Cadangan yang baik semua itu insyaAllah boleh kita lengkapkan cumanya sukacita saya nak beritahulah dari segi teknikalnya dari segi arahannya sebenarnya kelangsungan siaran sebagaimana yang Yang Berhormat Wakaf Mempelam kata tadi tidak ada arahan pembatalan dan sebagainya. Kita nak tengok sedar Yang Berhormat Wakaf Mempelam, rupanya nak jual. Sebab itu dia bercakap beria-ia sangat dalam Dewan dengan gayanya yang begitu bersungguh. Saya ucap tahniahlah Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebut saya nakal, hari ini Yang Berhormat sebut .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, tak apa, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya, Yang Berhormat, persepsi kita sekarang ini kita nak ketelusan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, bagi saya perhabis dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi kalau Yang Berhormat buat tuduhan saya beri cadangan Yang Berhormat buat tuduhan macam itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak menuduh Yang Berhormat, Yang Berhormat di depan saya ni, saya menilai Yang Berhormat.

Kemudian perkara itu tidak ada arahan dan insyaAllah kita tengoklah, sekarang ini barangkali siarannya okey.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau begini Yang Berhormat, dah kalau sekarang ini tidak ada siaran langsung, boleh tak tentu Unit IT Negeri tu UKOM, kalau boleh kita dapatkan salinan perbahasan ini boleh tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat boleh mohon.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya pernah mohon tapi tak dibagi, ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pohon lagilah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pohon sekali lagi. Okeylah, harap-harap dia boleh bagi selepas pada ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ada wakil UKOM di sini. Ya, Yang Berhormat, saya jemput seterusnya daripada Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Musim buah-buahan tempatan dijangka akan menjelang tiba tidak berapa lama lagi. Apakah persediaan Kerajaan supaya petani mendapat pulangan pendapatan yang setimpal?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Berang atas pertanyaan berhubung dengan persediaan Kerajaan untuk menghadapi musim buah-buahan yang akan tiba tidak lama lagi.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah persediaan awal bagi menghadapi musim buah-buahan tempatan yang akan tiba tidak lama lagi. Untuk memastikan semua petani mendapat pendapatan yang lumayan daripada hasil yang mereka usahakan. Pertamanya, Kerajaan sudahpun menubuh Jawatankuasa Khas Anti Lambakan yang akan diurussetiakan oleh FAMA Negeri sebagai persiapan awal kita

menghadapi kemungkinan akan berlakunya lambakan pada musim buah yang akan datang. Walau bagaimanapun laporan awal yang kita terima, buah pada tahun ini kemungkinan tidak menjadi sangat, kemungkinan hampir sama dengan tahun lepas. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

1. Menenal pasti beberapa lokasi yang strategik untuk diwujudkan Pusat Belian bagi hasil buahan yang berkenaan.
2. Mewujudkan Program Ladang Kontrak dengan petani-petani di mana harga lantai ditentukan terlebih awal.
3. Kerajaan akan menganjurkan Karnival Jualan Buah-buahan pada Hari Peladang, Penternak yang akan dilaksanakan di Negeri Terengganu.
4. Melalui FAMA Kerajaan akan mengadakan promosi jualan buah-buahan tempatan Terengganu di Singapura apabila musim buah yang akan tiba.
5. Kerajaan Negeri sudahpun menyediakan peruntukan khas bagi TADC untuk mengadakan harga Sekim Subsidi bagi buah-buahan yang kemungkinan akan banyak apabila tiba musim.

Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita sedia maklumlah, dalam 10 tahun dahulu harga buah-buahan ini seperti duku sangat lumayan, harganya sampaikan harga sekilopun dulu tidak kurang daripada RM3.50. Dan kita tahu pada masa itu petani-petani mendapat pulangan yang lumayan dan berbaloi di mana kita tahu ramai di antara mereka ini ramai yang dapat gunakan pendapatan ini untuk menaikkan taraf hidup mereka, dapat pergi tunai Haji di Makkah dan sebagainya. Tapi semenjak 5 – 6 tahun kebelakangan ini harga duku terutama masa puncak mungkin dalam 80 sen sahaja. Betullah tahun ini kita tak bolehlah *expect* lagi buah-buahan tak jadi sebab ini mungkin baru peringkat awal, mungkin selepas ini kita mana tahukan duku ataupun rambutan akan kembali berbuah. Jadi soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudahkah Kerajaan menjalankan kajian untuk mengembalikan semula harga buah-buahan ini seperti duku, rambutan, jagung dan sebagainya seperti mengadakan kilang memproses buah-buahan supaya buah-buahan ini boleh dipelbagaikan penggunaan, boleh dikeluarkan pelbagai hasil daripada buah-buahan ini yang kita ada di Terengganu ini khususnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan berhubung dengan mewujudkan kilang untuk memproses hasil buah-buahan kita. Sebenarnya bukan kajian, kilang sudahpun ada untuk di Negeri Terengganu ini. Cuma apabila sampai musim dan bila nak pergi proses masalah lain pulak akan timbul. Sebagai contoh katakanlah kita nak proses rambutan, biasanya rambutanlah yang selalu kita kaitkan dengan nak memproses ini. Apabila sampai musim rambutan yang diperlukan untuk diproses itu kadang-kadang tidak menepati spesifikasi yang diperlukan oleh kilang dengan saiznya, dengan mutunya. Kebanyakan rambutan kita yang sudah kita nak jual ialah rambutan lama kita iaitu Rambutan Perak, Rambutan Pulau Pinang dulu orang panggil, rambutan itu cukup sukar untuk dipasarkan hari ini dan yang diperlukan oleh kilang rambutan-rambutan yang klon-klon yang baru ini yang biasanya tidak begitu sukar untuk dijual. Berkenaan dengan harga duku dan dokong, memanglah menjadi masalah kita sebab apabila musimnya sampai dia akan keluar banyak dan memang biasalah apabila penawaran sudah menjadi banyak harganya akan turun. Dan pengalaman pada tahun lalu harga pasaran cuma dalam 60 -70 sen tapi pihak FAMA dan TADC apabila mereka masuk dalam pasaran dan beli di kampung-kampung biasanya harga akan naik kerana harga yang ditawarkan oleh TADC menjangkau RM1.50 sekilo dan FAMA antara RM1.20 – RM1.50 sekilo. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana saya nampak sejak akhir-akhir ini harga buah-buahan seperti duku, dokong, rambutan tidak memberi pulangan yang lumayan. Saya nak tanya Kerajaan, tidakkah Kerajaan merancang kita buat satu sekim, umpama sekim tanaman semula ataupun kawasan tanaman duku, rambutan dan sebagainya kita buat satu sekim supaya dibuat tanaman lain, contohnya kawasan tanaman duku dan rambutannya sangat luas, itulah sebab harga yang rendah ini adalah kerana pengeluaran sangat banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, pihak Kerajaan faham Yang Berhormat. Tebang duku, tebang rambutan, tanam dengan benda lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Tanah dengan getah ke, getah lumayan, dengan kelapa sawit ke. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya perkara itu sedang berlakupun sekarang ini. Saya mendapati sudah banyak tuan-tuan dusun yang menebang duku mereka, menebang dokong, rambutan dan kebetulan pulak sekarang ini harga sawit ataupun getah sangat

mahal, kebanyakannya tukar duku, dokong kepada getah. Oleh sebab itulah banyak tanah Rancangan Berkelompok kita sudah menjadi bukan lagi menjadi kawasan dusun. Di kawasan saya, satu kawasan luas iaitu di Pelong, Kerong itu memang sudah banyak durian yang ditebang digantikan dengan kelapa sawit sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Boleh saya tahu apakah sekim itu sebab saya nak beritahu kepada rakyat saya di sana. Saya nak beritahu: "Tuan-tuan dan puan-puan boleh mohon sekim ini, ini seekar RM50,000.00 ke, RM30,000.00 ke."

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Sekim khas sekarang ini belum lagi ada sebab itu diusahakan sendiri oleh pemilik-pemilik dusun yang berkenaan tapi kalau nakkan bantuan insyaAllah dengan sekim-sekim bantuan yang sedia ada boleh digunapakai. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Bert hormat.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, daripada Kemasik. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Y.B. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya, tadi ada diterangkan tentang salah satu cara untuk mengekalkan harga buah-buahan dengan mengadakan Sekim Ladang Kontrak. Jadi soalan saya adakah dispesifikkan jenis tanaman ataupun buah-buahan yang masuk dalam Sekim Ladang Kontrak ini dan jugak setakat ini kawasan-kawasan contohnya yang telah terlibat dalam Sekim Ladang Kontrak dan juga kalau ada berapakah peruntukan yang telah ditetapkan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, Sekim Ladang Kontrak ini kebanyakannya yang berkaitan dengan tanaman jangka pendek seperti tembikai, labu dan sebagainya. Walau bagaimanapun, untuk duku ada diuruskan oleh FAMA. Dan kebanyakan penanam-penanam tidak begitu berminat kerana kadang-kadang bekalan yang dapat dikeluarkan oleh pihak pekebun tidak mencapai *volume* yang dijanjikan antara FAMA dan penanam-penanam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Apabila mendengar perbahasan tadi saya melihat Kerajaan mencadangkan supaya diadakan ataupun Kerajaan menjalankan beberapa penyelesaian jangka pendek Dato' Yang Dipertua, seperti TADC mengadakan subsidi, kemudian saya melihat Kerajaan mengambil inisiatif ataupun Kerajaan telah menyatakan bahawasanya kita tukar kalau tanaman tak sesuai ataupun buah-buahan tak boleh nak jual kita buat penanaman semula, kita tebang dan ditanam semula dengan kelapa sawit. Jadi ada dua aspek di situ yang saya lihat tidak berapa sesuai untuk zaman moden ini. Yang pertama, saya nak bertanya kepada Kerajaan adakah tidak kita melihat kepada *research and development (R&D)* ataupun penyelidikan dan pembangunan sebagai satu penyelesaian kepada masalah petani-petani ataupun pekebun-pekebun kerana kita lihat di negeri kita ini banyak dusun yang diusahakan oleh petani-petani di kawasan luar bandar. Yang kedua, kita juga kena melihat bahawasanya kepelbagaian dari segi buah-buahan adalah sebagai satu daripada daya tarikan pelancongan. Katakanlah Negeri Terengganu nanti suatu masa hanya ada getah dan kelapa sawit sahaja kalau tak ada rambutan, tak ada manggis, tak ada cempedak, jadi daya tarikan kepada pelancong-pelancong akan menjadi satu faktor yang negatif. Maknanya kalau pelancong datang ke Negeri Terengganu, mereka boleh makan durian, manggis, cempedak dan sebagainya maknanya itu adalah merupakan satu daya tarikan pelancongan. Jadi saya nak cadangkan di sini Kerajaan cuba mencari jalan supaya TADC bersama-sama dengan MARDI dan sebagainya menambahkan bajet atau peruntukan untuk R&D supaya hasil-hasil dusun tadi boleh berada lama di pasaran dan boleh dinikmati sebagai produk-produk tradisional yang boleh menjadi tarikan dan boleh mendatangkan hasil yang lebih lumayan kepada petani-petani. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sangat bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh Wakil Permaisuri kerana itulah sebenarnya kita tidak wujudkan satu sekim khas bagi orang yang nak tebang durian nak diganti dengan kelapa sawit, tidak. Nak tebang dokong, nak tanam getah pulak kita tidak adakan sekim. Cumanya kita tidak boleh nak tahan pekebun-pekebun yang ada duriannya, yang ada dokongnya kerana musim lening musim harga getah mahal, mereka pakat nak tebang belaka durian dia yang kebanyakannya sudah tua, kurang mengeluarkan hasil dan diganti dengan getah kerana itu hak mereka, tanah mereka. Kadang-kadang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan tebang dokong tanam getah, kadang-kadang apabila getah mahal hak ada kelapa sawit itu tebang kelapa sawit tanam getah, bila pulak kelapa sawit mahal tebang getah pulak tanam kelapa sawit. Jadi perkara ini agak sukar kita nak kawal, Dato' Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, saya sangat bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh Wakil Permaisuri itu tadi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan lagi Yang Berhormat, banyak dah ni, sudah empat soalan tambahan dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Empat dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, Wakil Manir saya beri peluang. Pendek saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak tanya setakat ini apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mempromosikan buah-buahan tempatan ini ke luar negara dan ia insyaAllah kalau maju boleh menjadi satu tarikan pelancong untuk datang ke sini.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, usaha-usaha untuk mempromosikan hasil pertanian ini sebenarnya diteruskan dan dilaksanakan dari masa ke semasa. Bagi kita Kerajaan Negeri sendiri seperti yang disebut kita biasanya buat di Singapura dan juga Brunei khususnya untuk tanaman duku, dokong dan durian. Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita bagi tumpuan pertanian, negeri kita negeri pertanian, banyak soalan tambahan dan saya percaya Yang Berhormat Manir biasa ke luar negara harga manggis, harga rambutan, nenas mahal di luar negara Yang Berhormat, ya. Jadi kita dah selesai, sebelum itu saya dah nampak Wakil Ladang duk bersedia untuk bangun untuk soalan dia, saya benarkan Ladang untuk soalan asal saja kalau nak bertanya kepada Kerajaan tanpa soalan tambahan. Boleh Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, nasib Ladang memang begitulah, baru-baru ini suruh soalan asal jugak tak boleh tambah, hari inipun asal jugak, kadang-kadang nak merajuk takmboh tanya rasa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak tanya takmboh, Ladang. Kalau takmboh tanya tak apa kita nak teruskan ke agenda lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak ambil Dato' Yang Dipertua kena tanya jugaklah. Soalan nombor 2 -

*Berapakah kos Pembangunan Semula Kg.Ladang (Ladang Tok Pelam dan sekitarnya yang tanahnya diambil balik baru-baru ini). Bilakah pembinaan akan bermula?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila pihak Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, inilah nasib orang bujang kadang-kadang banyak makan di kedai daripada di rumah itulah kalau nak tambah-tambah ini maklum sajalah orang ramai tengok, malu. Dato' Yang Dipertua, kos pembangunan semula Kampung Ladang dan Ladang Tok Pelam dan sekitarnya belum dimuktamadkan kerana kerja-kerja yang dijangka akan dilaksanakan pada Jun atau Julai ini tapi yang telah pastinya insyaAllah Dato' Yang Dipertua, akan dibina 7 blok perkedaian dan satu blok apartmen 30 tingkat dengan 6 tingkat tempat letak kereta dan 24 tingkat kediaman. Manakala sebahagian jalannya terpaksa direzab agak besar untuk pembinaan jalan 4 lorong dari kawasan berkenaan menghala ke muara Sungai Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Ladang saya dah tengok soalan itu dan soalan itu sudah banyak diulas oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dan jugak pihak Kerajaan. Jadi kita terus kepada Rang Undang-Undang.



## **ENAKMEN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU (PINDAAN) 2011**

### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu 1974**, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU  
ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PERBADANAN  
PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU 1974.

### Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu 1974, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu 1974, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu ("Enakmen 7/1974").

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa Enakmen yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan perkataan tertentu dengan perkataan yang baru bagi membolehkan Enakmen 7/1974 lebih relevan dengan perkembangan semasa.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen 7/1974 bagi menggantikan takrif tertentu dengan takrif baru yang lebih komprehensif.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Enakmen 7/1974 untuk menambah keahlian Perbadanan yang dilantik oleh Menteri Besar daripada empat kepada lapan orang.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Enakmen 7/1974 untuk mengurangkan bilangan minima mesyuarat Perbadanan daripada empat kepada dua kali dalam sesuatu tahun kewangan.

#### Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera):  
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua, jika ada perbahasan saya persilakan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan perbahasan. Ya, Yang Berhormat, kita jangan pergi jauh daripada apa yang kita pinda ajelah. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dalam Terengganu ajelah kita tak pergi jauh, insyaAllah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bila saya mendengar kepada pembentangan yang telah dibuat saya tidak nampak di mana kepentingan, kemustahakkannya tentang pindaan ini. Cuma menambah daripada 4 orang kepada 8 orang, mesyuarat daripada empat kali kepada dua kali. Apa akan menjadi menafaat dan faedah daripada perpustakaan ini kepada rakyat Negeri Terengganu. Saya tahu bahawa kalau zaman dahulu orang kata banyak berjalan maka banyak pengalamannya, kalau sekarang kalau tak berjalanpun insyaAllah dengan pembacaan maka boleh membentuk pemikiran dan keperibadian seseorang itu. Yang sepatutnya yang perlu ditambah yang dipinda ialah peruntukan tetapi pindaan ini tidak melibatkan apa-apa peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri, kita faham mungkin kewangan itu datang daripada Kerajaan Persekutuan. Tapi kalau kita menambahkan anggota, di samping kita mengurangkan bilangan kali mesyuarat tentunya menambahkan bilangan mesyuarat itu dengan bermakna bahawa perpustakaan ini akan dibiarkan begitu sahaja. Tapi boleh jadi ahli-ahlinya bijaksana jadi mesyuarat sekali boleh dilaksanakan dalam masa satu tahun. Kita perlu kepada anak negeri kita yang mempunyai pandangan dan fahaman terhadap isu-isu yang berlaku dalam negeri

kita khususnya dari sudut pandangan Islam. Islam mempunyai jawapan terhadap mana-mana masalah yang timbul dalam diri kita, dalam negeri kita. Kadang-kadang anak-anak kita tidak sempat mempelajari itu semua dalam pusat-pusat pengajian sama ada di sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah ataupun di sekolah-sekolah tinggi. Maka dengan sebab itu saya lebih tertarik kalau Kerajaan dapat memperuntukkan kewangan untuk menambah buku-buku bacaan yang boleh membina keperibadian rakyat Negeri Terengganu ini khususnya dan untuk menambah minat anak-anak muda kita atau orang dewasa juga untuk membaca dan melawat perpustakaan kita. Dengan penambahan buku-buku yang bernilai maka insyaAllah ia akan menjadi satu daripada *channel* untuk membantu anak-anak kita mempelajari ilmu pengetahuan dengan secara yakin insyaAllah maka dengan pembacaan yang baik daripada buku-buku yang baik, pengarang-pengarang yang baik maka tentunya kita dapat membina generasi kita yang akan datang terutama sekali generasi yang suka membaca, generasi yang mempunyai ilmu, generasi yang mempunyai keyakinan tentang apa yang mereka pelajari dengan kajian yang lebih mendalam. Maka dengan sebab itu, saya lebih tertarik kalau Kerajaan dapat di samping meminda saya ingat yang tak perlu dipinda ialah mesyuarat empat kali kepada dua kali, itu tidak menampakkan kemajuan, kalau penambahan anggota mungkin untuk mempercambahkan fikiran dan memperbanyakkan pendapat untuk memajukan perpustakaan kita. Jadi enakmen ini sepatutnya memberi pulangan, memberi menafaat dan faedah kepada rakyat Negeri Terengganu secara umum atau para pengunjung perpustakaan awam di Negeri Terengganu. Kebebasan berfikir hendaklah disediakan, surat-surat khabar hendaklah dipelbagaikan. Saya dapat faham semasa saya mengunjungi perpustakaan ini, surat-surat khabar tidak begitu terbilang, surat khabar pilihan saja yang diwujudkan, yang dipamerkan, yang disediakan setakat ini. Sepatutnya dalam sebuah negara demokrasi surat-surat khabar itu mestilah dipelbagaikan supaya rakyat di Negeri Terengganu ini dapat mempelbagaikan pandangan, pendapat dan pendirian mereka berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang tepat dan maklumat-maklumat yang betul. Kalau tak salah saya semasa saya melawat, surat khabar Harakah tidak ada. Jadi surat khabar Harakah itu perlu juga terutama kepada Dato' Yang Dipertualah kena baca, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kena baca Harakah juga, ini duk baca Metro, baca surat khabar Utusan saja, Berita Harian saja tentunya fikiran tidak begitu berkembang ....(Dalam gelak) .... Dengan maaf, Dato' Yang Dipertua. Tidak berapa berkembang, 1Malaysia saja yang nampak. Jadi cara berfikirpun, anak-anak muda dia nak ajak ke arah itu juga. Jadi seharusnya bahan-bahan bacaan seharusnya disediakan dengan kepelbagaian ilmu dan dari pengarang-pengarang yang terkenal khususnya dari segi Islam sehingga anak-anak kita memahami Islam, dari sudut politikanya, dari sudut ekonominya, dari sudut pendidikannya, dari sudut sosialnya dengan kita membekalkan buku-buku yang bermenafaat. Dan setakat yang saya lawat saya

tidak dapati buku-buku yang bernilai seperti itu di perpustakaan awam. Sekian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Saya mengambil kesempatan untuk sama-sama membahaskan Usul ini dan saya percaya dan saya pohon juga mengapakah bilangan mesyuarat ini dikurangkan sepatutnya kita perbanyakkan untuk mencari idea, mencari cetusan untuk menggalakkan lebih ramai lagi pengunjung ke perpustakaan ini. Selain daripada itu, saya percaya juga untuk menambah nilai selain daripada buku ialah menambah nilai dari segi keupayaan perpustakaan untuk dari segi komunikasinya tentang penggunaan teknologi moden dan kita jadikan perpustakaan ini sebagai satu tempat keseronokkan untuk belajar dan mencari ilmu. Dan memang benar untuk menambah buku-buku ini adalah satu perkara yang baik, satu perkara yang amat menggalakkan dan sambutan orang ramai terhadap perpustakaan sekarang ini sudah menampakkan keberkesanan bahawa sekarang ini orang ramai terutamanya remaja, pelajar sudah mengambil bahagian untuk sama-sama belajar di perpustakaan. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan bukan sahaja perpustakaan di peringkat negeri tetapi perpustakaan di peringkat daerah dan juga di peringkat desa untuk ditambah nilai dengan penambahbanyakkkan buku-buku ilmiah dan juga perkara-perkara yang lain bagi menggalakkan masyarakat luar bandar untuk menggunakan perpustakaan secara maksimum. Selain daripada itu, bahan-bahan yang digunakan dan saya yakin pegawai yang ada di perpustakaan adalah pegawai yang terlatih, pegawai yang mempunyai pandangan yang baik dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Manir tadi, Harakah. Saya percaya Harakah tidak digunakan dalam perpustakaan kerana banyak fakta dalam Harakah tidak betul maka adalah wajar untuk tidak menjadikan Harakah sebagai bahan bacaan, tidak meracuni fikiran orang ramai. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah, syabas kepada pegawai-pegawai perpustakaan di peringkat negeri, di peringkat daerah dan juga di peringkat kampung yang telah mengambil inisiatif yang baik untuk menjana pemikiran rakyat luar bandar ke arah yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, yang menyokong boleh bahas jugak ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, boleh. Sila Kota Putera, yang menyokong lagi banyak diberikan masa untuk bahas dan lebih bagus Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Yang pertamanya kerana ada soalan lisan yang tidak sempat dijawab pada hari ini jadi saya ambil kesempatan dalam pembahasan untuk menyampaikan sesuatu. Pertamanya, saya menyokong berkait dengan Pindaan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam ini kerana didapati enakmen ini telah sudah tidak sesuai lagi untuk digunakan masa sekarang kerana banyak perkara untuk kita menggantikan perkataan-perkataan tertentu dan jugak takrif serta bilangan keahlian. Cuma ada yang dipertikaikan tadi berkait dengan bilangan mesyuarat setahun. Sebenarnya mesyuarat-mesyuarat lain kita boleh lebih kerap lagi tinggal lagi mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan perkara-perkara dasar, kita tetapkan dua kali sahaja dalam satu tahun.

Dan berbalik kepada apa yang saya sebut di awal tadi dalam sidang Dewan pada kali ini bagi saya tidak ada berita yang paling menggembirakan apabila mendapat jawapan daripada pihak Kerajaan yang diwakili oleh Yang Berhormat Seberang Takir kelmarin berkait dengan IMTIAZ iaitu jawapannya perpindahan pelajar-pelajar IMTIAZ ke Pelagat yang merupakan Asrama Yayasan dan merupakan perpindahan sementara. Dan beliau jugak menambah ini adalah merupakan janji Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jangan luar konteks sangat. Kita bahas Enakmen Perbadanan Perpustakaan Yang Berhormat sokong ni.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Ini pasal terlibat dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perpustakaan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Perpustakaan. Yang mana bila saya balik kelmarin, saya sempat balik ke kawasan kerana menyambut Ulang Tahun UMNO Yang Ke-65, ramai yang datang ke masjid dan ke rumah saya untuk meminta saya sampaikan salam terima kasih kepada pihak Kerajaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kepada Yang Berhormat Exco, kepada Pengarah Yayasan Negeri Terengganu. Mereka menyebut: "Tinggi lagi Gunung Himalaya, tinggi lagi terima kasih kita." Mereka menyebut: "Besarnya Tasik Kenyir, besar lagi terima kasih kita."

Dan seterusnya berkait dengan perpustakaan ini, saya rasa amat bangga dasar yang dibuat oleh Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu yang mana hari ini telah mewajibkan pelajar-pelajar seluruh negeri setiap pagi hari persekolahan memulakan pengajian mereka dengan ayat suci Al-Quran. Yang mana setahu saya tidak dibuat lagi di negeri-negeri lain selain daripada Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan, saya fikir Dato' Yang Dipertua, kalau cakap begini, kalau di sebelah kami lama dah Yang Dipertua *stop*, tidak kena mengena ni. Jadi saya nak tengok ketegasan Yang Dipertualah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya duk tengah tengok ni jugak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jangan tengok lama sangat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Ni nak sambung perpustakaanlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita hormat ni pasal dia penyokong kepada pembawa enakmen ini. Jadi Yang Berhormat, Ladang tegur jadi alignment tu jangan lari jauh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Jadi sebab itulah saya rasa Kerajaan Negeri telah membudayakan pembacaan kepada rakyat Negeri Terengganu ini. Ini bukan sahaja dengan mengadakan perpustakaan tetapi dengan memastikan pelajar-pelajar, anak-anak kita tiap-tiap hari pada hari persekolahan dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran. Cuma pada hari ini saya rasa adalah elok rancangan baik, program baik ini kita buat jugak di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri Terengganu. Maknanya memulakan kerja mereka 10 – 15 minit kita baca ayat suci Al-Quran dulu.

Yang keduanya, selain daripada perpustakaan ini saya jugak mencadangkan supaya kadang-kadang kita nak pergi ke perpustakaan ini mungkin kita ada masalah kekangan masa. Adalah baik supaya buku-buku terbitan baru yang kita fikirkan boleh digunakan sama ada dalam kerjaya kakitangan Kerajaan mahupun untuk kepentingan mereka ataupun keluarga mereka, kita bekalkan di pejabat-pejabat yang mana kita boleh *monitor*, kita boleh pemantauan supaya buku-buku ini dibaca, buku-buku yang baik yang telah kita pilih dibaca oleh kakitangan-kakitangan di jabatan masing-masing, fikirlah dengan apa cara contohnya hak

mana baca dia kena tandatangan dan sebagainya. Jadi dengan sebab itu saya jugak mengharapkan supaya perpustakaan-perpustakaan di setiap daerah ini hari ini perlu ditambahbaik kerana saya difahamkan perpustakaan di Daerah Besut yang mana ada satu program yang dibuat baru-baru ini saya dimaklumkan oleh pegawai petugas di sana kita tidak ada sumber pembiayaan dari segi ada keperluan-keperluan infra berkait dengan bangunan perpustakaan tersebut yang perlu dilihat sama oleh pihak Kerajaan. Dengan ini saya sekali lagi menyokong Pindaan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam 2011. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Ladang nak berucap?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tadi nak tanya bila nak suruh dia berhenti tu, dah berhenti tu tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah tidak ada ucapan, saya jemput pihak Kerajaan untuk menggulung. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam enakmen ini. Memang sebagaimana yang dikatakan oleh Kota Putera dan Jabi memperbanyakkan daripada 4 kepada 8, memang adalah untuk percambahan ilmu ataupun memperbanyakkan lagi ataupun mempertajamkan lagi pemikiran dalam keahlian lembaga dan saya rasa tidaklah mendatangkan masalah terutama dari segi kuorum dan sebagainya tetapi dalam fasal 5 yang mengurangkan daripada 4 kepada 2 sebagaimana biasalah zaman KPI ini kalau kita letakkan 4 kita buat 4, kalau kita letak 3 kita kena buat 3, kalau kita letak 2 kena buat 2. Tapi tidak semestinya kita tidak aktif dan kita tidak kreatif kerana zaman sekarang adalah zaman internet kalau kita masuk perpustakaanpun, kalau kita masuk layari internetpun kalau tidak ada surat khabar Harakah kita pergi Yahoo, kita tulis saja Harakah sudah tentulah kita akan dapat semua yang ada. Kita akan dapat cari cerita jam Omega hilang di dalam internet, kita akan dapat dalam 'pisaucukur.net', kita akan dapat cari dalam 'papagomol' dan macam-macam kita boleh cari dalam internet. Jadi dalam alam siber ini tidak menyekat kita Yang Berhormat Wakil Manir, saya harap Yang Berhormat Wakil Manir tidaklah terlalu kecewa jika Harakah tidak ada di mana-manalah. Walau bagaimanapun .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok internet itu persendirian, dia tidak

melibatkan perpustakaan awam, ini yang melibatkan perpustakaan awam antara usaha-usaha dia. Saya tak dukacita takdok surat khabar di perpustakaan awam, dalam MASpun takdok, kita tanya Harakah ada? Tak ada, dia kata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat Manir ini tidak boleh disebut. Sila Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Ya, tak apa. Walau bagaimanapun, memang kita seharusnya menggalakkan sesiapa sahaja di dalam menimba ilmu ini dan dinanisma sesuatu perpustakaan itu memang kita buat beginipun orang kata begini, kita tak buatpun orang kata, itu tidak boleh lari daripada apa yang diperkatakan. Terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membantu saya sedikit sebanyak yang telah menjawab tadi dan saya kira saya ucap terima kasih kepada semua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak Kerajaan telahpun menggulung. Saya sekarang ini membuka kepada ahli-ahli sekalian untuk undian -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU 1974.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Dalam Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU 1974, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.



Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Ketiga

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU 1974, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (Pindaan) 2011.**

## TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita tangguhkan Dewan yang mulia ini sukacita saya mengambil kesempatan untuk yang pertamanya mengucapkan jutaan terima kasih di atas semua kerjasama yang telah diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat sepanjang Persidangan kita ini bersidang.

Yang kedua, sukacita juga saya ingin mengambil makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang sekalian terutamanya kita nak merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas khidmat Yang Berbahagia Setiausaha Dewan kita Saudara Abdul Rahim bin Jusoh yang akan menamatkan tugas beliau sebagai Setiausaha Dewan Undangan Negeri Terengganu ini bermula 23 April yang lepas dan beliau akan bertugas bermula 15 Mei ini sebagai Pegawai Daerah Besut. Sebagai penghargaan kita ucap terima kasih kepada beliau atas jasa-jasa dan sumbangan beliau yang tinggi kepada sidang kita. Dan kita juga mengucapkan selamat datang juga insyaAllah pada sidang yang akan datang kalau dipanjangkan umur, belum ada pilihan raya lagi, kita mengucapkan selamat datang kepada Saudara Azhar bin Jusoh daripada Penolong Kanan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan Organisasi) di Tingkat 8 dan akan menjadi Setiausaha di mesyuarat yang akan datang.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum kita tangguhkan Persidangan kita pada kali ini, sekali lagi saya nak mempromosi ataupun nak menjemput malam ini ialah malam akhir Ujian Tilawah Al-Quran kita di Stadium Negeri Gong Badak, saya ingat Bandar kita jemput hadir dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mari kita sama-sama bersurai dengan doa yang mulia insyaAllah mudah-mudahan kita diberkati oleh Allah S.W.T. dengan sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

Sekian, saya tangguhkan mesyuarat ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.15 PAGI.

# **LAMPIRAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI  
MESYUARAT YANG PERTAMA  
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 09, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.1**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH**  
**WAKIL ALUR LIMBAT**

- SOALAN 1 : Nyatakan nama lokasi dan jumlah keluasan tanah-tanah lapang mengikut daerah di seluruh Negeri Terengganu di bawah Seksyen 62 yang telah diwartakan dan yang belum diwartakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 09, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.2**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI**  
**WAKIL BATU BURUK**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah defisit belanjawan Kerajaan Negeri dari tahun 2008 dan tahun 2009 dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi perbelanjaan yang berlebihan ?

JAWAPAN : Akaun Hasil Yang Disatukan mencatat defisit terkumpul RM424,963,971.08 pada 31 Disember 2008 dan defisit ini meningkat kepada RM699,010,087.44 pada 31 Disember 2009.

Bagi mengatasi perbelanjaan yang berlebihan ini Kerajaan mengambil langkah-langkah antara lain mengamalkan perbelanjaan berhemat dan memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang menjadi tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri. Kerajaan juga memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang dapat memberi impak secara langsung kepada rakyat dan program-program yang dapat menjana pendapatan dan yang boleh meningkatkan daya saing negeri. Hasil daripada tindakan ini dan seperti yang ditunjukkan dalam penyata Akaun Hasil Disatukan, Kerajaan telah dapat mengurangkan perbelanjaan bagi tahun 2009 sebanyak RM5,043,074.51 menjadi RM1,785,064,215.77 berbanding dengan perbelanjaan tahun 2008 yang berjumlah RM1,790,107,290.28. Berdasarkan kepada penyata Akaun Awam Negeri tahun 2010 yang sedang di audit, perbelanjaan ini dapat dikurangkan lagi dan menjadi RM1,690,222,326.86 bagi tahun 2010. Pada tahun 2010 Kerajaan juga telah dapat meningkatkan kutipan hasil dan berjaya memungut RM1,892,957,278.59 melebihi daripada jumlah anggaran RM1,881,927,260.00.

SOALAN 2 : Apakah status pembinaan Fasa Kedua Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya ?

JAWAPAN : Status pembinaan fasa kedua Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat sedang berjalan dan ianya dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada akhir tahun 2012.

SOALAN 3 : Nyatakan jumlah kawasan konsensi balak yang dikeluarkan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 dan senaraikan syarikat-syarikat yang telah diberikan konsensi tersebut ?



JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Nyatakan jumlah anak yang didaftarkan di Terengganu yang tidak mencatatkan nama bapa (anak luar nikah) setakat ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi gejala sosial khususnya di kalangan remaja di Terengganu ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi kesesakan katil-katil pesakit di Wad Kelas Dua dan Kelas Tiga di Hospital Kuala Terengganu (HKT) dan juga kesesakan di Pusat Dialisis di HKT ?

JAWAPAN : Jumlah katil di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu adalah 821 dan memandangkan HSNZ adalah satu-satunya hospital kerajaan di Daerah Kuala Terengganu yang menampung perkhidmatan untuk kira-kira 367,800 penduduk Kuala Terengganu dan 106,500 penduduk Daerah Marang jadi kesesakan memang berlaku. Ia juga merupakan Hospital Berpakar Pusat rujukan kes dari seluruh Negeri Terengganu.

Kadar penggunaan katil (Bed Occupancy Rate – BOR) di HSNZ menunjukkan peningkatan yang ketara pada setiap tahun iaitu dari 72.12% pada tahun 2006 ke 74.36% pada tahun 2010 manakala bagi Jan – Mac 2011 BOR ialah 72.28%.

Terdapat kemasukan kes-kes ke wad tertentu melebihi jumlah katil sedia ada pada satu-satu masa. Dalam situasi ini, katil-katil tambahan (sementara) akan digunakan bagi menampung keperluan berkenaan.

Masalah-masalah di atas diharap akan dapat diatasi setelah Kompleks Materniti di HSNZ yang dijangka akan siap pada akhir tahun ini dengan jumlah katil sebanyak 315 buah.

Bagi Hemodialisis, terdapat 49 buah mesin dengan 128 orang pesakit menerima rawatan. Jumlah ini adalah kapasiti maksima kemampuan Unit Hemodialisis ini. Selain itu, 84 pesakit menerima rawatan melalui kaedah "Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD). Sementara itu di Negeri Terengganu, terdapat 8 buah pusat rawatan hemodialisis (HD) swasta dengan kapasiti 79 buah mesin dan 256 pesakit. Di Daerah Kuala Terengganu sahaja terdapat 4 pusat HD dengan 59 buah mesin dan 192 pesakit.

Jabatan Kesihatan Negeri menyedari masalah pertambahan keperluan ini dan telah mewujudkan perkhidmatan HD di semua Hospital Daerah dengan pecahan perkhidmatan seperti berikut :-

HOSPITAL	BIL MESIN (HD)	BIL RAWATAN PESAKIT (HD)	BIL PESAKIT (CAPD)
1. Kemaman	16	43	8
2. Dungun	14	60	17
3. Hulu Terengganu	11	41	12
4. Besut	13	50	7
5. Setiu	<i>Dijangka memulakan perkhidmatan HD pada awal bulan Julai 2011</i>		

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.3.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD**  
**WAKIL HULU BESUT**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah perbelanjaan telah dibelanja oleh Kerajaan Negeri Terengganu sehingga 2011 dari Tabung Kebajikan Hospital (Bantuan Sakit Kronik)?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Pada tahun 2011, sudah dua kali jalan di Kg. Jerubun, Pasir Akar dinaiki air hanya akibat hujan lebat dan menyebabkan kenderaan tidak dapat dilalui, apakah langkah kerajaan mengatasi masalah ini?

JAWAPAN : Pihak JKR telah merancang untuk menaikkan aras jalan ini bagi mengatasi banjir.

Cadangan pelaksanaan projek ini telah dikenalpasti untuk dibuat di bawah program pembaikan jalan akibat banjir.

**SOALAN 3** : Apakah Kerajaan Negeri masih tidak berhasrat memasukkan peneroka di tanah yang telah dimajukan oleh FELCRA dan FELDA di Negeri Terengganu?

**JAWAPAN** : Kerajaan Negeri Terengganu masih tidak berhasrat memasukkan peneroka di tanah yang telah dimajukan oleh FELCRA disebabkan oleh kos pengurusan rancangan, harga pasaran komoditi yang tidak menentu dan tidak memberi jaminan pendapatan yang stabil. Oleh itu Kerajaan Negeri secara dasar bersetuju mana-mana projek yang telah dibangunkan oleh Felcra Berhad dan belum mempunyai peserta akan diagihkan hasilnya dalam bentuk bantuan bulanan kepada golongan miskin dalam usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.4**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG**  
**WAKIL RHU RENDANG**

SOALAN 1 : Setakat manakah kajian dibuat sebelum kerajaan memulakan operasi kilang pemprosesan nira nipah di Kampung Kelulut yang telah dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri YB Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan mengapakah ianya menghadapi masalah sekarang ini?

JAWAPAN : Pada awal tahun 2006, kajian awal oleh Kementerian Sains Teknologi & Inovasi (MOSTI) melalui dana INNOFUND telah dibuat sebelum operasi pengkomersilan nira nipah dijalankan di Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Nira Nipah (PPPNN), Kg. Kelulut, Marang. Dalam masa yang sama, pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan juga telah menjalankan kajian bagi menghasilkan aiskrim berasaskan nira nipah.

Setakat ini Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Nira Nipah (PPPNN) tidak menghadapi masalah dari segi operasi kecuali bahan mentah (sumber tempatan) yang terhad.

SOALAN 2 : Setakat manakah tindakan yang telah diambil terhadap kerosakan peralatan di Marang Water Front dan tindakan penyelenggaraan selanjutnya yang akan dilakukan untuk memastikan peralatan tersebut tidak membahayakan kanak-kanak, persekitaran sentiasa bersih dan tidak terdedah kepada kemungkinan ianya menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes?

JAWAPAN : Pihak Majlis Daerah Marang sentiasa membuat pemantauan ke atas peralatan permainan kanak-kanak dan pihak Majlis telah mengambil tindakan dengan membaiki dan mengganti kerosakan ke atas peralatan tersebut.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan tempat pembuangan sampah di Kg. Gong Tepah, Jalan Batangan memandangkan ia terletak berhampiran dengan kawasan Perumahan Gong Chempedak dan menjadi rungutan penduduk setempat. Kalau ya, bila dan kalau tidak, mengapa?

JAWAPAN : Tempat pembuangan sampah di Kg. Gong Tepah, Jalan Batangan akan berpindah ke tapak pelupusan baru sanitari di Kg. Tertak Batu, Marang, Terengganu yang telah diluluskan oleh pihak Pentadbir Tanah Marang sebagai tapak pelupusan. Buat masa ini, projek tapak pelupusan sanitari di Kg. Tertak Batu sedang menunggu Laporan Kajian Environmental Impact Assessment sementara tapak sedia ada di Kg. Gong Tepah, Jalan Batangan masih digunakan sehingga Kajian EIA (Environmental Impact Assessment) tapak pelupusan sanitari di Kg. Tertak Batu selesai dan peruntukan akan dilaksanakan oleh pihak KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 09, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.5**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI**  
**WAKIL JABI**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pendaftaran nikah cerai seluruh Negeri Terengganu sepanjang 2010 mengikut pecahan daerah ?

JAWAPAN : Berikut adalah jadual statistik Pendaftaran Nikah, Cerai dan Rujuk Seluruh Negeri Terengganu sepanjang 2010 mengikut pecahan daerah.

<i>DAERAH</i>	<i>NIKAH</i>	<i>CERAI</i>	<i>RUJUK</i>
<i>KUALA TERENGGANU</i>	<i>3496</i>	<i>432</i>	<i>75</i>
<i>KEMAMAN</i>	<i>1450</i>	<i>154</i>	<i>86</i>
<i>DUNGUN</i>	<i>1421</i>	<i>162</i>	<i>73</i>
<i>BESUT</i>	<i>1653</i>	<i>183</i>	<i>23</i>
<i>HULU TERENGGANU</i>	<i>843</i>	<i>85</i>	<i>32</i>
<i>MARANG</i>	<i>1023</i>	<i>94</i>	<i>15</i>



<i>SETIU</i>	<i>638</i>	<i>25</i>	<i>15</i>
<i>IBU PEJABAT (BHG. UNDANG-UNDANG KELUARGA)</i>	<i>-</i>	<i>180</i>	<i>34</i>
<b><i>JUMLAH</i></b>	<b><i>10524</i></b>	<b><i>1315</i></b>	<b><i>353</i></b>

SOALAN 2 : Berapakah jumlah kemalangan maut sepanjang 2010 mengikut pecahan daerah dan jenis kemalangan seluruh Negeri Terengganu.

JAWAPAN : Jumlah kemalangan maut bagi tahun 2010 sebagaimana statistik berikut :-

<b><i>DAERAH</i></b>	<b><i>KEMALANGAN MAUT</i></b>	<b><i>JUMLAH MATI</i></b>
<i>BESUT</i>	<i>33</i>	<i>35</i>
<i>SETIU</i>	<i>31</i>	<i>34</i>
<i>KUALA TERENGGANU</i>	<i>58</i>	<i>60</i>

MARANG	42	48
HULU TERENGGANU	25	29
DUNGUN	38	45
KEMAMAN	56	61
<b>JUMLAH</b>	<b>283</b>	<b>312</b>

Jenis-jenis kemalangan mengikut daerah :-

DAERAH	MAUT	CEDERA PARAH	CEDERA RINGAN	ROSAK SAHAJA
BESUT	33	77	128	854
SETIU	31	90	52	588
KUALA TERENGGANU	58	23	145	3,544
MARANG	42	17	10	1,135

<i>HULU TERENGGANU</i>	<i>25</i>	<i>37</i>	<i>58</i>	<i>506</i>
<i>DUNGUN</i>	<i>38</i>	<i>56</i>	<i>23</i>	<i>1,449</i>
<i>KEMAMAN</i>	<i>56</i>	<i>40</i>	<i>20</i>	<i>2,030</i>
<b><i>JUMLAH</i></b>	<b><i>312</i></b>	<b><i>340</i></b>	<b><i>436</i></b>	<b><i>10,106</i></b>

SOALAN 3 : Berapakah jumlah pelaburan yang dilaburkan di Negeri Terengganu sepanjang tahun 2010. Sila nyatakan jenis-jenis pelaburan.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS  
PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah Pemberian dan Geran Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh Negeri Terengganu dari tahun 1991 hingga tahun 2010 mengikut jenis-jenisnya di bawah Peruntukan Perbendaharaan?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan berapakah jumlah hotel, resort dan restoran yang mempunyai Sijil Halal mengikut pecahan daerah di negeri ini?

JAWAPAN : a) Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal kepada **5 buah hotel di Daerah Kuala Terengganu** sahaja dan lain-lain daerah tiada permohonan sijil halal.

b) Terdapat **7 buah resort di negeri Terengganu** yang memiliki Sijil Pengesahan Halal seperti berikut:

Kuala Terengganu	-	3 buah
Kemaman	-	1 buah
Besut	-	1 buah
Dungun	-	1 buah

Setiu	-	1 buah
Hulu Terengganu	-	Tiada
Marang	-	Tiada

c) Bagi **restoran** pula hanya terdapat **2 buah** sahaja dikeluarkan Sijil Pengesahan Halal iaitu:

Kuala Terengganu	-	1 buah
Kemaman	-	1 buah

SOALAN 3 : Sila nyatakan keputusan bancian statistik bilangan penduduk di setiap daerah di negeri ini pada tahun 2010 dan juga statistik bilangan penduduk mengikut bangsa di negeri ini?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah terkini pekerja asing yang bekerja mengikut sektor dan mengikut daerah dalam negeri ini?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Apakah hasil kajian yang dibuat oleh ECER terhadap cadangan pembinaan laluan kereta api yang menghubungkan Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu dan Kelantan?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.7**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH**  
**WAKIL TEPOH**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah deposit yang tidak dituntut menurut perkara 162 Arahan Perbendaharaan yang telah dipindahkan kepada Akaun Hasil Kerajaan Negeri sejak Januari 2001 hingga Mac 2011?

Apakah sebab-sebab pendeposit gagal membuat tuntutan balik deposit berkaitan?

JAWAPAN : a) Jumlah deposit yang tidak dituntut menurut perkara 162 Arahan Perbendaharaan yang telah dipindahkan kepada Akaun Hasil Kerajaan Negeri sejak Januari 2001 hingga Mac 2011 adalah berjumlah RM22,545,509.42.

b) Sebab-sebab pendeposit gagal membuat tuntutan balik deposit adalah seperti berikut :-

Kes mahkamah belum selesai  
Projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak. Pendeposit meninggal dunia.  
Bayaran ansuran tanah tidak dijelaskan oleh pemilik sepenuhnya dan tidak dapat diselaraskan ke akaun hasil. Alamat pendeposit tidak lengkap dan sukar untuk dihubungi.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.8.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR**  
**WAKIL LADANG**

SOALAN 1 : Kerajaan Negeri melalui Syarikat EPIC Bhd. telah membeli Strawberry Park di Kijal. Y.A.B. Menteri Besar pernah mengumumkan tujuan pembelian itu adalah untuk menjadikan Strawberry Park ini sebagai pusat seperti Institut Jantung Negara. Bagaimanakah kedudukannya sekarang?

JAWAPAN : Strawberry Park, Kijal dibeli oleh LTAWNT melalui perjanjian jualbeli pada November 2009. Harga belian ialah RM27 juta. Urusan pindahmilik telah selesai dan harta telah didaftar atas nama LTAWNT.

Cadangan menjadikan Strawberry Park sebagai Institut Jantung Negara, Masih dalam peringkat perancangan.

SOALAN 2 : Benarkah Kerajaan Negeri bercadang menjadikan Bandar Baru Kijal sebagai Bandar Bebas Cukai. Apakah implikasi kewangan yang akan terlibat?

JAWAPAN : Tidak benar.

SOALAN 3 : Milik siapakah bangunan yang diduduki oleh Giant di Bandar Baru Kijal. Kalau disewa berapakah harga sewaan dan untuk tempoh berapa lama?

JAWAPAN : Bangunan yang diduduki oleh Giant adalah milik Majlis Perbandaran Kemaman. Harga sewaan dan tempoh penyewaan adalah sebagaimana jadual:

No. Lot	Butir Penyewa	Sewa Sebulan (RM)	Tempoh Sewa	Catatan
1	Giant Kijal Mall	42,170.00	3 tahun + 3 (Tempoh Wajib)	Penyewa Utama

SOALAN 4 : Setakat ini berapakah jumlah kos pembangunan Bandar Baru Kijal dan dari manakah peruntukan ini diambil?

JAWAPAN : Kos pembangunan Bandar Baru Kijal setakat ini ialah RM153,776,166.00.

Sumber pembiayaan adalah daripada Kerajaan Negeri, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Amanah Amanah Rakyat (MARA).

SOALAN 5 : Setakat mana kemajuan pembangunan Pulau Besar di Merang setelah pulau ini dijual kepada pihak swasta?

JAWAPAN : Pulau Besar tidak pernah dijual kepada pihak swasta.



**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.9.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL**  
**WAKIL KUALA BERANG**

SOALAN 1 : Beberapa tempat di Kuala Berang terus mengalami masalah banjir akibat limpahan air sungai dan jalan raya ditenggelami air. Apakah langkah-langkah dijalankan kerajaan mengatasi masalah ini?

JAWAPAN : Di antara langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini ialah:

- i) Membina sebuah kolam takungan di Paya Besar bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan sekitar.
- ii) Menaikkan aras jalan sedia ada.
- iii) Menyelenggara sungai-sungai di sekitar Kuala Berang.
- iv) Memperbesarkan longkang dan laluan air.
- v) Menaik taraf dan meningkatkan penyelenggaraan sistem perparitan dan longkang.
- vi) Menyusun semula kampung-kampung yang sering menghadapi masalah banjir di Kg. Bukit Tadok, Kg. Pengkalan Ajal dan Kg. Gunung.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah dan tindakan kerajaan untuk mengatasi kerosakan jalan raya utama yang teruk di Kuala Berang dan di Daerah Hulu Terengganu?

JAWAPAN

: Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri sedia maklum mengenai keadaan jalan raya utama di Kuala Berang dan di Daerah Hulu Terengganu terutamanya Jalan FT 14 (Sg. Temala/Ajil/Landas) sek. 130 ke 152, FT 106 (Gaung/Ajil) sek. 1 ke 3 dan FT 247 (Gaung/Teris). Untuk makluman, tempoh perkhidmatan jalan ini adalah terlalu lama, sedangkan peningkatan isipadu trafik yang terdiri daripada pelbagai kenderaan (terutamanya kenderaan muatan berat seperti lori) semakin bertambah dari hari ke hari. Ini memburukan lagi keadaan jalan tersebut. Selama tempoh tersebut, pembaikan secara kekal dan menyeluruh tidak pernah dilakukan kerana tiada peruntukan yang disalurkan ke pejabat ini. Namun begitu, pihak JKR Hulu Terengganu telah mengamanahkan kepada pihak konsesi iaitu Roadcare (M) Sdn. Bhd. untuk menyenggara jalan tersebut. Ini termasuklah kerja-kerja rutin seperti penampalan pothole, pemotongan rumput, mencuci longkang dan perabot jalan. Sehingga kini, pihak kami sentiasa mengarahkan pihak konsesi untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan secara rutin iaitu menampal pothole atau lubang-lubang yang terbentuk demi keselamatan pengguna jalan raya.

Di antara langkah-langkah dan tindakan terkini dan semasa yang diambil pejabat Jurutera Daerah JKR Hulu Terengganu bagi mengatasi kerosakan jalan raya utama yang teruk di Kuala Berang dan di Daerah Hulu Terengganu bagi tahun semasa adalah:-

1. Memohon Peruntukan

Tahun	Permohonan Peruntukan (RM)	Peruntukan Yang Diluluskan Sehingga Kini (RM)
2011	25,415,279.67 (Perihal kerja penyenggaraan Jalan, Jambatan, Saliran dan Cerun)	√ 150,000.00 (Kerja-kerja mill and pave di laluan FT 106, Sek. 2-3)

		√ 455,000.00 (Kerja-kerja mill and pave di FT 14, Sek. 152-waran belum ada)
		√ 400,000.00 (Kerja-kerja pembaikan cerun di FT 185)
		√ 180,000.00 (Kerja penyenggaraan jambatan FT 14, FT 247, FT 1692 dan FT 1693)

2. Penyenggaraan rutin oleh pihak konsessi

Memantau kerja-kerja penampalan pothole dijalankan oleh pihak konsessi mengikut kontrak kerja dari semasa ke semasa.

SOALAN 3 : Bilakah kerajaan akan membangunkan tempat pertemuan Batu Bersurat di Kampung Buloh, Kuala Berang sebagai antara destinasi utama pelancongan?

JAWAPAN : Pada ketika ini, kerajaan masih belum mempunyai rancangan untuk membangunkan tempat penemuan Batu Bersurat di Kampung Buloh sebagai destinasi pelancongan utama. Namun perancangan telah dibuat untuk menjadikan tempat penemuan Batu Bersurat sebagai salah satu hentian persinggahan bagi program 'rivercruise' menyusuri Sungai Terengganu.

SOALAN 4 : Bilakah kerajaan akan membina masjid baru di DUN Kuala Berang setelah masjid terakhir di Kampung Tapu diluluskan pada 2007? Sejak 2008-2010 tiada masjid baru diluluskan sebagaimana hasrat kerajaan 1 masjid 1 DUN setahun.

JAWAPAN : Masjid Batu 23 DUN Kuala Berang dengan muatan 1000 jemaah telah disenaraikan dalam Pembinaan Masjid Baru Fasa 2 bagi Negeri Terengganu Tahun 2010. Masjid baru tersebut akan dibina di atas Lot 9737 dan Lot 9738. Tapak Masjid tersebut merupakan kawasan banjir kerana berhampiran dengan Sungai Pertang. Hasil keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pembinaan Masjid Peringkat Negeri Kali Ke 1/2011 pada 18 April 2011 memohon agar pihak JHEAT menyemak kembali kesesuaian pembinaan masjid di lokasi tersebut atau mengemukakan cadangan lokasi lain yang sesuai. Sekiranya pembinaan masjid masih hendak dibina di lokasi yang sama, reka bentuk baru dengan struktur asas yang bertiang akan dibina bagi mengatasi masalah tersebut.

SOALAN 5 : Bilakah kerajaan akan membangunkan prasarana dan kemudahan sukan di Kuala Berang selaras dengan daerah-daerah lain untuk menepati piawaian penganjuran sukan di peringkat negeri?

JAWAPAN : Daerah Hulu Terengganu pernah merancang untuk menubuhkan Kompleks Sukan bersama Mini Stadium di Daerah Hulu Terengganu. Tapaknya telah dikenal pasti di kawasan Batu 22, Jalan Ajil ke Kuala Terengganu dan kerja-kerja tanah dilaksanakan dengan kos RM800 ribu. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek belum dilaksanakan bila mendapat kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.10.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**  
**WAKIL SURA**

- SOALAN 1 : Berapakah jumlah hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat dan nyatakan jumlah pembayaran balik hutang tersebut dari tahun 2004 hingga 2010.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Berapa kali Y.A.B. Menteri Besar Terengganu ke luar negara dari tahun 2008 hingga 2010 dan nyatakan tujuan lawatan serta kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Berapakah jumlah pelajar dan jumlah Taska Permata mengikut pecahan daerah serta nyatakan kos pembiayaan yang ditanggung Kerajaan Negeri Terengganu.
- JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Berapa banyakkah 'sejadah' untuk kegunaan umat Islam menunaikan solat yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri. Sila nyatakan syarikat pembekalnya serta berapakah kos yang terlibat dan bagaimanakah agihannya.

JAWAPAN : Jumlah sejadah untuk kegunaan umat Islam menunaikan solat yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri ialah 33,880 unit. Syarikat yang membekal sejadah tersebut ialah BIBI HAWA & SONS, di alamat No. 33, Aked MARA, Jalan Danby, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM999,460.00.

Sejadah tersebut masih lagi disimpan di Kompleks Sukan Gong Badak, Kuala Terengganu sementara menunggu untuk diagihkan kepada masjid-masjid seluruh Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapa jumlah kes kecurian balak yang berlaku di Negeri Terengganu dan nyatakan tangkapan yang dibuat serta pendakwaan yang telah dilakukan.

JAWAPAN : 1. Kes kecurian balak adalah bersabit kesalahan yang melanggar Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu mengambil hasil hutan termasuk kayu balak tanpa kebenaran dari kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan.

2. Dari tahun 2006 hingga bulan Mac 2011 terdapat sebanyak 21 kes kecurian kayu balak yang telah dapat dikesan. Butiran maklumat kes kecurian balak yang berlaku dari tahun 2006 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes	Tangkapan (orang)
2006	2	9
2007	3	2
2008	4	2
2009	3	2
2010	9	10
2011	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>25</b>

3. Daripada 21 kes kecurian balak ini hanya 5 kes kesalahan tersebut adalah kesalahan hutan yang telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk diambil tindakan. Sehingga kini belum ada kes yang dibuat pertuduhan di mahkamah kerana kelima-lima kes ini masih dalam penelitian Timbalan Pendakwaraya. Di antara faktor yang menyebabkan bilangan kes yang kecil disediakan untuk pendakwaan adalah kesukaran mendapat bukti dan saksi bagi disabitkan suspek di dalam kejadian ini.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.11.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF**  
**WAKIL KOTA PUTERA**

SOALAN 1 : Usaha membantu anak negeri menyambung pelajaran ke luar negara dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sebagainya telah dilakukan sekian lama. Sejauh manakah pelajar yang dibantu ini telah menyumbang balik khidmat mereka kepada negeri ini setelah tamat belajar?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu meningkatkan pelaburan rakyat negeri ini dalam Amanah Saham Darul Iman (ASDI)?

JAWAPAN : Dalam membantu meningkatkan pelaburan rakyat Negeri Terengganu dalam ASDI, Kerajaan Negeri telah memastikan supaya pulangan pelaburan ASDI adalah kompetitif berbanding dengan tabung-tabung lain yang ada di pasaran.

Pulangan yang kompetitif akan menjadi tarikan kepada pelabur dalam memilih tabung yang akan menjadi pilihan mereka dalam membuat pelaburan.

Selain dari itu, pencapaian ASDI juga dipantau berdasarkan prestasi indeks iaitu indeks FBM Syariah Bursa Malaysia. Aras



indeks ini akan menentukan supaya pencapaian ASDI adalah seiring atau lebih baik dari pencapaian pasaran.

Pada tahun 2009 dan 2010, jumlah pulangan yang telah dicapai oleh ASDI ialah 23.16% dan 19.28%. Sementara itu pada tahun 2008, ketika dunia mengalami masalah ekonomi global, pencapaian ASDI, walaupun mengalami penurunan 31.64% adalah lebih baik dari penanda aras FBM Syariah yang merosot 41.34%.

Hasil dari usaha pencapaian pulangan ini, jumlah unit dalam edaran telah meningkat dari 376.4 juta pada tahun 2006 kepada 407.7 juta pada masa ini. Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk menentukan supaya pulangan ASDI yang sedia akan berterusan dan menjadi tarikan pelabur.

Syarikat pengurusan juga telah mengambil inisiatif menghendaki tenaga kerja mengambil kursus dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan kecekapan dan kemahiran tenaga kerja dalam mengurus dana yang diamanahkan. Kecekapan dan kemahiran inilah yang diharapkan akan dapat membuahkan prestasi dan pulangan yang lebih baik dari pasaran.

Pengurus juga akan terus meningkatkan kesedaran dikalangan pelabur untuk terus melabur di dalam instrument pelaburan Syariah seperti ASDI.

SOALAN 3 : Adakah anak kelahiran dari kalangan ibu bapa yang berasal dari Negeri Terengganu contohnya di hospital-hospital di Kota Bharu mahu pun Kuantan akan memperolehi keistimewaan sebagai anak yang dilahirkan dalam Negeri Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 09, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.12**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

- SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah pendapatan yang dikutip oleh Kerajaan Negeri dari penganjuran Sukan Pertandingan Kapal Layar Piala Monsun (Monsoon Cup) di Pulau Duyung, Kuala Terengganu mengikut tahun dari tahun 2008.
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah pungutan hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu mengikut tahun dari tahun 2008.
- JAWAPAN : Kerajaan Negeri tidak pernah memungut hasil dari Taman Tamadun Islam.
- SOALAN 3 : Senaraikan anak-anak syarikat dan subsidiari Kerajaan Negeri Terengganu yang telah ditutup dan dibubarkan dari tahun 2008 sehingga kini, serta nyatakan sebab-sebab penutupan dan pembubarannya.

JAWAPAN

:

<b>Bil</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Sebab Penutupan</b>
1.	Suterasemai Sdn. Bhd. ("SSB")	Syarikat mengalami kerugian yang berterusan.
2.	PTB Land Sdn. Bhd. ("PTBL")	Syarikat mengalami kerugian yang berterusan.
3.	Kenyir Outdoor Leadership Academy Sdn. Bhd. ("KOLA").	Syarikat mengalami kerugian yang berterusan.

SOALAN 4

:

Senaraikan nama pemilik, jumlah tanah dan keluasannya serta pampasan yang diberikan keatas tanah-tanah yang diambil balik oleh Kerajaan dalam pembinaan jalan dan jambatan Jeram Kampung Tok Kong ke Bukit Guntong, Kuala Terengganu.

JAWAPAN

:

DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5

:

Nyatakan jumlah penerima dan jumlah bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah dari tahun 2008 sehingga 2010.

JAWAPAN : Jumlah penerima dan jumlah bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah dari tahun 2008 sehingga 2010 adalah sebagaimana berikut :-

TAHUN 2008

<i>BIL</i>	<i>DAERAH</i>	<i>BIL PENERIMA</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
1.	<i>Kuala Terengganu</i>	425	212,500
2.	<i>Besut</i>	608	304,000
3.	<i>Kemaman</i>	43	21,500
4.	<i>Dungun</i>	199	99,500
5.	<i>Hulu Terengganu</i>	399	199,500
6.	<i>Marang</i>	235	117,500
7.	<i>Setiu</i>	319	159,500
<i>JUMLAH BESAR</i>		2,228	1,114,000

TAHUN 2009

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL PENERIMA</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	<i>Kuala Terengganu</i>	350	175,00
2.	<i>Besut</i>	752	376,00
3.	<i>Kemaman</i>	1,226	613,000
4.	<i>Dungun</i>	1,021	510,500
5.	<i>Hulu Terengganu</i>	729	364,500
6.	<i>Marang</i>	504	252,000
7.	<i>Setiu</i>	582	291,000
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>5,164</b>	<b>2,582,000</b>

TAHUN 2010 – 2011 (Banjir Disember 2010 & Januari 2011) – Peringkat Pertama

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL PENERIMA</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	<i>Kuala Terengganu</i>	-	-
2.	<i>Besut</i>	72	36,000
3.	<i>Kemaman</i>	559	279,500
4.	<i>Dungun</i>	43	21,500
5.	<i>Hulu Terengganu</i>	504	252,000
6.	<i>Marang</i>	5	2,500
7.	<i>Setiu</i>	255	127,500
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>1,438</b>	<b>719,000</b>

TAHUN 2011 (Banjir Mac & April 2011) – Peringkat Pertama

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL PENERIMA</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	<i>Kuala Terengganu</i>	120	60,000
2.	<i>Kemaman</i>	151	75,500
3.	<i>Dungun</i>	119	59,500
4.	<i>Hulu Terengganu</i>	36	18,000
5.	<i>Marang</i>	53	26,500
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>479</b>	<b>239,500</b>

**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**  
**PADA 9, 10, 11 DAN 12 MEI 2011**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.13**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH**  
**WAKIL BUKIT PAYUNG**

- SOALAN 1 : Berapakah bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan untuk PIBG di Dun Bukit Payong mengikut tahun 2009, 2010 dan Januari hingga April 2011?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Berkaitan dengan Pinjaman Yayasan Pembangunan Usahawan:
- 2.1. Berapakah jenis pinjaman yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan?
- 2.2. Berapakah jumlah pinjaman yang telah diluluskan bermula 2009 hingga April 2011 dengan mengikut DUN?
- 2.3. Berapa ramai para usahawan yang telah mendapat manfaat dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan?
- JAWAPAN : Berkaitan dengan Pinjaman Yayasan Pembangunan Usahawan:
- 2.1. Terdapat (4) jenis skim pinjaman yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan.



- 2.2. Jumlah pinjaman yang telah diluluskan bermula 2009 hingga April 2011 dengan mengikut DUN adalah sebagaimana berikut :

BIL.	DUN	JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN (RM)
1.	Wakaf Mempelam	158,000.00
2.	Batu Burok	126,000.00
3.	Bandar	58,000.00
4.	Ladang	60,000.00
5.	Teluk Pasu	51,000.00
6.	Seberang Takir	93,000.00
7.	Bukit Tunggal	42,500.00
8.	Tepoh	83,500.00
9.	Pengkalan Berangan	59,000.00
10.	Rhu Rendang	49,000.00
11.	Alur Limbat	177,000.00
12.	Bukit Payung	65,000.00
13.	Manir	105,000.00
14.	Kuala Berang	45,000.00
15.	Ajil	73,000.00
16.	Permaisuri	17,000.00
17.	Batu Rakit	54,000.00
18.	Jerteh	72,000.00
19.	Kota Putera	33,000.00
20.	Kuala Besut	35,000.00
21.	Hulu Besut	23,000.00
22.	Chukai	46,000.00
23.	Kemasik	60,000.00
24.	Paka	59,000.00
25.	Rantau Abang	25,000.00
26.	Sura	17,000.00

27.	Telemong	9,000.00
28.	Langkap	18,000.00
29.	Kijal	32,000.00
30.	Jabi	5,000.00
31.	Bukit Besi	10,000.00
32.	Air Putih	15,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,775,000.00</b>

2.3. Seramai 1,947 usahawan telah mendapat manfaat daripada skim pinjaman yang diluluskan.

SOALAN 3 : Nyatakan perancangan kerajaan untuk pembangunan Institut Al-Quran di Padang Midin?

JAWAPAN : Pada masa sekarang tiada cadangan untuk pembangunan tambahan Institut Al Quran (IQ) Terengganu.